

**PERANAN PERTUBUHAN SUKARELA WANITA  
DALAM PEMBANGUNAN WANITA DI SABAH,  
1963-2003**

**SITI AIDAH BINTI LUKIN @ LOKIN**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**PERANAN PERTUBUHAN SUKARELA  
WANITA DALAM PEMBANGUNAN WANITA  
DI SABAH, 1963-2003**

**SITI AIDAH BINTI LUKIN @ LOKIN**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR  
FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan pertubuhan sukarela wanita terhadap pembangunan wanita di Sabah dari tahun 1963 hingga tahun 2003. Pertubuhan sukarela wanita yang difokuskan dalam kajian ini pula ialah Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS), Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA), Sabah Women Action Resource Group/Kumpulan Daya Tindakan Wanita Sabah (SAWO) dan Sabah Women Entrepreneurs and Professional Association (SWEPA). Pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan sukarela wanita di Sabah melambangkan kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita bukan sahaja dalam kegiatan berpersatuan tetapi juga dalam bidang sosioekonomi. Melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita, kaum wanita daripada pelbagai latar belakang dapat bersatu tenaga dan buah fikiran dalam melaksanakan program pembangunan untuk wanita. Kajian ini cuba menelusuri sejarah dan perkembangan pertubuhan sukarela wanita yang menjadi subjek kajian dan meneliti kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Daripada kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita tersebut, peranan pertubuhan berkenaan terhadap pembangunan wanita dapat didedahkan dan dianalisis. Penelitian terhadap sumber-sumber daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela ini dan koleksi persendirian yang dimiliki oleh tokoh-tokoh wanita yang berkaitan dimanfaatkan dalam usaha pengumpulan data yang diperlukan dalam penyelidikan seiring dengan objektif kajian yang digariskan. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa pertubuhan sukarela wanita bukan setakat berperanan sebagai pencetus kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita dan kesedaran untuk meningkatkan status wanita di Sabah tetapi juga bertindak sebagai pendamping kerajaan dalam melaksanakan program-program pembangunan wanita di Sabah terutamanya dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Dapatan kajian ini juga membuka ruang untuk mengenalpasti isu-isu wanita yang boleh diketengahkan bagi membantu pihak

kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan untuk memberikan fokus kepada usaha pembangunan wanita di Sabah. Selain itu, dengan adanya kajian ini, diharapkan akan dapat mengetengahkan pengetahuan baharu dalam kajian wanita bagi mengisi kelompongan kajian wanita dalam sejarah Sabah khasnya dan sejarah wanita Malaysia amnya.

University Of Malaya

## **ABSTRACT**

This study aims to analyse the roles of voluntary women organisations towards the development of women in Sabah from 1963 to 2003. The organisations focused in this study include *Perkumpulan Perempuan Sabah* (PPS), *Pertubuhan Wanita Sabah* (PEWASA), Sabah Women Action Resource Group/*Kumpulan Daya Tindakan Wanita Sabah* (SAWO) and Sabah Women Entrepreneurs and Professional Association (SWEPA). The establishment and development of voluntary women organisations in Sabah symbolise the progress achieved by the feminine population not only in the organisational activities but also in the socioeconomic field. These organisations offer women folks from different backgrounds the much needed opportunities to synergise their physical efforts and mental capacities in implementing programmes that assist them to develop and progress in society. This study examines the historical aspects of these voluntary women organisations, their development, and their activities. The vital roles of these organisations in bringing progress among the women can be observed and analysed via these activities. In line with the objectives of this study, the rich resources of these organisations and valuable private collections of individual outstanding women contributors and achievers were tapped during data collection. The findings reveal that these organisations not only function to create awareness of the importance of organisational skills and raising the status of women in Sabah but also to enable the government to implement developmental programmes among the women, particularly in the fields of economics, education, and health. In addition, this study provides the platform to identify and highlight issues faced by the women so that the government and other related agencies may know how to focus their efforts in developing the feminine community in Sabah. It is hoped that the new knowledge in this study can be a beneficial contribution towards research on women in Sabah history in particular and Malaysian history in general.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi kesyukuran saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya saya telah berjaya menyelesaikan kajian dan menulis tesis ini. Kata-kata penghargaan ini saya tujukan terutamanya kepada penyelia saya Profesor Datuk Dr. Abdullah Zakaria Ghazali dan Dr. Arba'iyah Mohd. Noor atas tujuk ajar dan bimbingan yang penuh dedikasi ketika saya melaksanakan kajian ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan pengajian dan pemberian cuti belajar semasa saya mengikuti pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini.

Kata-kata penghargaan seterusnya saya tujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah, para pensyarah dan kakitangan Jabatan Sejarah dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya dan rakan-rakan sekerja di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung ketika saya melaksanakan kajian dan menghasilkan tesis ini. Kepada tokoh-tokoh wanita yang telah memberikan kerjasama dalam sesi temu bual bersama saya, saya ucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan.

Sejambak penghargaan juga saya tujukan kepada suami tercinta Encik Abdul Manaf Taliyor atas sokongan dan pengertian ketika saya menjalankan penyelidikan ini. Kepada adik beradik saya Napsiah, Haessah, Suarah dan Halimah, saya ucapkan terima kasih kerana galakan dan sokongan yang sentiasa diberikan sepanjang pengajian saya. Buat anak-anak tersayang Nur Irsalina, Nur Izzatul Irdina, Nur Farah Ain, Muhammad Aiman Shafiq dan Nur Fatin Athirah, terima kasih kerana memahami kesibukan saya dan sentiasa menjadi pendorong saya dalam menjayakan kajian ini.

## **ISI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Singkatan	xi
Senarai Lampiran	xii

### **BAB 1 : PENDAHULUAN**

Latar Belakang Kajian	1
Permasalahan Kajian	9
Objektif Kajian	12
Skop Kajian	12
Kepentingan Kajian	14
Ulasan Literatur	16
Kaedah Penyelidikan	30
Pembahagian Bab	31
Batasan Kajian	33

### **BAB 2 : LATAR BELAKANG KEGIATAN BERPERSATUAN WANITA DI SABAH**

Pengenalan	36
Latar Belakang Negeri Sabah	36
Penglibatan Awal Wanita Dalam Kegiatan Berpersatuan	44
Kegiatan Berpersatuan Wanita Era 1950-an hingga 1962	48
Pertumbuhan dan Perkembangan Pertubuhan Sukarela Wanita	54
Selepas Merdeka	
Kesimpulan	66

### **BAB 3 : PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SUKARELA WANITA**

Pengenalan	69
Organisasi Pertubuhan Sukarela Wanita	69
Objektif Pertubuhan Sukarela Wanita	70
Keanggotaan/keahlian Organisasi	76
Aspek Kepemimpinan	85
Struktur Pertubuhan Sukarela Wanita	91
Pembentukan Jawatankuasa Pusat/Tertinggi	91
Peningkatan Kesedaran Berpersatuan Dalam Kalangan Wanita	101
Isu-isu dan Cabaran Pertubuhan Sukarela Wanita	108
Kesimpulan	111

## **BAB 4: PERJUANGAN HAK DAN KEBAJIKAN WANITA**

Pengenalan	113
Isu-isu dan Masalah Hak serta Kebajikan Wanita	113
Program Literasi Undang-undang	116
Program Reformasi Undang-undang	122
Program Perkhidmatan Harian dan Bimbingan Kaunseling	129
Perlindungan Hak dan Kebajikan Wanita	132
Pengiktirafan Pencapaian dan Sumbangan Wanita	137
Kesimpulan	141

## **BAB 5 : PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN PELUANG EKONOMI WANITA**

Pengenalan	143
Isu-isu dan Cabaran Dalam Pembangunan Ekonomi Wanita	143
Program Peningkatan Kemahiran dan Ekonomi Wanita	148
Program Keusahawanan Wanita	161
Kesimpulan	171

## **BAB 6 : KESEDARAN DAN KEMAJUAN PENDIDIKAN WANITA**

Pengenalan	173
Isu-isu dan Cabaran Pendidikan Wanita di Sabah	173
Pendidikan Anak-anak Perempuan di Sabah Pada Zaman Pra Kolonial	175
Pendidikan Anak-anak Perempuan Pada Zaman Kolonial	178
Usaha Menangani Masalah Buta Huruf Dalam Kalangan Wanita Dewasa	187
Pendidikan Pengurusan Rumah Tangga dan Pembangunan Keluarga	193
Penganjuran Majlis-majlis Ilmu dan Bimbingan Kerjaya	197
Penyediaan Kemudahan-kemudahan Pendidikan	201
Kesimpulan	204

## **BAB 7 : PELESTARIAN KESIHATAN WANITA**

Pengenalan	206
Isu dan Cabaran Kesihatan Wanita & Keluarga di Sabah	206
Program Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Wanita	210
Pendidikan dan Kesedaran Tentang Penyakit Berjangkit dan Penyakit Kronik	219
Kutipan Derma untuk Tabung Pelbagai Jenis Penyakit dan Kanak-kanak Cacat	223
Penyediaan Kemudahan Kesihatan di Hospital	225
Kesimpulan	228

<b>BAB 8 : KESIMPULAN</b>	230
<b>RUJUKAN</b>	239
<b>LAMPIRAN</b>	251

University Of Malaya

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.1: Senarai Pertubuhan Wanita yang Berdaftar di Sabah Tahun 2000	64-65
Jadual 3.1: Bilangan Keahlian PEWASA Mengikut Cawangan dari Tahun 1991-1995	78-79
Jadual 3.2: Senarai Cawangan-cawangan PEWASA di Seluruh Sabah Pada Bulan Januari 2002.	81
Jadual 3.3: Senarai AJK Penaja Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS) Tahun 1968	86
Jadual 3.4: Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 1982/1985	95
Jadual 3.5: Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 1985/1987	95-96
Jadual 3.6: Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 2002	96
Jadual 3.7: Senarai Ahli Jawatankuasa PEWASA Cawangan Taman Merpati, Sandakan 1986-1988	97-98
Jadual 3.8: Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS(B) 2001-2003	99
Jadual 3.9: Senarai Ahli Jawatankuasa SAWO 1986	101
Jadual 3.10: Senarai Ahli Jawatankuasa SWEPA1996/97	101
Jadual 5.1: Bilangan Penduduk Wanita di Sabah yang Bekerja pada tahun 1991	147
Jadual 6.1: Sekolah Rendah Kerajaan yang dibuka sehingga bulan September 1950 (jumlah sekolah, pelajar dan guru)	184
Jadual 6.2: Perbandingan Jumlah Jenis Sekolah, Pelajar dan Guru Sehingga Bulan Disember 1950.	184
Jadual 6.3: Kedudukan Kenal Huruf dan Buta Huruf dalam Kalangan Penduduk Sabah 1960-1980	188
Jadual 7.1: Kadar Kelahiran Hidup, Kelahiran Mati dan Kematian Kanak-kanak dan Ibu Bersalin di Sabah 1982-1989	217

## **SENARAI SINGKATAN**

AGABA	Angkatan Gaya Baru
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AKRT	Akta Keganasan Rumah Tangga
Berjaya	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BNBCC	British North Borneo Chartered Company
HAWA	Urusetia Hal Ehwal Wanita
JAG	Joint Action Group Against Violence Against Women
JHEWA	Jabatan Hal Ehwal Wanita
KAN	Ketua Anak Negeri
KBUB	Kerajaan Borneo Utara British
KEMAS	Kemajuan Masyarakat
MPKAN	Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri
MPWS	Majlis Penasihat Wanita Sabah
NACIWID	National Advisory Council on the Integration of Women in Development
NCWO	National Council of Women's Organisations
NGO	Non Governmental Organisation
O.T	Orang Tua
PEWASA	Pertubuhan Wanita Sabah
PPS	Perkumpulan Perempuan Sabah
PPS(B)	Perkumpulan Perempuan Sabah (Baru)
PTB	Pentadbiran Tentera British
SAWO	Sabah Women Action Resource Group
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SWEPA	Sabah Women Entrepreneur Professional Association
UHWS	Unit Hal Ehwal Wanita Sabah
UMNO	United Malay National Organisation
UNKO	United National Kadazan Organisation
USNO	United Sabah National Organisation
WI	Women Institute
YUM	Yayasan Usaha Maju
YWCA	Young Women's Christian Association

## **SENARAI LAMPIRAN**

	<b>Halaman</b>
Lampiran 1: Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.9/1986	251-252
Lampiran 2: Gambar Kegiatan Kelas Kemahiran Jahitan PPS	253
Lampiran 3: Gambar Kegiatan Kelas Dewasa PEWASA	254
Lampiran 4: Gambar Perwakilan PPS menghadiri Seminar Anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat	255
Lampiran 5: PEWASA dianugerahkan Persatuan Wanita Cemerlang Negeri Sabah Tahun 2001	256
Lampiran 6: Soalan-soalan Temu Bual dengan Pemimpin Wanita Pertubuhan Sukarela Wanita.	257
Lampiran 7: Perayaan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah 1986	258
Lampiran 8: Perayaan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah 1987	259

## BAB 1 : PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

Penelitian terhadap sejarah pembangunan di Malaysia menunjukkan bahawa sumbangan kaum wanita terhadap pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan. Seiring dengan pembangunan negara, peranan dan kedudukan wanita di Malaysia juga mengalami banyak perubahan. Peranan kaum wanita yang dahulunya hanya terhad kepada dunia rumahtangga kini telah diperluaskan ke dunia awam.<sup>1</sup> Hal ini dapat disaksikan dengan bertambahnya penyertaan kaum wanita dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Sebelum kemerdekaan negara dicapai lagi, segelintir kaum wanita telah melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menjadi landasan kepada mereka kemudiannya untuk membentuk pertubuhan yang lebih memfokus kepada perjuangan wanita. Pertubuhan sukarela wanita dalam kajian ini merujuk kepada pertubuhan bukan kerajaan NGO (non-governmental organisation)<sup>2</sup> iaitu pertubuhan yang tidak ditubuhkan oleh kerajaan. Sifat pertubuhan ini sukarela dan mereka mengendalikan kegiatan-kegiatan yang dibenarkan oleh undang-undang negara. Secara umumnya terdapat empat ciri utama NGO iaitu bersifat sukarela, bukan kepartian, bukan bermatlamatkan keuntungan dan tidak menjalankan kegiatan jenayah.<sup>3</sup> Perjuangan wanita Malaysia menjadi lebih dinamik, terarah dan mempunyai kesan yang efektif melalui persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam tempoh lebih 50 tahun negara mencapai kemerdekaan.<sup>4</sup>

Pertubuhan sukarela wanita di Malaysia telah berkembang selaras dengan perkembangan negara. Aktiviti yang dijalankan juga telah mengalami perubahan secara

<sup>1</sup> Jamilah Ariffin, ‘Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Peranan Wanita Dari sudut Ekonomi dan Pendidikan’, dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (Penyunting), *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000, hlm.52.

<sup>2</sup> Istilah yang sering digunakan di Malaysia sama ada dalam Bahasa Melayu ataupun dalam bahasa Inggeris ialah NGO. Pada hari ini penggunaan istilah NGO merujuk kepada semua pertubuhan yang terdapat di Malaysia kecuali parti politik, kesatuan sekerja, freemason, koperasi, organisasi tentera, badan kerajaan, organisasi swasta serta beberapa pertubuhan kecil yang lain. Rohani Nordin, ‘Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan’, Laporan Penyelidikan, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 1999, hlm.26.

<sup>3</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006, hlm.xvii, Nik Safiah Karim & Makmor Tumin, ‘Pertubuhan Bukan Kerajaan: Pembangunan dan Implikasi Bagi Pembangunan’, dalam Jamilah Ariffin (Penyelaras), *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia Satu Kesinambungan*, Petaling Jaya: MPH Publishing Group Sdn.Bhd, 2010, hlm.113.

<sup>4</sup> *Wanita Malaysia Membela Maruah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2010, hlm.38.

berperingkat-peringkat, iaitu pada peringkat awal, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini hanya menjalankan aktiviti untuk memenuhi kehendak umum masyarakat sebelum tahun 1960-an seperti mengendalikan kelas-kelas pendidikan bagi menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita, mengadakan kelas-kelas urusan rumahtangga (masakan, sulaman, jahitan dan gubahan) dan kegiatan kebajikan serta keagamaan. Sejak akhir tahun 1960-an sehingga kini, aktiviti mereka telah diperluaskan di samping penerusan aktiviti kebajikan, sukan dan urusan rumahtangga. Terdapat aktiviti yang memberikan pendedahan kepada ahli-ahli tentang kegiatan-kegiatan pembangunan yang sebahagian besarnya dikendalikan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan contohnya penglibatan wanita dalam perniagaan secara kecil-kecilan.<sup>5</sup> Pendek kata, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ternyata telah memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan di negara ini. Antara sumbangannya adalah seperti memberikan perkhidmatan sukarela, menjadi saluran untuk menyuarakan pendapat, membantu kerajaan dalam melaksanakan sesuatu projek, menjalankan penyelidikan dan mempengaruhi pembuat dasar awam dalam merancang serta membuat keputusan berkaitan kepentingan kaum wanita.<sup>6</sup>

Pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini ditubuhkan dan berkembang sebagai kesan daripada pelbagai kesedaran sama ada pada peringkat antarabangsa maupun pada peringkat tempatan. Semangat kesukarelaan dan keperihatinan tokoh-tokoh wanita tertentu telah mendorong pertambahan dan perkembangan pertubuhan sukarela wanita di negara ini.<sup>7</sup> Pada peringkat antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan Tahun Wanita Antarabangsa<sup>8</sup> pada tahun 1975 dan telah

<sup>5</sup> Rohani Nordin, *Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Kerajaan Wanita Dalam Pembangunan*, hlm.165.

<sup>6</sup> Ibid.,hlm.169.

<sup>7</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak*, hlm.1.

<sup>8</sup> Tahun Wanita Antarabangsa diisytiharkan oleh PBB dengan tujuan untuk menarik perhatian dunia terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di seluruh dunia dalam kehidupan harian mereka. Pada amnya wanita di seluruh dunia pada masa itu tercicir dalam bidang pendidikan, kurang kemahiran dan berhadapan dengan masalah kemiskinan serta masalah pengangguran. PBB mahu menyedarkan semua pihak tentang betapa ruginya dunia kerana tidak menggunakan sepenuhnya potensi wanita yang merupakan 50 % daripada jumlah penduduk dunia.Oleh sebab itu satu perjumpaan besar-besaran telah diadakan di Mexico City dari 19 Jun hingga 2 Julai 1975 bagi menyusun rancangan dan tindakan untuk wanita di seluruh dunia. Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd., 1990, hlm.2.

menganjurkan Persidangan Wanita Sedunia Pertama di Mexico City pada tahun yang sama. Dalam persidangan tersebut, salah satu persetujuan yang telah dicapai adalah agar setiap negara anggota PBB yang belum mempunyai satu dasar khusus tentang wanita menggubal dasar wanita di negara masing-masing. Hal ini tergambar dalam dokumen *World Plan of Action* yang ada menyentuh aspek perundang-undangan tentang wanita di setiap negara anggota. Persetujuan bagi mewujudkan sebuah dasar khusus tentang wanita di setiap negara anggota PBB itu juga dicapai selaras dengan pengumuman jangka waktu 1976-1985 sebagai “Dekad Wanita”.<sup>9</sup>

Dekad Wanita ialah jangka masa sepuluh tahun dari tahun 1976 hingga ke tahun 1985 yang diisyiharkan oleh PBB sebagai waktu untuk memberi perhatian kepada kaum wanita, dengan tema: Persamaan Hak, Pembangunan dan Keamanan. Tujuan utama pengisytiharan Dekad Wanita itu adalah untuk mempengaruhi semua negara di dunia mengenai perlunya memberi nilai sewajarnya kepada peranan wanita dan perimustahaknya mempertingkatkan kedudukan kaum wanita dalam masyarakat. Justeru, negara-negara yang memperakui pengisytiharan ini hendaklah merancang dan melaksanakan Pelan Tindakan Wanita di peringkat daerah, negara dan antarabangsa untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut.<sup>10</sup> Dekad Wanita juga merupakan masa untuk menyusun tindakan pada peringkat kebangsaan, kewilayahana dan antarabangsa, selaras dengan cadangan-cadangan yang terkandung dalam Rancangan Tindakan dunia, yang diterima di Persidangan Tahun Wanita Antarabangsa di Mexico pada tahun 1975.<sup>11</sup>

“Dekad Wanita” telah membuka ruang yang luas kepada wanita daripada pelbagai komuniti di seluruh dunia untuk bertemu dalam persidangan-persidangan yang dianjurkan. Menerusi persidangan dan forum-forum yang dianjurkan pada peringkat antarabangsa itu telah memberi ruang kepada wanita daripada pelbagai negara, pelbagai anutan agama dan kepercayaan, pelbagai budaya, pelbagai kelas dan pelbagai latar

<sup>9</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak*, hlm.118.

<sup>10</sup> Jamilah Ariffin, ‘Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Peranan Wanita Dari sudut Ekonomi dan Pendidikan’, hlm.49-50.

<sup>11</sup> Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, hlm.3.

belakang kerjaya untuk menimba ilmu dan mempelajari pengalaman wanita di negara lain menguruskan pergerakan wanita serta menangani segala isu yang berkaitan dengan wanita di negara masing-masing.<sup>12</sup>

Pada peringkat ASEAN, persetujuan-persetujuan bagi mewujudkan sebuah dasar yang khusus tentang wanita juga dicapai melalui beberapa mesyuarat yang dianjurkan oleh ASEAN *Confederation of Women's Organizations* (ACWO), misalnya melalui mesyuarat agung pertama, kedua dan ketiganya, yang masing-masing diadakan di Jakarta dan Yogyakarta (1984), Kuala Lumpur (1986) dan Singapura (1988). Dalam mesyuarat di Kuala Lumpur misalnya, gesaan telah dibuat agar setiap negara anggota ASEAN menggubal dan mengisytiharkan dasar wanita masing-masing.<sup>13</sup>

Kerajaan Malaysia juga menyambut baik perkembangan kegiatan-kegiatan pertubuhan sukarela wanita dan peningkatan kesedaran dalam kalangan wanita umumnya. Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan susulan daripada persidangan peringkat antarabangsa mengenai wanita dengan pembangunan, dengan menubuahkan National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID) atau Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan pada 16 Julai 1976. Antara fungsi utama badan ini ialah untuk bertugas sebagai penyelaras, perunding dan penasihat kepada kerajaan dan di antara kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela serta badan-badan bukan kerajaan mengenai segala aspek wanita dalam pembangunan.<sup>14</sup> Urus setia NACIWID diletakkan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. NACIWID menjadi jentera kerajaan untuk memastikan penglibatan wanita dalam pembangunan.

Pada tahun 1983 pula, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urusetia NACIWID. Objektif HAWA adalah untuk membangun, memaju dan mengukuhkan kedudukan wanita dalam pelbagai sektor yang

<sup>12</sup> Antrobus, Peggy, *The Global Women's Movement Origins, Issues and Strategies*, London & New York: Zed Books, 2004, hlm.37.

<sup>13</sup> Makmor Tumin, Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak, hlm.119.

<sup>14</sup> Rancangan Tindakan 1981-1985 (NACIWID 001/83), Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), Kuala Lumpur: Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri, 1983, hlm.2.

dikenal pasti melalui perancangan, penyelarasan dan pemantauan program serta aktiviti-aktiviti tertentu secara cekap dan berkesan.<sup>15</sup> HAWA kemudiannya dinaikkan taraf menjadi Bahagian Hal Ehwal Wanita. Selepas penyusunan semula kementerian-kementerian pada 27 Oktober 1990, Bahagian Hal Ehwal Wanita telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Januari 1997 telah memutuskan bahawa Bahagian Hal Ehwal Wanita ini dinaik taraf sebagai sebuah Jabatan iaitu Jabatan Hal Ehwal Wanita. Pada 1 Julai 2001, Jabatan Hal Ehwal Wanita distruktur semula menjadi Jabatan Pembangunan Wanita. Bidang tugas utama Jabatan Pembangunan Wanita adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak wanita sebagai isteri, ibu dan pekerja serta undang-undang yang berkaitan dengan mereka. Jabatan ini juga bertindak sebagai orang tengah dalam pembangunan wanita negara misalnya menerusi penyaluran peruntukan kewangan dan skim bantuan khas kepada pertubuhan bukan kerajaan.<sup>16</sup>

Langkah-langkah lain juga diambil oleh institusi-institusi pendidikan bagi menerapkan kesedaran terhadap usaha pembangunan wanita khususnya kesedaran gender melalui kursus-kursus yang diajar beberapa tahun kemudian, yang diikuti dengan penubuhan rancangan-rancangan pengajian yang berkaitan dengan gender di beberapa buah universiti awam. Pada tahap awal tahun 1980-an inilah langkah-langkah untuk mengenalpasti isu-isu kewanitaan giat dijalankan oleh aktivis-aktivis wanita yang prihatin sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan, misalnya dengan menjalankan penyelidikan dan menganjurkan bengkel serta seminar. Isu-isu yang diketengahkan semakin meluas, mencakupi kebijakan rumah tangga, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, amalan diskriminasi, pengabaian dan keganasan ke atas wanita. Seterusnya, mulai penghujung dekad 1980-an dan dalam dekad 1990-an, isu-isu yang

<sup>15</sup> Mariah Hj. Mahmud, ‘Jentera Dan Mekanisme Untuk Kemajuan Wanita’, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Khas Wanita 2000, anjuran bersama NACIWID dan HAWA, 17-18 Ogos 2000, di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur, hlm.1-2.

<sup>16</sup> Mengangkat Martabat Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2010, hlm.55.

lebih kompleks seperti demokrasi, hak-hak asasi dan keadilan sejagat juga mendapat perhatian daripada beberapa orang pemimpin pertubuhan wanita berkenaan.<sup>17</sup>

Keperluan menggubal dasar tentang wanita semakin bertambah dengan meningkatnya kesedaran gender dalam kalangan beberapa kumpulan masyarakat. Melalui penyertaan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam persidangan-persidangan wanita sedunia anjuran PBB, seminar yang diadakan di dalam negeri, sambutan Hari Wanita peringkat antarabangsa pada tarikh 8 Mac dan pada peringkat nasional pada tarikh 25 Ogos setiap tahun serta dengan perkembangan teknologi maklumat, ramai pemimpin wanita dan penggiat sosial telah terdedah kepada kesedaran perbezaan-perbezaan gender berkenaan. Mulai awal tahun-tahun 1980-an, langkah-langkah pengenalpastian isu-isu gender semakin giat dilakukan khususnya melalui penyelidikan individu dan kumpulan yang prihatin terhadap isu gender berkenaan. Penemuan-penemuan penyelidikan berkenaan diketengah melalui pelbagai saluran seperti seminar, bengkel, pameran, media massa dan saluran-saluran lain. Dengan meningkatnya kesedaran gender berkenaan, maka pihak kerajaan khususnya NACIWID telah berusaha dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti National Council of Women's Organisations (NCWO) untuk menggubal sebuah dasar iaitu Dasar Wanita Negara (1989) bagi melibatkan penyertaan wanita dalam pembangunan negara secara terancang.<sup>18</sup> Perkembangan pada peringkat tempatan itu ternyata telah memperkembangkan lagi kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Malaysia.

Sehingga bulan Disember 2003, terdapat 248 Pertubuhan sukarela atau Non-Governmental Organisation (NGO) Wanita yang didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Dari tahun 1995-2002, negeri Sabah menduduki tempat kedua selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan bilangan pertubuhan wanita sebanyak 21 buah pertubuhan pada tahun 1995 dan 35 buah pertubuhan pada tahun

<sup>17</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak*, hlm.25.

<sup>18</sup> Ibid., hlm.122.

2002. Pada tahun 2003 pula, Sabah menduduki tempat ketiga dengan jumlah pertubuhan sukarela wanita sebanyak 37 buah pertubuhan berbanding 65 buah pertubuhan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 40 buah pertubuhan di Selangor.<sup>19</sup> Daripada data tersebut menunjukkan bahawa negeri Sabah setanding dengan negeri yang maju di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dari segi pertumbuhan pertubuhan wanita. Daripada rekod Jabatan Hal-Ehwal Wanita Sabah pada tahun 2000 pula menunjukkan terdapat 59 buah pertubuhan wanita yang berdaftar di Sabah.<sup>20</sup>

Daripada data-data tersebut, ternyata bahawa pertubuhan wanita di Sabah mempunyai sejarah dan perkembangannya yang tersendiri di samping peranannya terhadap pembangunan wanita di Sabah. Namun kurangnya kajian yang dibuat menyebabkan sumbangsih pertubuhan sukarela wanita di Sabah ini agak terpinggir. Sejarah perkembangan pertubuhan sukarela wanita di Sabah belum diterokai oleh mana-mana penyelidik sebelum ini. Oleh sebab itu penglibatan dan peranan wanita khususnya tokoh-tokoh wanita Sabah menerusi pertubuhan sukarela wanita itu tidak diketengahkan dalam mana-mana kajian ilmiah. Justeru, terdapat ruang kosong yang mesti diisi dalam kajian sejarah di Sabah dengan memaparkan perkembangan pertubuhan sukarela wanita sejak mula kesedaran berpersatu dalam kalangan wanita Sabah dikesan sehingga muncul dan berkembangnya pertubuhan sukarela wanita yang memainkan peranan dalam pembangunan wanita dan masyarakat di Sabah dari tahun 1963 sehingga tahun 2003.

Pembangunan adalah agenda dan matlamat penting setiap negara yang mahukan kemakmuran, kesejahteraan dan kualiti hidup yang baik bagi masyarakat. Pembangunan sering dikaitkan dengan pertumbuhan, khususnya pertumbuhan ekonomi kerana

---

<sup>19</sup> Ibid., hlm.2.

<sup>20</sup> Pertubuhan-pertubuhan tersebut dapat dibahagikan berdasarkan kategori pertubuhan sukarela atau kebajikan, pertubuhan beruniform dan pertubuhan wanita Kesatuan Sekerja. Untuk maklumat lebih lanjut sila rujuk Jadual 2.1: Senarai Pertubuhan Wanita yang Berdaftar di Sabah Tahun 2000 di bab kedua kajian ini.

pertumbuhan itu disifatkan dapat menjana perubahan dalam bidang yang lain. Pertumbuhan dan perubahan dianggap sebagai indikator yang menunjukkan telah berlakunya pembangunan. Walau bagaimanapun, pembangunan itu bukan semata-mata berpusat kepada komponen ekonomi tetapi juga yang merangkumi pengekalan dan kelestarian kehidupan dari segi penyediaan keperluan asas, harga diri manusia, termasuk kendiri mereka, berhak untuk bebas daripada sebarang bentuk penindasan serta berhak untuk membuat keputusan tentang penilaian dan pilihan sendiri berkenaan keperluan dan kualiti hidup mereka.<sup>21</sup>

Proses pembangunan akan memberi impak yang berbeza kepada golongan wanita. Kesan yang berbeza itu bergantung kepada apakah kedudukan dan peranan wanita berkenaan dalam sektor-sektor tertentu? Kaum wanita berbeza berdasarkan kedudukan mereka mengikut kelas sosial, status ekonomi dan politik, umur dan generasi, tempat tinggal dan lain-lain lagi. Sebahagian besar perbezaan juga bergantung kepada cara bagaimana wanita berkenaan sama ada secara individu atau berkumpulan memanfaatkan sebaik mungkin peluang-peluang yang timbul daripada proses pembangunan.<sup>22</sup> Dalam konteks negeri Sabah, perbezaan status wanita berdasarkan tempat tinggal sama ada di bandar atau di luar bandar, perbezaan dari segi taraf pendidikan dan status ekonomi merupakan antara cabaran dalam usaha mengintegrasikan kaum wanita dalam proses pembangunan. Justeru, dalam kajian ini peranan pertubuhan sukarela wanita dalam pembangunan wanita di Sabah juga dilihat berdasarkan bagaimana kesan positif daripada proses pembangunan dimanfaatkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita untuk membangunkan wanita.

<sup>21</sup> Junainah Sulehan & Nor Azizan Idris, Masyarakat Peubah dan Pembangunan (Bab 1) dalam Junainah Sulehan et. al (Penyunting), *Masyarakat Perubahan dan Pembangunan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005, hlm.23.

<sup>22</sup> Jamilah Ariffin, Tinjauan dan Rumusan dalam Jamilah Ariffin (Penyelaras), *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia Satu Kesinambungan*, hlm.420.

## **Permasalahan Kajian**

Pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkembang pesat di negara ini dan berperanan membantu kerajaan dalam pelaksanaan program-program pembangunan wanita dan masyarakat. Pertumbuhan pertubuhan sukarela wanita juga melambangkan proses kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita kerana melalui persatuan, mereka dapat menyatukan tenaga, berkongsi buah fikiran dan menyuntik semangat perjuangan secara kolektif untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh pertubuhan masing-masing. Tidak dapat dinafikan bahawa wanita Malaysia menikmati banyak faedah dan pelbagai nikmat pembangunan hasil daripada perjuangan dan peranan yang dimainkan oleh pertubuhan berkenaan yang menjadi penggerak perubahan dan kemajuan wanita.<sup>23</sup> Era 1980-an, 1990-an dan awal abad ke-21, menyaksikan perubahan yang besar dalam lanskap kehidupan wanita dan masyarakat. Isu-isu yang berkaitan dengan penjagaan hak dan kebijakan wanita, pembelaan terhadap ketidakadilan gender, eksplorasi dan keganasan terhadap wanita sering dikumandangkan oleh pergerakan wanita di seluruh dunia.

Perkembangan pada peringkat global itu juga membawa impak kepada perkembangan pertubuhan sukarela wanita tempatan yang menggerakkan kumpulan aktivis wanita untuk terus berjuang membela hak dan kebijakan wanita menerusi tuntutan reformasi undang-undang yang lebih adil kepada wanita dan mengadakan jaringan kerja dengan badan-badan kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan suasana kehidupan yang lebih baik di rumah, di tempat kerja dan dalam komuniti mereka dinikmati oleh kaum wanita di Malaysia. Walau bagaimanapun pemaparan tentang peranan pertubuhan sukarela wanita dan tokoh-tokoh wanita yang memperjuangkan isu-isu serta kepentingan wanita di negara ini lebih berfokus kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang terdapat di Semenanjung

---

<sup>23</sup> Wanita Malaysia Membela Maruah, hlm.58.

Malaysia seperti NCWO. Sejarah perkembangan dan peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang terdapat di Sabah kurang diketengahkan dalam mana-mana kajian sebelum ini. Permasalahan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan peranan pertubuhan sukarela wanita di Sabah iaitu tentang sejauh mana pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang terpilih telah berperanan dalam memajukan status dan kedudukan wanita di Sabah.

Sebelum wujudnya Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) pada tahun 1988, Unit Hal Ehwal Wanita Sabah (UHWS) pada tahun yang sama dan kemudiannya dinaik taraf kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWS) pada tahun 2003, dan sebelum Dasar Wanita Negara dilancarkan pada tahun 1989, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita telah pun memainkan peranan penting dalam menggerakkan kegiatan-kegiatan yang melibatkan usaha pembangunan wanita di Sabah. Wanita-wanita di Sabah menyalurkan peranan kemasyarakatan mereka melalui 75 buah pertubuhan bukan kerajaan baik yang berbentuk sosial, ekonomi, profesional mahupun politik.<sup>24</sup> Kebanyakan pertubuhan sukarela wanita di Sabah dipimpin oleh tokoh-tokoh wanita yang mempunyai kedudukan sosial yang tinggi dalam masyarakat dan faktor ini membolehkan pertubuhan-pertubuhan tersebut mengadakan jaringan kerja yang lebih luas dan berpengaruh. Terbinanya Wisma Wanita di samping bangunan-bangunan sendiri pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang ada menjadi mercu tanda kewujudan pertubuhan wanita di Sabah. Kepemimpinan wanita Sabah juga kini semakin menonjol sama ada pada peringkat negeri Sabah mahupun pada peringkat persekutuan. Malah desakan daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang ada pada era 1980-an itu menjadi asas kepada keputusan kabinet negeri Sabah untuk menujuhkan MPWS, UHWS dan JHEWS.

---

<sup>24</sup> Mat Zin Mat Kib, ‘Penyertaan dan Peranan Wanita dalam Pentadbiran Pembangunan di Sabah’ dalam Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani (Editor) *Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2012, hlm.85.

Daripada isu peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah yang kurang diketengahkan atau kurang diberi perhatian dalam mana-mana kajian sebelum ini tentang pertubuhan sukarela wanita di Malaysia itu, timbul persoalan kajian yang menarik untuk dirungkaikan khususnya tentang bagaimanakah pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah memainkan peranan dalam proses pembangunan wanita di Sabah? Dalam konteks negeri Sabah yang berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran khususnya dari segi pembangunan ekonomi yang tidak seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar, kemunduran dari segi infrastruktur dan masalah kemiskinan terutamanya di kawasan luar bandar. Daripada halangan dan cabaran-cabaran tersebut, sudah pasti perjuangan wanita menerusi pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini amat memerlukan komitmen yang tinggi dan pengorbanan yang tidak dapat dinilai dengan nilai material. Oleh itu, bagaimanakah pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita memainkan peranan dalam proses pembangunan wanita di Sabah cuba diteliti menerusi kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan berkenaan khususnya dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan wanita. Di samping itu, persoalan lain yang ingin dilihat ialah apakah kegiatan-kegiatan yang difokuskan oleh empat buah pertubuhan sukarela wanita di Sabah yang terpilih dalam kajian ini? Seterusnya bagaimanakah kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita tersebut membantu meningkatkan status wanita dan membawa pembangunan kepada wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mencapai empat objektif penting. Pertama, untuk meninjau sejarah dan perkembangan pertubuhan sukarela wanita di Sabah khususnya tentang empat buah pertubuhan sukarela wanita yang menjadi subjek kajian. Objektif kajian

yang kedua adalah untuk mengenal pasti kegiatan-kegiatan pertubuhan sukarela wanita berkenaan dalam proses pembangunan dan peningkatan status wanita di Sabah. Objektif ketiga pula adalah untuk meneliti faktor-faktor yang membolehkan pertubuhan-pertubuhan terpilih berperanan dengan berkesan. Manakala objektif yang terakhir adalah untuk menganalisis peranan pertubuhan sukarela wanita terhadap pembangunan wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

### **Skop Kajian**

Jangka masa kajian ialah dari tahun 1963 sehingga tahun 2003. Jangka masa ini meliputi zaman selepas kemerdekaan Sabah dicapai dan setelah Malaysia ditubuhkan, zaman pemerintahan kerajaan USNO, kerajaan BERJAYA, kerajaan PBS sehingga lagi pada era pemerintahan kerajaan UMNO (Barisan Nasional) di Sabah. Tahun 2003 pula merupakan tahun penubuhan Jabatan Hal-Ehwal Wanita di Sabah. Dengan adanya Jabatan Hal-Ehwal Wanita, jabatan ini menjadi penaung kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Justeru peranan persatuan sukarela wanita sebagai pertubuhan yang diamanahkan oleh kerajaan negeri Sabah untuk merancang dan melaksanakan program untuk kepentingan wanita mula diambil alih oleh JHEWS. Namun begitu, tidaklah bermakna kegiatan pertubuhan sukarela wanita terhenti tetapi sebaliknya kerjasama daripada pertubuhan sukarela wanita ini masih diperlukan oleh JHEWS dalam menjayakan program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Selain itu, dengan adanya JHEWS, pertubuhan sukarela wanita juga lebih banyak masa untuk memfokuskan kepada pengurusan dalaman dan kegiatan pertubuhan mereka sendiri.

Lokasi kajian pula ialah di kawasan Kota Kinabalu, di mana pusat kegiatan pertubuhan wanita bermula dan bergiat aktif. Di samping itu, kajian juga diadakan di daerah lain seperti Sandakan dan Tawau, di mana adanya cawangan pertubuhan

sukarela wanita yang bergiat aktif. Manakala pertubuhan sukarela wanita yang dikaji pula ialah pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang ditubuhkan dan diuruskan secara sukarela oleh para pemimpin, ahli jawatan kuasa dan ahli-ahlinya, pertubuhan secara sukarela yang rentas etnik, agama dan politik, serta pertubuhan secara sukarela wanita yang tidak terikat kepada perkhidmatan awam dan bukan sayap wanita parti politik atau persatuan isteri-isteri menteri dan timbalan menteri di Sabah.

Kajian ini hanya memfokuskan empat buah pertubuhan sukarela wanita yang anggota atau ahli-ahlinya terdiri daripada kaum wanita sahaja. Pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS), Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA), Kumpulan Daya Tindakan Wanita Sabah atau Sabah Women Action Resource (SAWO) dan Sabah Women Entrepreneurs and Professional Association (SWEPA). Batasan ini dilakukan atas kesedaran tentang kekangan dari segi masa kerana jangka masa yang panjang diperlukan jika penyelidikan melibatkan semua pertubuhan sukarela wanita yang ada di Sabah. Pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini menepati ciri-ciri yang ditetapkan dalam skop kajian iaitu ditubuh dan diuruskan secara sukarela oleh para pemimpin, ahli jawatan kuasa dan ahli-ahlinya, pertubuhan secara sukarela yang rentas etnik, agama dan politik, serta pertubuhan secara sukarela wanita yang tidak terikat kepada perkhidmatan awam, bukan sayap wanita parti politik dan bukan juga sayap wanita pertubuhan-pertubuhan lain yang dianggotai juga oleh kaum lelaki.

Selain itu, struktur dan aktiviti pertubuhan berkenaan tidak terbatas pada peringkat daerah dan boleh mewakili kaum wanita di seluruh Sabah. PEWASA misalnya, walaupun ibu pejabatnya di Kota Kinabalu, tetapi pertubuhan ini juga mempunyai cawangan di setiap daerah yang terdapat di seluruh Sabah. SWEPA pula mempunyai cawangan di daerah Tawau dan Sandakan. Meskipun SAWO tidak membuka cawangan di daerah lain, namun aktiviti yang dijalankan diperluaskan merentasi sempadan daerah-daerah di negeri Sabah. Pertubuhan-pertubuhan itu juga

merupakan pertubuhan sukarela wanita yang agak aktif sehingga mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Negeri Sabah melalui penganugerahan sebagai Persatuan Wanita Cemerlang pada sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah. PEWASA menerima anugerah ini pada tahun 2001, SWEPA pada tahun 2004 dan SAWO pula pada tahun 2009

### **Kepentingan Kajian**

Kajian wanita merupakan suatu hal yang penting dalam proses pembangunan negara. Namun di Malaysia, kajian sejarah wanita agak terpinggir jika dibandingkan dengan kajian wanita Malaysia dalam bidang sosiologi, ekonomi maupun sains politik.<sup>25</sup> Keadaan ini disebabkan beberapa faktor seperti tradisi penulisan sejarah lebih banyak tertumpu kepada politik dan pentadbiran, sosioekonomi dan kajian tokoh yang banyak memaparkan peranan kaum lelaki. Selain itu terdapat juga halangan atau masalah sumber kerana rekod-rekod kerajaan kolonial tidak banyak memberi tumpuan kepada aspek-aspek wanita. Oleh sebab itu amat sukar untuk menghasilkan sejarah wanita. Namun kesukaran dari segi sumber tidak bermakna golongan wanita hidup tanpa sejarah. Kebangkitan isu wanita telah membawa satu pembaharuan kepada bidang pensejarahan kerana pada masa kini pendekatan gender dianggap mempunyai potensi yang luas dan tidak boleh dikesampingkan dalam kajian sejarah wanita.<sup>26</sup> Sumber-sumber yang ada dapat memberi maklumat dan kefahaman yang baharu manakala sumber yang baharu akan dapat dikesan apabila ada perspektif yang baharu difokuskan dalam sesuatu kajian.

Kajian sejarah wanita di Sabah agak terpinggir dan mencabar disebabkan kesukaran dari segi sumber. Aspek pensejarahan mengenai Sabah juga masih belum

<sup>25</sup> Tan Liok Ee, Wanita dan Penulisan Sejarah: Batasan dan Potensi Perspektif Gender dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (Penyelenggara), *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm.100.

<sup>26</sup> Mahani Musa, ‘Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940’, tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003, hlm.3.

cukup luas. Setakat ini aspek penelitian yang popular mengenai sejarah negeri Sabah ialah tentang perkembangan pentadbiran dan politik, kajian sosioekonomi dan kebudayaan masyarakat termasuk etnografi dan isu imigran. Penelitian terhadap sejarah wanita di Sabah akan meluaskan lagi aspek pensejarahan mengenai Sabah kerana kaum wanita juga mempunyai sejarahnya sendiri yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan dan pembangunan negeri Sabah. Salah satu aspek sejarah wanita yang perlu diketengahkan ialah dari segi pertumbuhan kesedaran berpersatuan dalam kalangan kaum wanitanya yang lebih menonjol selepas kemerdekaan dicapai iaitu sebagai kesan daripada usaha pembangunan sosial khususnya dalam bidang pendidikan.

Kajian ini dilaksanakan bagi memastikan sumber-sumber yang berkaitan dengan pertubuhan sukarela wanita terutamanya rekod-rekod pertubuhan sukarela wanita, sumber-sumber yang dimiliki secara persendirian oleh tokoh-tokoh wanita atau sumber daripada keterangan lisan tidak akan terabai begitu sahaja dan akhirnya akan hilang daripada arus sejarah. Oleh itu, kajian ini sangat penting bagi mendokumentasikan sejarah perkembangan pertubuhan sukarela wanita Sabah dan peranannya dalam proses pembangunan wanita di Sabah serta bagi mengisi kelompongan kajian wanita dalam sejarah Sabah khasnya dan sejarah wanita Malaysia amnya. Di samping itu dapatan kajian ini juga membuka ruang untuk mengenal pasti aspek cabaran yang dihadapi oleh wanita dan soal kemunduran wanita yang boleh diketengahkan bagi membantu pihak kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan untuk memberikan fokus kepada usaha pembangunan wanita di Sabah.

## **Ulasan Literatur**

Gerakan wanita dan penubuhan pertubuhan sukarela wanita di kebanyakan negara Asia melalui sejarah yang tersendiri berlatarbelakangkan sistem sosial, agama dan kepercayaan, politik dan ekonomi negara masing-masing. Perkembangan yang berlaku

dalam gerakan wanita seiring dengan perkembangan dan perubahan semasa yang berlaku di negara-negara yang terbabit. Kebanyakan pertubuhan sukarela wanita dan aktivis wanita memainkan peranan dalam usaha meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu yang dihadapi oleh wanita di samping usaha untuk mempengaruhi pembuat dasar khususnya pihak kerajaan agar lebih prihatin terhadap isu-isu wanita dalam merancang dan melaksanakan dasar-dasar untuk wanita.<sup>27</sup> Selain itu kebanyakan pertubuhan wanita juga menyediakan sokongan kepada wanita yang menjadi mangsa keganasan terhadap wanita. Peranan pertubuhan wanita menjadi lebih kritikal terutamanya dalam negara yang miskin dan dalam komuniti yang sumber kerajaan agak kurang dalam mencegah keganasan terhadap wanita.<sup>28</sup> Kebanyakan wanita di negara miskin dan kurang membangun berhadapan dengan pelbagai masalah selain kemiskinan seperti wanita berhenti sekolah lebih awal, perkahwinan dalam usia muda, pasangan dalam perkahwinan yang ditentukan oleh keluarga, kurang pendedahan tentang kesihatan reproduksi dan menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Namun kebanyakan wanita mangsa keganasan rumah tangga terus menderita secara senyap akibat halangan-halangan dalam komuniti seperti amalan budaya dan pemikiran agama yang konservatif. Oleh sebab itu peranan pertubuhan wanita di Asia sama ada di Asia Selatan atau di Asia Tenggara dilaksanakan dalam pelbagai bentuk dan berjalan seiringan. Usaha mengurangkan kemiskinan dalam kalangan wanita menjadi agenda awal pertubuhan wanita kerana perubahan dari segi taraf ekonomi wanita akan mendorong perubahan dalam aspek yang lain seperti bidang sosial.

Di negara India misalnya, pertubuhan sukarela wanitanya telah memainkan peranan penting dalam program-program pembangunan wanita terutamanya sejak

<sup>27</sup> Dina Afrianty , *Women in Sharia Law in Northern Indonesia Local Women's NGO's and the Reform of Islamic Law in Aceh*, London & New York: Routhledge, 2015, hlm.18.

<sup>28</sup> Linda Rae Bennett and Lenore Mandeson, 'Introduction: gender inequality and technologies of violence' in Lenore Mandeson and Linda Bennett (Editor), *Violence Against Women in Asian Societies*, New York: Routhledge, 2003, hlm.2.

negara berkenaan mencapai kemerdekaan pada tahun 1947.<sup>29</sup> Sejak pertengahan tahun 1980-an, peranan pertubuhan sukarela wanita di India menjadi semakin penting dalam program-program pembangunan wanita di kawasan bandar dan luar bandar. Pada peringkat tempatan program pertubuhan sukarela wanita difokuskan kepada usaha membantu kumpulan sasaran khususnya wanita miskin di kawasan luar bandar membantu diri sendiri atau berdikari untuk memperolehi pendapatan sendiri. Dalam melaksanakan program-program pembangunan untuk wanita, pertubuhan sukarela wanita di India juga berhadapan dengan cabaran yang berkaitan dengan keberkesanan kaedah yang mereka gunakan dalam program-program yang dilaksanakan untuk memperbaiki taraf sosioekonomi wanita khususnya dalam kalangan penduduk yang miskin. Walau bagaimanapun, penglibatan secara berterusan pertubuhan sukarela wanita dalam program-program pembangunan menyebabkan wujud kerjasama antara pertubuhan ini dengan kebanyakan agensi kerajaan yang terlibat dalam menjayakan program-program pembangunan wanita di India. Pada tahun 1990-an pula, fokus program pembangunan wanita lebih terarah kepada usaha meningkatkan pendapatan keluarga wanita, program tabungan wanita untuk keperluan keluarga mereka di samping usaha meningkatkan taraf kesihatan dan pendidikan wanita.<sup>30</sup>

Pengalaman pertubuhan sukarela wanita di Bangladesh dan Pakistan pula menunjukkan bagaimana pertubuhan sukarela wanita berjuang untuk melibatkan wanita dalam proses pembangunan dan sebagai pembuat keputusan dalam bidang politik. Di Bangladesh, Meskipun terdapat wanita yang berpeluang terlibat dalam bidang politik namun kewujudan kuota wakil wanita menyebabkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam bidang politik ini agak terbatas. Kewujudan perwakilan wanita dalam bidang politik sahaja tidak akan mengubah nasib wanita secara umum tanpa ada usaha untuk memperkasakan wanita dalam bidang sosioekonomi dan

<sup>29</sup> Kilby, Patrick, *NGO's In India: The Challenges of Women's Empowerment and Accountability*, London & New York, 2010, hlm.1.

<sup>30</sup> Ibid., hlm.2.

politik.<sup>31</sup> Oleh sebab itu pertubuhan sukarela wanita di Bangladesh menuntut kesamaan dari segi peluang dalam bidang politik dan usaha-usaha untuk memperkasakan wanita dalam bidang sosioekonomi. Di Pakistan pula, kebanyakan pertubuhan sukarela wanita berperanan penting dalam memperjuangkan isu-isu dan hak wanita. Kumpulan sasaran pertubuhan sukarela wanita ialah wanita daripada kalangan penduduk miskin di kawasan luar bandar yang bergelut dengan isu kemiskinan, kekurangan kemudahan asas dan isu-isu pembangunan ekonomi. Selain itu pertubuhan sukarela wanita juga menjadi aktor penting yang memperjuangkan isu-isu kesamaan gender. Misalnya, Aurat Foundation (Yayasan Aurat) yang ditubuhkan pada tahun 1986 merupakan pertubuhan wanita yang terkenal di Pakistan dalam memperjuangkan hak-hak wanita terutamanya dalam bidang politik.<sup>32</sup> Pertubuhan ini giat berkempen untuk melibatkan wanita dalam bidang politik. Bagi mencapai matlamat tersebut, Aurat Foundation menubuahkan Information Network Centre (Pusat Jaringan Maklumat) di 92 buah daerah di Pakistan. Wanita terpelajar ditempatkan di setiap pusat ini sebagai penyelaras yang menyediakan pelbagai sumber maklumat untuk rujukan kaum wanita tentang hal ehwal wanita dalam negara dan peringkat antarabangsa. Pusat ini juga menjadi medium yang menghubungkan pihak kerajaan tempatan dengan pertubuhan-pertubuhan wanita di daerah berkenaan.<sup>33</sup>

Peranan golongan wanita yang mempunyai pendidikan tinggi juga begitu penting dalam gerakan wanita di Aceh, Indonesia. Di Aceh, pelaksanaan Undang-undang Syariah pada tahun 1999 telah membangkitkan kesedaran pertubuhan-pertubuhan wanitanya untuk memfokuskan kepada perbincangan tentang undang-undang tersebut secara teliti. Mereka bukanlah menolak secara total pelaksanaan undang-undang Islam di Aceh tetapi mempersoalkan fahaman konservatif dan salah tafsiran terhadap undang-undang Islam oleh pihak pemerintah dan elit agama yang

<sup>31</sup> Pranab Panday, *Women's Empowerment in South Asia: NGO Intervention And Agency Building in Bangladesh*, New York :Routhledge, 2016, hlm.1-4.

<sup>32</sup> Afshan Jafar, *Women NGO's in Pakistan*, United State of America: Palgrave MacMillan, 2011,hlm.75.

<sup>33</sup> Ibid., hlm.76.

menyebabkan berlakunya penyalahgunaan dalam pelaksanaan undang-undang tersebut.<sup>34</sup> Oleh sebab itu keperluan untuk membuat tafsiran dan interpretasi yang tepat selari dengan undang-undang Islam yang sebenar menjadi isu yang difokuskan oleh pertubuhan sukarela wanita di Aceh. Pertubuhan sukarela wanita dan aktivis wanita di Aceh juga berperanan dalam mempengaruhi pembuat dasar awam, meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu wanita seperti penglibatan wanita dalam politik dan isu-isu wanita yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang Syariah di Aceh.<sup>35</sup> Usaha-usaha tersebut bertujuan untuk memastikan hak dan kepentingan wanita tidak diabaikan dan tidak ada diskriminasi dalam pelaksanaan undang-undang berkenaan. Daripada pengalaman gerakan wanita dan pertubuhan sukarela wanita di beberapa buah negara Asia ini, menunjukkan bahawa peranan pertubuhan sukarela wanita dan keperluan untuk mewujudkan dasar khusus tentang wanita dipengaruhi oleh perkembangan serta suasana yang melatari isu-isu wanita di negara berkenaan.

Kajian-kajian yang lepas tentang pertubuhan wanita di Malaysia pula telah dilakukan oleh para penyelidik sama ada yang berdasarkan penyelidikan secara mendalam dan menyeluruh mahupun penghasilan makalah yang berupa bab dalam buku sebagai lanjutan daripada kertas kerja yang dibentangkan dalam pelbagai persidangan wanita peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengkaji seperti Sukarziah Sulaiman<sup>36</sup> dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk *Analisis Pertubuhan-pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia (1976-1980): Satu kajian ke atas 56 buah Pertubuhan Wanita Malaysia*, Nik Safiah Karim<sup>37</sup> dalam bukunya *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Rohani Nordin<sup>38</sup> dalam laporan penyelidikan yang bertajuk *Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam*

<sup>34</sup> Dina Afrianty , *Women in Sharia Law in Northern Indonesia Local Women's NGO's and the Reform of Islamic Law in Aceh*, hlm.80.

<sup>35</sup>Ibid., hlm. 18.

<sup>36</sup> Sukarziah Sulaiman, ‘Analisis Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia (1976-1980): Satu Kajian ke atas 56 buah Pertubuhan Wanita Malaysia’, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982/83.

<sup>37</sup> Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur:’K’ Publishing & Distributors Sdn. Bhd.1990.

<sup>38</sup> Rohani Nordin, ‘Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam Pembangunan’, Laporan Penyelidikan, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

Pembangunan dan Makmor Tumin<sup>39</sup> dalam tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan bukunya yang berjudul *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* telah menjalankan penyelidikan yang agak mendalam terhadap pertubuhan sukarela wanita di Malaysia. Kajian Cecilia Ng, Maznah Ghani dan Tan Beng Hui<sup>40</sup> dalam buku yang bertajuk *Feminisme and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution* juga telah mengetengahkan pelbagai usaha pertubuhan wanita di Malaysia dalam memperjuangkan hak dan kepentingan wanita di negara ini.

Sukarziah Sulaiman telah mengkaji 56 buah pertubuhan sukarela wanita dan badan wanita melalui agensi kerajaan yang telah dikumpulkan oleh National Advisory Council for the Integration of Women in Development (NACIWID) atau Majlis Kebangsaan Tentang Integrasi Wanita dalam Pembangunan. Kajian ini telah merumuskan bahawa pertubuhan-pertubuhan yang dikaji telah mewakili keseluruhan pertubuhan wanita di Malaysia. Kajian tersebut juga telah menganalisis aktiviti-aktiviti pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia khasnya dalam konteks untuk melihat dan meneliti pencapaian matlamat sesebuah pertubuhan wanita. Daripada 40 buah pertubuhan sukarela wanita dan 16 buah badan wanita melalui agensi kerajaan, majoriti pertubuhan ini telah mencapai matlamatnya. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan memberikan manfaat dan sangat dirasai oleh semua golongan wanita baik di kawasan bandar apatah lagi di luar bandar. Dalam kajian Sukarziah ada menyentuh dua buah pertubuhan sukarela wanita yang terdapat di Sabah iaitu Pertubuhan Wanita Sabah dan Perkumpulan Guru-guru Wanita Sabah. Walau bagaimanapun perbincangan terhadap aktiviti dan pencapaian kedua-dua pertubuhan ini agak ringkas. Hal ini disebabkan

<sup>39</sup> Makmor Tumin, ‘NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)’, Tesis Ph.D, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004 dan Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.

<sup>40</sup> Cecilia Ng, Maznah Mohamad and Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*, London & New York: Routhledge, 2006.

kajian beliau tidak memfokus secara khusus terhadap kedua-dua pertubuhan tersebut dan hanya bergantung kepada data-data yang dikumpulkan oleh NACIWID, justeru perincian terhadap pertubuhan wanita di Sabah tidak dapat dijalankan secara mendalam.

Nik Safiah Karim menerusi bukunya *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran* menghuraikan perubahan dan perkembangan yang dilalui oleh kaum wanita di Malaysia sebagai kesan daripada perkembangan yang berlaku pada peringkat antarabangsa dan juga perkembangan dalam negara sendiri seiring dengan kemajuan yang dicapai dalam pelbagai bidang khususnya pendidikan, ekonomi dan sosial. Dekad 80-an merupakan kerangka waktu yang penting bagi kaum wanita Malaysia khasnya, dan di seluruh dunia amnya. Pengisytiharan Tahun Wanita Antarabangsa pada tahun 1975 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan penetapan Dekad Wanita Antarabangsa (1975-1985) membuka lembaran baharu dalam kehidupan kaum wanita kerana Rancangan Tindakan Dunia memberikan perhatian kepada wanita. Rancangan Tindakan Dunia mendorong tindakan yang sama pada peringkat kebangsaan dan tempatan. Tiap-tiap negara hendaklah menubuhkan sebuah jentera bagi menjaga hal ehwal wanita dan melaksanakan strategi-strategi yang berkesan bagi mengintegrasikan wanita dalam proses pembangunan.

Dalam kajian Nik Safiah Karim ini juga, beliau menganalisis kedudukan dan pencapaian wanita di Malaysia dalam bidang pendidikan, kepimpinan wanita, pembangunan keluarga dan politik. Selain itu, beliau juga menyenaraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita termasuk krisis identiti yang dialami wanita sebagai kesan daripada pembangunan sosioekonomi negara. Memandangkan kemunculan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkembang pesat di negara ini maka tidak dapat dinafikan bahawa pertubuhan-pertubuhan tersebut juga memainkan peranan penting dalam proses pembangunan negara. Ulasan terhadap aliran dan kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita memberikan gambaran yang jelas

tentang peranan dan sumbangan pertubuhan-pertubuhan ini kepada pembangunan wanita dan masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian Nik Safiah hanya terbatas kepada perkembangan dan pencapaian pertubuhan wanita iaitu Women's Institute (WI) di beberapa buah negeri seperti di Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perak sahaja. Justeru, kajian tentang pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah juga mesti dilaksanakan kerana dalam tempoh masa yang sama iaitu dekad 80-an menyaksikan penglibatan aktif kaum wanita di Sabah dalam kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita.

Rohani Nordin dalam laporan penyelidikannya yang bertajuk Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam Pembangunan pula menganalisis tentang tahap penyertaan politik wanita di Malaysia menerusi pertubuhan bukan kerajaan wanita, membezakan penyertaan politik wanita dalam badan-badan kerajaan dan penyertaan politik wanita dalam pertubuhan bukan kerajaan. Di samping itu, kajian tersebut juga dilaksanakan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pertubuhan bukan kerajaan wanita dalam penyertaan politik di Malaysia. Peranan yang dimainkan oleh mekanisme kerajaan terutamanya NACIWID dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dalam membantu kerajaan melaksanakan program-program tertentu dan sumbangan pertubuhan kerajaan dalam pembangunan wanita turut dibincangkan dalam kajian ini. HAWA yang ditubuhkan pada tahun 1983 menjadi urusetia kepada NACIWID, membantu melaksanakan dasar dan program kerajaan dan memastikan penyertaan wanita sepenuhnya dalam pembangunan. HAWA telah memupuk hubungan yang baik dengan pertubuhan bukan kerajaan wanita dan mendapat manfaat daripada hubungan tersebut menerusi kerjasama dalam penyelidikan tentang isu-isu wanita, merangka perancangan, program dan dasar tentang wanita. Kecekapan dan keberkesanan pertubuhan bukan kerajaan wanita dalam membangkitkan isu-isu wanita telah mendapat perhatian

daripada kerajaan sehingga Dasar Wanita Negara dilaksanakan sebagai satu jentera negara untuk pembangunan wanita.

Kupasan Rohani Nordin tentang pertubuhan bukan kerajaan wanita juga lebih tertumpu kepada peranan NCWO di samping menyentuh sedikit tentang pertubuhan wanita yang lain seperti Pertubuhan Pertolongan Wanita atau Women's Aid Organisation (WAO), Pusat Krisis Wanita atau Women's Crisis Centre (WCC), Persatuan Wanita Universiti Malaya atau University Women's Association of University Malaya (UWA), All Women's Action Society (AWAM) dan Association of Women Lawyers (AWL). Daripada kajian Rohani, dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga pihak yang memainkan peranan penting dalam pembangunan wanita iaitu ahli-ahli politik wanita, badan-badan kerajaan seperti NACIWID dan HAWA serta pertubuhan bukan kerajaan wanita. Sama seperti kajian-kajian yang dibincangkan sebelum ini, kajian Rohani Nordin juga hanya menumpukan kepada peranan pertubuhan bukan kerajaan wanita di Semenanjung Malaysia sahaja. Namun daripada kajian-kajian ini, mendorong pengkajian tentang pertubuhan wanita di Sabah ini dilaksanakan untuk mengetahui bagaimakah peranan pertubuhan wanita di Sabah dalam pembangunan wanita di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

Tesis Doktor Falsafah Makmor Tumin yang bertajuk NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan bukunya yang berjudul *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* pula memfokuskan peranan dan sumbangannya National Council of Women's Organisations (NCWO) atau Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia dalam mengetengahkan dan menyuarakan pelbagai isu dan masalah yang berkaitan dengan kepentingan wanita di Malaysia. Antara isu wanita tersebut ialah: penindasan, ketidakadilan, amalan diskriminasi dan pengabaian terhadap wanita. NCWO berjaya menuntut kerajaan mengambil langkah

menerusi penggubalan dasar dan undang-undang tertentu di samping mewujudkan agensi tertentu yang bertanggung jawab menangani isu dan masalah yang berkaitan dengan wanita.

Meskipun kajian Makmor Tumin ini berjaya mengetengahkan kejayaan NCWO dalam memperjuangkan kepentingan wanita secara umum, namun kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada NCWO secara umum, tidak memberikan tumpuan kepada pertubuhan-pertubuhan yang berada di bawah payung NCWO khususnya pertubuhan wanita di Sabah yang bernaung di bawah NCWO seperti Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA). Maklumat tentang PEWASA hanya ditemui dalam senarai pertubuhan wanita yang bernaung di bawah NCWO sahaja dan nama-nama tokoh pemimpin pertubuhan wanita di Sabah hanya disenaraikan dalam jawatan kuasa NCWO. Oleh sebab itu, pertubuhan wanita di Sabah agak terpinggir daripada pengetahuan umum meskipun kewujudan pertubuhan wanita di Sabah seperti PEWASA dan SAWO adalah sebagai ahli gabungan NCWO yang sentiasa mengambil bahagian dan memberikan kerjasama dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh NCWO. Kajian tentang perkembangan pertubuhan wanita di Sabah sangat perlu untuk mengetengahkan kepada umum tentang penglibatan wanita di Sabah dalam pertubuhan wanita dan peranan mereka dalam pembangunan wanita dan negara.

Kajian Cecilia Ng, Maznah Ghani dan Tan Beng Hui<sup>41</sup> dalam buku yang bertajuk *Feminisme and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution* pula mengetengahkan pelbagai usaha yang dibuat oleh gerakan wanita di Malaysia termasuk pertubuhan-pertubuhan wanita dalam memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Gerakan wanita di Malaysia telah memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan wanita daripada usaha untuk mendapatkan kesaksamaan gender hingga kepada kejayaan menyatukan wanita daripada pelbagai etnik untuk sama-

---

<sup>41</sup> Cecilia Ng, Maznah Moahmd and Tan Beng Hui, *Feminisme and the Women's Movement in Malaysia: An Unsung (R)evolution*, London & New York: Routhledge, 2006.

sama memperjuangkan hak dan kepentingan wanita di negara ini. Pada akhir tahun 1990-an, isu-isu feminism semakin mendapat perhatian daripada kebanyakan wanita di Malaysia. Kempen menangani keganasan terhadap wanita menjadi agenda penting yang diperjuangkan oleh pertubuhan yang dikenali sebagai Joint Action Group Against Violence Against Women (JAG). Kempen menangani keganasan terhadap wanita ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelbagai pertubuhan wanita di Malaysia termasuklah Sabah Women Action Resource Group (SAWO) iaitu salah satu pertubuhan sukarela wanita di Sabah yang terpilih dalam kajian ini. Walau bagaimanapun kegiatan JAG, cabaran-cabaran dan kejayaan pelaksanaan kempen menangani keganasan terhadap wanita yang dibincangkan dalam buku ini lebih berfokus kepada kegiatan wanita di Semenanjung Malaysia sahaja. Meskipun dalam buku ini ada menyebutkan tentang SAWO namun hanya menyebutkan kehadiran AJK SAWO dan penglibatan SAWO dalam kempen anjuran JAG di Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh sebab itu peranan SAWO dalam meneruskan kempen menangani keganasan terhadap wanita secara khusus di Sabah perlu dikaji dengan lebih mendalam bagi menjelaskan peranan pertubuhan ini dalam konteks wanita di Sabah.

Rashidah Abdullah dan Yut-Lin Wong dalam kajian mereka yang bertajuk ‘Access to Abortion Services in Malaysia: A right-based approach’,<sup>42</sup> menghuraikan isu-isu yang berkaitan dengan kaedah pengguguran bayi dalam kandungan. Kebanyakan penduduk di Malaysia salah faham dan menganggap kaedah pengguguran bayi dalam kandungan sebagai sesuatu tindakan yang tidak sah mengikut undang-undang dan hukum agama. Dalam undang-undang negara di bawah Akta Kod Jenayah 1981 dan pindaan Akta 1989 membenarkan pengamal perubatan untuk melakukan kaedah pengguguran bayi dalam kandungan atas sebab-sebab kesihatan dan risiko yang lebih berat bakal ditanggung oleh wanita berkenaan jika kandungan tersebut diteruskan.

---

<sup>42</sup> Rashidah Abdullah and Yut-Lin Wong, ‘Access to abortion services in Malaysia: A right-based approach’, in Andrea Whittaker (Editor), *Abortion in Asia*, New York: Berghahn Books, 2010.

Walau bagaimanapun reformasi dalam undang-undang tersebut tidak dihebahkan secara meluas kepada masyarakat umum kerana dikhawatirakan akan mengundang masalah penyalahgunaan terhadap kelonggaran undang-undang tersebut. Tambahan pula isu pengguguran bayi ini merupakan isu yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik. Bagi wanita yang menjadi mangsa keganasan seksual, kaedah pengguguran bayi dilihat sebagai kaedah penyelesaian terbaik oleh kebanyakan pertubuhan sukarela wanita yang terlibat dalam kempen anti keganasan terhadap wanita. Kajian Rashidah dan Yut-Lin Wong ini menjadi panduan untuk memahami kaedah yang digunakan oleh pertubuhan sukarela wanita dalam menangani kes-kes keganasan seksual dalam kalangan mangsa wanita. Peranan pertubuhan sukarela wanita dalam menangani isu ini dilaksanakan melalui penerangan tentang peruntukan undang-undang, bimbingan kaunseling dan sokongan yang berterusan kepada mangsa wanita. Kaedah ini juga menjadi sebahagian daripada usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pertubuhan sukarela wanita di Sabah khususnya SAWO dalam menangani isu-isu keganasan terhadap wanita.

Setakat ini hanya ada beberapa kajian yang menyentuh tentang wanita Sabah dan penglibatan mereka dalam proses pembangunan negeri Sabah. Kajian awal yang membincangkan tentang peranan wanita di kawasan luar bandar Sabah telah dijalankan oleh Abdul Samad Hadi dalam artikel dalam jurnal yang bertajuk ‘The Forgotten Contribution: Women and Rural Development in Sabah’.<sup>43</sup> Artikel tersebut memfokuskan sumbangan wanita dalam ekonomi luar bandar di Sabah. Wanita di luar bandar Sabah sejak zaman tradisional telah terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi di samping tugas rutin mereka sebagai suri rumah. Walau pun mereka memainkan peranan sebagai pengurus rumah tangga dan turut terlibat sebagai pencari nafkah, namun sumbangan mereka tidak dilihat signifikan dalam bidang ekonomi. Kedudukan

<sup>43</sup> Abdul Samad Hadi, ‘The Forgotten Contribution: Women and Rural Development in Sabah’ in a special issue of *Sojourn*, 1986, Volume 1.No.2, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

wanita semakin merosot apabila pengenalan ekonomi komersial yang berdasarkan wang sebagai upah kepada tenaga buruh dalam pelbagai sektor pekerjaan. Kaum lelaki lebih dahulu memasuki sistem pengeluaran kerana mereka memenuhi keperluan tenaga buruh pada zaman kolonial. Lelaki memiliki pendapatan dan mempunyai kedudukan sebagai pembuat keputusan dalam keluarga. Sebaliknya peranan wanita dilihat semakin sempit sebagai suri rumah. Sumbangan mereka wujud malah tanggung jawab mereka dalam mengurus keluarga juga begitu besar tetapi tidak direkodkan dalam sistem ekonomi moden. Oleh sebab itu wanita berada dalam posisi terendah dalam ekonomi luar bandar di Sabah. Kefahaman tentang kedudukan wanita dalam ekonomi luar bandar ini sangat penting dalam kajian ini kerana isu-isu kemunduran wanita di luar bandar adalah antara isu yang diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Dalam usaha untuk mengintegrasikan wanita dalam proses pembangunan, program-program pembangunan wanita haruslah mengambil kira latar belakang dan kedudukan kaum wanita di luar bandar yang menjadi kumpulan sasaran utama pelaksanaan program-program berkenaan.

Buku yang bertajuk *Women In Sabah, Needs, Concerns, Aspiration*<sup>44</sup> yang dihasilkan oleh Persatuan Daya Tindakan Wanita Sabah atau Sabah Women Action Resource Group (SAWO), iaitu sebuah NGO wanita di Sabah, memfokuskan kedudukan dan pencapaian wanita di Sabah dalam bidang ekonomi, politik, sosiobudaya, pendidikan dan undang-undang. Buku tersebut juga memberikan gambaran yang agak jelas tentang pelbagai masalah dan cabaran yang dilalui wanita dan pertubuhan-pertubuhan wanita untuk membangunkan wanita dalam pelbagai bidang. Walaupun kedudukan wanita di negeri Sabah bertambah baik selari dengan perubahan dan pembangunan dalam masyarakat, namun masalah kemiskinan khususnya dalam kalangan wanita di luar bandar masih menjadi halangan besar kepada kaum wanita

---

<sup>44</sup>*Women in Sabah: Needs, Concerns, Aspiration*, Kota Kinabalu: Sabah Women Action Resource Group, 1992.

untuk turut serta dalam program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Selain itu, wanita juga berhadapan dengan cabaran diskriminasi gender, melalui pengalaman eksploitasi di tempat kerja, akses sumber yang terhad, dua atau tiga bebanan kerja (kerja di rumah, di tempat kerja dan tanggung jawab sebagai isteri dan ibu) dan keganasan terhadap wanita.

Peningkatan kesedaran dalam kalangan wanita untuk menangani isu-isu yang mendesak ini menyebabkan lebih ramai aktivitis kumpulan wanita yang muncul pada tahun 1980-an. Peranan pertubuhan-pertubuhan wanita di Sabah sejak tahun 1980-an juga mula memfokus kepada usaha mendesak kerajaan memberikan peluang yang lebih luas kepada wanita dalam bidang pekerjaan, menyediakan suasana kerja yang lebih baik terhadap wanita dalam perkhidmatan awam, melaksanakan reformasi dalam undang-undang perkahwinan, perceraian dan kekeluargaan. Meskipun perbincangan dalam buku ini memaparkan aspek perubahan dalam tumpuan dan kegiatan pertubuhan wanita di Sabah, namun kupasan tentang peranan pertubuhan wanita di Sabah masih bersifat agak umum dan hanya memberikan tumpuan kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh SAWO dalam menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan wanita. Kajian yang lebih mendalam sangat diperlukan bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang tindak balas pertubuhan wanita yang lain terhadap isu-isu wanita semasa dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh golongan wanita ini.

Kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali<sup>45</sup> berupa bab dalam buku yang berjudul ‘Wanita Peribumi Sabah: Satu Profil Sejarah dan Masa Depan’ menyentuh tentang perkembangan yang dilalui oleh wanita Sabah selepas merdeka. Beliau tidak menafikan bahawa Wanita Sabah juga merupakan golongan yang turut sama berusaha menyumbang dalam arus pembangunan negeri dan masyarakatnya. Pembabitan wanita

---

<sup>45</sup> Saidatul Nornis Hj. Mahali, ‘Wanita Peribumi Sabah: Satu Profil Sejarah dan Masa Depan’ dalam *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Siti Fatimah Abdul Rahman (penyunting), Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.

Sabah dalam bidang politik dan sosial telah membolehkan mereka menyuarakan hak dan kehendak mereka melalui saluran-saluran yang betul.

Kajian tersebut juga ada menyentuh tentang dua pertubuhan wanita iaitu PEWASA dan Sabah Women Entrepreneur & Profesional Association (SWEPA). Peranan PEWASA dalam membangunkan wanita dalam bidang ekonomi menerusi Skim Grameen Bank (Projek Usaha Maju) dinyatakan telah berjaya menambahkan jumlah wanita yang berjaya membangunkan diri dan keluarga serta dapat keluar daripada garis kemiskinan. Kebanyakan wanita yang menyertai skim ini telah membabitkan diri dalam aktiviti perniagaan runcit. Walau bagaimanapun kajian Saidatul Nornis ini tidaklah memfokuskan pertubuhan wanita Sabah secara khusus dan huraian tentang pertubuhan wanita yang dinyatakan itu sangat ringkas serta tidak dapat memberikan gambaran sebenar sama ada tentang penglibatan wanita Sabah dalam pertubuhan wanita mahupun peranan pertubuhan wanita dalam membangunkan wanita di Sabah.

Mat Zin Mat Kib<sup>46</sup> pula dalam kajiannya yang berjudul ‘Penyertaan dan Peranan Wanita dalam Pentadbiran Pembangunan di Sabah’ memfokuskan penyertaan dan peranan wanita dalam pembangunan pentadbiran di Sabah, khususnya penyertaan dan peranan mereka dalam pentadbiran awam negeri, politik, pendidikan dan ekonomi. Kajian Mat Zin Mat Kib ada menyentuh sedikit tentang kewujudan 75 buah pertubuhan wanita yang ada di Sabah pada tahun 2005 dan wanita Sabah menyalurkan peranan kemasyarakatan mereka melalui pertubuhan-pertubuhan tersebut. Menurut beliau juga, pertubuhan-pertubuhan berkenaan juga telah memainkan peranan penting ke arah meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun huraian beliau tentang peranan pertubuhan-pertubuhan wanita ini hanya secara umum sahaja, justeru kajian yang lebih mendalam tentang peranan pertubuhan

---

<sup>46</sup> Mat Zin Mat Kib, ‘Penyertaan dan Peranan Wanita dalam Pembangunan Wanita di Sabah.’ dalam Azizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani (Editor) *Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2012.

sukarela wanita dalam konteks pembangunan wanita di negeri Sabah adalah amat perlu dijalankan.

### **Kaedah Penyelidikan**

Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah bersifat kualitatif. Pengumpulan sumber kajian daripada sumber primer dijalankan menerusi kajian di Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia (cawangan Sabah), Pejabat Pertubuhan-pertubuhan sukarela yang menjadi subjek kajian dan Pusat Sumber Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah yang meliputi fail-fail pertubuhan sukarela, minit-minit mesyuarat dan buku-buku laporan. Selain itu, sumber alternatif seperti koleksi persendirian yang dimiliki oleh tokoh-tokoh pertubuhan sukarela wanita juga digunakan bagi melengkapkan maklumat yang tidak ditemui daripada sumber arkib. Sumber sekunder yang terdiri daripada tesis, buku, rencana, akhbar dan majalah pula diperolehi melalui kajian kepustakaan yang dibuat di beberapa buah perpustakaan yang berkaitan seperti di perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan perpustakaan penyelidikan Tun Fuad Stephens di bangunan Yayasan Sabah Kota Kinabalu dan Pusat Sumber Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

Kaedah temu bual juga digunakan dalam kajian ini terutamanya terhadap tokoh-tokoh wanita yang mempunyai pengalaman secara langsung sebagai Presiden, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang dikaji. Antara pemimpin PPS yang ditemu bual ialah Puan Norliah Abdul Jalil (Setiausaha) dan Datin Zainon Suhaimi (Mantan Bendahari). Dari PEWASA pula ialah Puan Jovinia Solibun (Mantan Presiden), Puan Hanizah Abdullah (Presiden) dan Datin Malim Wahid (Bendahari). Pemimpin seterusnya yang telah ditemu bual ialah Puan Winnie Yee (Presiden SAWO) dan Puan Anne Lasimbang (Mantan Ahli Jawatankuasa SAWO), Puan Hanaa Wong Abdullah (Presiden SWEPA), Puan Siti Jineh Jaimun (Pegawai

Tadbir Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah) dan Puan April Susan Roland (Pegawai latihan Yayasan Usaha Maju Sabah). Selain menemui bual pemimpin pertubuhan sukarela wanita yang berkenaan, ahli-ahli pertubuhan sukarela wanita juga turut ditemui bual bagi mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli yang terlibat dalam program-program yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita tersebut. Maklumat daripada ahli-ahli pertubuhan sukarela wanita ini amat perlu dalam melengkapkan pengetahuan tentang keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang terpilih. Selain itu kaedah menemui bual ahli-ahli pertubuhan sukarela wanita ini juga dilakukan bagi mendapatkan pandangan wanita pada peringkat akar umbi atau kumpulan sasaran tentang isu-isu wanita dan cabaran yang dihadapi dalam proses pembangunan wanita di Sabah.

### **Pembahagian Bab**

Perbincangan hasil penyelidikan ini dibahagikan kepada lapan bab mengikut tema-tema yang telah ditetapkan selari dengan objektif penyelidikan. Bab Satu ialah Pengenalan yang dimulai dengan latar belakang penyelidikan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan literatur, kaedah penyelidikan, pembahagian bab dan batasan kajian,. Bab Dua membincangkan latar belakang awal kegiatan berpersatuan sukarela wanita di Sabah. Bab ini dimulakan dengan pengenalan tentang latar belakang negeri Sabah dan diikuti oleh huraian tentang percambahan kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita. Perbincangan diteruskan dengan perkembangan penglibatan wanita dalam kegiatan persatuan-persatuan sosiobudaya dari tahun 1950-an sehingga ke bualan pertubuhan sukarela wanita yang ditubuhkan selepas merdeka. Bab Tiga menumpukan perbincangan tentang perkembangan pertubuhan sukarela wanita dari segi organisasi dan struktur pertubuhan. Objektif setiap pertubuhan berkenaan juga turut dibincangkan dalam bab ini. Perbincangan seterusnya ditumpukan kepada struktur

pertubuhan wanita yang meliputi aspek kepemimpinan, kapakaran dan keanggotaan pertubuhan. Di samping itu isu-isu dan cabaran serta usaha pertubuhan sukarela untuk meningkatkan kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita juga diberikan tumpuan.

Bab Empat pula membincangkan usaha-usaha pertubuhan sukarela wanita dalam perjuangan meningkatkan status wanita dalam masyarakat. Fokus perbincangan dalam bab ini adalah tentang peranan pertubuhan sukarela wanita dalam meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka terutamanya dari aspek perundangan serta pengiktirafan terhadap pencapaian dan sumbangan wanita dalam pelbagai bidang. Bab Lima menumpukan perbincangan tentang peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dalam pembangunan ekonomi wanita di Sabah. Pelbagai kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi mencapai matlamat tersebut seperti mengadakan kursus ekonomi rumah tangga, projek industri kampung, latihan keusahawanan dan menganjurkan seminar, forum, dialog dan bengkel yang memberi pendedahan kepada wanita tentang peluang-peluang ekonomi dan bidang keusahawanan.

Bab Enam menghuraikan peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dalam meningkatkan kesedaran kaum wanita tentang kepentingan pendidikan wanita menerusi pelbagai program yang disesuaikan dengan keperluan dan tuntutan semasa. Pada akhir 1960-an hingga awal 1980-an, pertubuhan sukarela wanita memfokus kepada pembangunan pendidikan secara tidak formal iaitu pendidikan pada peringkat asas khususnya usaha menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita dewasa yang tercicir daripada mengikuti pendidikan secara formal dan memberikan kesedaran tentang kepentingan pendidikan anak-anak kepada kaum wanita di luar bandar. Dari pertengahan tahun 1980-an sehingga 2003 pula kegiatan pertubuhan wanita dalam pembangunan pendidikan semakin diperluaskan selaras dengan keperluan pendidikan

semasa yang lebih memfokus kepada peningkatan ilmu wanita dalam pendidikan keterampilan diri dan celik teknologi maklumat dan komunikasi (IT).

Bab Tujuh seterusnya akan menghuraikan peranan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dalam pelestarian kesihatan wanita di Sabah. Peranan pertubuhan sukarela wanita ini dapat diteliti berdasarkan kegiatan-kegiatan penerangan tentang penjagaan kesihatan wanita dan keluarga, amalan pemakanan yang sihat dan seimbang, pencegahan penyakit berjangkit dan penyakit kronik. Selain itu, usaha menyemai dan meningkatkan kesedaran wanita dan masyarakat tentang kesihatan juga dilaksanakan menerusi program-program seminar, forum dan ceramah kesihatan. Akhir sekali ialah Bab Lapan iaitu kesimpulan yang merumuskan keseluruhan hasil penyelidikan.

### **Batasan Kajian**

Terdapat beberapa batasan kajian yang terpaksa dihadapi ketika kajian ini dilaksanakan. Antaranya adalah kesukaran dari segi mendapatkan sumber-sumber utama dan kesukaran mendapatkan rujukan yang lengkap berkenaan pertubuhan sukarela wanita di Sabah kerana sehingga kini belum ada kajian yang mendalam pernah dilakukan oleh mana-mana sarjana berkenaan pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Pencarian sumber utama telah difokuskan terhadap rekod-rekod yang disimpan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela yang terpilih di pejabat masing-masing. Hal ini kerana kurangnya sumber berkenaan pertubuhan sukarela wanita tersebut yang boleh dirujuk di Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. Rekod-rekod yang ada di pejabat pertubuhan sukarela wanita pula tidak mesra penyelidik kerana sumber yang tidak didokumentasikan dengan teratur dan berselerak di merata tempat. Ada juga rekod pertubuhan sukarela wanita seperti SAWO yang tidak dapat dirujuk dan mengalami kerosakan kerana masalah banjir yang melanda pejabat pertubuhan berkenaan. Masalah ini menyebabkan tempoh masa penyelidikan yang panjang diperlukan untuk mendapatkan sumber-sumber bagi melengkapkan aspek kajian.

Terdapat juga sumber-sumber yang sukar dianalisis kerana maklumat yang ada sangat ringkas dan kabur.

Bagi melengkapkan maklumat yang kurang jelas dan ringkas daripada fail-fail pertubuhan sukarela wanita berkenaan, kaedah temu bual juga telah dilaksanakan. Temu bual ini melibatkan para pemimpin dan ahli jawatankuasa pertubuhan sukarela wanita yang dikaji termasuklah bekas-bekas pemimpin dan ahli jawatankuasa yang pernah bergiat dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Namun begitu, kaedah temu bual juga mempunyai batasan tertentu kerana kesukaran untuk menemubual tokoh-tokoh wanita terbabit disebabkan masalah kesibukan mereka, masalah kesihatan dan kurang memberikan kerjasama dalam usaha ini. Bagi tokoh-tokoh wanita yang berjaya ditemu bual pula ada yang hanya memberikan maklumat umum sahaja kerana kesukaran mengingat maklumat yang lengkap dan meminta penyelidik merujuk kepada rekod-rekod bertulis yang terdapat dalam laporan-laporan kegiatan pertubuhan mereka. Rata-rata pemimpin pertubuhan sukarela wanita yang ditemu bual mengatakan bahawa fokus mereka dalam pertubuhan wanita lebih kepada bekerja untuk menjayakan aktiviti pertubuhan mereka, oleh sebab itu soal mendokumentasikan kegiatan mereka kurang diberikan keutamaan.

Batasan kajian yang dinyatakan itu memang menjelaskan usaha untuk mendapatkan maklumat tentang pertubuhan sukarela wanita yang dikaji dengan lebih lancar. Walau bagaimanapun, penyelidik berusaha menangani masalah tersebut dengan cuba mengumpulkan seberapa banyak maklumat yang ditemui daripada rekod-rekod pertubuhan sukarela wanita yang dirujuk dan cuba membandingkannya dengan maklumat yang diperoleh menerusi kaedah temu bual bagi memastikan ketepatan maklumat berkenaan. Kaedah temu bual juga diperluaskan kepada ahli-ahli pertubuhan sukarela yang berkaitan bagi menambah maklumat tentang keberkesanan program-program pertubuhan sukarela wanita daripada pengalaman kumpulan sasaran. Laporan-

laporan akhbar yang berkaitan dengan kegiatan pertubuhan sukarela wanita juga dirujuk bagi melengkapkan maklumat yang ada. Walau bagaimanapun maklumat yang tidak seimbang antara sebuah pertubuhan dengan pertubuhan yang lain dan antara sebuah cawangan pertubuhan dengan cawangan yang lain tidak dapat dielakkan kerana analisis yang dibuat bergantung kepada maklumat yang boleh diperoleh berdasarkan sumber-sumber yang ada.

## **BAB 2 : LATAR BELAKANG KEGIATAN BERPERSATUAN WANITA DI SABAH**

### **Pengenalan**

Bab ini dimulakan dengan huraian tentang latar belakang negeri Sabah secara ringkas sebagai latar lokasi di mana penyelidikan ini dijalankan. Fokus perbincangan dalam bab ini pula berkisar tentang latar belakang awal kaum wanita Sabah bergiat dalam kegiatan berpersatuan sehinggalah penubuhan persatuan-persatuan yang memfokus kepada pertubuhan sukarela wanita. Penglibatan awal wanita Sabah dalam kegiatan berpersatuan bermula dengan penglibatan mereka dalam kegiatan badan-badan beruniform pada peringkat sekolah. Pada peringkat awal ini, iaitu sebelum Perang Dunia Kedua, kaum wanita yang mendapat pendidikan formal di sekolah kerajaan berpeluang menyertai pasukan beruniform seperti Pandu Puteri, Palang Merah dan Persatuan Bukan Sabit Merah pada peringkat sekolah dan daerah. Perkembangan pendidikan dalam kalangan kaum wanita selepas Perang Dunia Kedua pula menjadi pemangkin kepada penglibatan mereka dalam persatuan-persatuan sosiobudaya yang ditubuhkan pada tahun 1950-an. Pengalaman terlibat dalam kegiatan berpersatuan sejak di bangku sekolah dan ketika menyertai persatuan-persatuan sosiobudaya menyediakan ruang kepada kaum wanita Sabah untuk mengasah bakat kepemimpinan sehingga mereka mampu menubuhkan dan mentadbir pertubuhan sukarela yang mengkhusus kepada kaum wanita selepas merdeka.

### **Latar Belakang Negeri Sabah**

Negeri Sabah atau lebih dikenali sebagai Borneo Utara sebelum mencapai kemerdekaan merupakan sebuah wilayah yang terletak di utara Pulau Borneo iaitu pulau yang ketiga terbesar di dunia.<sup>1</sup> Sabah merupakan nama yang diberikan oleh Kesultanan Brunei

<sup>1</sup> Borneo Utara (North Borneo) merujuk kepada nama negeri Sabah yang digunakan ketika zaman pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara lagi. Nama Sabah pula digunakan selepas Sabah mencapai kemerdekaan. Kedua-dua nama ini merujuk kepada tempat atau negeri yang sama. J.P. Ongkili, *The Borneo Respons To Malaysia 1961-1963*, Singapore: Donald Moore Press, 1967, hlm.15.

kepada wilayah yang menjadi sebahagian daripada jajahan kesultanan tersebut di utara pulau Borneo pada akhir abad ke-16.<sup>2</sup> Negeri ini mempunyai keluasan kira-kira 73,620 kilometer persegi. Keluasannya memanjang dari Sungai Mengalong di kawasan pantai barat yang bersempadan dengan Sarawak (Daerah Lawas) hingga ke bahagian timur Pulau Sebatik di sebelah pantai timur di mana terletaknya sempadan yang memisahkan Sabah dengan wilayah Kalimantan, Indonesia. Panjang pantainya lebih kurang 1,440 kilometer yang menghadap ke Laut Cina Selatan di sebelah barat dan utara, manakala sebelah timurnya pula menghadap ke Laut Sulu dan Laut Sulawesi.<sup>3</sup> Seluruh wilayahnya terletak di kawasan tropika dengan garisan lintangnya ialah dari  $3^{\circ} 42'U$  di Puncak Sungai Padas ke  $7^{\circ} 2'U$  di Semenanjung Kudat. Sabah mengalami iklim tropika dan suhunya tidak melebihi  $32^{\circ} C$ . Angin Monsun Timur-laut bertiup dari bulan Oktober hingga Mac dan angin monsun Tenggara bertiup dari bulan Mei hingga September.<sup>4</sup>

Negeri Sabah yang dikelilingi oleh lautan yang besar, iaitu Laut Cina Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi, menyebabkan negeri ini lebih bersifat kepulauan berbanding dengan wilayah lain di Borneo. Sifat kepulauan ini dapat dilihat dari segi bentuk dan keadaan pantainya yang berteluk-teluk dan sesuai dijadikan pelabuhan menjadikan Sabah mudah didatangi dari laut. Sungai juga merupakan ciri penting bagi geografi petempatan yang awal di Sabah. Bentuk muka bumi Sabah yang bergunungan dan diliputi hutan tebal menyukarkan pembinaan jalan-jalan perhubungan darat, maka sungai-sungai utama seperti Sungai Kinabatangan, Sungai Labuk, Sungai Paitan, Sungai Segama dan cabangnya merupakan laluan utama. Kepentingan sungai sebagai jalan perhubungan menyebabkan petempatan awal penduduk di Sabah tertumpu di tebing-tebing sungai tersebut. Selain berfungsi sebagai jalan-jalan perhubungan dan

<sup>2</sup> Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm.1.

<sup>3</sup> D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*, Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri, 2011 (Third Edition), hlm.1.

<sup>4</sup> Lee Yong Leng, *Sabah, Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm.1.

tempat menjalankan kegiatan ekonomi, sungai juga dijadikan sempadan daerah dalam sistem pentadbiran awal khususnya ketika Sabah berada di bawah pentadbiran Kesultanan Brunei.

Pada akhir abad ke-16, Sabah menjadi sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei. Bagi kerajaan Brunei, Sabah yang berada di bawah jajahan Kesultanan Brunei itu meliputi seluruh bahagian utara pantai barat iaitu dari Sungai Sulaman hingga ke Teluk Marudu dan ke Sungai Paitan serta seluruh wilayah pantai timur sejauh Sungai Sibuku yang meliputi kawasan Paitan, Sugut, Banggaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan dan Mumiang. Termasuk juga dalam wilayah ini ialah Kimanis, Benoni, Teluk Gaya, Teluk Sepanggar dan Pulau Banggi.<sup>5</sup> Pada abad ke-19, sebahagian besar wilayah pantai timur Sabah dari Teluk Marudu hingga ke Sungai Sibuku diserahkan oleh Sultan Brunei, iaitu Sultan Muhiuddin kepada Sultan Sulu sebagai pembalas jasa setelah Sultan Sulu membantu baginda menewaskan pesaingnya iaitu Sultan Abdul Mubin dalam peperangan merebut takhta Kesultanan Brunei. Penyerahan ini menyebabkan wilayah Sabah dibahagikan kepada dua zon pentadbiran kesultanan, iaitu kawasan pantai barat Sabah dimiliki oleh Kesultanan Brunei dan kawasan pantai timur Sabah dimiliki oleh Kesultanan Sulu. Sementara itu, di kawasan pedalaman Sabah pula sistem pentadbiran atau politik kesukuan menjadi amalan iaitu ditadbir secara bebas oleh ketua-ketua peribumi atau seseorang tokoh yang berjaya mendapat sokongan dan kepercayaan daripada penduduk di kawasan tersebut.<sup>6</sup>

Dalam sistem pentadbiran Kesultanan Brunei, kedaulatan mutlak tanah dan penduduk berada dalam kekuasaan sultan. Namun begitu, pembahagian hak-hak tradisional telah memberi kuasa kepada kaum bangsawan Brunei terhadap tanah dan pengikut mereka. Sabah telah dibahagikan kepada beberapa wilayah pegangan dan tiap-tiap wilayah itu ditadbir oleh para pembesar Brunei yang bergelar Pengiran. Di setiap

<sup>5</sup> Commission From Sultan of Borneo Appointing Gustavus Baron de Overbeck Maharajah of Sabah (North Borneo) and Raja of Gaya and Sandakan, done at the Palace at Brunei, 29<sup>th</sup> December 1877, Artikel 5A, Arkib Negeri Sabah, hlm.463.

<sup>6</sup> Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, hlm.21.

wilayah kekuasaan mereka, para Pengiran itu menjalankan pemerintahan, mengadakan sistem keadilan dengan menguatkuaskan undang-undang Kesultanan Brunei dan memungut cukai daripada penduduk serta mengutip cukai-cukai perdagangan.<sup>7</sup> Dalam pemerintahan Kesultanan Sulu pula, sultan mempunyai kuasa atau kedaulatan ke atas tanah dan merupakan kuasa tertinggi dalam bidang pentadbiran. Sultan dibantu oleh beberapa orang panglima yang bertindak selaku gabenor. Mereka diberikan kuasa oleh Sultan Sulu untuk mentadbir beberapa buah pulau dan mengutip cukai daripada penduduk yang mendiami kawasan mereka. Panglima-panglima ini pula mendapat bantuan daripada Datu-datu Sulu yang menjadi ketua dalam kalangan masyarakat Suluk di Sabah. Datu-datu ini memperoleh kedudukan mereka secara warisan dan biasanya mempunyai ramai pengikut serta hamba. Mereka dipilih sebagai ketua dalam kalangan masyarakat berdasarkan kelayakan dan ciri-ciri yang dimiliki seperti gagah, bijaksana, mahir dalam memanipulasi kuasa serta cekap dalam bidang ketenteraan.<sup>8</sup> Golongan Datu-datu inilah yang ditugaskan untuk menjalankan pentadbiran dan mengendalikan segala aktiviti ekonomi di kawasan pantai timur Sabah. Petempatan mereka bersama para pengikut dan hamba mereka bermula di sepanjang sungai dari Marudu hingga ke tenggara Teluk Darvel di kawasan Pantai Timur Sabah. Kebanyakan Datu Sulu menjalankan pentadbiran mengikut budi bicara mereka kerana kurangnya kawalan ke atas pentadbiran mereka di Sabah daripada Sultan Sulu.<sup>9</sup>

Sistem politik kesukuan diamalkan di kawasan pedalaman yang didiami oleh penduduk peribumi seperti masyarakat Dusun dan Murut beserta subkelompok masing-masing. Mereka tinggal dalam kelompok-kelompok kecil yang terpisah daripada kelompok masyarakat yang lain kerana faktor alam semula jadi seperti bentuk muka bumi yang bergunung-ganang, sungai-sungai yang besar dan jeram. Oleh sebab mereka tinggal dalam kelompok yang terpisah-pisah, maka mereka mengasaskan sistem

<sup>7</sup> Ibid., hlm.21.

<sup>8</sup> Ibid., hlm.26-27.

<sup>9</sup> Ibid., hlm.27

pentadbiran yang berasaskan ikatan kekeluargaan.<sup>10</sup> Seseorang ketua kampung akan dilantik daripada kalangan ahli kelompok mereka yang digelar sebagai Orang Tua (O.T).<sup>11</sup> Ketua-ketua kampung ini akan bertanggung jawab memberi perlindungan kepada anak-anak buahnya dan mengekalkan keamanan di kampung mereka. Sistem politik kesukuan itu terus diamalkan di kawasan pedalaman meskipun sebahagian wilayah di Sabah telah ditadbir oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu.

Sistem politik ketua-ketua bebas pula wujud ekoran daripada keberanian, kepemimpinan dan ketangkasan seseorang tokoh yang boleh mencabar kewibawaan sultan di daerah-daerah pesisiran pantai. Pemimpin yang menjadi ketua-ketua bebas ini berasal daripada ketua-ketua yang mempunyai pertalian dengan keluarga diraja Brunei, Sulu ataupun pemimpin yang datang dari jauh misalnya daripada keturuan Arab yang bergelar Syarif. Misalnya Syarif Osman yang merupakan pemimpin berwibawa di daerah Marudu pada tahun 1830-an hingga 1840-an dan Datu Kurunding yang memerintah daerah Tunku di Lahad Satu.<sup>12</sup> Biasanya, kawasan bebas ini didiami oleh para ketua bebas bersama-sama para pengikutnya dengan jumlah yang ramai. Pembahagian negeri Sabah kepada tiga zon pentadbiran (zon Kesukuan, zon Kesultanan Brunei dan Sulu serta zon Ketua-ketua Bebas) itu berterusan sehinggalah pada ketika pertapakan dan pengukuhan pengaruh pentadbiran Barat khususnya Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) pada tahun 1881 yang kemudiannya telah melakukan rombakan terhadap sistem pentadbiran tradisional tersebut.

Sabah mula wujud sebagai satu unit politik atau sebuah negeri pada bulan Jun 1882 apabila ia ditadbir secara rasmi oleh North Borneo Chartered Company (BNBCC)

<sup>10</sup> Ibid., hlm.22.

<sup>11</sup> Gelaran Orang Tua diberikan kepada ketua kampung kerana tanggung jawabnya sebagai seorang ketua di kampung berkenaan. Biasanya seorang ketua kampung itu dilantik daripada kalangan orang yang telah berusia, dan mempunyai wibawa serta mahir tentang adat suku kaum mereka. Jawatan berkenaan tidak semestinya diwarisi tetapi menjadi kebiasaan anak seorong ketua kampung akan dipilih menggantikan ayahnya sekiranya dia memenuhi syarat yang ditetapkan untuk menjadi ketua kampung oleh ahli-ahli majlis musyawarah peringkat kampung. Majlis Musyawarah ini dianggotai oleh golongan tua khususnya mereka yang mempunyai kemahiran dalam soal adat resam dan golongan *Bobohizan* (bomoh) yang mahir dalam bidang perubatan tradisional. Sabihah Osman, *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia & Yayasan Sabah, 1985, hlm.15.

<sup>12</sup> Ibid., hlm.15.

atau Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU).<sup>13</sup> Dari tahun 1882-1946, barulah masyarakat Sabah benar-benar menjadi sebahagian daripada kerangka besar atau struktur kenegerian.<sup>14</sup> Sebelum itu, wilayah utara Borneo ini merupakan kawasan wilayah jajahan Kesultanan Brunei dan di bawah pengaruh Kesultanan Sulu. Pengurniaan Piagam Diraja oleh Ratu Victoria telah membolehkan SBBU membentuk satu sistem pentadbiran British seperti yang termaktub dalam piagam tersebut. Sebelum penjajahan British, keadaan penduduk negeri Sabah tidak diketahui dengan jelas. Berdasarkan banci penduduk yang pertama dijalankan oleh SBBU pada tahun 1891, penduduk Sabah ketika itu berjumlah 67 062 orang sahaja. Walau bagaimanapun ketepatan bilangan ini tidak dapat dipastikan kerana ketika banci ini dijalankan, SBBU belum membuat penerokaan ke atas seluruh kawasan di negeri ini khususnya di kawasan pedalaman. Penduduk negeri Sabah terdiri daripada pelbagai etnik. Masyarakat peribuminya terdiri daripada masyarakat Kadazandusun dan subetniknya,<sup>15</sup> Murut, Bajau, Iranun, Suluk, Melayu Brunei, Kedayan dan Lundayeh.

Walaupun objektif utama SBBU adalah untuk mendapat keuntungan melalui galakan pelaburan kapitalis, namun syarikat itu kemudiannya terlibat dalam suatu tugas menyatukan kawasan-kawasan yang terpisah-pisah dan sistem politik yang berbagai-bagai kepada suatu bentuk pemerintahan yang berpusat.<sup>16</sup> Oleh sebab sumber pihak syarikat itu begitu terhad, maka para pentadbirnya bergantung kepada bakat serta institusi tempatan untuk mentadbir kawasan yang begitu luas dengan kos yang minimum. Pada masa yang sama, imigrasi orang Cina digalakkan bagi mendapatkan tenaga buruh yang murah. Selain itu, SBBU juga menjalankan skim penempatan tanah

<sup>13</sup> Baszley Bee b. Basrah Bee, Sabihah Osman dan Nordin Sakke, *Asas Kajian Persempadanan Negeri Sabah*, Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.6, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009.

<sup>14</sup> D.S.Ranjit Singh, ‘Evolusi Masyarakat Peribumi di Sabah 1865-1941: Dimensi Politik-Pentadbiran’, dalam Zulkarnain Abdul Rahman, Arbaiyah Mohd. Noor dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus (Editor), *Destar Pendeta*, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Kuala Lumpur:Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012, hlm.179.

<sup>15</sup> Subetnik dalam rumpun Kadazandusun terdiri daripada suku-suku berikut: Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Garo, Gonsomon, Kadazan, Kimarangang, Lintaga, Liwan, Lotud, Luba, Manataga, Minokok, Nulu, Panansawa, Rumanau, Rungus, Sinarupu, Sindapak, Sokid, Sonsogon, Sungai, Tagalong, Tanggara, Tatana, Tidong, Tinagas,Tindal, Tobiling, Tolinting,Tombonuo dan Tuawon. Untuk maklumat lebih lanjut tentang keluarga bahasa rumpun Dusun sila rujuk, Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 431-432.

<sup>16</sup> D.S.Ranjit Singh, ‘Evolusi Masyarakat Peribumi di Sabah 1865-1941: Dimensi Politik-Pentadbiran’, hlm.179.

dan pembinaan jaringan komunikasi bagi tujuan pelaburan dan kutipan hasil.<sup>17</sup> Pemerintahan SBBU di Sabah dari tahun 1881 sehingga 1941 banyak membawa perubahan dari segi pentadbiran dan perubahan sosioekonomi kepada negeri Sabah. Para pentadbir SBBU dengan sokongan daripada ketua-ketua tempatan dan penduduk Sabah umumnya telah berjaya mewujudkan keamanan di Sabah dan menghapuskan amalan pelanunan, kegiatan memburu atau memenggal kepala dalam kalangan masyarakat peribumi khususnya suku Murut.<sup>18</sup>

Pengenalan sistem pemerintahan Barat oleh SBBU telah membawa perubahan dari segi bidang kuasa yang dimiliki oleh ketua-ketua peribumi yang sebelum ini mempunyai hak ke atas tanah dan penduduk mengikut bentuk pentadbiran yang diamalkan oleh Kesultanan Brunei dan Sulu. Pihak SBBU juga telah memanipulasi peranan ketua-ketua masyarakat peribumi dengan cara mengekalkan jawatan mereka dan diberikan gaji sebagai tanda pengiktirafan terhadap tugas mereka. Namun begitu, bidang kuasa mereka hanya dihadkan kepada hal ehwal penduduk peribumi sahaja. Pada masa yang sama SBBU memerlukan khidmat mereka untuk mengawal penduduk, menyampaikan arahan kerajaan kepada penduduk di bawah kawalan mereka sekaligus dapat mengisi jawatan pentadbiran pada peringkat yang paling bawah.<sup>19</sup> Pemerintahan SBBU juga memainkan peranan dalam membangunkan ekonomi negeri Sabah menerusi pengeksplotasian terhadap sumber-sumber ekonomi negeri ini seperti pembukaan kawasan pembalakan dan kawasan pertanian secara besar-besaran. Usaha tersebut juga telah menggalakkan perkembangan bidang perindustrian dan pembangunan dalam bidang komunikasi serta infrastruktur di Sabah.

Dasar-dasar sosial SBBU khususnya dalam bidang pendidikan membuka peluang kepada penduduk Sabah mendapatkan pendidikan secara formal dan mengurangkan masalah buta huruf. Usaha SBBU membangunkan bidang kesihatan

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, hlm.86.

<sup>19</sup> Ibid., hlm.6.

juga menyumbang kepada peningkatan taraf kesihatan penduduk Sabah kerana mereka mula didedahkan dengan asas-asas penjagaan kebersihan serta langkah-langkah bagi mengelakkan penyakit berjangkit seperti malaria, taun, batuk kering dan sebagainya. Walau bagaimanapun, hanya penduduk yang tinggal di kawasan bandar yang berpeluang menikmati segala kemudahan yang disediakan misalnya dari segi kemudahan mendapat pendidikan kerana kebanyakan sekolah (sekolah Mubaligh Kristian, sekolah Cina dan sekolah Vernakular Melayu) yang awal hanya didirikan di kawasan bandar. Hospital juga didirikan di kawasan bandar menyebabkan penduduk di kawasan luar bandar tidak dapat menikmati segala kemudahan kesihatan yang disediakan oleh SBBU. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa dasar-dasar pembangunan sosial yang dilaksanakan oleh SBBU ini telah menyediakan penduduk Sabah ke arah proses perubahan khususnya dalam bidang pentadbiran dan sosioekonomi.<sup>20</sup>

Zaman selepas Perang Dunia Kedua pula menyaksikan satu perubahan besar dalam bidang pentadbiran dan sosioekonomi di Sabah. Selepas usaha pemulihan keadaan negeri yang kucar-kacir semasa Perang Dunia Kedua yang dilaksanakan oleh pemerintahan sementara Pentadbiran Tentera British (PTB), Sabah telah dijadikan Tanah Jajahan Mahkota British. Pentadbiran negeri ini diserahkan kepada pentadbiran Kerajaan Borneo Utara British (KBUB) yang mentadbir Sabah dari tahun 1946 sehingga 1963. Dalam tempoh tersebut, banyak perubahan yang telah dilaksanakan oleh KBUB dalam bidang pentadbiran dan sosioekonomi. KBUB telah banyak mengubah dasar pentadbiran yang dijalankan oleh SBBU sebelum ini. Peluang yang diberikan oleh KBUB kepada pemimpin peribumi untuk terlibat dalam bidang pentadbiran, misalnya menjadi ahli yang dilantik oleh Gabenor British dalam Majlis Eksekutif dan Majlis

---

<sup>20</sup> Ibid., hlm.88.

Legislatif telah memberikan peluang kepada pemimpin peribumi mengenali dasar-dasar KBUB dan menimba pengalaman dalam urusan pentadbiran.<sup>21</sup>

Peningkatan bilangan sekolah rendah dan menengah sama ada yang ditubuhkan oleh kerajaan mahupun oleh Lembaga Tempatan<sup>22</sup> dan badan-badan sukarela telah meningkatkan peluang untuk anak-anak Sabah mendapat pendidikan secara formal pada peringkat awal dan menengah dengan lebih meluas. Peluang pendidikan yang dinikmati itu telah meninggalkan kesan yang sangat penting dari segi perubahan sikap dalam kalangan penduduk yang semakin menyedari tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka walau pun mereka berada jauh di luar bandar. Perkembangan dalam bidang pendidikan ini menjadi faktor pencetus kepada kemunculan kesedaran berpersatuan dan seterusnya kesedaran politik dalam kalangan penduduk Sabah. Bagi kaum wanita pula, peluang-peluang yang dinikmati daripada perkembangan pendidikan telah mencetuskan kesedaran yang kemudiannya menjadi pemangkin kepada perubahan serta peningkatan status wanita.

### **Penglibatan Awal Wanita Dalam Kegiatan Berpersatuan**

Sebelum Perang Dunia Kedua, belum ada suara-suara kaum wanita di Sabah yang memperjuangkan kepentingan dan kemajuan mereka apatah lagi untuk menujuhkan persatuan yang mengkhusus kepada kaum wanita. Hal ini disebabkan kemunduran yang dihadapi oleh kaum wanita khususnya dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1931, 99.77 peratus wanita khususnya wanita peribumi Sabah adalah buta huruf.<sup>23</sup> Keciciran wanita dalam bidang pendidikan ini menyebabkan kesedaran mereka untuk melibatkan

<sup>21</sup> Kriteria pemilihan pemimpin peribumi yang dilantik menganggotai Majlis Eksekutif dan Majlis Legislatif ini adalah berdasarkan peranan dan pengaruh mereka dalam masyarakat. Kerajaan British tidak begitu menekankan kelayakan akademik mereka kerana kurangnya pemimpin atau penduduk peribumi yang berkelayakan dari segi akademik berbanding bangsa lain khususnya orang Cina yang ramai berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Antara pemimpin peribumi yang dilantik menganggotai majlis berkenaan ialah Datu Mustapha bin Datu Harun dan G.S.Sundang. Kedua-dua pemimpin ini ialah Ketua Anak Negeri yang berpengaruh di daerah masing-masing.

<sup>22</sup> Kerajaan Borneo Utara British telah menggalakkan penubuhan Lembaga Tempatan dan Majlis Daerah bagi memberi peluang kepada penduduk khususnya pemimpin-pemimpin peribumi di sebuah kawasan terlibat dalam melaksanakan program memajukan daerah mereka. Misalnya Lembaga Tempatan digalakkan untuk menujuhkan sekolah-sekolah di daerah mereka, menyediakan peralatan pengajaran dan pembelajaran serta membayar gaji guru-guru khususnya di Sekolah Sukarela Rakyat. Usaha ini menyebabkan peluang mendapat pendidikan diperluaskan ke kawasan luar bandar dan kerajaan dapat menjimatkan kos untuk pembinaan sekolah.

<sup>23</sup> C.O 874:1307. Female Education of Native Girls 1936-1941 (Mikrofilem), Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.

diri dalam aktiviti sosial seperti kegiatan berpersatuan agak lambat jika dibandingkan dengan perkembangan yang dialami oleh kaum wanita di Semenanjung Malaysia. Di Semenanjung Malaysia dan Singapura, kaum wanita telah mula terlibat dalam kegiatan berpersatuan sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi melalui penubuhan Young Women Christian Association (YWCA), Persatuan Guru-guru Perempuan Johor (PGPJ) dan Persatuan Wanita Melayu Johor.<sup>24</sup>

Usaha-usaha awal memperjuangkan pendidikan dalam kalangan anak-anak perempuan dilakukan oleh Ketua-ketua tempatan. Dalam persidangan Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri (MPKAN), ketua tempatan di daerah Tawau iaitu O.K.K Abu Bakar telah mengemukakan tuntutan kepada kerajaan British agar menubuhkan sekolah vernakular khas untuk pelajar perempuan.<sup>25</sup> Dengan adanya sekolah berkenaan, masalah buta huruf dalam kalangan anak-anak perempuan akan dapat diatasi. Selain itu, menerusi pendidikan secara formal di sekolah, pelajar-pelajar perempuan akan memperoleh ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pengurusan rumah tangga. Beliau juga turut mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan British agar memberikan peluang kepada anak-anak perempuan bersekolah di sekolah yang bercampur dengan pelajar-pelajar lelaki jika kerajaan British tidak dapat menyediakan sekolah khas kepada anak-anak perempuan. O.K.K Panglima Abdullah, Ketua Anak Negeri di daerah Semporna juga membuat tuntutan yang sama kepada kerajaan British. Menurut beliau, kegagalan anak-anak perempuan hadir ke sekolah-sekolah vernakular Melayu adalah kerana ibu bapa mereka tidak mahu anak-anak perempuan mereka bercampur dengan

<sup>24</sup> YWCA ialah NGO wanita yang pertama ditubuhkan di Singapura pada 1875, diikuti oleh penubuhan cawangan-cawangannya yang lain di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia seperti Pulau Pinang (1909), Melaka (1921) dan Ipoh (1930). Ahli-ahli awalnya terdiri daripada guru-guru dan isteri serta anak-anak pegawai ekspatriat British. Kaum wanita yang terlibat dengan penubuhan YWCA ialah golongan wanita yang melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan sosial dan kebajikan serta prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita khususnya generasi muda wanita. PGPJ pula ditubuhkan pada tahun 1929 di Johor dan dipimpin oleh Zainun binti Munsyi Sulaiman (Ibu Zain). Persatuan Wanita Melayu pula ditubuhkan pada tahun 1940 di Johor oleh Azizah binti Jaafar (anak Menteri Besar Johor , Datuk Jaafar Muhammad dan adik Dato' Onn Jaafar, Nik Saftiah Karim & Makmor Tumin, 'Pertubuhan Bukan Kerajaan: Pembangunan dan Implikasi Bagi Pembangunan' dalam Jamilah Ariffin (Editor), *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia Satu Kesiambungan*, Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn.Bhd. 2010, hlm.115.

<sup>25</sup> C.O 874:1307. Female Education of Native Girls 1936-1941 (Mikrofilem), Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.

pelajar-pelajar lelaki di sekolah.<sup>26</sup> Perkara tersebut berkait rapat dengan nilai-nilai tradisi masyarakat yang tidak membenarkan anak-anak perempuan keluar bebas bercampur dengan pelajar lelaki. Apatah lagi di kebanyakan sekolah vernakular Melayu, guru lelaki yang menjadi tenaga pengajarnya menyebabkan ibu bapa ragu-ragu untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Oleh sebab itu, sebelum Perang Dunia Kedua sehingga tahun-tahun awal selepas perang, kaum wanita di Sabah agak terkebelakang dalam bidang pendidikan berbanding kaum lelaki.

Berdasarkan rekod bilangan pelajar yang bersekolah pada tahun 1947 di seluruh Sabah, didapati hanya 3,473 orang pelajar perempuan yang hadir ke sekolah berbanding pelajar lelaki seramai 10,579 orang. Bilangan ini meningkat pada tahun 1958 apabila seramai 14,547 orang pelajar perempuan hadir ke sekolah berbanding 26,063 orang pelajar lelaki. Bilangan ini terus meningkat pada tahun 1963 apabila seramai 27,176 orang pelajar perempuan yang bersekolah berbanding pelajar lelaki yang berjumlah 42,881 orang.<sup>27</sup> Daripada data tersebut menunjukkan kadar celik huruf dalam kalangan anak-anak perempuan lebih rendah berbanding anak-anak lelaki. Kurangnya wanita yang berpeluang mendapat pendidikan secara formal melalui sistem persekolahan itu menjadi punca kepada kurangnya wanita yang melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan sama ada sebagai ahli persatuan apatah lagi sebagai pemimpin persatuan.

Kedudukan sekolah yang terdapat di bandar-bandar menyebabkan pelajar-pelajar di kawasan pedalaman tercicir daripada mendapat pendidikan secara formal. Selain itu, golongan wanita juga sukar untuk bergerak bebas kerana terikat dengan nilai masyarakat tradisi yang memingitkan mereka di rumah. Oleh sebab itu, hanya mereka yang berpendidikan dan mendapat galakan daripada ibu bapa yang terdedah dengan arus kemajuan semasa sahaja yang berpeluang melibatkan diri dengan kegiatan berpersatuan.

---

<sup>26</sup> Ibid.

<sup>27</sup> *The Annual Summary Report of the Department of Education 1963*, Jesselton: Government Printing, Sabah, 1963,hlm.33.

Meskipun pertubuhan yang mengkhusus kepada wanita belum ditubuhkan sebelum Perang Dunia Kedua sehingga awal tahun 1960-an, namun anak-anak perempuan yang berpeluang mengikuti sistem pendidikan secara formal di sekolah-sekolah kerajaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan British berpeluang menyertai persatuan beruniform seperti Pasukan Pandu Puteri, Palang Merah dan Persatuan Bulan Sabit Merah pada peringkat sekolah dan daerah. Pada tahun 1955 hingga 1956, Pasukan Pandu Puteri North Borneo diketuai oleh Lady Turnbull (isteri Gabenor Turnbull) sebagai pengurusnya. Ahli jawatankuasa tertingginya terdiri daripada isteri-isteri para pegawai British yang lain seperti Mrs.R.M Wood, Mrs.C.J Alliston, Mrs. L.J.Clapham. Manakala pada peringkat tempatan pula pasukan ini melibatkan isteri-isteri pemimpin usahawan China yang menjadi ahli Jesselton Local Association. Antara nama-nama isteri usahawan Cina Jeselton tersebut ialah Mrs. Philip Lee Tau Sang, Mrs, T.C. Pan, Mrs. G. Lum, Mrs. Chung Chao Lung, Mrs.P.Yew dan lain-lain lagi.<sup>28</sup> Bagi meneruskan perkembangan pasukan Pandu Puteri di Sabah, pasukan Pandu Puteri itu kemudiannya diperluaskan di sekolah-sekolah mission sekitar Jesselton dengan penubuhan pasukan Pandu Puteri di sekolah rendah St.Anges, St.Francis Convent dan Sekolah Chung Hwa.

Perkembangan pasukan Pandu Puteri ke sekolah-sekolah itu menyebabkan guru-guru dan murid-murid perempuan tempatan menyertai pasukan beruniform berkenaan pada peringkat sekolah dan terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan pada peringkat daerah dan negeri. Misalnya dalam pasukan Pandu Puteri di Kota Kinabalu pada tahun 1963, ditemui nama-nama wanita Sabah yang menjadi pemimpinnya seperti Cikgu Jamilah, Fatimah Hj. Yusuf Shamsuddin,<sup>29</sup> Ling Leng Wong, Wong Soon Yin dan Lily Ho.<sup>30</sup> Daripada penelitian terhadap latar belakang pemimpin-pemimpin wanita dalam politik dan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang awal di Sabah juga

<sup>28</sup> ANS/PS/PPPMCS/T/2/1, *North Borneo Girls Guides Association Annual Report 1955-1956*.

<sup>29</sup> Fatimah Hj. Yusuf Shamsuddin merupakan salah seorang pelajar perempuan yang menjadi anggota awal wanita Angkatan Gaya Baru (AGABA).

<sup>30</sup> *Daily Express*, 23 November 1963.

menunjukkan bahawa kebanyakannya mereka pernah menyertai pasukan beruniform seperti Pandu Puteri, Palang Merah dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) ketika di bangku sekolah. Antara pemimpin wanita berkenaan ialah Toh Puan Hajah Rahimah Stephens (Menteri Wanita Pertama di Sabah), beliau bergiat aktif dalam pasukan Pandu Puteri sejak di bangku sekolah pada tahun 1959 hingga tahun 1960-an. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Pandu Puteri Sabah pada tahun 1974 dan menjadi Penaung Persatuan Pandu Puteri Malaysia Sabah. Datuk Aria Tengku Ahmad (Timbalan Ketua Menteri Wanita pertama di Sabah, Presiden Penaja PEWASA dan penasihat SAWO) pernah bergiat aktif dalam Persatuan Bulan Sabit Merah, cawangan Sabah pada tahun 1960-an dan dilantik sebagai Naib Pengurus PBSM Sabah pada tahun 1974.

Pengalaman terlibat dalam persatuan-persatuan beruniform pada peringkat sekolah mendorong pelajar-pelajar perempuan di sekitar bandar Kota Kinabalu kemudiannya untuk melibatkan diri dalam persatuan-persatuan di luar lingkungan alam persekolahan mereka. Misalnya apabila persatuan-persatuan bercorak sosiobudaya seperti Angkatan Gaya Baru (AGABA) ditubuhkan pada akhir tahun 1950-an di bandar Kota Kinabalu, kaum wanita yang cenderung melibatkan diri dalam kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan tersebut adalah daripada kalangan guru-guru wanita, pelatih-pelatih wanita Maktab Perguruan Kent dan pelajar-pelajar perempuan dari sekolah-sekolah di sekitar bandar Kota Kinabalu.

### **Kegiatan Berpersatuan Wanita Era 1950-an hingga 1962**

Kesedaran berpersatuan dalam kalangan penduduk tempatan Sabah mula menyerlah pada tahun 1950-an dengan kemunculan beberapa buah persatuan yang bercorak sosiobudaya dan keagamaan. Antara persatuan yang didaftarkan di Sabah dalam tempoh 1950 hingga tahun 1962 ialah Khairat Jumaat Muslimin (1950), Persatuan Kadazan Sabah (1953), Angkatan Gaya Baru (AGABA) (1957), Pergaulan Ikhwan Sabah (1957),

Persatuan Islam Putatan (1960), Angkatan Persuratan Melayu Sabah (APMS) (1962) dan Persatuan Islam Sabah (1962).<sup>31</sup> Salah satu persatuan yang banyak menonjolkan penglibatan wanita dalam kegiatan berpersatuan ialah AGABA. Idea awal penubuhan AGABA dicetuskan oleh K.Bali<sup>32</sup> dalam rencana tulisan beliau yang disiarkan dalam akhbar *North Borneo News & Sabah Times* ruangan bahasa Melayu pada 25 Februari 1957. Dalam rencana tersebut, K.Bali menyeru kepada golongan penulis, penyajak, penyair, pemberita, wartawan, pelukis, penyanyi, pemuzik, peminat sandiwara (radio dan pentas), pembaca atau penggemar bahan-bahan bacaan seperti buku, akhbar dan majalah di Sabah agar menyertai sebuah persatuan yang akan ditubuhkan. Persatuan tersebut dinamai sebagai Angkatan Gaya Baru (AGABA).<sup>33</sup>

Idea untuk menubuhkan AGABA ini tercetus atas kesedaran K. Bali bahawa belum ada sebuah pertubuhan di Sabah ketika itu yang dapat menghimpunkan golongan penggiat seni budaya bagi memelihara dan mengembangkan bahasa Melayu serta seni budaya tempatan. Sebagai insan seni yang banyak menghasilkan genre sastera seperti cerpen, novel, eseи, puisi dan menjadi pelukis serta berpengalaman ketika menyertai rombongan bangsawan Melayu “Booty Suria Negara” yang sering menjelajah dan mengadakan persembahan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Sabah, K.Bali berhasrat untuk membantu anak-anak negeri Sabah mengembangkan bakat mereka dalam persatuan sosiobudaya. Idea beliau ini kemudiannya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kalangan pemuda-pemudi di Sabah yang meminati bidang seni budaya. Selepas tersiarnya rencana beliau dalam akhbar *North Borneo News & Sabah Times*, beliau telah menerima banyak surat daripada mereka yang berminat untuk menganggotai AGABA dan mahu bersama-sama menjayakan cita-

<sup>31</sup> Ahmat Adam, ‘The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah’, dalam Piyanart Bunag et.al (eds) *Europe-Southeast Asia in the Contemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*, Asia Europe studies Series, Nomos Verlagsgesell-Schraft Baden-Baden, 2000, Volume 6, hlm.4.

<sup>32</sup> K.Bali atau nama sebenarnya ialah Abdul Rahim Abdullah. Beliau ialah seorang penulis dan wartawan di Jesselton (Kota Kinabalu) pada masa itu. Beliau merupakan seorang perantau yang berasal dari selatan Thailand dan kemudiannya menetap di Pasir Mas, Kelantan. Beliau berhijrah ke Sabah pada tahun 1955. Di Sabah, beliau bergiat dalam bidang seni dan banyak menghasilkan karya sastera seperti cerpen, novel, puisi, eseи dan menjadi seorang pelukis, penyanyi serta pelakon sandiwara. Maklumat lebih lanjut tentang K. Bali ini boleh dilihat dalam buku hasil tulisan beliau iaitu K.Bali, *Dari Tendong ke Borneo*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

<sup>33</sup> *North Borneo News & Sabah Times*, 25 Februari 1957.

cita penubuhan persatuan itu. AGABA didaftarkan dengan rasminya oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Kerajaan British Borneo Utara pada 13 September 1958. Presiden persatuan ini ialah Donald Stephens.<sup>34</sup> Selain K.Bali dan Donald Stephens, antara individu yang menjadi tulang belakang penubuhan AGABA ialah Zakaria Gunn, K.M Edinin, Jaafar Hussain dan R.M.Jasni.<sup>35</sup>

Penubuhan AGABA membuka peluang kepada kaum wanita di sekitar daerah Jesselton (Kota Kinabalu) dan Tuaran bergiat dalam persatuan sosiobudaya pada tahun 1950-an. Kaum wanita telah mula terlibat dengan AGABA sejak awal penubuhan persatuan ini lagi. Antara mereka yang mula-mula menyertai AGABA ialah Hasnah Edinin (anggota AGABA no.5), Nani Lenggang (anggota AGABA no.8), Azizah Lakim (anggota AGABA no.10) dan Nismah Awang Besar (anggota AGABA no.50). Keempat-empat mereka ini bertugas sebagai guru sekolah di daerah Kota Kinabalu. Selain golongan guru, anggota wanita AGABA yang terawal juga terdiri daripada pelatih-pelatih wanita Maktab Perguruan Kent Tuaran dan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah di sekitar Kota Kinabalu. Antara pelatih Maktab Perguruan Kent yang menyertai acara-acara anjuran AGABA ialah Dayangku Saifah Pengiran Wahid dan Amisah Yassin.

Pelajar-pelajar perempuan yang mula-mula menyertai AGABA pula ialah Roseni Zakaria (anggota AGABA no.7), Nor Aini Hj. Yusuf Shamsuddin (anggota AGABA no.26), Fatimah Hj. Yusuf Shamsudin (anggota AGABA no.27) dan Norasah Hj. Yusuf Shamsuddin (anggota AGABA no.41).<sup>36</sup> Nor Aini, Fatimah dan Norasah ialah anak-anak perempuan Hj. Yusuf Shamsuddin, salah seorang pemimpin Persatuan

<sup>34</sup> Donald Stephens ialah Ketua Pengarang dan Penerbit akhbar *North Borneo News & Sabah Times*. Beliau juga merupakan pemimpin Persatuan Kadazan Sabah dan dilantik oleh kerajaan British menganggotai Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan. Kepemimpinan beliau dalam Persatuan Kadazan menjadikan beliau amat berpengaruh sehingga beliau menjadi Presiden parti United National Kadazan Organisation (UNKO) ketika parti itu ditubuhkan pada tahun 1961. Selepas kemerdekaan dicapai, beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang pertama (1963-1967) dan selepas itu menjadi Yang Dipertua Negeri Sabah. Semasa pemerintahan kerajaan Berjaya, sekali lagi beliau menjadi Ketua Menteri Sabah tetapi hanya memegang jawatan tersebut dalam jangkamasa yang singkat kerana pada 6 Jun 1976 beliau meninggal dunia setelah terlibat dalam kemalangan apabila kapal terbang yang dinaiki beliau dan rombongannya dari Labuan terhempas di Sembulan sebelum mendarat di lapangan terbang Kota Kinabalu.

<sup>35</sup> Buku "AGABA dan PESTA, Julai 1957", disusun oleh K.Bali dan diterbitkan oleh Mr. Donald A. Stephens, *North Borneo News & Sabah Times*, Jesselton North Borneo, Julai 1957, hlm.13.

<sup>36</sup> Ibid., hlm.8-10.

Islam Sabah dan antara tokoh penting yang terlibat dalam penubuhan parti USNO di Sabah. Selain itu pelajar-pelajar perempuan yang belajar di sekolah vernakular Melayu di daerah Jesselton yang turut menyertai acara-acara anjuran AGABA ialah Khadijah Mohidin, Nining Balad, Zainab Lajim, Phyllis Henry, Sukana Zainal Abidin, Maimunah Ahmad, Nor Aini Abdullah dan Fatimah Ladin.<sup>37</sup>

AGABA telah menyemaikan bibit-bibit kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita dan memberi peluang kepada kaum wanita terlibat secara aktif dalam pelaksanaan kegiatan persatuan menerusi pembentukan Jawatankuasa Wanita AGABA. Jawatankuasa Wanita AGABA diketuai oleh Puan Zainon Suhaimi.<sup>38</sup> Beliau dibantu oleh beberapa orang tokoh wanita yang lain seperti Puan Dayang Salmah Salam<sup>39</sup>, Puan Hasnah Edinin dan Puan Nani Lenggang. AGABA menjadi tapak permulaan bagi kaum wanita Sabah, khususnya di daerah Kota Kinabalu bergiat dalam persatuan sosiobudaya seiring dengan kaum lelaki sebelum mereka boleh melangkah lebih jauh untuk menubuhkan persatuan mereka sendiri selepas merdeka.<sup>40</sup>

Selain penglibatan wanita dalam AGABA, pada akhir tahun 1950-an juga menyaksikan penglibatan kaum wanita dalam Persatuan Belia Kadazan Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1959 di Penampang. Persatuan Belia Kadazan Sabah ini merupakan sayap kanan kepada Persatuan Kadazan Sabah. Daripada senarai Ahli Jawatankuasanya terdapat dua orang wanita iaitu Rosalind Yap dan Theresa Mottinggal. Pada tahun 1962, Persatuan Belia Kadazan semakin berkembang dengan penubuhan cawangan di daerah lain seperti di Tamparuli dan Putatan. Daripada senarai AJK

<sup>37</sup> Ibid.

<sup>38</sup> Zainon Suhaimi ( Datin Zainon Suhaimi) ialah isteri kepada Datuk Hj. Suhaimi, bekas Pengarah Radio Sabah. Sejak di bangku sekolah lagi beliau aktif berpersatuan dalam Pandu Puteri, Palang Merah dan pernah menjadi Pengurus pelajar perempuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Perak. Setelah berhijrah ke Sabah mengikuti suaminya, beliau melibatkan diri dalam AGABA sehingga dilantik sebagai Pengurus jawatankuasa wanita AGABA. Beliau berbakat besar dalam bidang seni tarian, fesyen pakaian, jahitan, sulaman, gubahan dan kraftangan. Oleh sebab itulah beliau secara sukarela membimbang ahli-ahli wanita AGABA dan kaum wanita lainnya mengembangkan kemahiran mereka dalam bidang ini.

<sup>39</sup> Nama sebenar beliau ialah Dayang Salmah binti Tamim. Beliau pernah bertugas sebagai Guru Sementara di Government Primary School Sandakan sebelum berhijrah ke Kota Kinabalu mengikuti suaminya Abdul Salam Celestial, seorang kakitangan kerajaan di Jabatan Kereta api Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Di Kota Kinabalu, beliau tinggal berjiran dengan K.Bali, iaitu tokoh yang mencetuskan penubuhan AGABA. Atas dorongan K.Bali, beliau menyertai AGABA dan menjadi guru tarian serta kelas dewasa anjuran AGABA . Beliau kemudiannya bergiat dalam bidang penulisan dan pernah bertugas sebagai wartawan tetap Parti Berjaya (1976-1980). Sehingga awal tahun 2000, beliau masih aktif berkarya khususnya dalam bidang penulisan cerpen dan puisi.

<sup>40</sup> Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin, 'Pertumbuhan Kesedaran Berpersatuan Wanita di Sabah, 1968-1988, *Jurnal PURBA*, Bilangan 35, 2016, hlm.259.

persatuan Belia Kadazan Penampang, Tamparuli dan Putatan pada tahun 1962 itu pula, kaum wanita berpeluang menduduki jawatan yang lebih tinggi misalnya Rose Mapit sebagai Penolong Bendahari (Penampang), Latiffa Gindug sebagai Setiausaha (Tamparuli) dan Edith Binion sebagai Penolong Bendahari (Putatan).<sup>41</sup>

Ketika penubuhan Persatuan Belia Kadazan Bersatu pada tahun 1962 juga menyaksikan nama-nama wanita menjadi Ahli Jawatankuasanya iaitu Carmela, Agatha Lansing dan Catherine. Pada peringkat cawangan juga kelihatan penglibatan kaum wanita Kadazan sebagai AJK tertinggi misalnya cawangan Limbanak, Penampang, Christina Bison sebagai Setiausaha, Catherine Spiji sebagai Penolong Bendahari dan Juliana Madin, Regina Bongkos serta Anastasia Ginajim sebagai Ahli Jawatankuasa. Di cawangan Beaufort, Naomi Lupang sebagai Penolong Setiausaha dan Phelomena Isidore sebagai Bendahari. Di cawangan Membakut pula, Margaret Hii sebagai Bendahari dan Helen Wong sebagai Ahli Jawatankuasa.<sup>42</sup> Penglibatan wanita dalam persatuan ini dan kedudukan mereka sebagai Ahli Jawatankuasa Tertinggi khususnya sebagai Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari walaupun pada peringkat cawangan merupakan suatu perkembangan baharu bagi kaum wanita Kadazan kerana pada tahun 1950-an, atau ketika Persatuan Kadazan Sabah baru ditubuhkan pada 1957, tidak terdapat kaum wanita yang disenaraikan sebagai Ahli Jawatankuasa apatah lagi menduduki jawatan sebagai Setiausaha, Bendahari dan Penolong Bendahari.

Pada awal tahun 1960-an, selain terlibat dalam unit-unit beruniform seperti Pandu Puteri dan Palang Merah, kaum wanita Sabah khususnya golongan beliawanis yang berpendidikan (lepasan sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi) turut menyertai persatuan antarabangsa yang mempunyai cawangan di Sabah seperti Junior Chamber International (JCI). JCI Jesselton ditubuhkan pada 1 Julai 1962 atas inisiatif

<sup>41</sup> Dayu Sansalu, *Kadazan Dusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 2008, hlm.282.

<sup>42</sup> Ibid., hlm.285.

John Hii, Michael Chan dan R.D.Patel.<sup>43</sup> JCI merupakan pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh golongan belia berusia 18 hingga 40 tahun dan cawangannya terdapat di seluruh dunia (lebih daripada 100 buah negara mempunyai cawangan JCI dengan penglibatan 5000 komuniti di seluruh dunia). JCI bertujuan untuk membangunkan potensi golongan belia dan belianis agar mereka boleh membangunkan diri dan komuniti selaras dengan perkembangan semasa dan pembangunan seluruh dunia amnya.<sup>44</sup>

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh JCI bagi membangunkan potensi dan kepemimpinan belia adalah seperti ‘public speaking’ dan kursus ‘skill organising’. Kaum wanita sabah yang menyertai JCI pada era 1960-an dan 1970-an ialah Ariah Tengku Ahmad, Adeline Leong, Zahra Ismail, Jovinia Solibun dan Dayang Mahani Tun Pangiran Ahmad Rafae. Kesemua mereka ini kemudiannya merupakan tokoh pemimpin Sabah sama ada dalam pertubuhan sukarela mahupun dalam bidang pentadbiran dan politik. Maklumat mengenai tokoh-tokoh ini akan dihuraikan dalam bab selanjutnya berkaitan dengan kepemimpinan pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Awal tahun 1960-an juga menyaksikan perkembangan dalam politik tempatan. Ketika parti-parti politik awal ditubuhkan seperti UNKO, USNO dan parti-parti lain, kaum wanita telah dilibatkan sama menjadi anggota parti dan memimpin kaum ibu parti berkenaan. Walau bagaimanapun penglibatan mereka atas dorongan kaum lelaki khususnya suami mereka yang juga sebagai pemimpin dalam parti berkenaan.

Penglibatan wanita dalam persatuan-persatuan sosiobudaya dan persatuan-persatuan belia tempatan atau cawangan dari luar negara dalam tempoh 1950-an sehingga awal 1960-an di bandar Kota Kinabalu membuktikan bahawa kaum wanita sebenarnya bersifat terbuka dan bersedia untuk melibatkan diri bersama-sama dengan

<sup>43</sup> Presiden Penaja JCI Jesselton ialah John Hii, beliau ialah Pengurus M/S Jardine Waugh.Co. Beliau pernah menghadiri Kongres JCI ke-11 di Paris ketika beliau berada di London. Beliau tertarik dengan kerjasama dan persahabatan yang ditunjukkan oleh para peserta daripada seluruh dunia dalam kongres tersebut. Pengalaman tersebut menyebabkan beliau bersama-sama dengan Michael Chan, Pengurus Panggung Cathay di Kota Kinabalu dan R.D.Patel menubuhkan JCI Jesselton bagi menghimpunkan golongan belia dalam satu pertubuhan yang dapat membangunkan golongan belia dan menyediakan peluang untuk mereka meningkatkan potensi diri dan bakat mereka.

<sup>44</sup> Lamanweb JCI Kota Kinabalu, <http://jcikk.org>.

kaum lelaki dalam kegiatan berpersatuan. Mereka boleh digerakkan untuk bersama-sama menjayakan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan yang ada pada masa itu. Walau bagaimanpun, disebabkan bilangan wanita yang berpendidikan masih agak kecil dan terhad di kawasan bandar-bandar sahaja maka belum ada fokus kaum wanita untuk menubuhkan persatuan untuk wanita secara khusus. Oleh sebab itu penglibatan awal wanita Sabah dalam kegiatan berpersatuan di Sabah sebelum kemerdekaan dicapai ialah menjadi ahli persatuan bersama-sama dengan kaum lelaki dalam persatuan yang disertai oleh kaum lelaki dan wanita. Satu perkembangan yang dicapai ialah dari segi peluang untuk mereka menubuhkan jawatankuasa wanita bagi menyusun keahlian wanita dan menarik perhatian kaum wanita lain untuk menyertai persatuan-persatuan yang ada di Sabah pada masa itu.

### **Pertumbuhan dan Perkembangan Pertubuhan Sukarela Wanita Selepas Merdeka**

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan dan bersama-sama Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak membentuk Malaysia pada 16 September 1963, ruang untuk kaum wanita bergiat dalam persatuan semakin terbuka. Tambahan pula bilangan wanita yang mendapat pendidikan menerusi institusi persekolahan secara formal semakin meningkat.<sup>45</sup> Pada tahun 1963, seramai 27,176 orang pelajar perempuan yang bersekolah berbanding hanya 3743 orang pelajar perempuan pada tahun 1947.<sup>46</sup> Penglibatan kaum wanita dalam persatuan-persatuan sosiobudaya dan parti-parti politik awal seperti UNKO dan USNO memberikan ruang yang lebih luas untuk mereka sering bertemu dan bertukar-tukar fikiran. Selepas pembentukan Malaysia juga, pemimpin Kaum Ibu USNO iaitu Toh Puan Hajah Rahma<sup>47</sup> sering berpeluang melawat ke Semenanjung Malaysia dan Sarawak, di mana sudah ada persatuan yang mewakili kaum wanita di negeri-negeri berkenaan seperti Women's Institute (WI) atau Perkumpulan

<sup>45</sup> Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin, 'Pertumbuhan Kesedaran Berpersatuan Wanita di Sabah, 1968-1988', *Jurnal PURBA*, hlm.260.

<sup>46</sup> *The Annual Summary Report of the Department of Education 1963*, hlm.33.

<sup>47</sup> Toh Puan Hajah Rahma ialah isteri kepada Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, Ketua Menteri Sabah pada masa itu di bawah pemerintahan Parti USNO dan beliau juga ialah Ketua Kaum Ibu Parti USNO.

Perempuan Tanah Melayu (PPTM) dan Perkumpulan Perempuan Sarawak. Perkembangan kegiatan pertubuhan wanita di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan di Brunei ternyata mempengaruhi pemimpin wanita Sabah ini untuk menubuhkan persatuan wanita yang serupa dengan pertubuhan wanita di negeri-negeri berkenaan. Dengan adanya pertubuhan wanita, hasrat beliau untuk menghimpunkan seluruh wanita dalam sebuah pertubuhan yang menjurus kepada usaha membangunkan kaum wanita di Sabah akan tercapai.

Pada bulan Mac 1967, rombongan Ahli Jawatankuasa WI telah mengadakan lawatan di Sabah sebagai salah satu kegiatan pertubuhan wanita berkenaan. Selain untuk mengeratkan silaturrahim antara kaum wanita WI dengan kaum wanita di Sabah, lawatan tersebut juga bertujuan untuk melebarkan sayap WI di Sabah. Dalam lawatan tersebut, pemimpin dan ahli jawatankuasa WI menggalakkan penubuhan persatuan wanita di Sabah serta bercadang untuk menjadikan persatuan berkenaan sebagai cawangan WI di Sabah.<sup>48</sup> Kesan daripada lawatan tersebut dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin WI telah mendorong Toh Puan Hajah Rahma untuk menubuhkan persatuan wanita untuk kaum wanita di Sabah. Beliau menyedari bahawa penubuhan persatuan khas untuk wanita menjadi satu keperluan di Sabah pada masa itu kerana melalui persatuan wanita, tenaga kaum wanita dapat digembung untuk bersama-sama meninggikan taraf hidup mereka, keluarga dan masyarakat. Pada tahun 1968, Toh Puan Hajah Rahma kemudiannya telah mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan beberapa orang pemimpin wanita daripada kalangan kaum ibu parti USNO, kakitangan wanita dari Jabatan Ketua Menteri dan pemimpin wanita yang sebelum ini telah bergiat dalam persatuan yang ada di Sabah seperti AGABA pada tahun 1950-an. Perbincangan tersebut diadakan di rumah beliau sendiri di Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Melalui perbincangan tersebut, mereka telah mencapai persetujuan untuk menubuhkan

<sup>48</sup> Sebelum lawatan tersebut WI telah pun meluahkan hasrat berkenaan menerusi Surat daripada Kamsiah Wahab (Setiausaha WI kepada Pn.Zainon Suhaimi (AJK Penaja PPS) yang bertarikh 27 Mac 1967.

Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS). PPS kemudiannya didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah pada 5 Februari 1971.<sup>49</sup> Antara tokoh penting (selain Toh Puan Hajah Rahma) yang menjadi jawatankuasa penaja PPS ialah Puan Betty Lind (isteri Tan Sri Richard Lind), Puan Bandong Hasbollah (isteri Tun. Mohd. Said Keruak), Puan Rufiah Haris (isteri Datuk Harris Mohd. Salleh), Puan Zainon Suhaimi, Puan Hasnah Edinin, Cik Maimunah Hj. Khalid, Puan Sally Teo, Puan Aminah Habib Abdul Rahman, Puan Anna Lee, Hajah Rosnah Tan, Hajah Louiza Ariffin, Cik Yong Aidah Hj. Khalid, Cik Norliah Abdul Jalil dan Puan Payar Juman (isteri Encik Payar Juman).<sup>50</sup>

Walaupun idea penubuhan PPS pada awalnya tercetus daripada pengaruh perkembangan persatuan wanita di Semenanjung Malaysia dan Sarawak, namun setelah PPS ditubuhkan, Toh Puan Hajah Rahma bertegas untuk menjadikan PPS sebagai pertubuhan wanita Sabah yang ditadbir urus secara bersendirian oleh jawatankuasanya. Beliau menolak tawaran daripada WI yang berhasrat untuk menjadikan PPS sebagai cawangan WI di Sabah. Keputusan ini disokong sebulat suara oleh kepimpinan awal PPS kerana mereka berkeyakinan bahawa jawatankuasa yang dibentuk mampu melaksanakan tanggung jawab mereka untuk memastikan PPS dapat bergerak selari dengan keperluan pembangunan wanita Sabah. Mereka juga bimbang sekiranya PPS menjadi cawangan WI, PPS tidak dapat bergerak bebas dalam melaksanakan kegiatan mereka kerana mereka perlu bertindak selaras dengan arahan, peraturan dan ketetapan WI peringkat pusat. Selain itu wujud juga keimbangan sekiranya PPS menjadi cawangan WI, maka sudah tentu sebahagian daripada kewangan yang dikutip daripada aktiviti PPS perlu diserahkan kepada WI pusat. Perkara ini kurang disenangi oleh jawatankuasa PPS kerana untuk melaksanakan program pembangunan wanita di Sabah

<sup>49</sup> Temu bual dengan Datin Zainon Suhaimi pada 16 Ogos 2007 di Kota Kinabalu. Pada masa itu penulis menemubual beliau untuk penghasilan makalah yang bertajuk “Wanita dan Kegiatan Berpersatuhan di Sabah: Satu Tinjauan Terhadap Peranan dan Sumbangan Perkumpulan Perempuan Sabah” yang dibentangkan dalam Seminar Sabah 50 tahun Malaysia Merdeka, anjuran UiTM Cawangan Sabah pada 4-5 September 2007, di Kompleks Tabung Haji Kota Kinabalu, Sabah.

<sup>50</sup> Fail No.WI/68/6, Senarai AJK Penaja PPS, Fail Setiausaha PPS , Pejabat PPS, Sembulan.

memerlukan dana yang besar. Justeru, adalah lebih baik mereka mengusahakannya sendiri dan hasil kewangan tidak perlu diagih-agihkan antara pusat dan cawangan. Akhirnya mereka bersetuju untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan WI meskipun tidak menjadi cawangan kepada persatuan tersebut dan kerjasama juga perlu diperluaskan dengan mana-mana pertubuhan wanita pada peringkat tempatan dan kebangsaan yang mempunyai tujuan yang sama dengan PPS.<sup>51</sup>

Sepanjang tempoh 1968 hingga 1976, PPS muncul sebagai pelopor persatuan wanita yang dapat menggerakkan kaum wanita dalam kegiatan berpersatuan dan menyumbang kepada pembangunan serta pencapaian wanita dalam pelbagai bidang. Kekentalan semangat perjuangan yang berlandaskan semangat kesukarelaan yang tinggi dan kerjasama yang erat dalam kalangan barisan kepemimpinan dan ahli persatuan menjadi aset penting dalam kejayaan PPS menganjurkan pelbagai aktiviti pada masa itu. Sokongan daripada kerajaan negeri sama ada dari segi material dan sokongan moral menjadi faktor penting yang memudahkan PPS bergerak cergas memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha melibatkan wanita dalam persatuan sukarela dan program-program pembangunan wanita.<sup>52</sup> Walau bagaimanapun kegiatan dan perjuangan persatuan ini mula malap selepas kejatuhan parti USNO pada tahun 1976 kerana barisan kepemimpinan PPS dan ahli-ahlinya kebanyakannya juga daripada Kaum Ibu parti USNO. Kesannya PPS tidak dapat lagi melaksanakan program-program seperti yang pernah dilaksanakan sebelum itu pada masa pemerintahan parti Berjaya. Dari tahun 1977 PPS tidak lagi bergiat aktif sehingga pendaftaran PPS digantung oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan kerana tidak mengemukakan laporan minit mesyuarat agung, laporan kewangan dan laporan tahunan kegiatan persatuan dari tahun 1977 sehingga 1981 kepada jabatan berkenaan.<sup>53</sup> Mesyuarat Agung PPS juga tidak

<sup>51</sup> Perkara ini dinyatakan oleh Datin Zainon Suhaimi ketika temu bual penulis dengan beliau pada 16 Ogos 2007, di Kota Kinabalu,

<sup>52</sup> Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin, ‘Pertumbuhan Kesedaran Berpersatuan Wanita di Sabah, 1968-1988’, *Jurnal PURBA*, hlm.261.

<sup>53</sup> Surat Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah, Look Sui Fong kepada Norliah Abdul Jalil, Setiausaha PPS, 13 November 1981.

dapat diadakan sejak tahun 1983 sehingga 1990. Penggantungan tersebut membawa kepada pembatalan PPS pada 28 Oktober 1991.

Walau bagaimanapun pembatalan PPS itu tidak berterusan apabila adanya inisiatif daripada beberapa orang bekas pemimpin PPS seperti Puan Sri Betty Lind, Datin Zainon Suhaimi, Puan Norliah Abdul Jalil dan tokoh-tokoh pemimpin wanita yang baharu seperti Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun dilibatkan dalam PPS untuk mendaftarkan kembali PPS dari tahun 1991 hingga 1995. Penglibatan Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd.Dun<sup>54</sup> sangat penting dalam menggerakkan jawatankuasa PPS menubuhkan PPS (Baru) yang dari segi tujuan penubuhannya adalah untuk meneruskan perjuangan PPS yang lama. PPS(B) telah berjaya didaftarkan semula pada 5 Disember 1995 dengan perubahan nama persatuan kepada Perkumpulan Perempuan Sabah Baru atau PPS(B). Sejak itu, PPS(B) telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada usaha-usaha pembangunan wanita dalam pelbagai bidang selaras dengan arus perkembangan semasa. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab seterusnya berkaitan dengan peranan pertubuhan sukarela wanita dalam pembangunan wanita meliputi bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Ketika kegiatan dan perjuangan PPS mula malap iaitu setelah pucuk pimpinan kerajaan negeri beralih daripada kerajaan USNO kepada kerajaan Berjaya pada tahun 1976, muncul sebuah lagi pertubuhan sukarela wanita yang baharu iaitu Pertubuhan Wanita Sabah atau (PEWASA). PEWASA ditubuhkan pada 24 Februari 1976 dan pelancarannya dirasmikan oleh Toh Puan Hajah Rahimah Stephens pada 22 Julai 1976. PEWASA kemudiannya didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah pada 24 Februari 1978. Idea penubuhan PEWASA tercetus apabila Toh Puan Hajah Rahimah

<sup>54</sup> Datuk Hajah Azizah bte Datuk Seri Panglima Haji Mohd.Dun ialah seorang tokoh wanita yang penting di Sabah. Beliau ialah seorang peguam sebelum terlibat sepenuhnya dalam bidang politik. Beliau pernah menjadi ADUN Klias (1985-86), Ahli Parlimen Beaufort merangkap Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Dalam kabinet negeri Sabah beliau dilantik sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat dan Hal-Ehwal Pengguna selepas dipilih sebagai ADUN Klias dalam pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sabah pada tahun 2008. Dalam pilihan raya Parlimen 2013 pula, beliau sekali lagi dipilih sebagai Ahli Parlimen Beaufort dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Stephens selaku Menteri Kebajikan Masyarakat Sabah memanggil beberapa orang kakitangan wanita Jabatan Ketua Menteri Sabah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan sambutan Hari Wanita peringkat Negeri Sabah. Dalam mesyuarat tersebut, mereka telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah persatuan wanita bagi mengendalikan program Perayaan Hari Wanita peringkat negeri Sabah memandangkan pertubuhan wanita sebelum ini iaitu PPS tidak lagi bergiat aktif.<sup>55</sup>

Barisan kepemimpinan PEWASA pada awal penubuhannya kebanyakannya daripada kalangan kakitangan wanita Jabatan Ketua Menteri Sabah. Antara tokoh wanita yang terlibat dalam penubuhan awal PEWASA ialah Datuk Ariah Tengku Ahmad (Presiden 1976-1977), Masrah Abidin (Timbalan Presiden), Jovinia Solibun (Setiausaha) dan Ahli Jawatan Kuasanya terdiri daripada Helena Kwan, Monica Kong, Josie Perkins, Nancy Yew dan Noni Said.<sup>56</sup> Sebagai setiausaha penaja PEWASA, Jovinia Solibun telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan penubuhan persatuan, mengendalikan urusan pentadbiran dan membentuk jawatankuasa merangka perlembagaan PEWASA. Beliau telah mendapatkan nasihat dan panduan daripada pemimpin-pemimpin WI dan Perkumpulan Perempuan Sarawak. Beliau berkunjung ke pejabat WI untuk mempelajari bagaimana pengalaman WI menguruskan persatuan. Pada masa yang sama beliau juga berpeluang bertemu dengan tokoh-tokoh pemimpin wanita seperti Tan Sri Fatimah Hashim (pemimpin NCWO) dan Khamsiah Ibrahim (pemimpin WI). Bimbingan dan galakan daripada pemimpin-pemimpin wanita tersebut menguatkan tekad beliau untuk menggerakkan kegiatan-kegiatan PEWASA untuk kepentingan kaum wanita di Sabah.<sup>57</sup> Dari tahun 1977 hingga 1983, Puan Jovinia Solibun dipilih sebagai Presiden PEWASA yang pertama.

<sup>55</sup> Temu bual dengan Puan Jovinia Solibun pada 27 Februari 2012 di Kota Kinabalu. Puan Jovinia ialah kakitangan wanita Division 1 di Jabatan Ketua Menteri pada masa PEWASA ditubuhkan. Maklumat berkaitan sejarah penubuhan PEWASA ini juga diberikan oleh AJK PEWASA lain yang turut hadir dalam sesi temu bual tersebut iaitu Puan Hanizah Abdullah (Presiden PEWASA), Puan Hasnah Sufian (Setiausaha), Datin Malim Wahid (Bendahari) dan Puan Jamaliah Parman (Bekas AJK Tertinggi PEWASA)

<sup>56</sup> Fail Setiausaha PEWASA, Senarai AJK Penaja PEWASA, 1976.

<sup>57</sup> Temu bual dengan Puan Jovinia Solibun pada 27 Februari 2012 di Kota Kinabalu.

PEWASA terbuka kepada semua wanita Malaysia di Sabah yang berumur 15 tahun ke atas dan berdasarkan prinsip perpaduan, persahabatan, tolong-menolong, dan berkhidmat kepada rakyat dan negara. PEWASA bukan sebuah pertubuhan kaum, agama atau pun sayap pertubuhan politik.<sup>58</sup> Sifat terbuka PEWASA dalam soal keahlian ini merupakan satu perkembangan baharu dalam perkembangan pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Jika sebelum ini, PPS enggan menjadi cawangan kepada WI di Semenanjung Malaysia, kerana lebih selesa bergerak sendiri sebagai sebuah pertubuhan sukarela wanita pada peringkat negeri Sabah, tetapi PEWASA pula sebaliknya dan bernaung di bawah NCWO. Hal ini disebabkan, barisan kepemimpinan PEWASA yang awal mahu memastikan PEWASA bergerak seiring dengan pertubuhan sukarela wanita pada peringkat kebangsaan. Dalam soal penubuhan dan menggerakkan persatuan pada peringkat awal, PEWASA banyak menimba pengalaman daripada WI dan NCWO. Faktor inilah yang menyebabkan PEWASA membuka ruang kepada sesiapa sahaja wanita Malaysia yang berada di Sabah untuk menyertai PEWASA dan seterusnya boleh memberikan sumbangan dalam menjayakan matlamat pertubuhan tersebut. Tambahan pula PEWASA ditubuhkan selepas 13 tahun pembentukan Malaysia, yang ketika itu soal integrasi nasional begitu ditekankan oleh kerajaan Malaysia dalam mengukuhkan hubungan yang baik dan erat antara penduduk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

PEWASA merupakan ahli gabungan kepada NCWO dan ahli Associated Country Women of the World (ACWW) yang beribu pejabat di London. Sejak tahun 1976 sehingga 1987, PEWASA diberikan kepercayaan oleh kerajaan negeri Sabah sebagai pengajur sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain di Sabah. Selepas lima tahun penubuhannya PEWASA telah berjaya melebarkan pergerakannya dengan penubuhan 25 buah

---

<sup>58</sup> Profil PEWASA dalam Laporan Kegiatan PEWASA 2001.

cawangan di seluruh Sabah. Bilangan cawangan ini semakin bertambah, misalnya pada tahun 1979 hanya ada 7 cawangan, 1982: 15 cawangan, 1983: 25 cawangan, 1984: 30 cawangan, 1987: 49 cawangan, 1995: 60 cawangan dan pada tahun 2001, bilangan cawangan tersebut meningkat kepada 63 cawangan di seluruh Sabah.<sup>59</sup> Dari tahun 1976 sehingga tahun 2003, PEWASA telah melaksanakan pelbagai kegiatan dan memberikan sumbangan yang besar dalam proses pembangunan wanita dan masyarakat di Sabah. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab selanjutnya berkaitan dengan kegiatan dan peranan pertubuhan ini dalam pembangunan wanita di Sabah.

Pengaruh emansipasi wanita terhadap pertubuhan sukarela wanita semakin bertambah kuat menjelang tahun-tahun 1970-an, khususnya jika ditinjau dari segi perubahan corak aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan wanita yang ada di Malaysia pada ketika itu. Mulai tahun-tahun 1980-an juga, kegiatan pertubuhan wanita dipengaruhi oleh beberapa dimensi “kesedaran baharu” hasil daripada beberapa perubahan, sama ada di dalam negeri mahu pun pada peringkat antarabangsa. Selain adanya kesedaran gender, kegiatan pertubuhan wanita amat dipengaruhi oleh kesedaran tentang hak-hak asasi manusia. Gerakan feminism antarabangsa (khasnya seperti yang tergambar melalui persidangan-persidangan wanita sedunia yang kebiasaannya disusuli dengan persidangan-persidangan pada peringkat tempatan) dan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi yang semakin meluas telah membolehkan kesedaran tersebut berkembang dengan pesat.<sup>60</sup>

Perkembangan “kesedaran baharu” ini di Sabah dapat dilihat pada pertengahan tahun 1980-an. Munculnya pertubuhan sukarela wanita yang berlatarbelakangkan isu-isu semasa yang dihadapi kebanyakan golongan wanita seperti keganasan terhadap wanita, perkahwinan wanita tempatan dengan orang asing, pengabaian suami terhadap isteri dan keluarga, hak isteri setelah berlaku penceraian, hak terhadap penjagaan anak-

<sup>59</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Tahun 2001.

<sup>60</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006, hlm. 24-25.

anak dan pembahagian harta. Pertubuhan sukarela wanita yang dimaksudkan ini ialah Sabah Women Action Resource Group (SAWO) atau Persatuan Daya Tindakan Wanita Sabah. SAWO ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis wanita pada pertengahan bulan Mac 1985 sebagai kesan daripada penyertaan mereka dalam Bengkel dan Pameran Menghalang Keganasan Terhadap Wanita yang dianjurkan oleh pertubuhan yang dikenali sebagai Joint Action Group Against Violence Against Women (JAG)<sup>61</sup> selepas sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 1985. Bengkel selama dua hari itu memfokuskan isu keganasan rumah tangga, perkosaan terhadap wanita, gangguan seksual, paparan negatif tentang wanita dalam media, pelacuran dan diskriminasi undang-undang terhadap wanita. Bengkel tersebut diadakan berterusan dalam beberapa siri di pelbagai tempat seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Sarawak dan di Sabah.

Di Sabah, Bengkel dan Pameran Menghalang Keganasan Terhadap Wanita itu dikendalikan oleh SAWO pada 20-21 September 1986. Bengkel tersebut membuka penyertaan kepada kaum lelaki dan wanita. Pada masa yang sama SAWO mengambil inisiatif melancarkan “Kempen Menghalang Keganasan Terhadap Wanita”.<sup>62</sup> SAWO dilancarkan oleh Datuk Aria Tengku Ahmad, Menteri Perkhidmatan Sosial Sabah ketika kempen tersebut dijalankan dan SAWO kemudiannya didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah pada bulan April 1987. Datuk Aria Tengku Ahmad telah dilantik menjadi penasihat SAWO dari tahun 1986 sehingga 1994. Antara aktivis wanita yang terlibat dengan penubuhan SAWO ialah Mary Lee, Doreen Edward, Winnie Yee, Angela Foo dan Anne Lasimbang. Atas kesedaran mereka bahawa ramai wanita tidak memahami peranan mereka dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan wanita, SAWO mengambil tindakan melalui persatuan untuk menggerakkan wanita-wanita dengan kerjasama kaum lelaki untuk menolong antara satu sama lain bagi

<sup>61</sup> JAG ditubuhkan pada 1 Oktober 1984, terdiri daripada lima buah NGO iaitu *Women's Aids Organization* (WAO), *Association of Women Lawyers* (AWL), *University Women's Association* (UWA), Bahagian Wanita MTUC dan Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (Biro Wanita PPSWP). Untuk maklumat lebih lanjut, sila rujuk: Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, hlm.25-26; Cecilia Ng, Maznah Mohamad dan Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia*, London: Routledge Malaysian Studies Series, 2006, hlm.43-44.

<sup>62</sup> *Women in Sabah Needs Concerns Aspiration*, Kota Kinabalu: Sabah Women Action Resource, 1992, hlm.117-118.

menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita di samping memperbaiki status wanita dalam masyarakat.<sup>63</sup> Keganasan terhadap wanita dan perkosaan menyebabkan mangsa-mangsa wanita selalunya terus mengalami penderitaan secara bersendirian kerana kurangnya penerangan dan cara-cara wanita untuk mempertahankan diri daripada berlakunya keganasan-keganasan tersebut. Penganjuran bengkel dan pameran oleh SAWO bertujuan mencari punca sebenar masalah keganasan terhadap wanita, mencari jalan untuk mengurangkan keganasan tersebut, menggalakkan tindakan selanjutnya untuk meningkatkan kesedaran awam dan kempen untuk menggalakkan wanita-wanita Sabah bekerjasama bagi menangani masalah berkenaan.<sup>64</sup> Pelbagai kegiatan yang telah dilaksanakan oleh SAWO dalam menangani isu-isu wanita ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab keempat kajian ini.

Pertubuhan sukarela wanita di Sabah semakin berkembang dengan aktiviti yang semakin meluas apabila Sabah Women Entrepreneurs & Professionals Association (SWEPA) ditubuhkan pada bulan Mac 1993 dan didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada bulan Mei 1994. SWEPA terbentuk daripada Jawatankuasa Ekonomi Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS). SWEPA merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan untuk membantu membangunkan golongan professional dan usahawan wanita. SWEPA membuka keahliannya kepada wanita Malaysia yang tinggal di Sabah khususnya yang memiliki ekuiti dalam perniagaan dan golongan wanita profesional yang memiliki diploma dan ijazah. Pada tahun 1998, SWEPA mempunyai 199 orang ahli di seluruh Sabah iaitu 147 orang di Kota Kinabalu, 31 orang di Sandakan dan 21 orang di Tawau.<sup>65</sup> Matlamat SWEPA adalah untuk menjadikan golongan usahawan dan profesional wanita berada di barisan hadapan dalam pembangunan ekonomi negeri, bangsa dan negara. Menerusi jaringan kerja dan pelbagai program yang dijalankan,

<sup>63</sup> Fail A/P SAWO 7, 13/88. Sabah Women Action Resource Group. Arkib Negeri Sabah.

<sup>64</sup> Fail A/P SAWO 5, 12/88. Workshop/Exhibition “Campaign Against Violence on Women” 20-21 September 1986. Arkib Negeri Sabah.

<sup>65</sup> Nancy Ho, ‘Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah’, dalam Seminar *Women and Entrepreneur Development*, yang dianjurkan oleh Institute For Development Studies Sabah (IDS) pada 20-21 April 1998, di Resort Shangri-La Tanjung Aru, Kota Kinabalu, hlm.11

SWEPA berhasrat untuk menjana perubahan serta dapat meninggikan imej ahlinya dalam kalangan masyarakat. SWEPA juga berusaha untuk menyediakan landasan bagi usahawan wanita dan golongan profesional dengan jaringan kerja yang lebih luas dan menyediakan latihan yang mereka perlukan.

Selain pertubuhan sukarela wanita yang memfokus kepada kaum wanita secara umum, wanita Sabah dalam tempoh kajian ini khususnya sejak tahun 1980-an juga terlibat dalam kegiatan Pertubuhan Wanita Kesatuan Sekerja, Pertubuhan Sukarela (kebajikan) dan Pertubuhan Beruniform. Kewujudan pertubuhan wanita yang pelbagai jenis itu boleh dirujuk dalam jadual 2.1 seperti berikut.

**Jadual 2.1:** Senarai Pertubuhan Wanita yang Berdaftar di Sabah Tahun 2000.

Jenis / Nama Pertubuhan
<b>A. Pertubuhan Sukarela (Kebajikan):</b>
1. Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS)
2. Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA)
3. Persatuan Tindakan Wanita Islam Sabah (PERTIWISA)
4. Kumpulan Daya Tindakan Wanita Sabah / Sabah Women Action Resource Group (SAWO)
5. Sabah Women Entrepreneurs and Professional Association (SWEPA)
6. Gabungan Persatuan Wanita Cina Sabah
7. Persatuan Kebajikan Balu Kota Kinabalu
8. Persatuan Ibu Tunggal Pantai Barat Selatan
9. Persatuan Peniagawati Sabah
10. Persatuan Biro Wanita Bugis
11. Jiran Wanita Kota Kinabalu
12. Persatuan Wanita Islam Ranau
13. Intan Junior Chamber
14. Inner Wheel Club of Kota Kinabalu
15. Kota Kinabalu Chinese Women's Association
16. Kota Kinabalu Hakka Association (Women Division)
17. Lions Club of Kota Kinabalu
18. Persatuan Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-kanak Sabah
19. Wanita SABATA
20. Persatuan Perkumpulan Wanita Kinabalu (PERWANIKA)
21. Yayasan Huminodon
22. Sabah Association of Senior Citizen
23. Persatuan Ibu Tunggal Nur Hikmah
24. Persatuan Ibu Tunggal Daerah Kudat
25. Pertubuhan Pembangunan Wanita Desa (DESANITA) Pantai Barat Sabah
26. Kumpulan Nelayan Wanita, Persatuan Bantuan Makanan dan Kebajikan Penampang Sabah (PERMAK)
27. Persatuan Kebajikan Wanita Inanam
28. Persatuan Wanita Anggerik Bersatu Pantai Barat Sabah

## Sambungan Jadual 2.1

Jenis / Nama Pertubuhan
29. Biro HELWA ABIM
30. KDCA Women Affairs Unit
31. Sabah Family Planning Association (SFPA)
32. Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-wakil Rakyat Sabah (BAKISA)
33. Badan Wanita USIA, Partners of Community Organization Sabah (PACOS)
34. Franciscan Sisters of the Immaculate Conception (FSC)
35. Catholic Women Apostolate Tambunan.
<b>B. Pertubuhan Beruniform:</b>
1. Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Sabah
2. Pergerakan Puteri Islam Negeri Sabah
3. Girl Brigade Regional District Representative of Sabah for Girls Brigade.
<b>C. Pertubuhan Wanita Kesatuan Sekerja:</b>
1. Persatuan Kakitangan Wanita dan Isteri Kakitangan Awam (PUSPANITA)
2. Sabah Association of Secretaries (SAS)
3. Sabah Nurses Association (SANA)
4. Persatuan Wanita Kastam (PERWAKAS)
5. Persatuan Guru-guru Wanita Sabah (PGWS)
6. Persatuan Wanita dan Isteri Kakitangan Pos (PUTERI POS)
7. Wanita Persatuan Keluarga Polis Sabah (PERKEP)
8. Wanita Persatuan Keluarga Polis PGA Sabah
9. Wanita Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT)
10. Wanita Persatuan Penjara Sabah (PERSIAP)
11. Wanita Persatuan Keluarga Bomba Malaysia Sabah (PERKEBA)
12. Persatuan Wanita Jabatan Pelajaran Sabah, Persatuan Wanita Sabah Electricity Sdn.Bhd (SESWANIS)
13. Persatuan Isteri-isteri dan Anggota Wanita Telekom Malaysia Sabah Cawangan Sabah(TIARANITA)
14. Biro Wanita Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)
15. Persatuan Isteri-isteri dan Kakitangan Wanita PETRONAS (PETRONITA)
16. Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA)
17. Sabah Muslim Women Lawyers Association (SALWA)
18. Persatuan Pekerja Wanita Yayasan Sabah/ICSB,
19. Persatuan Wanita Jabatan Perhutanan Sabah (WAJAH)
20. Persatuan Wanita UiTM Cawangan Sabah(PEWANI)

Sumber: Senarai Pertubuhan Wanita Sabah 2000, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

Daripada senarai pertubuhan wanita yang ada di Sabah pada tahun 2000 seperti yang terdapat dalam Jadual 2.1, menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan kaum wanita di Sabah menujuhan pertubuhan wanita pada sama ada peringkat daerah dan negeri Sabah atau menjadi cawangan kepada pertubuhan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bilangan pertubuhan wanita jenis pertubuhan kebajikan mendahului

senarai terbanyak diikuti oleh jenis pertubuhan wanita kesatuan sekerja. Manakala hanya terdapat tiga pertubuhan wanita dari jenis pertubuhan beruniform di Sabah. Dengan adanya pelbagai jenis pertubuhan wanita yang terdapat di Sabah sama ada pada peringkat daerah, negeri, cawangan pertubuhan wanita kebangsaan dan antarabangsa ini memberikan peluang yang lebih luas kepada kaum wanita untuk memilih jenis persatuan yang boleh mereka sertai sesuai dengan latar belakang, lokasi tempat tinggal, pekerjaan dan keperluan wanita itu sendiri. Walau bagaimanapun penglibatan kaum wanita dalam persatuan-persatuan yang disenaraikan itu tidak difokuskan dalam kajian ini kerana fokus kajian hanya kepada empat pertubuhan sukarela wanita seperti yang telah dinyatakan dalam skop kajian pada bab pendahuluan kajian ini.

## **Kesimpulan**

Kemunculan kesedaran berpersatuan dan pertumbuhan pertubuhan sukarela wanita di Sabah merupakan kesan daripada peluang-peluang pendidikan yang dinikmati oleh kaum wanita di Sabah selepas Perang Dunia Kedua. Penglibatan awal wanita Sabah dalam kegiatan berpersatuan bermula seawal peringkat persekolahan lagi ketika pelajar-pelajar perempuan berpeluang menyertai kegiatan-kegiatan pasukan beruniform seperti Pandu Puteri, Palang Merah dan Persatuan Bulan Sabit Merah. Penglibatan awal dalam pasukan beruniform itu menyebabkan pelajar-pelajar perempuan mendapat pendedahan tentang kegiatan berpersatuan dan penerapan nilai-nilai kepimpinan serta kerjasama dalam sebuah pasukan. Apabila persatuan-persatuan sosiobudaya mula ditubuhkan di bandar Kota Kinabalu pada tahun 1950-an, ruang untuk pelajar-pelajar perempuan terlibat dalam kegiatan berpersatuan di luar sekolah semakin meluas. Mereka bersama-sama dengan wanita dewasa yang menjadi ahli persatuan sosiobudaya seperti AGABA melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan anjuran persatuan-persatuan sosiobudaya berkenaan.

Perkembangan pertubuhan sukarela wanita di Sabah dalam tempoh kajian ini juga dapat dibahagikan kepada dua tahap berdasarkan penglibatan kaum wanita dalam kegiatan berpersatuan. Tahap pertama ialah sejak merdeka 1963 hingga awal tahun 1980-an dan tahap kedua ialah dari pertengahan tahun 1980-an hingga tahun 2003. PPS sebagai pelopor pertubuhan sukarela wanita di Sabah mewakili pertubuhan sukarela wanita pada tahap pertama ini yang memfokus kepada usaha melibatkan wanita dalam kegiatan berpersatuan dan menumpukan kepada soal-soal kebijakan wanita dan pembangunan kekeluargaan. Manakala PEWASA pula meneruskan perjuangan PPS dengan memfokuskan penerusan usaha-usaha pembangunan wanita khususnya pembangunan kekeluargaan, pendidikan, ekonomi dan kesihatan wanita. Tahap kedua pula diwakili oleh SAWO dan SWEPA yang memperlihatkan kematangan pertubuhan sukarela wanita pada tahap tersebut kerana mereka tidak lagi bergantung kepada sokongan kerajaan semata-mata dalam menggerakkan kegiatan mereka. Sebaliknya kedua-dua pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita itu berupaya menjadi kumpulan pemikir dan pemantau yang membantu kerajaan dalam pelaksanaan program pembangunan untuk wanita. SAWO memfokus kepada usaha meningkatkan kesedaran wanita dan masyarakat tentang hak-hak wanita dan menangani isu-isu wanita yang kurang diberikan perhatian oleh kerajaan dan masyarakat. SWEPA pula memfokuskan pembangunan wanita dalam bidang perniagaan dan profesional selaras dengan perkembangan semasa dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Dari segi keahlian, ternyata PEWASA, SAWO dan SWEPA bersedia membuka keahliannya kepada semua wanita di Malaysia iaitu tidak terhad kepada kaum wanita di Sabah sahaja iaitu keahlian yang bersifat rentas etnik, rentas agama dan budaya. Ketiga-tiga pertubuhan ini juga bersedia untuk menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pertubuhan yang mempunyai objektif yang sama dengan pertubuhan mereka sama ada pada peringkat kebangsaan mahu pun pada peringkat antarabangsa. Perkara ini

menyebabkan ketiga-tiga pertubuhan ini terdedah kepada perkembangan semasa yang berlaku dalam gerakan wanita di seluruh dunia dan mendapat manfaat dari segi jaringan kerja yang lebih luas. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab-bab berikutnya berkenaan dengan struktur pertubuhan dan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini dalam usaha membangunkan wanita di Sabah.

## **BAB 3 : PERKEMBANGAN PERTUBUHAN SUKARELA WANITA**

### **Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan perkembangan empat pertubuhan sukarela wanita yang dipilih sebagai subjek kajian dari segi organisasi dan struktur pertubuhan, keanggotaan dan kepemimpinan pertubuhan. Penelitian terhadap aspek organisasi dan struktur pertubuhan akan memaparkan perkembangan dan perubahan yang dilalui oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Peningkatan kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita menjadi pemangkin kepada perkembangan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini. Justeru, usaha untuk meningkatkan kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita digerakkan secara berterusan seiring dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Selain itu, peranan dan kejayaan pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini juga bergantung kepada daya kepemimpinan dan kepakaran jawatankuasa tertinggi pertubuhan serta keanggotaan yang aktif.

### **Organisasi Pertubuhan Sukarela Wanita**

Penubuhan sesebuah pertubuhan itu melambangkan pencapaian dalam kehidupan sesebuah masyarakat yang lebih sistematik. Oleh itu, sesebuah pertubuhan itu perlu dikelolakan dengan rapi, tersusun, teratur dengan sempurna agar setiap orang dapat berhubung, bertindak sesama mereka untuk mencapai matlamat atau tujuan yang direstui bersama atau yang telah dirancangkan oleh ahli-ahlinya. Tanpa organisasi atau pertubuhan itu, mereka hanyalah individu-individu yang bersendirian dan terpisah daripada tujuan undang-undang organisasi itu.<sup>1</sup> Dalam kebanyakan pergerakan, termasuklah pergerakan wanita, organisasilah yang menjadi jentera ulung bagi sesuatu pergerakan dalam memajukan objektifnya dan untuk menyatupadukan sumber dan

<sup>1</sup> Sukarziah Sulaiman, Analisis Aktiviti Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia (1976-1980): Satu Kajian Ke atas 56 Pertubuhan Wanita Malaysia, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982/83, hlm.14.

tenaga supaya asas kepercayaan, keyakinan dan falsafah pergerakan itu sendiri tidak mati atau hilang begitu sahaja. Tanpa organisasi, perkembangan sesebuah pergerakan itu akan lumpuh kerana ketandusan jentera yang boleh menyusun matlamat dan arah tujuannya serta mengurus kegiatan-kegiatannya. Oleh itu gagal atau berjayanya matlamat sesebuah pergerakan itu sangat bergantung kepada cara organisasi itu disusun dan dibentuk untuk menjalankan fungsinya seperti yang ditetapkan dalam objektif sesebuah pergerakan.<sup>2</sup> Faktor penting yang menyebabkan terbentuknya sesebuah organisasi itu adalah untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu berdasarkan kepada prinsip-prinsip kepentingan bersama. Organisasi sebagai senjata atau alat yang mengemukakan cara-cara yang paling rasional sekali untuk menjalankan sesuatu tindakan bagi mencapai sesuatu matlamat yang khusus, tegas dan pada amnya diterima oleh sesebuah kumpulan individu.<sup>3</sup> Perkara pertama yang akan diuraikan berkaitan dengan organisasi dan struktur pertubuhan sukarela wanita yang terpilih ini adalah tentang objektif pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan.

### **Objektif Pertubuhan Sukarela Wanita**

Berdasarkan empat buah pertubuhan sukarela wanita Sabah yang dikaji, jelas menunjukkan setiap pertubuhan tersebut mempunyai matlamat-matlamat tertentu yang berdasarkan prinsip-prinsip kepentingan bersama. Melalui organisasi juga, mereka berjuang untuk mencapai matlamat yang ditetapkan menerusi pelbagai kegiatan yang dirancang dan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Huraian terhadap objektif pertubuhan-pertubuhan ini akan dibincangkan secara sekaligus bagi memudahkan perbandingan dibuat terhadap objektif yang ditetapkan oleh setiap pertubuhan sukarela wanita tersebut.

#### **1. Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS)**

<sup>2</sup> Siti Zaharah Sulaiman, Perkembangan Perhubungan Wanita dan Sumbangannya Terhadap Penglibatan Wanita, Prosiding Seminar Wanita Malaysia Masa Kini, 13-14 Mac 1979, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.2.

<sup>3</sup> Ibid., hlm.16.

Antara objektif utama penubuhan PPS adalah untuk mengadakan sebuah pertubuhan yang membolehkan kaum wanita terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar terlibat secara aktif dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Selain itu PPS juga bertujuan untuk membuka peluang kepada kaum wanita bersatu dan bekerjasama dalam melaksanakan usaha-usaha ke arah kemajuan dan kebajikan, kesejahteraan rumahtangga, kesejahteraan jiran dan kemakmuran negeri.<sup>4</sup> Bagi mencapai objektif tersebut, Jawatan kuasa PPS telah merancang masa depan PPS dengan menetapkan beberapa program yang akan dijalankan untuk kepentingan kaum wanita dan masyarakat sesuai dengan tujuan dan aspirasi penubuhannya. Antara program yang dirancang adalah pengajuran seminar-seminar, kursus-kursus, dan forum-forum yang sesuai untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan kaum wanita di samping pengajuran aktiviti-aktiviti lain yang akan difikirkan dari semasa ke semasa. Selain itu, PPS juga merancang untuk menyediakan tempat perlindungan sementara kepada kaum wanita yang teraniaya bagi menjaga kebajikan mereka. PPS akan mengadakan perjumpaan dengan kaum wanita sebagai usaha memperkenalkan PPS kepada mereka di samping sebagai usaha untuk mengeratkan silaturrahim, menjalin persefahaman dan menyemaikan nilai bekerjasama dalam kalangan mereka.

## 2. Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA)

Objektif penubuhan PEWASA adalah untuk memperbaiki dan memajukan keadaan hidup terutama sekali penduduk-penduduk luar bandar, di samping menjalin perasaan saling hormat-menghormati, muhibbah dan persahabatan dalam kalangan ahli-ahlinya yang pelbagai kaum. PEWASA mahu bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain untuk memajukan dan meninggikan kedudukan wanita dari segi undang-undang, ekonomi, kebudayaan, sosial, moral dan pelajaran. PEWASA berusaha untuk bergabung dengan Majlis Perunding Negara, iaitu sebuah badan khas di Jabatan Perdana Menteri yang mengintegrasikan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan

---

<sup>4</sup> Fasal 4- TUJUAN-TUJUAN PPS- Perlembagaan Perkumpulan Perempuan Sabah.

negara. Selain itu PEWASA juga menggalakkan kegiatan-kegiatan kebudayaan, memperingati dan merayakan Hari Wanita pada tarikh 25 Ogos setiap tahun serta menjalankan kegiatan-kegiatan yang lain selaras dengan tujuan dan matlamat PEWASA. Objektif seterusnya adalah untuk menggalakkan wanita menyertai usaha membangun dan memajukan negara. PEWASA juga mahu mewujudkan peluang bagi ahli-ahli PEWASA untuk mengambil bahagian dan menyertai syarikat-syarikat kerjasama yang berdaftar di bawah pendaftaran syarikat kerjasama. Bagi menjayakan matlamat PEWASA, pertubuhan sukarela wanita ini menetapkan objektif untuk membeli, menerima atau mempusakai harta, tanah atau bangunan atau menyewa tempat bagi kegunaan PEWASA untuk melaksanakan kegiatan mereka di samping menambah dan menjaga tabungan yang ada.<sup>5</sup>

### 3. Sabah Women Action Resource Group (SAWO)

SAWO pula menetapkan objektif untuk mengumpulkan dan menyebarkan maklumat-maklumat mengenai isu-isu yang melibatkan wanita, contohnya isu wanita dan kesihatan serta diskriminasi pekerjaan. SAWO juga mahu membimbing dan menggerakkan wanita untuk memperbaiki status mereka, sebagai contohnya adalah kempen untuk mengubah undang-undang yang dianggap tidak adil terhadap wanita. Selain itu, SAWO mahu menujuhkan satu pusat krisis dan kemudahan-kemudahan lain yang boleh memberi bantuan dari segi menyelesaikan masalah-masalah perundangan, sosial dan pelbagai bentuk sokongan kepada wanita yang memerlukannya. Objektif terakhir SAWO adalah untuk meningkatkan kesedaran wanita membina sifat berdikari dan dapat melaksanakan peranan mereka dengan lebih baik dalam keluarga, kerjaya dan masyarakat sekeliling mereka.

---

<sup>5</sup> Perlembagaan & Peraturan Pertubuhan Wanita Sabah (PEWASA).

#### 4. Sabah Women Entrepreneurs & Professional Association (SWEPA)

SWEPA ditubuhkan bagi mencapai objektif untuk menjalinkan persahabatan dan mengukuhkan hubungan antara golongan usahawan atau peniaga wanita dengan golongan professional wanita. Bagi mencapai pembangunan nasional, SWEPA menggariskan objektif untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Perusahaan-perusahaan Awam. SWEPA juga mahu memberikan komen atau ulasan terhadap undang-undang tertentu, ordinan, akta dan enakmen yang mempunyai impak dan relevan dengan ahli perniagaan dan golongan professional. Objektif berikutnya adalah untuk bergabung dan bekerjasama dengan badan-badan atau agensi-agensi lain di negeri-negeri lain dalam Malaysia dan mana-mana badan antarabangsa yang mempunyai objektif serta matlamat yang sama dengan SWEPA. SWEPA mahu menyediakan dan membantu ahli-ahli untuk mendapatkan ilmu, latihan dan perkhidmatan dalam pelbagai bidang perniagaan dan bidang professional serta bertindak sebagai penasihat kepada usahawan wanita yang menonjol dan berpotensi. Selain itu, SWEPA berhasrat untuk mengumpul, mengintegrasikan dan menyebarkan data, statistik dan maklumat lain yang berkaitan dengan perniagaan dan profesion dalam kalangan ahlinya. Objektif yang terakhir pula adalah SWEPA mahu mempunyai wakil daripada kalangan ahlinya yang mempunyai autoriti dalam pelbagai jabatan kerajaan, badan-badan dan agensi-agensi lain.<sup>6</sup>

Daripada objektif keempat-empat pertubuhan sukarela wanita yang dinyatakan itu jelas menunjukkan bahawa semua pertubuhan sukarela wanita berkenaan memfokus kepada usaha untuk membangunkan wanita, menyedarkan wanita tentang hak mereka dan usaha melindungi kepentingan wanita serta meningkatkan status wanita di sisi masyarakat. Peningkatan status wanita dan pembangunan mereka dalam pelbagai bidang itu sangat penting sebagai pendorong kepada wanita untuk menyumbang tenaga mereka dalam proses pembangunan negeri dan negara. Meskipun keempat-empat

<sup>6</sup> Perlembagaan Sabah Women Entrepreneurs & Professional Association (SWEPA).

pertubuhan sukarela wanita ini mempunyai objektif yang hampir sama namun setiap pertubuhan mempunyai pendekatan tersendiri dalam mencapai objektif yang ditetapkan itu. PPS sebagai pelopor awal pertubuhan sukarela wanita di Sabah ternyata memberikan fokus utama kepada peningkatan kesedaran wanita untuk melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuhan supaya kaum wanita dapat keluar daripada kepompong nilai-nilai tradisi yang memingitkan mereka dalam lingkungan keluarga dan rumah tangga sahaja. Penglibatan dalam kegiatan berpersatuhan dilihat sebagai satu cara mendedahkan kaum wanita terhadap kemajuan semasa dan membolehkan mereka mendapat pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran yang berguna untuk kemajuan wanita, keluarga mereka dan masyarakat umumnya.

PEWASA yang muncul pada akhir tahun 1970-an pula telah banyak membuka peluang kepada kaum wanita meningkatkan kemahiran menerusi program kemahiran dan ekonomi rumah tangga. Oleh sebab itu, objektif PEWASA untuk membangunkan kaum wanita khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar adalah selari dengan program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya di bawah kendalian agensi kerajaan seperti Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Pertanian. Justeru, kerjasama antara PEWASA dengan jabatan dan agensi kerajaan berkenaan mempercepatkan lagi kesampaian program-program pembangunan untuk kumpulan wanita yang menjadi sasaran menerusi penglibatan cawangan-cawangan PEWASA yang terdapat di seluruh negeri Sabah.

SAWO merupakan pertubuhan yang mewakili pertubuhan sukarela wanita di Sabah yang muncul pada era kesedaran gender yang semakin berkembang dalam kalangan wanita khususnya bagi golongan yang berpendidikan atau golongan profesional wanita. Pertubuhan sukarela ini menetapkan objektif yang lebih menumpukan pencapaian matlamat untuk meningkatkan kesedaran gender dalam kalangan wanita, dan mengetengahkan isu-isu wanita yang semakin meluas seperti

pengabaian dan keganasan ke atas wanita. Dalam usaha mencapai matlamat untuk melindungi kepentingan wanita, SAWO sering bertindak sebagai kumpulan pendesak kepada pihak kerajaan agar melaksanakan pelbagai usaha untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh kaum wanita itu. Pada masa yang sama SAWO juga menjadi pemantau terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan badan-badan yang berkaitan dalam menangani isu-isu wanita yang diketengahkan itu.

SWEPA pula ialah pertubuhan sukarela wanita yang keahlian dan kepemimpinannya berlatarbelakangkan wanita profesional dan golongan usahawan wanita. Menerusi SWEPA, wanita profesional dan golongan usahawan wanita dapat dihimpunkan dalam satu pasukan yang memudahkan tenaga dan buah fikiran mereka dimanfaatkan bagi usaha membangunkan wanita. Objektif SWEPA lebih menjurus kepada usaha membangunkan wanita dan mengembangkan potensi mereka agar lebih ramai golongan wanita yang akan menceburi bidang keusahawanan. Bagi mencapai matlamat tersebut, SWEPA bertindak sebagai penasihat dan membimbing wanita untuk menambah ilmu pengetahuan, latihan dan perkhidmatan dalam pelbagai bidang perniagaan.

Selain penetapan matlamat atau objektif, sesebuah organisasi rasmi juga mempunyai satu hiraki kawalan yang ketat di mana terdapat pembahagian kerja yang luas dan dijalankan oleh tiap-tiap ahli organisasi mengikut tugas-tugas yang diberikan kepada individu-individu tertentu.<sup>7</sup> Anggota-anggota atau ahli-ahli bagi sesebuah organisasi adalah tertakluk kepada satu badan dan cara-cara tertentu yang dimuatkan dalam perlembagaan sesuatu organisasi itu sendiri. Daripada jumlah ahli tertentu, terdapat sebahagian daripada ahli-ahli tersebut ditugaskan sebagai kumpulan pengurusan dan pentadbiran yang khasnya diberikan tugas dan kuasa untuk membuat dan menjalankan undang-undang serta peraturan-peraturan sesebuah organisasi itu demi

<sup>7</sup> Sukarziah Sulaiman, Analisis Aktiviti Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia (1976-1980): Satu Kajian Ke atas 56 Pertubuhan Wanita Malaysia, hlm.17.

mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kumpulan ini juga bertanggungjawab untuk menentukan segala peraturan yang akan dilaksanakan dan semestinya dipatuhi.

### **Keanggotaan/keahlian Organisasi**

Ketika awal penubuhan PPS, kebanyakan wanita yang menganggotainya terdiri daripada isteri-isteri menteri kabinet, guru-guru wanita dan pelajar-pelajar sekolah menengah, kaum wanita parti USNO, kakitangan wanita di Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang lain. Meskipun status PPS adalah pertubuhan sukarela wanita dan bukannya menjadi sayap mana-mana parti politik, namun penglibatan kaum wanita yang menjadi pemimpin dan ahli kaum Ibu USNO tidak dapat dinafikan dalam menggerakkan kegiatan PPS pada peringkat awal penubahannya. Perkara ini tidak dapat dielakkan lantaran masalah kemunduran kaum wanita di Sabah dalam tempoh 1963 sehingga awal 1980-an. Kaum wanita yang bergiat dalam politik lebih mudah terdedah kepada perkembangan semasa, oleh sebab itulah kesedaran untuk menubuhkan pertubuhan sukarela wanita yang pertama di Sabah dicetuskan oleh Toh Puan Hajah Rahma yang merupakan Ketua Kaum Ibu USNO.

Setelah PPS berjaya melaksanakan program-program yang melibatkan kelas-kelas pendidikan dan kelas-kelas kemahiran rumah tangga, golongan suri rumah dan gadis-gadis lepasan sekolah rendah dan menengah mula melibatkan diri menyertai PPS. Berdasarkan rekod keanggotaan PPS(B) pula, wanita yang menjadi anggota PPS(B) juga datang daripada pelbagai latar belakang. Mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan, usahawan dan golongan profesional. Selain itu golongan suri rumah yang bergiat dengan perniagaan secara kecil-kecilan juga banyak melibatkan diri dalam pertubuhan ini.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Temu bual dengan Puan Norliah Hj. Jalil, Setiausaha PPS pada 15 Februari 2012 di Pejabat PPS, Bangunan PPS, Sembulan, Kota Kinabalu.

PEWASA pula membuka keahliannya kepada semua wanita Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas. Kebanyakan ahli PEWASA pada awal penubuhannya terdiri daripada kakitangan perkhidmatan awam, isteri-isteri kakitangan perkhidmatan awam, dan kaum wanita yang menjadi suri rumah tangga. Setiap cawangan PEWASA mempunyai keahlian sekurang-kurangnya 30 orang wanita iaitu sebagai syarat untuk penubuhan sesebuah cawangan. Berdasarkan rekod keahlian cawangan-cawangan PEWASA dari tahun 1991-1995, kebanyakan cawangan mempunyai ahli seramai 30 hingga 50 orang. Pertambahan bilangan ahli bergantung kepada inisiatif pengurus cawangan dan ahli jawatankuasanya berkempen kepada kaum wanita di kawasan mereka untuk menyertai PEWASA di cawangan mereka. Namun begitu terdapat juga cawangan yang Berjaya mengumpulkan ahli yang lebih ramai seperti cawangan Papar, ahlinya bertambah menjadi 80 orang pada tahun 1994 dan 1995.<sup>9</sup> Bilangan keahlian PEWASA mengikut cawangan dari tahun 1991 sehingga 1995 dapat dilihat berdasarkan jadual 3.1 pada halaman berikutnya.

---

<sup>9</sup> Fail Rekod Keahlian PEWASA, 1991-1995.

**Jadual 3.1 : Bilangan Keahlian PEWASA Mengikut Cawangan dari Tahun 1991-1995**

Bahagian / Cawangan	Bilangan Ahli / Tahun				
	1991	1992	1993	1994	1995
Pantai Barat I					
1. Kota Kinabalu	30	30	30	30	30
2. Likas	30	30	30	30	30
3. Papar	30	30	30	80	80
4. Sembulan	30	30	30	30	30
5. Bandaraya	30	30	30	30	30
6. Tanjung Aru	30	30	30	30	30
7. Penampang	30	30	30	30	30
8. Beaufort	30	30	30	30	30
9. Membakut	30	30	30	30	30
10. Sipitang	30	30	30	30	30
Pantai Barat II					
1. Tuaran	30	30	30	30	30
2. Kg. Simpangan	30	30	30	30	30
3. Tambalugu	30	30	30	30	30
4. Rugading	30	30	30	30	30
5. Menggatal	30	30	30	30	30
6. Kiulu	30	30	30	30	30
7. Kota Belud	30	30	30	30	30
8. Tampasuk	30	30	30	30	30
9. Telipok	30	30	30	30	30
10. Kudat	30	30	30	30	30
Tawau					
1. Bandar Tawau	50	50	50	50	50
2. Kg. Titingan	35	35	35	35	35
3. Kg. Pasir Putih	40	40	40	40	40
4. Tanjung Batu Darat	30	30	30	30	30
5. Balung Kokos	30	30	30	30	30
6. Lahad Datu	50	50	50	50	50
7. Pekan Kunak	52	52	52	52	52
8. Pekan Semporna	30	30	30	30	30
Pedalaman					
1. Keningau	30	30	30	30	30
2. Tenom	32	32	32	32	32
3. Nabawan	30	30	30	30	30

<b>Sandakan</b>					
1. Bandar Sandakan	32	32	32	32	32
2. Karamunting	43	43	43	43	43
3. Kg. Berhala Darat	52	52	52	52	52
4. Kg Bokara	35	35	35	35	35

**Sambungan Jadual 3.1 :**

Bahagian / Cawangan	Bilangan Ahli / Tahun				
	1991	1992	1993	1994	1995
5. Sungai Manila	37	37	37	37	37
6. Elopura	30	30	30	30	30
7. Sekong	32	32	32	32	32
8. Tinusa	30	30	30	30	30
9. Kg. Tanjung Aru	30	30	30	30	30
10. Taman Merpati	30	30	30	30	30
11. Batu Sapi	30	30	30	30	30
12. Sungai Kayu	30	30	30	30	30
13. Batu Puteh	32	32	32	32	32
14. Kg. Kasih Sayang	30	30	30	30	30
15. Kg. Muhibah	30	30	30	30	30
16. Kota Kinabatangan	31	31	31	31	31
17. Kg. Sinar Jaya	35	35	35	35	35
18. Kg. Usaha Jaya	35	35	35	35	35
19. Kg. Berjaya	30	30	30	30	30
20. Pekan Bukit Garam	36	36	36	36	36
<b>Wilayah Persekutuan Labuan</b>					
1. Pekan Labuan	30	30	30	30	30
2. Kg. Durian	30	30	30	30	30
3. Kg. Layang-layang	30	30	30	30	30
4. Kg. Bukit Kuda	30	30	30	30	30
5. Sungai Lada	30	30	30	30	30

Sumber: Rekod Keahlian dan Penyata Yuran Cawangan PEWASA 1991-1995.

Berdasarkan jadual 3.1, dapatlah disimpulkan bahawa cawangan PEWASA terdapat di seluruh negeri Sabah dan bilangan cawangan yang paling banyak ialah di bahagian Sandakan, diikuti oleh bahagian Pantai Barat I, Pantai Barat II, bahagian Tawau, Wilayah Persekutuan Labuan dan akhirnya bahagian Pedalaman. Di kawasan bandar seperti di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau menunjukkan penubuhan lebih banyak cawangan PEWASA berbanding di kawasan pekan seperti di daerah Papar, Beaufort, Sipitang, Lahad Datu, Kunak, Semporna, Keningau, Tenom dan Nabawan yang hanya

mempunyai sebuah cawangan yang mewakili daerah berkenaan. Perkara ini tidak menghairankan kerana penubuhan awal PEWASA bermula di bandar Kota Kinabalu dan sekitarnya barulah kemudiannya berkembang ke daerah-daerah lain. Kepadatan penduduk di kawasan bandar seperti di kawasan Sandakan dan Tawau menyebabkan cawangan-cawangan PEWASA boleh ditubuhkan dengan bilangan keahlian sekurang-kurangnya 30 orang bagi sesebuah cawangan. Disebabkan lokasi sesebuah kampung yang agak jauh dari bandar dan jauh dari kampung-kampung yang lain maka cawangan-cawangan PEWASA dibuka di kawasan-kawasan kampung dan taman-taman perumahan bagi membolehkan ahli-ahli PEWASA melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan.

Di dalam organisasi yang berdasarkan kepada keahlian secara sukarela, penyertaan ahli-ahli ke dalam kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada pilihan ahli-ahli itu sendiri. Oleh itu tahap penyertaan dan kepadatan ahli-ahli bergantung kepada kecekapan pengurusan sesebuah organisasi. Ada segelintir ahli yang tiba-tiba berhenti daripada menjadi ahli dan ada pula yang menyertai cawangan yang lain kerana berpindah tempat tinggal atau tempat kerja. Keadaan ini dilalui oleh cawangan-cawangan PEWASA apabila berlakunya pertindihan dari segi keahlian kerana penubuhan cawangan baharu PEWASA di kawasan atau daerah yang berhampiran.<sup>10</sup> Kemunculan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain selepas era 1980-an dan 1990-an iaitu setelah semakin banyak pertubuhan wanita pada peringkat daerah dan pertubuhan wanita kesatuan sekerja ditubuhkan juga menyebabkan ada ahli-ahli yang sebelumnya menyertai PEWASA beralih pula menjadi ahli kepada pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain. Pergerakan keluar masuk ahli dalam cawangan-cawangan PEWASA ini memberi kesan sehingga ada cawangan-cawangan yang terlibat terpaksa dibubarkan kerana cawangan berkenaan tidak dapat melaksanakan kegiatan persatuan

<sup>10</sup> Dalam Laporan PEWASA Bahagian Tawau 1981-1983 ada menyatakan bahawa apabila PEWASA cawangan Kg. Muhibbah ditubuhkan, ada ahli-ahli dari PEWASA cawangan Bandar Tawau menyertai pula cawangan Kg. Muhibbah. Hal ini menyebabkan berlaku pertindihan nama ahli dalam senarai keahlian kedua-dua cawangan berkenaan.

dengan lancar. Apabila aktiviti seperti mesyuarat agung tahunan tidak dapat dilaksanakan dan laporan persatuan gagal dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dan PEWASA Pusat, maka pendaftaran cawangan berkenaan terpaksa digantung dan cawangan berkenaan akan terbatal jika tiada usaha ahli jawatankuasa cawangan untuk mengaktifkan semula cawangan mereka mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Walau bagaimanapun majoriti cawangan PEWASA sepanjang tempoh 1991 sehingga 2002 masih mampu bertahan dengan adanya komitmen ahli-ahli PEWASA yang terus setia dengan pertubuhan ini dalam menggerakkan kegiatan cawangan mereka. Perubahan bilangan cawangan PEWASA dapat dilihat berdasarkan jadual 3.2 seperti berikut.

**Jadual 3.2 :** Senarai Cawangan-cawangan PEWASA di Seluruh Sabah Pada Bulan Januari 2002

Pantai Barat 1	Pantai Barat II
1. Kota Kinabalu	1. Tuaran
2. Bandar Raya	2. Tambalugu
3. Sembulan	3. Tamparuli
4. Likas	4. Menggatal
5. Penampang	5. Kota Belud
6. Papar	6. Kota Marudu
7. Membakut	7. Kudat
8. Beaufort	8. Matunggong
9. Sipitang	
Sandakan	Tawau
1. Bandar Sandakan	1. Pekan Lahad Datu
2. Karamunting	2. Pekan Semporna
3. Kg. Berhala Darat	3. Pekan Kunak
4. Kg. Bokara	4. Bandar Tawau
5. Elopura	5. Kg. Titingan
6. Sungai Manila	6. Tanjung Batu Darat
7. Sekong	
8. Tinusa	
9. Taman Merpati	Pedalaman
10. Batu Sapi	1. Keningau
11. Sungai Kayu	2. Nabawan
12. Batu Puteh	
13. Kota Kinabatangan	
14. Pekan Bukit Garam	
15. Beluran	W.P. Labuan
16. Taman Mawar	1. Pekan Labuan

## 17. Lupak Meluas

Sumber : Buku Aturcara Sambutan Malam Jubli Perak PEWASA, 27 Januari 2002, hlm.24.

Daripada Jadual 3.2 menunjukkan bilangan cawangan PEWASA sehingga bulan Januari 2002 berjumlah 43 buah cawangan di seluruh Sabah. Jika dibandingkan dengan bilangan cawangan PEWASA dalam jadual 3.1, berlaku perubahan iaitu penurunan bilangan cawangan yang ada daripada 56 buah cawangan pada tahun 1995 kepada 43 buah buah cawangan pada tahun 2002. Beberapa buah cawangan sudah tidak tersenarai lagi pada tahun 2002 iaitu di bahagian Pantai Barat I ialah cawangan Tanjung Aru, di bahagian Pantai Barat II ialah cawangan Tampasuk, Rugading, Kampung Simpang, Kiulu dan Telipok. Di bahagian Sandakan pula, cawangan yang terlibat ialah cawangan Kampung Kasih Sayang, Kampung Muhibah, Kampung Sinar Jaya dan Kampung Usaha Jaya. Di bahagian Tawau ialah cawangan Kampung Pasir Putih dan cawangan Balung Kokos. Di Wilayah Persekutuan Labuan pula, empat buah cawangan yang tidak disenaraikan ialah cawangan Kampung Durian, Kampung Layang-layang, Kampung Bukit Kuda dan Sungai Lada manakala di bahagian Pedalaman Sabah ialah cawangan Tenom. Walau bagaimanapun minat kaum wanita untuk menujuhkan cawangan PEWASA masih ada dengan adanya pertumbuhan cawangan-cawangan baru seperti cawangan Matunggong dan Tamparuli di bahagian Pantai Barat II manakala di bahagian Sandakan pula wujud cawangan Taman Mawar dan cawangan Lupak Meluas.

Keahlian PEWASA yang terbuka kepada semua wanita daripada pelbagai latar belakang juga menyebabkan tiada sekatan untuk kaum wanita terutamanya suri-suri rumah menganggotainya. Golongan wanita profesional dan usahawan wanita juga turut menyertai PEWASA setelah PEWASA semakin dikenali dan kegiatan-kegiatannya bertambah meluas dan berkembang di Seluruh Sabah. Daripada senarai keahlian dan barisan kepimpinan PEWASA menunjukkan kesetiaan ahli-ahlinya menganggotai pertubuhan ini dan ada dalam kalangan ahli Jawatankuasa tertinggi PEWASA pusat

yang terus memegang pelbagai jawatan dalam pertubuhan itu melebihi tempoh 10 tahun.<sup>11</sup> Pengalaman bergiat dalam pertubuhan sukarela wanita dalam jangka masa yang lama itu membantu mereka memantapkan lagi kemahiran dalam pengurusan dan pentadbiran serta mengembangkan lagi kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan mereka.

SAWO pula sejak penubuhannya dianggotai oleh sekumpulan aktivis wanita daripada pelbagai latar belakang etnik dan kerjaya yang begitu prihatin terhadap isu-isu yang dihadapi oleh kebanyakan wanita seperti pengabaian dan keganasan terhadap wanita. Sejak penubuhannya sehingga tahun 2003, keahlian SAWO hanya terdiri daripada 45 orang hingga 50 orang wanita. SAWO membuka keahliannya kepada golongan wanita daripada pelbagai latar belakang yang sanggup bekerja secara sukarela dalam program-program yang dianjurkan oleh pertubuhan ini. Seseorang wanita yang berminat untuk menjadi ahli SAWO dikehendaki mengemukakan permohonan dan menjelaskan kepada jawatankuasa tertinggi SAWO tentang khidmat secara sukarela yang boleh disumbangkannya kepada pertubuhan itu.

Ternyata bukanlah mudah untuk menjadi ahli SAWO kerana pihak jawatankuasa tertinggi SAWO akan menapis permohonan seseorang untuk menjadi ahli. Hal ini disebabkan oleh prinsip SAWO yang lebih mementingkan kualiti ahli berbanding kuantiti ahli yang ramai.<sup>12</sup> Perkara ini juga bertepatan dengan hasrat para pemimpin SAWO untuk melibatkan lebih ramai sukarelawan dalam program-program SAWO misalnya perkhidmatan harian berupa projek ‘helpline’<sup>13</sup> dan bimbingan kaunseling kepada wanita dan keluarga mereka yang diselubungi krisis tertentu. Oleh sebab itu kepakaran seseorang ahli SAWO sangat dititikberatkan terutamanya bagi melaksanakan

<sup>11</sup> Berdasarkan senarai AJK dan keahlian PPS dan PEWASA, terdapat AJK Tertinggi dan ahli yang terus bergiat secara aktif dalam pertubuhan berkenaan sejak mula-mula PPS dan PEWASA ditubuhkan sehingga pada masa kini. Misalnya Puan Norliah Abdul Jalil telah berkhidmat sebagai Setiausaha PPS selama lebih daripada 30 tahun. Puan Hasnah Sufian dan Datin Malim Wahid pula menjadi AJK Tertinggi PEWASA selama lebih 25 tahun. Dalam tempoh itu mereka memegang pelbagai jawatan seperti Setiausaha, Bendahari, Pengerusi Penyelaras Daerah dan Pengerusi Biro.

<sup>12</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee, Presiden SAWO pada 20 Disember 2012, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

<sup>13</sup> Projek ‘helpline’ ini diadakan untuk memberi maklum balas kepada aduan dan pertanyaan menerusi talian telefon berkenaan isu dan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita seperti keganasan rumah tangga, rogol, kes cerai, maklumat perundangan dan kaunseling. Perkhidmatan ini dijalankan setiap hari termasuk hari Ahad dan dikendalikan oleh kakitangan yang bertugas sepenuh masa di Pejabat SAWO.

program-program bimbingan dan kaunseling serta ceramah-ceramah tentang isu-isu kebajikan serta keselamatan wanita. SAWO juga membuka keahliannya kepada wanita yang pernah menjadi klien dalam program bimbingan dan kaunseling atau wanita yang pernah menjadi mangsa dalam pelbagai masalah keganasan rumah tangga. Wanita-wanita yang berjaya keluar daripada kemelut kehidupan mereka setelah mendapat bantuan dan bimbingan daripada SAWO itu turut menyertai sukarelawan SAWO dan bersedia untuk berkongsi pengalaman mereka dengan wanita lain yang berhadapan dengan krisis seperti keganasan rumah tangga, kes perceraian dan sebagainya. Penglibatan golongan ini sebagai sukarelawan SAWO sangat membantu dari segi memberikan semangat kepada golongan wanita yang bermasalah agar tidak mudah kecewa dan berputus asa dengan segala masalah yang mereka hadapi tetapi sebaliknya terus berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka demi masa depan diri dan keluarga mereka.<sup>14</sup>

Sama seperti PEWASA, SWEPA turut membuka keahliannya kepada wanita Malaysia yang tinggal di Sabah khususnya wanita yang memiliki ekuiti dalam perniagaan dan wanita profesional yang memiliki diploma, ijazah dan ijazah lanjutan. Kebanyakan wanita yang menyertai SWEPA terdiri daripada kaum wanita profesional yang mempunyai kerjaya seperti peguam, pengurus bank, doktor perubatan, jurutera akauntan dan pegawai tadbir jabatan perkhidmatan awam. Manakala golongan usahawan wanita pula terdiri daripada peniaga yang mempunyai perniagaan sendiri seperti pemilik farmasi, pemilik pusat penjagaan kanak-kanak, pemilik restoran, pemilik butik, pembekal, kontraktor dan pelbagai jenis perniagaan termasuk perniagaan secara kecil-kecilan yang berpotensi untuk berkembang maju.<sup>15</sup> Pada tahun 1998, SWEPA mempunyai ahli seramai 199 orang iaitu 147 orang di Kota Kinabalu, 31 orang di Sandakan dan 21 orang di Tawau. Pada tahun 2011, jawatankuasa tertinggi SWEPA

<sup>14</sup> Temu bual dengan Puan Anne Lasimbang pada 3 Disember 2015 di Penampang. Puan Anne ialah salah seorang AJK ketika SAWO ditubuhkan.

<sup>15</sup> Temu bual dengan Puan Hanaa Wong Abdullah, Presiden SWEPA di Bangunan Wisma Wanita, Kota Kinabalu pada 4 Julai 2013.

berusaha menambah keahlian SWEPA dengan cara mendekati golongan peniaga wanita muda yang menceburi perniagaan secara kecil-kecilan.<sup>16</sup>

Dari segi keahlian pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini menunjukkan PPS dan PEWASA lebih bersifat terbuka dan memberi peluang seluas-luasnya kepada wanita daripada pelbagai latar belakang untuk menyertai PEWASA. Hal ini menyebabkan ahli-ahli PPS dan PEWASA terutamanya terdapat di seluruh negeri Sabah. Meskipun SAWO dan SWEPA menetapkan kriteria kepada kaum wanita untuk menyertai pertubuhan ini, namun dalam program-program yang dianjurkan oleh kedua-dua pertubuhan ini ternyata melibatkan wanita secara umum dan tidak terhad kepada ahli masing-masing sahaja. Ahli-ahli pertubuhan lebih berperanan sebagai penggerak kepada program-program yang dianjurkan untuk kepentingan wanita Sabah secara umum.

### **Aspek Kepemimpinan**

Perkara yang paling penting dalam sesebuah pertubuhan sukarela ialah pemimpin yang berkarisme. Hal ini disebabkan kebanyakannya inisiatif untuk merancang kegiatan-kegiatan pertubuhan terletak di tangan individu atau kumpulan pengurusan tertentu. Justeru, jatuh bangun sesebuah pertubuhan bergantung kepada daya kepimpinan dan kepakaran barisan Jawatan kuasa tertinggi pertubuhan berkenaan. Kebijaksanaan mereka yang akan mempengaruhi ahli khususnya pada peringkat cawangan untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam pertubuhan mereka. Manakala kepakaran yang dimiliki oleh barisan pemimpin pertubuhan pula dapat dimanfaatkan untuk tujuan mengukuhkan kedudukan persatuan dan menggerakkan aktiviti yang dilaksanakan berkaitan pelbagai bidang kepakaran misalnya bidang perundangan, ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya.

---

<sup>16</sup> Ibid.

Ketika PPS ditubuhkan, barisan pemimpin persatuan sukarela wanita ini terdiri daripada isteri-isteri menteri kabinet, kakitangan wanita di Jabatan ketua Menteri, golongan guru-guru wanita dan isteri-isteri kakitangan Jabatan Perkhidmatan Awam di sekitar bandar Kota Kinabalu. Toh Puan Hajah Rahma sebagai isteri kepada Ketua Menteri Sabah dan Ketua Kaum Ibu USNO telah melibatkan isteri-isteri menteri kabinet Sabah, kaum ibu parti USNO, kakitangan wanita dari Jabatan Ketua Menteri dan pemimpin wanita yang sebelum ini telah bergiat dalam persatuan yang sedia ada seperti AGABA ketika perjumpaan awal untuk menubuhkan PPS lagi. Perkara ini boleh dilihat berdasarkan senarai jawatan kuasa Penaja PPS seperti dalam jadual 3.3 seperti berikut.

**Jadual 3.3:** Senarai AJK Penaja Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS) Tahun 1968.

NAMA AJK PENAJA	JAWATAN
1. Toh Puan Hajah Rahma Mustapha	Isteri Ketua Menteri Sabah
2. Puan Hasnah Edinin	Guru / mantan pemimpin wanita AGABA
3. Puan Zainon Suhaimi	Suri rumah / mantan pemimpin wanita AGABA
4. Puan Sally Teo	-tidak dinyatakan-
5. Puan Aminah Habib Abdul Rahman	Suri rumah / Isteri Menteri Kabinet Sabah
6. Puan Anna Lee	Suri rumah
7. Datin Rufiah Harris	Suri rumah / Isteri Menteri Kabinet Sabah
8. Datin Bandong O.K.K Hasbullah	Suri rumah / Isteri Menteri Kabinet Sabah
9. Puan Payar Juman	Suri rumah / Isteri Menteri Kabinet Sabah
10. Datin Betty Lind	Suri rumah / Isteri Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
11. Puan Hajah Rosnah Tan	Suri rumah
12. Puan Hajah Louiza Ariffin	Suri rumah
13. Puan Maimunah Affendy	Juru Trengkas Jabatan Ketua Menteri
14. CikYong Aidah Hj. Khalid	Juru Taip Sekretariat Sabah
15. Cik Norliah Abdul Jalil	Juru Trengkas Jabatan Ketua Menteri

Sumber: Fail No.1. WI/68/6, Fail Setiausaha Perkumpulan Perempuan Sabah.

Daripada senarai Ahli Jawatankuasa Penaja PPS, selain Toh Puan Hajah Rahma, ahli jawatankuasa penaja PPS yang lain terdiri daripada isteri para pemimpin USNO dan menteri kabinet iaitu Datin Bandong O.K.K Hasbullah, Datin Rufiah Harris, Puan Aminah Habib Abdul Rahman dan Puan Payar Juman. Daripada bekas pemimpin

jawatan kuasa wanita AGABA pula ialah Puan Zainon Suhaimi dan Puan Hasnah Edinin. Kakitangan wanita Jabatan Perkhidmatan Awam negeri Sabah pula ialah Maimunah Affendy, Cik Yong Aida Hj. Khalid dan Cik Norliah Abdul Jalil.<sup>17</sup>

Toh Puan Hjh. Rahma ialah tokoh wanita yang sangat prihatin terhadap kemunduran wanita terutamanya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Oleh sebab itu beliau berharap agar PPS dapat melakukan kegiatan yang membuka peluang kepada kaum wanita melibatkan diri demi kebaikan, kebajikan dan kemajuan mereka. Antara cara yang beliau fikirkan boleh mencapai matlamat tersebut adalah menerusi bimbingan dan latihan dalam kelas-kelas dewasa serta kelas kemahiran (masakan, jahitan, sulaman dan gubahan).<sup>18</sup>

Teraju kepemimpinan PPS selepas Toh Puan Hjh. Rahma juga diteruskan oleh isteri menteri iaitu Puan Seri Bandung OKK Hasbollah. Beliau dibantu oleh AJK daripada kakitangan wanita jabatan perkhidmatan awam yang terdiri daripada Norliah Abdul Jalil, Noraini Hj. Salleh, Zaiton Ajamain, Norlia Andu, Rukiah Datuk Hj. Pandin, Khamisah Hj. Ibrahim dan Sophia Andau. Selain itu golongan suri rumah (isteri menteri, isteri kakitangan awam) juga turut menganggotai jawatankuasa tertinggi PPS iaitu Datin Rohani Read, Datin Rukayah Sakaran, Datin Zainon Suhaimi, Datin Luiza Ariffin, Aisah Murshidi, Puan John Chong dan Arfah Datuk Arif.<sup>19</sup> Ketika PPS(B) ditubuhkan bagi menghidupkan kembali perjuangan PPS, separuh daripada barisan kepemimpinan PPS membentuk Jawatankuasa Pusat dengan tambahan ahli jawatankuasa baharu daripada kalangan pemimpin wanita yang berkaliber seperti Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun, iaitu seorang Peguam dan Ahli politik. Selain Datuk Azizah, antara barisan kepemimpinan PPS(B) dari tahun 1995

<sup>17</sup> Puan Seri Betty Lind ialah isteri Tan Sri Richard Lind, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Toh Puan Hjh. Bandong O.K.K Hasbollah ialah isteri Tun Datuk Seri Panglima Hj. Mohd.Said bin O.K.K Keruak, Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah (1987-1994). Datin Rufiah Harris ialah isteri Datuk Harris Mohd. Salleh, Ketua Menteri Sabah(1976-1985), Datin Zainon Suhaimi pula ialah isteri kepada Datuk Hj Suhaimi, mantan Pengarah Jabatan Penerangan Sabah (semasa pentadbiran kerajaan USNO).

<sup>18</sup> PPS/10/73, Edaran Kepada AJK Tertinggi PPS, daripada Toh Puan Hjh. Rahma, 11 April 1974.

<sup>19</sup> Fail Setiausaha PPS, Senarai Ahli Jawatan Kuasa PPS 1976/77.Datin Rukayah Sakaran atau Toh Puan Hjh. Rukayah Datuk Panglima Abdullah ialah isteri Tun Datuk Seri Panglima Hj. Sakaran bin Dandai, Ketua Menteri Sabah (17 Mac 1994-17 Mei 1994) dan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah (1995-2002).

hingga 2003 ialah Datuk Noraini Datuk Seri Panglima Hj. Salleh (Pengerusi Koperasi negeri Sabah), Datin Maimun Hj. Awang Puteh (Usahawan), Hajah Rukayah Datuk Seri Panglima Hj. Salleh (Usahawan), Datin Seri Panglima Salmah Hj. Abdul Rahman (Pegawai Perkhidmatan Pendidikan) dan Puan Rosnah Hj. Mohd. Juni (guru).

Penglibatan kakitangan wanita Jabatan Perkhidmatan Awam negeri Sabah semakin bertambah ketika PEWASA ditubuhkan. Antara tokoh wanita yang terlibat dalam pertumbuhan awal PEWASA ialah Datuk Ariah Tengku Ahmad (Presiden), Pn. Masrah Abidin (Timbalan Presiden), Pn Jovinia Solibun (Setiausaha) dan Ahli Jawatan Kuasanya terdiri daripada: Pn. Helena Kwan, Pn. Monica Kong, Pn. Josie Perkins, Pn. Nancy Yew dan Pn. Noni Said. Kebanyakan AJK Penaja PEWASA ialah kakitangan wanita di Jabatan Ketua Menteri Sabah. Pada tahun 1983 pula PEWASA dipimpin oleh Leong Pau Chu, Datin Zainab Zulkifli, Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Hj. Ahmad Rafae, Pn. Hamisah Samat, Pn. Malim Wahid, Pn. Melati Osman, Pn. Nora Lupang, Pn. Norliah Jalil, Datin Arfah Lampong, Pn. Zubaidah Zainal dan Datuk Amisah Yasin. Penglibatan kakitangan wanita Jabatan Perkhidmatan Awam negeri Sabah ini sememangnya penting dalam menggerakkan kegiatan-kegiatan PEWASA kerana golongan ini mempunyai banyak pengalaman, mengetahui prosedur kerja khususnya selok-belok pentadbiran dan tatacara penganjuran sesuatu kegiatan.<sup>20</sup> Perkembangan struktur organisasi Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA boleh dilihat berdasarkan jadual-jadual senarai ahli jawatankuasa pertumbuhan sukarela wanita dalam perbincangan tentang Struktur organisasi PEWASA dalam bab ini.

Pada peringkat daerah pula, kepemimpinan PEWASA melibatkan isteri-isteri Pegawai Daerah sama ada sebagai Pengerusi Penyelaras atau Ketua Cawangan. Oleh sebab itu kerjasama daripada kakitangan awam pada peringkat daerah lebih mudah diperoleh ketika penganjuran pelbagai kegiatan PEWASA pada peringkat daerah. Kepakaran dalam pelbagai bidang yang dimiliki oleh barisan kepemimpinan PEWASA

<sup>20</sup> Temu bual dengan Puan Jovinia Solibun, pada 27 Februari 2012 di Kota Kinabalu

misalnya penglibatan golongan peguam wanita dalam persatuan membuka ruang kepada ahli-ahli persatuan didedahkan dengan pelbagai pengetahuan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan wanita. Manakala golongan doktor perubatan dan jururawat pula banyak membantu dalam pelaksanaan program pembangunan kesihatan wanita dan masyarakat menerusi kempen-kempen kesedaran kesihatan yang dijalankan oleh pertubuhan wanita dan agensi-gensi kerajaan yang berkaitan.

Kebanyakan pemimpin PEWASA juga kemudiannya menyerlah sebagai tokoh-tokoh pemimpin wanita yang berkaliber di Sabah sama ada dalam bidang pentadbiran awam, politik dan perniagaan. Antara tokoh-tokoh wanita dalam perkhidmatan awam ialah Cik Leong Pau Chu (Setiausaha Politik di Kementerian Kebajikan Am dan Perpaduan Negara), Puan Amisah Borhan (Pegawai di Kementerian Pertanian dan Perikanan) dan Datuk Noni J. Said<sup>21</sup> yang pernah memegang jawatan Setiausaha Tetap Kementerian Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan Sabah 1999 dan sebagai Penggerusi MPWS (2003-2004). Tokoh-tokoh wanita bidang politik pula ialah Datuk Ariaiah Tengku Ahmad<sup>22</sup> (Timbalan Ketua Menteri Sabah 1993/94), Datuk Dayang Mahani Tun Pangiran Haji Ahmad Raffae (bekas Menteri Kabinet Negeri Sabah/bekas Senator), Datuk Norjan Khan Bahadar (Wakil Rakyat), Datuk Amisah Borhan (Ketua Wanita UMNO Ranau), Datuk Hamisah Samad (Wakil Rakyat), Datuk Armani Mahirudin (Bekas Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara) dan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (Timbalan Menteri Kesihatan). Manakala tokoh-tokoh wanita dalam bidang profesional pula ialah Puan Subiah Laten (Pegawai Tadbir Bahagian Perancangan dan Penyelidikan UHWS), Dr. Suzain Datuk Haji Suhaimi (Doktor Pakar

<sup>21</sup> Datuk Noni J. Said, lulusan Sarjana Muda Sastera Ekonomi dan Sarjana Perundangan dari Oxford Brooks University, United Kingdom. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan 1999, sebagai Penggerusi Majlis Penasihat Hal-Ehwal Wanita Sabah (2003-2004). Dalam bidang korporat, beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam beberapa agensi dan anak syarikat milik kerajaan.

<sup>22</sup> Datuk Ariaiah Tengku Ahmad ialah wartawan wanita yang pertama di Sabah. Beliau aktif dalam bidang sukan dan kegiatan berpersatuan. Antara penglibatan beliau dalam persatuan ialah beliau menjadi Pengasas Persatuan Hoki Wanita Sabah, Naib Penggerusi Pasukan Bulan Sabit Merah (PBSM), cawangan Sabah 1974, Presiden Protем PEWASA 1976-1977, Penggerusi PEMADAM Sabah dan Naib Presiden PEMADAM Kebangsaan (1987-1991). Dalam bidang politik pula, beliau pernah memegang jawatan Ketua Pergerakan Wanita Parti Bersatu Sabah (1985-2000), Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (1985), Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang (1986-1994), Menteri Perkhidmatan Sosial Sabah (1985-1994) dan Timbalan Ketua Menteri Sabah (1993-1994).

Perubatan). Antara tokoh usahawan wanita pula ialah Datuk Hajah Zahra Ismail, Puan Anizah Teo, Puan Hajah Hamidah Yusof, Datuk Fatimah Shara Haji Ahmad Noor dan Puan Mariah Haji Takin.<sup>23</sup>

SAWO pula menampilkan kepemimpinan daripada golongan aktivis wanita daripada pelbagai latar balakang kerjaya dalam bidang profesional termasuklah pegawai perkhidmatan awam, pegawai bank dan peguam. Antara aktivis tersebut ialah Betty Teo, Angela Foo,<sup>24</sup> Winnie Yee,<sup>25</sup> Rita Lasimbang, Jannie Lasimbang, Anne Lasimbang, Mary Lee dan Doreen Edward.<sup>26</sup> Kepakaran dalam bidang perundangan yang dimiliki oleh pemimpin SAWO seperti Betty Teo, Angela Foo, Winnie Yee dan Doreen Edward membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam penggubalan Akta Gangguan Seksual dan Akta Keganasan Rumah Tangga di samping melaksanakan reformasi terhadap undang-undang yang dianggap kurang berkesan dalam menangani isu dan masalah wanita.

SWEPA pula sejak penubuhannya lagi telah dipimpin oleh tokoh-tokoh usahawan dan profesional wanita seperti Datuk Nancy Ho (Ahli Farmasi dan memiliki syarikat perniagaan dalam bekalan ubat-ubatan), Susanna Julianah Goh (Ahli Lembaga Sabah Tourism Promotion Corporation (STPC), Ursula Sharon Alfred (usahaawan), Nemy Ontol (Penyelia Koperasi Pembangunan Desa), Chia Siew Chin ( Akauntan S.C Yong, Chia & Co), Datuk Adeline Leong (Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah), Irene Yong Teck Yee (Peguam Yong & Co Advocated & Solicitors), Hjh. Zahra Ismail (Pengurus Daerah Malaysia Assurance Berhad) dan Nar Chin Keow ( Peguam Alex

<sup>23</sup> Temu bual dengan Puan Hanizah Abdullah di Pejabat PEWASA, Lot.24-2R, Plaza Beverly Hills, Jalan Bundusan Penampang, Kota Kinabalu pada 12 Februari 2012.

<sup>24</sup> Angela Foo, Lulusan bidang Perundangan dan melibatkan diri secara aktif dengan SAWO sejak tahun 1987.

<sup>25</sup> Winnie Yee, Lulusan Ijazah Sains Pertanian dan pernah berkhidmat sebagai pegawai di Jabatan Pertanian. Pada tahun 1986 beliau melibatkan diri dengan SAWO dan penglibatan tersebut mendorong beliau melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Gender dan Pembangunan di Universiti Sussex. Selepas menamatkan pengajian, beliau meneruskan penglibatan dalam SAWO dan berkhidmat secara sukarela dalam meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka serta mempromosi perubahan sikap yang lebih positif dalam kalangan komuniti di Sabah ketika berhadapan dengan wanita dan isu-isu yang berkaitan dengan mereka.

<sup>26</sup> Doreen Edward ialah pengamal perundangan di Kota Kinabalu, beliau bertanggungjawab menujuhkan Pusat Sehenti Krisis Wanita di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Pang & Co).<sup>27</sup> Barisan kepemimpinan SWEPA yang mempunyai kepakaran misalnya dalam bidang perniagaan sangat penting dalam usaha membantu wanita dari segi bimbingan untuk menjalankan perniagaan, meneroka peluang-peluang perniagaan baharu dan berkongsi pengalaman serta kepakaran dalam bidang tersebut.

### **Struktur Pertubuhan Sukarela Wanita**

Peranan struktur adalah penting sekali dalam mana-mana organisasi kerana dengan adanya struktur yang terancang tugas-tugas ahli jawatankuasa dapat diselaraskan dan pembahagian tugas-tugas yang menyeluruh dapat diperluaskan kepada ahli-ahlinya. Struktur sesebuah organisasi adalah jelas diterangkan dalam perlembagaannya yang mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang yang tertentu. Perkara utama yang yang mesti diwujudkan dalam struktur sesebuah organisasi ialah pembentukan Jawatankuasa Pusat atau Jawatankuasa Tertinggi yang berperanan sebagai jentera pentadbir pertubuhan dan pelaksana utama segala kegiatan yang dirancang bagi mencapai matlamat sesebuah pertubuhan.

### **Pembentukan Jawatankuasa Pusat/ Tertinggi**

Dalam mana-mana pertubuhan, Jawatankuasa Pusat berfungsi sebagai pengelola yang mengaturkan kerja-kerja harian dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan persatuan mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Perwakilan. Jawatankuasa Pusat tidak boleh mengambil tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Perwakilan dan hendaklah memberi laporan berkenaan kegiatan-kegiatan tahunannya pada setiap kali Mesyuarat Tahunan Perwakilan diadakan.<sup>28</sup> Dalam perlembagaan PPS(B) dan PEWASA juga menetapkan bahawa Jawatankuasa Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan dan

<sup>27</sup> SWEPA Minutes of the Annual General Meeting on 30th Mac 1996, at Hyatt Hotel, Kota Kinabalu.

<sup>28</sup> Perkara (3), Fasal 10- JAWATANKUASA PUSAT, Perlembagaan PPS(B) dan PERKARA IX JAWATANKUASA PUSAT, Perlembagaan dan Peraturan PEWASA.

mesyuarat hanya dianggap sah jika dihadiri oleh separuh daripada bilangan ahli Jawatankuasa Pusat. Mana-mana Ahli Jawatankuasa Pusat yang gagal menghadiri mesyuarat sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang munasabah dianggap telah meletakkan jawatan daripada jawatankuasa tersebut. Sekiranya ada dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Pusat yang meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang mendapat undi kedua terbanyak dalam pemilihan jawatan berkenaan hendaklah dijemput mengisi kekosongan itu. Sekiranya calon tersebut menarik diri, maka Ahli Jawatankuasa Pusat boleh melantik salah seorang ahli persatuan yang difikirkan sesuai bagi mengisi jawatan tersebut sehingga Persidangan Tahunan Perwakilan dijalankan pada masa akan datang.

Struktur yang paling asas bagi pengisian jawatan dalam Jawatankuasa Pusat biasanya terdiri daripada seorang Presiden, seorang Timbalan Presiden, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan beberapa orang Ahli Jawatankuasa. Pemimpin utama sesebuah pertubuhan juga dikenali dengan pelbagai nama jawatan seperti Presiden, Pengurus dan Yang Dipertua. Meskipun begitu, peranan yang dimainkan oleh Presiden, Pengurus atau Yang dipertua itu adalah sama iaitu sebagai ketua bagi keseluruhan Jawatankuasa Pusat dan Penaung bagi Jawatankuasa pada peringkat cawangan. Pemilihan Jawatankuasa Tertinggi ini dibuat semasa Mesyuarat Agung persatuan yang ditetapkan sama ada setahun sekali atau dua tahun sekali mengikut peruntukan dalam perlumbagaan masing-masing.

Sejak awal penubuhannya PPS membentuk Jawatankuasa Tertinggi dari tahun 1968 sehingga tahun 1977 dengan jawatan-jawatan seperti berikut: Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari dan 10 orang Ahli Jawatankuasa biasa. Perubahan nama-nama jawatan tersebut dibuat apabila PPS(B) mengambil alih PPS yang lama. Perlumbagaan PPS lama yang diubahsuai oleh PPS(B) telah menetapkan Jawatankuasa Pusatnya terdiri daripada Presiden, Naib Presiden,

Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari dan 12 orang Ahli Jawatankuasa biasa. Perubahan yang dilakukan dalam Jawatankuasa Pusat PPS(B) ini hanyalah dari segi penambahan bilangan Ahli Jawatankuasa daripada 10 orang kepada 12 orang. Penambahan ini dibuat atas keperluan lebih tenaga ahli jawatankuasa untuk menjayakan kegiatan-kegiatan PPS(B) yang semakin meluas sejak akhir tahun 1990-an. PEWASA pula membentuk Jawatankuasa Pusat pertubuhannya yang terdiri daripada Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari dan 10 orang Ahli Jawatankuasa Biasa.

Dalam perlembagaan PPS dan PEWASA juga telah menetapkan bidang tugas setiap Jawatankuasa Pusat yang telah dipilih dan dilantik itu. Semasa memegang jawatannya, seseorang Presiden itu hendaklah mempengerusikan semua persidangan perwakilan, semua mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat, dan beliau bertanggungjawab terhadap tata tertib mesyuarat dan kesempurnaan persidangan tersebut. Presiden mempunyai hak untuk membuang undi dan hendaklah menandatangi semua minit mesyuarat sewaktu minit tersebut diluluskan. Presiden juga bertanggungjawab menandatangi semua cek bagi pihak persatuan bersama-sama dengan Setiausaha Agung atau Bendahari Agung. Tugas Timbalan Presiden atau Naib Presiden pula adalah membantu Presiden menjalankan tugas-tugasnya semasa ketidaan Presiden atau mengikut keperluan dan arahan daripada Presiden.<sup>29</sup>

Setiausaha Agung pula bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pengurusan dan pengendalian hal ehwal PEWASA menurut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Beliau hendaklah menjalankan arahan-arahan persidangan perwakilan dan arahan-arahan Ahli Jawatankuasa Pusat. Setiausaha Agung bertanggungjawab terhadap semua urusan surat menyurat, menjaga daftar dan keterangan keahlian, menandatangani cek bagi pihak persatuan bersama-sama Presiden atau Bendahari dan menyimpan semua

---

<sup>29</sup>Perkara (1) Fasal 11- KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI, Perlembagaan PPS (B) dan PERKARA X – TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI (a) Presiden, (b) Timbalan Presiden, Perlembagaan dan Peraturan PEWASA.

buku atau dokumen kecuali rekod akaun dan kewangan. Beliau hendaklah hadir dalam setiap mesyuarat dan mencatat perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat atau minit mesyuarat. Penolong Setiausaha Agung pula akan bertanggungjawab membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya dan bertindak bagi pihak Setiausaha Agung semasa ketiadaan Setiausaha Agung.<sup>30</sup> Bendahari pula bertanggungjawab mengawal tabungan persatuan. Beliau hendaklah mengemukakan laporan kewangan persatuan bagi setiap suku tahun sekali dalam mesyuarat AJK Pusat dan mengemukakan penyata akaun tahunan kepada persidangan perwakilan. Beliau juga menganggotai Jawatankuasa Kecil Kewangan dan hendaklah membantu kerja-kerja menyusun belanjawan persatuan. Bendahari hendaklah menandatangani cek bagi pihak persatuan bersama-sama Presiden atau Setiausaha Agung. Ahli Jawatankuasa Pusat pula bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan kepada mereka oleh Presiden dari semasa ke semasa.<sup>31</sup>

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat PEWASA yang ketujuh pada 23 Februari 1985, telah diputuskan agar perkara “mengkaji semula Perlembagaan PEWASA” dijadikan salah satu usul yang akan dibawa ke persidangan perwakilan yang kelima. Jawatan Penolong Bendahari Agung juga diwujudkan dan tambahan kepada perlembagaan iaitu Penolong Setiausaha Agung dan Penolong Bendahari Agung boleh mewakili Setiausaha Agung dan Bendahari Agung menandatangani cek bersama-sama dengan Presiden semasa ketiadaan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Manakala Ahli Jawatankuasa Pusat yang baru dipilih berhak melantik tidak lebih daripada tiga orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik. Ahli Jawatankuasa yang dilantik itu mempunyai hak yang sama seperti Ahli Jawatankuasa Pusat yang dipilih. Perubahan perlembagaan tersebut perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan persatuan yang semakin berkembang

<sup>30</sup>Perkara (3) dan (4) Fasal 11- KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI (Setiausaha Agung), (Penolong Setiausaha Agung), Perlembagaan PPS dan PERKARA X – TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI (c) Setiausaha Agung, (d) Penolong Setiausaha Agung, Perlembagaan dan Peraturan PEWASA.

<sup>31</sup> Perkara (5) dan (6) Fasal 11- KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI (Bendahari Agung), (AJK Biasa), Perlembagaan PPS dan PERKARA X – TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI (e) Bendahari, (f) AJK, Perlembagaan dan Peraturan PEWASA.

dengan kegiatan yang semakin meluas. Perkembangan struktur organisasi pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA dapat dilihat berdasarkan jadual 3.4, jadual 3.5 dan jadual 3.6 pada halaman berikutnya.

**Jadual 3.4 : Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 1982/1985**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Cik Leong Pau Chu
Timbalan Presiden:	Puan Amisah Borhan
Setiausaha Agung:	Puan Zahra Ismail
Bendahari Agung:	Puan Liza Yong
Penolong Setiausaha Agung:	Puan Hasnah Suffian
Ahli Jawatankuasa:	Puan Nora Sabdin Puan Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae Puan Malim Wahid Puan Subiah Laten Puan Nora Lupang Puan Sakinah Jasni Puan Hamisah Samad Puan Rubahya Hj. Ahmad Puan Hasnah Sambas Puan Zubaidah Zainal Puan Maria Engkuhan

Sumber: Fail Setiausaha Agung PEWASA 1982/85

**Jadual 3.5 : Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 1985/1987**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Puan Zahra Ismail
Timbalan Presiden:	Puan Nora Sabdin
Setiausaha Agung:	Puan Hasnah Suffian
Bendahari Agung:	Puan Cecilia Chiew
Penolong Setiausaha Agung:	Puan Malim Wahid
Ahli Jawatankuasa:	Puan Subiah Laten Puan Nora Igol Puan Sakinah Jasni Puan Hamisah Samad Puan Anizah Teo Puan Tarsila Manson Puan Rubahya Puan Siti Rohaya Daud Puan Rosnani Sogunda Puan Hasnah Sambas Puan Adeline Leong

**Sambungan Jadual 3.5 :**

JAWATAN	PENYANDANG
Ahli Jawatankuasa:	Puan Nora Awang Puan Aminah Arif

Sumber: Fail Setiausaha Agung PEWASA 1985/87

**Jadual 3.6 : Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA 2002**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Y.Bhg Datin Hjh. Zahra Ismail
Timbalan Presiden:	Puan Hanizah Abdullah
Timbalan Presiden:	Y.B. Datuk Norjan Khan Bahadar
Timbalan Presiden:	Hjh. Subiah Laten
Naib Presiden:	Puan Jamaliah Hj. Parman
Naib Presiden:	Hjh. Mariah Hj. Takin
Naib Presiden:	Hjh. Hamisah Samad
Naib Presiden:	Hjh. Malim Wahid
Setiausaha Agung:	Puan Hasnah Suffian
Bendahari Agung:	Hjh. Saukinah Hj. Yusof
Ahli Jawatankuasa Tertinggi:	Datin Hjh. Dgku Ainun Pg. Bagul Hjh. Sainon Hj. Tamam Hjh. Norma Mohd. Sari Puan Azizah Jirin Puan Aminah Osman Puan Bibi Florina Abdullah

Sumber: Fail Setiausaha PEWASA 1995/2002

Daripada senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA dalam jadual 3.4, jadual 3.5 dan jadual 3.6, memperlihatkan perubahan dari segi bilangan Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang menduduki barisan kepimpinan PEWASA. Dari tahun 1982 sehingga 1985, hanya terdapat seorang timbalan presiden yang membantu presiden dalam menjalankan tanggung jawab kepada PEWASA. Tetapi perubahan perlembagaan yang dibuat sejak tahun 1995 telah membawa perubahan kepada struktur Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA. Penambahan dua orang lagi timbalan presiden dan empat orang

naib presiden telah dilaksanakan dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Tertinggi selepas tahun 1997, seperti yang seperti yang terdapat dalam jadual 3.6

Pada tahun 1982, terdapat 33 buah cawangan PEWASA di seluruh negeri Sabah. Bagi melicinkan urusan antara peringkat pusat dan cawangan, Pengerusi Badan Penyelaras telah dilantik bagi menyelaraskan urusan dan kegiatan cawangan di peringkat kawasan atau daerah. Senarai pengerusi badan penyelaras mengikut kawasan itu adalah seperti berikut:

- |                                       |   |
|---------------------------------------|---|
| 1. Kawasan Sandakan (6 cawangan)      | Pengerusi : Puan Malim Wahid.                 |
| 2. Kawasan Labuan (5 cawangan)        | Pengerusi: Puan Hasnah Sambas.                |
| 3. Kawasan Tawau (14 cawangan)        | Pengerusi: Puan Hamisah Samad.                |
| 4. Kawasan Pantai Barat (14 cawangan) | Pengerusi: Puan Nora Sabdin.                  |
| 5. Kawasan Pedalaman (2 cawangan)     | Pengerusi: Puan Nora Lupang.                  |
| 6. Kawasan Kudat (2 cawangan)         | Pengerusi: Puan Maria Engkuhan. <sup>32</sup> |

Di bawah Jawatankuasa Penyelaras bagi setiap kawasan atau daerah pula mempunyai struktur seperti berikut: Pengerusi Penyelaras berada pada hiraki paling atas, diikuti oleh Timbalan Pengerusi Penyelaras, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa yang dilantik daripada pengerusi setiap cawangan.<sup>33</sup>

**Jadual 3.7 :** Senarai Ahli Jawatankuasa PEWASA Cawangan Taman Merpati, Sandakan 1986-1988

JAWATAN	PENYANDANG
Penaung: Penasihat:	Y.Bhg Datin Hjh. Zahra Ismail Puan Nora Hj. Awang (Ketua Penyelaras Sandakan)
Pengerusi: Timbalan Pengerusi:	Puan Hajah Normah bte Lajami Puan Rosdiah Hj. Asmaran
Setiausaha:	Puan Sarina Pakihi
Pen.Setiausaha:	Puan Christina Lim
Bendahari:	Puan Nafsah bte Alidin
Pen. Bendahari:	Puan Arbiah Amirul
Ahli Jawatankuasa:	Puan Siti Norbetda Puan Rose Willie Puan Sainah O.T. Sani Puan Zuliah Abdillah Puan Dayang Damit

<sup>32</sup> Dari meja Presiden PEWASA Cik Leong Pau Chu, dalam Laporan Tahunan PEWASA sempena Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang ke-5 pada 6-7 April 1985, hlm.3.

<sup>33</sup> Laporan Penyelaras PEWASA Daerah Sandakan 1985, hlm.3.

### Sambungan Jadual 3.7 :

JAWATAN	PENYANDANG
Ahli Jawatankuasa:	Puan Sainah Samin Puan Lunih Lajaun Cik Mastika Hj. Jafri

Sumber: *Majalah PEWASA* Cawangan Taman Merpati, Sandakan, 1988, Bil. 1, hlm. 6

Daripada jadual 3.7 menunjukkan struktur organisasi pada peringkat cawangan juga diatur dengan rapi. Ahli Jawatankuasa peringkat cawangan terdiri daripada Penaung, Penasihat, Pengerusi Cawangan, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Penolong Bendahari dan Ahli Jawatankuasa. Kewujudan jawatan penasihat pada peringkat cawangan yang melibatkan Ketua Penyelaras PEWASA pada peringkat daerah Sandakan menunjukkan hubungan yang erat antara cawangan dengan penyelaras cawangan pada setiap daerah. Kerjasama setiap cawangan diperlukan oleh penyelaras PEWASA pada peringkat daerah bagi memastikan ketersampaian segala maklumat dan kegiatan PEWASA Pusat menerusi PEWASA daerah/bahagian ke peringkat cawangan.

Pada peringkat PEWASA Pusat juga, Jawatankuasa Biro turut ditubuhkan bagi melicinkan pentadbiran dan untuk mencapai matlamat pertubuhan dengan lebih berfokus mengikut bidang-bidang yang dibahagikan mengikut setiap Biro. Antara Biro yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

- |  |  |
|--|--|
| 1. Biro Pelajaran.                             | Pengerusi: Puan Subiah Laten.                                |
| 2. Biro Kewangan.                              | Pengerusi: Puan Amisah Borhan.                               |
| 3. Biro Perlembagaan.                          | Pengerusi: Cik Leong Pau Chu.                                |
| 4. Biro Bangunan.                              | Pengerusi: Cik Leong Pau Chu.                                |
| 5. Biro Kebudayaan & Sukan.                    | Pengerusi: Puan Rubahaya Hj. Ahmad.                          |
| 6. Biro Rancangan Jangka Panjang.              | Pengerusi: Puan Dayang Mahani Tun Pengiran Hj. Ahmad Raffae. |
| 7. Biro Perhubungan.                           | Pengerusi: Datin hajah Arfah Yahya.                          |
| 8. Biro Penerbitan Majalah <i>Suara PEWASA</i> | Pengerusi: Puan Zahra Ismail.                                |
| 9. Biro pengurniaan Tahunan.                   | Pengerusi: Puan Hasnah Suffian                               |

10. Biro Kebajikan  
11. Biro Agama.

Pengerusi: Puan Zubaidah Zainal<sup>34</sup>  
Pengerusi: Datin Zainab Zulkifli<sup>35</sup>

**Jadual 3.8 : Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS(B) 2001-2003**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Y.B Datuk Hjh. Azizah D.S.P Md. Dun
Timbalan Presiden:	Datin Maimun Awang Puteh
Setiausaha Agung:	Puan Norliah Hj. Jalil
Bendahari Agung:	Puan Hjh. Noraini D.S.P Hj. Salleh
Penolong Setiausaha Agung:	Cik Siti Harinah D.S.P Md. Dun
Ahli Jawatankuasa Tertinggi:	Datin Rohani Nordin Datin Salmah Abd. Rahman Puan Hjh. Rossiah Hj. Nd. Idris Puan Ernie Dahlan Puan Hjh. Rokayah D.S.P Hj. Salleh Puan Siti Dorah Sukiran Puan Rosnah Md Juni Puan Zaiton Anik Puan Jauyah Andin Datin Hjh. Norkiah Ismail Datin Noor Diana Md. Razis Cik Faridah Kamaruddin Linggam

Sumber: Fail Setiausaha PPS.

Berdasarkan senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA dalam jadual-jadual yang ditunjukkan, memperlihatkan bahawa kedua-dua pertubuhan ini telah mengalami perkembangan yang begitu ketara dari segi struktur organisasinya. Daripada struktur organisasi yang agak longgar pada peringkat permulaan penubuhannya PPS dan PEWASA semakin berkembang dengan penambahan lebih banyak jawatankuasa baharu dan tambahan bilangan ahli jawatankuasanya. Pembentukan Jawatankuasa Penyelaras PEWASA pada peringkat

<sup>34</sup> Pengerusi Biro ini kemudiannya diambil alih oleh Puan Mahani kerana Puan Zubaidah tinggal di Tawau sukar untuk beliau selalu menghadiri mesyuarat di Kota Kinabalu.

<sup>35</sup> Pengerusi Biro ini kemudiannya diambil alih oleh Puan Sakinah R.M.Jasni kerana pada tahun 1984, Datin Zainab Zulkifli meletakkan jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat PEWASA.

daerah dan penubuhan Biro-biro dengan bidang tugas yang lebih meluas menunjukkan perkembangan baharu dalam struktur organisasi persatuan yang mencerminkan kemajuan yang telah dicapai. Pengerusi Biro-biro ini bertanggung jawab membentuk jawatankuasa biro masing-masing bagi merancang dan melaksanakan kegiatan setiap biro.

SAWO dan SWEPA juga membentuk struktur organisasi asas yang terdiri daripada jawatan Presiden, Naib Presiden, Setiausaha, Bendahari dan Ahli Jawatankuasa.<sup>36</sup> Berbanding PEWASA yang mempunyai banyak cawangan di seluruh Sabah, SAWO pula tidak mempunyai cawangan manakala SWEPA hanya mempunyai cawangan di Sandakan dan Tawau. Disebabkan SAWO lebih memfokus kepada kegiatan perkhidmatan harian, bimbingan dan kaunseling serta program ceramah-ceramah kepada kaum wanita, maka bilangan sukarelawan yang lebih ramai diperlukan untuk terlibat dalam kegiatan yang dianjurkan itu. Peranan jawatankuasa yang dibentuk dalam struktur jawatankuasa organisasi SAWO menguruskan secara terus penglibatan sukarelawan dalam program-program yang dianjurkan. Struktur Organisasi SWEPA sama ada pada peringkat cawangan pula mencontohi struktur pada peringkat pusat. Pengerusi cawangan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa pada peringkat Jawatankuasa Pusat. Pengerusi cawangan hendaklah menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa Pusat bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan pertubuhan dan melaporkan perkembangan serta kegiatan yang dianjurkan oleh cawangan masing-masing. Contoh struktur Organisasi SAWO dapat dirujuk berdasarkan jadual 3.9 manakala struktur Organisasi SWEPA pula dalam jadual 3.10 pada halaman berikutnya.

---

<sup>36</sup> Struktur Jawatankuasa SAWO 1986. Fail Setiausaha SAWO, hlm.2.

**Jadual 3.9 : Senarai Ahli Jawatankuasa SAWO 1986**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Betty Teo
Timbalan Presiden:	Rita Lasimbang
Setiausaha:	Jannie Lasimbang
Pen.Setiausaha:	Winnie Yee
Bendahari:	Liau Yin Fung
Ahli Jawatankuasa:	Lim Kah Cheng Rosecalla Gom Mary Lee Anne Lasimbang

Sumber : Senarai Ahli Jawatankuasa SAWO 1986, Fail SAWO

**Jadual 3.10 : Senarai Ahli Jawatankuasa SWEPA1996/97**

JAWATAN	PENYANDANG
Presiden:	Chew Ning Hsin @ Nancy Ho
Timbalan Presiden:	Sussana Juliana Goh
Setiausaha:	Ursula Sharon Alfred
Pen.Setiausaha:	Nemy Ontol
Bendahari:	Chia Siew Chin
Ahli Jawatankuasa:	Adeline Phung Shuk Yen Zahra Ismail Nar Chin Keow Irene Yong Teck Yee Datuk Adeline Leong Datin Sue Jayasuria Cecilia Huang Evelyn Lee Cynthia Ong

Sumber: Senarai Ahli Jawatankuasa SWEPA 1996/97, Fail Setiausaha SWEPA

**Peningkatan Kesedaran Berpersatuan Dalam Kalangan Wanita**

Satu cabaran besar bagi pemimpin-pemimpin pertubuhan sukarela wanita dalam meluaskan kegiatan persatuan pada akhir tahun 1960-an sehingga tahun 1970-an ialah kurangnya kesedaran dalam kalangan majoriti wanita di Sabah untuk melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan terutamanya bagi wanita yang tinggal di kawasan luar bandar. Keadaan ini ditambah lagi dengankekangan dari segi kemudahan infrastruktur yang masih mundur dan keciciran wanita dalam bidang pendidikan. Pada awal tahun

1970-an, usaha menyemai dan meningkatkan kesedaran wanita untuk melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan menjadi agenda penting PPS. Perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh Toh Puan Hajah Rahma dalam Edaran kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS bertarikh 11 April 1974.<sup>37</sup>

Dalam Edaran kepada AJK Tertinggi PPS itu, Toh Puan Hajah Rahma menyeru AJK Tertinggi PPS agar berusaha menarik lebih ramai kaum wanita khususnya yang tinggal di kampung-kampung untuk menyertai PPS kerana beliau berhasrat untuk melihat kaum wanita dapat meningkatkan taraf hidup mereka bukan sahaja untuk kepentingan keluarga mereka sendiri tetapi juga kepada masyarakat seluruhnya. Beliau menyedari bahawa, untuk melibatkan kaum wanita dalam kegiatan berpersatuan, PPS harus menyediakan kegiatan-kegiatan yang dapat menarik kehadiran mereka dalam kegiatan yang dilaksanakan oleh PPS. Beliau mengarahkan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS untuk menyediakan perancangan kegiatan PPS agar bangunan PPS benar-benar dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberikan bimbingan dan latihan kepada kaum wanita khususnya dalam bidang pendidikan dan urusan rumahtangga.<sup>38</sup>

Toh Puan Hajah Rahma juga berhasrat hendak melihat kaum wanita mempunyai peluang sering bertemu sesama mereka, bekerjasama dan bertukar-tukar idea dan fikiran yang secara tidak langsung mendedahkan mereka dengan pengetahuan dan pengalaman di luar daripada lingkungan rumahtangga serta kelompok masyarakat di tempat tinggal mereka sahaja. Cetusan pemikiran untuk membangunkan kaum wanita Sabah yang dilontarkan oleh Toh Puan Hajah Rahma ini menjadi pendorong kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan ahli-ahli PPS untuk menyahut seruan pemimpin mereka melaksanakan kegiatan untuk pembangunan wanita khususnya menerusi program latihan dan bimbingan kemahiran wanita dalam hal ehwal pengurusan rumah tangga. Pada tahun 1974, PPS mengadakan kelas-kelas pendidikan dan kelas-kelas kemahiran

<sup>37</sup> PPS/10/73, Edaran Kepada AJK Tertinggi PPS, 11 April 1974.

<sup>38</sup> Ibid.

dalam urusan rumahtangga seperti kelas masakan dan jahitan. Kelas-kelas tersebut menjadi tempat pertemuan kaum wanita dan sebagai medium penyaluran maklumat berkenaan kegiatan yang dianjurkan oleh PPS kepada kaum wanita lain yang belum terlibat dalam kegiatan PPS itu.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS juga memanfaatkan saluran media seperti surat khabar<sup>39</sup> dan radio Sabah untuk memaklumkan program-program yang dijalankan oleh PPS. Kaum wanita yang tidak berpeluang mengikuti kelas-kelas kemahiran yang dianjurkan oleh PPS juga diberikan perhatian melalui usaha Puan Zainon Suhaimi (Ahli Jawatankuasa Tertinggi PPS) mengendalikan Program Belajar Memasak di radio Sabah.<sup>40</sup> Rancangan ini dapat diikuti oleh kaum wanita di seluruh negeri Sabah yang memiliki radio dan berpeluang mendengarkannya. Menerusi pelbagai pendekatan yang diadakan secara berterusan, ternyata kegiatan-kegiatan PPS semakin dikenali sehingga pada tahun 1975 usaha untuk menubuhkan cawangan PPS tersebar di daerah lain seperti di Sandakan, Tawau, dan Lahad Datu.<sup>41</sup> Perkara ini memperlihatkan satu perkembangan positif dari segi peluasan kegiatan pertubuhan sukarela wanita ke daerah-daerah lain di Sabah dan tidak hanya terhad di bandar Kota Kinabalu sahaja seperti pada ketika PPS ditubuhkan pada tahun 1968.

Setelah PEWASA ditubuhkan pada tahun 1978, pertubuhan sukarela wanita ini juga didapati sangat giat dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita Sabah untuk terlibat dalam kegiatan berpersatuan di samping usaha membangunkan wanita. Selepas penubuhan PEWASA, Ahli Jawatankuasa Tertingginya sering melakukan lawatan di daerah-daerah seperti Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Keningau untuk mengadakan perjumpaan dengan kaum wanita. Perjumpaan dengan

<sup>39</sup> Sejak tahun 1962 lagi Puan Dayang Salmah Salam, iaitu wartawan di akhbar *North Borneo News & Sabah Times* sering menulis dan menyiaran rencana tentang usaha meningkatkan pendidikan kaum wanita dan cerpen yang berkisar tentang kemajuan wanita. Pada tahun 1974, beliau juga terus membuat laporan tentang kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh PPS dalam akhbar tersebut.

<sup>40</sup> Radio dan Stesen TV Malaysia Sabah menjadi medium yang sangat penting sebagai penyalur maklumat dan usaha-usaha pembangunan di Sabah pada era tahun 1970-an. Paparan program bercorak tempatan melalui media ini dirancang oleh kerajaan sebagai satu cara mempercepatkan penyebaran program-program pembangunan khususnya untuk penduduk di kawasan luar bandar.

<sup>41</sup> Minit Mesyuarat AJK Tertinggi PPS, 12 September 1974. Dalam mesyuarat berkenaan dibincangkan berkenaan surat permohonan daripada pemimpin kaum wanita di daerah Sandakan, Tawau dan Lahad Datu untuk menubuhkan cawangan PPS. AJK Tertinggi PPS mengalu-alukan permohonan tersebut dan setiausaha PPS diminta untuk membantu dari segi prosedur penubuhan dan pengurusan cawangan-cawangan tersebut.

kaum wanita diadakan di dewan-dewan masyarakat atau di balai-balai raya kampung. Manakala dialog dengan pemimpin-pemimpin pada peringkat cawangan diadakan di rumah pengerusi-pengerusi cawangan. Biasanya dalam lawatan tersebut Presiden atau Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA juga terus mengadakan perasmian bagi cawangan PEWASA yang baru sahaja ditubuhkan.<sup>42</sup> Sekalipun tidak ada pengukuran yang khusus tentang bagaimana PEWASA dapat meningkatkan kesedaran berpersatuan dalam kalangan kaum wanita di Sabah, namun tidak dapat dinafikan bahawa beberapa siri pertemuan dengan kaum wanita di kawasan luar bandar memberi motivasi kepada kaum wanita untuk terlibat dalam kegiatan berpersatuan.

Pembukaan cawangan-cawangan PEWASA yang semakin berkembang di kawasan luar bandar membuktikan kaum wanita di luar bandar juga tidak mahu ketinggalan dalam kegiatan berpersatuan. Keberkesanan seruan daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA agar kaum wanita terlibat dalam persatuan menerusi ceramah-ceramah mereka terbukti dengan penglibatan kaum wanita dengan kegiatan PEWASA setelah cawangan PEWASA ditubuhkan di kampung dan daerah masing-masing. Dalam tempoh 1980-an, penubuhan cawangan-cawangan PEWASA giat diadakan pada peringkat kampung dan kawasan-kawasan taman perumahan. Kesannya bilangan cawangan PEWASA semakin bertambah di seluruh Sabah. Misalnya, di daerah Sandakan hanya terdapat enam buah sahaja cawangan PEWASA pada tahun 1985, tetapi pada tahun 1995 bilangan cawangannya telah meningkat menjadi 20 cawangan. Dalam tempoh 10 tahun juga menyaksikan cawangan PEWASA telah berkembang ke daerah pedalaman, misalnya di daerah Kinabatangan telah ditubuhkan sebanyak tujuh buah cawangan PEWASA.<sup>43</sup>

<sup>42</sup> Temu bual dengan Datin Malim Wahid pada 18 Februari 2012, di Pejabat PEWASA, Lot.24-2R, Tingkat 2, Plaza Beverly Hills, Jalan Bundusan, Penampang, Kota Kinabalu. Datin Malim ialah antara AJK Pusat PEWASA yang awal. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan dalam AJK Pusat PEWASA iaitu sebagai Bendahari, Naib Presiden, AJK Tertinggi, Pengerusi Biro dan Penyelaras Kawasan. Kini beliau terus bergiat dalam PEWASA dan memegang jawatan sebagai Bendahari.

<sup>43</sup> Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995 yang disediakan oleh Puan Nora Hj. Awang, Pengerusi Penyelaras PEWASA Bahagian Sandakan.

Cawangan-cawangan PEWASA yang sedia ada menjadi inspirasi kepada penubuhan cawangan-cawangan PEWASA yang baharu. Berdasarkan laporan setiap cawangan, jelas memperlihatkan persamaan dari segi kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh cawangan-cawangan PEWASA. Pengajuran pertandingan dalam aktiviti sukan dan kemahiran kraftangan, jahitan, masakan dan gubahan oleh mana-mana cawangan juga melibatkan kerjasama antara satu cawangan dengan cawangan yang lain sama ada dari segi penyertaan ahli, penyediaan tenaga pengadil pertandingan mahu pun sumbangan dalam bentuk wang ringgit bagi membantu menjayakan kegiatan berkenaan. Sepanjang tahun 1970-an dan 1980-an, kaum wanita sentiasa menyambut baik usaha PEWASA mengadakan ceramah-ceramah di daerah-daerah seluruh Sabah khususnya menerusi kerjasama dangan cawangan yang ada. Kehadiran kaum wanita agak menggalakkan, meskipun kemudahan asas seperti pengangkutan dan media agak terbatas pada masa itu. Tetapi disebabkan kerja keras dan semangat berpasukan yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin PEWASA pada peringkat pusat dan cawangan pada masa itu, segala aktiviti yang dirancangkan dapat dilaksanakan dengan jayanya serta mendapat sambutan yang baik daripada kalangan wanita tanpa mengira status dan usia mereka.

Pendedahan dan bimbingan ke arah kecekapan pengurusan persatuan juga merupakan usaha yang amat penting dalam melatih dan membimbing kaum wanita untuk menguruskan persatuan dengan lebih berkesan. Pengurusan yang lebih berkesan itu juga penting dalam menyusun kegiatan-kegiatan yang boleh menarik minat lebih ramai kaum wanita menyertai persatuan dan menyedari faedah-faedah yang mereka perolehi dengan melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan. PEWASA dan Pusat Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Seminar Wanita dan Pembangunan selama tiga hari iaitu dari tarikh 6 November hingga 8 November 1979, di Pusat Pembangunan Masyarakat, Kota Kinabalu. Seramai 140 orang wanita dari seluruh

negeri Sabah berpeluang menyertai seminar tersebut. Seminar selama tiga hari itu memberikan pendedahan kepada para peserta untuk memperoleh kemahiran dalam mengemukakan pendapat secara tersusun, teratur dan meningkatkan keyakinan diri.<sup>44</sup>

Sebagai kesan daripada kursus dan seminar wanita berkenaan menyebabkan ada usaha lanjutan daripada cawangan PEWASA, misalnya PEWASA Cawangan Tawau mengajukan cadangan kepada PEWASA Pusat agar mengadakan kursus asas pengurusan persatuan kepada barisan kepimpinan peringkat cawangan khususnya kepada Setiausaha dan Bendahari. Selain itu cawangan ini juga menuntut PEWASA Pusat agar mengadakan seminar kepimpinan wanita juga untuk ahli-ahli di luar bandar. Cadangan ini dijadikan usul yang dibentangkan oleh wakil PEWASA cawangan Tawau dalam Mesyuarat Agung PEWASA 1982/83.<sup>45</sup> Pada 1-9 Oktober 1982, Kursus Kepimpinan Wanita anjuran Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan telah diadakan di Kota Kinabalu. PEWASA Pusat dengan kerjasama NACIWID juga telah mengadakan Kursus Kepimpinan Wanita pada 25-27 November 1983 di Dewan Pembangunan Rakyat, Sembulan Kota Kinabalu. Semua cawangan PEWASA di seluruh negeri telah diminta untuk menghantar wakil bagi menyertai kursus berkenaan.<sup>46</sup> Pada 30 Mei 1994 pula, PEWASA cawangan Kinabatangan telah bergabung dengan cawangan-cawangan PEWASA lain dalam daerah Sandakan iaitu cawangan Elopura, cawangan Kampung Sungai Kayu, cawangan Bukit Garam dan cawangan Batu Sapi menganjurkan Kursus Pengurusan dan Tatacara Mesyuarat. Kursus ini dirasmikan oleh Puan Hajah Zahra Ismail, Presiden PEWASA.

Usaha mengadakan kursus pengurusan persatuan pada peringkat cawangan itu merupakan satu perkembangan positif pada peringkat cawangan kerana memperlihatkan berlakunya penyaluran ilmu pengurusan persatuan secara terus pada peringkat bawah yang dapat memantapkan pengurusan setiap cawangan. Secara tidak langsung,

<sup>44</sup> *Kinabalu Sabah Times*, 12 November 1979.

<sup>45</sup> Minit Mesyuarat Bulanan Pertama PEWASA Cawangan Tawau, 22 November 1981.

<sup>46</sup> PEWASA Cawangan Tawau telah menghantar Cik Fatimah Hamid (Ahli biasa) untuk menghadiri kursus berkenaan.

pemimpin pada peringkat cawangan dapat merangka dan menyusun kegiatan persatuan dengan lebih berkesan dan dapat menarik lebih ramai wanita terlibat dalam kegiatan berpersatuan. Perkembangan itu juga adalah sebagai kesan daripada usaha PEWASA Pusat pada tahun 1982 yang melantik Pengerusi Penyelaras cawangan-cawangan pada peringkat daerah bagi melicinkan urusan antara peringkat pusat dan cawangan apabila penubuhan cawangan-cawangan PEWASA semakin bertambah di seluruh Sabah. Peranan Pengerusi Penyelaras ini sangat penting sebagai ejen PEWASA Pusat yang bertindak selaku pendorong dan pemantau pengurusan cawangan serta kegiatan cawangan-cawangan di bawah tanggungjawabnya.<sup>47</sup>

PPS dan PEWASA bukan setakat memberi peluang kepada kaum wanita yang menjadi ahlinya melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pertubuhan masing-masing tetapi juga menjadi saluran kepada kaum wanita untuk terus terlibat dalam program-program yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan, NGO dan sektor swasta. Apabila ada mana-mana pihak menganjurkan program sama ada pada peringkat negeri atau daerah, biasanya pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seperti PPS, PEWASA pusat dan cawangan-cawangannya menjadi penyalur maklumat kepada kumpulan sasaran khususnya wanita agar menyertai program berkenaan. Penyertaan dalam pelbagai program berkenaan memberikan banyak manfaat kepada golongan wanita iaitu mereka berpeluang untuk menambah ilmu pengetahuan, menambah pengalaman dan mudah terdedah kepada program-program yang menjurus kepada pembangunan wanita dan masyarakat.

---

<sup>47</sup> Laporan Tahunan PEWASA sempena Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang ke-5 pada 6-7 April 1985.

## **Isu-isu dan Cabaran Pertubuhan Sukarela Wanita**

Penelitian terhadap perkembangan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang terpilih ini menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan in juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai isu dan cabaran. Pada peringkat awal penubuhan PPS, cabaran besar yang dihadapi adalah untuk memupuk kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita di Sabah. Kaum wanita yang buta huruf sukar untuk dilibatkan dalam kegiatan berpersatuan. Setelah ada usaha daripada PPS untuk mendekati kumpulan sasaran ini, akhirnya penglibatan wanita dalam PPS semakin baik dan berkembang. Namun begitu untuk memastikan kaum wanita terus terlibat secara aktif dalam kegiatan pertubuhan sukarela wanita merupakan satu cabaran bagi setiap pertubuhan wanita yang bergerak secara sukarela. Sejak tahun 1976, PPS berhadapan dengan cabaran besar dalam meneruskan kegiatan pertubuhan ini akibat daripada perubahan kepemimpinan politik negeri Sabah. Oleh sebab kebanyakan pemimpin dan ahli PPS datang daripada Kaum Ibu parti USNO, maka kekalahan parti USNO di tangan Parti Berjaya turut mempengaruhi perkembangan PPS. Akhirnya PPS menjadi tidak aktif sehingga pendaftarannya digantung oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah.

Selain itu, cabaran untuk mengekalkan keaktifan ahli pertubuhan khususnya pada peringkat cawangan juga merupakan satu cabaran yang penting. PEWASA misalnya, berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan dan memastikan penglibatan yang aktif ahli-ahli cawangan kerana keberkesanan program-program pembangunan wanita yang dianjurkan oleh pertubuhan ini sangat bergantung kepada sokongan dan penglibatan pada peringkat cawangan. Memang tidak dinafikan ada cawangan PEWASA yang bergerak aktif seperti cawangan Likas, Papar, Tawau dan Sandakan dan lain-lain lagi namun terdapat juga cawangan yang sukar untuk melibatkan diri dalam program-program anjuran PEWASA Pusat kerana masalah kewangan dan lokasi yang jauh dari PEWASA Pusat. Keaktifan sesebuah cawangan bergantung kepada

kepemimpinan dan keahlian pada peringkat cawangan. Terdapat juga ahli yang hanya menyertai pertubuhan pada nama sahaja tetapi jarang hadir ke mesyuarat dan program anjuran cawangan. Kehadiran AJK pada peringkat cawangan yang tidak konsisten juga menyebabkan mesyuarat pada peringkat cawangan sukar dijalankan kerana tidak menepati jumlah kehadiran yang ditetapkan dalam perlembagaan pertubuhan.<sup>48</sup> Selain itu, sejak tahun 1980-an, terdapat ahli-ahli PEWASA daripada kalangan kakitangan perkhidmatan awam dan isteri-isteri kakitangan perkhidmatan awam mula beralih arah menyertai pertubuhan-pertubuhan wanita yang berkaitan dengan kerjaya mereka dan kerjaya suami mereka seperti PUSPANITA. Perkara ini juga menyebabkan keahlian PEWASA daripada kumpulan tersebut semakin berkurang dan memberi kesan dari segi keaktifan PEWASA pada akhir tahun 1990-an.<sup>49</sup>

Salah satu punca juga yang menyebabkan ahli-ahli cawangan kurang melibatkan diri dalam kegiatan PEWASA pada peringkat cawangan adalah kerana kurang aktiviti yang menarik yang dianjurkan sebaliknya hanya mengulangi aktiviti yang lebih kurang sama iaitu aktiviti yang pernah disertai oleh ahli-ahli di cawangan berkenaan.<sup>50</sup> Pertindihan senarai ahli antara sebuah cawangan dengan cawangan lain yang berdekatan juga turut menimbulkan masalah dari segi pengurusan keahlian. Keahlian yang aktif bergantung kepada inisiatif pemimpin pada peringkat cawangan. Namun perubahan pemimpin tidak dapat dielakkan kerana faktor usia, kesihatan dan sebagainya.

Bagi SAWO pula, cabaran yang dihadapi pada peringkat awal penubuhannya adalah kesukaran untuk melaksanakan tanggungjawab mereka membantu wanita yang menjadi mangsa keganasan seksual dan keganasan rumah tangga disebabkan oleh pelbagai halangan dalam masyarakat. Kurangnya kesedaran tentang hak wanita dan kesamaan gender menyebabkan wanita tidak melaporkan kepada pihak berkuasa tentang keganasan seksual dan keganasan rumah tangga yang dilalui. Halangan-halangan

<sup>48</sup> Temu bual dengan Puan Noorbayah Hj. Musa, ahli PEWASA Cawangan Sipitang , 6 Ogos 2017, di Pekan Beaufort.

<sup>49</sup> Temu bual dengan Puan Hajah Jamilah Hj. Olim, ahli PEWASA Cawangan Beaufort, 5 Ogos 2017, di Kampung Lajau, Beaufort.

<sup>50</sup> Temu bual dengan Puan Juriffah Safflie, ahli PEWASA Cawangan Beaufort, 5 Ogos 2017, di Pekan Beaufort.

daripada jabatan-jabatan yang menguruskan isu-isu keganasan terhadap wanita juga menyukarkan wanita untuk mendapat jalan penyelesaian dalam masalah yang dihadapi. Pemimpin-pemimpin SAWO terpaksa berhadapan dengan sikap tidak peduli pihak polis yang tidak mengambil tindakan terhadap laporan keganasan rumah tangga yang dibuat oleh mangsa wanita.<sup>51</sup> Berdasarkan pengalaman Puan Mary Chai sebagai mangsa keganasan rumah tangga, beliau telah banyak kali membuat laporan polis dan terpaksa mengeluarkan wang rm5.00 bagi setiap laporan polis yang dibuat. Namun tidak ada tindakan terhadap aduan tersebut sehingga kes beliau mengalami kecederaan fizikal yang teruk barulah kes beliau dibawa ke mahkamah dan tindakan undang-undang dikenakan kepada suaminya sebagai pesalah dalam kes keganasan rumah tangga. Isu utama dalam kes ini ialah kurangnya kepekaan gender dalam kalangan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang bertanggung jawab menangani masalah wanita.

Cabarannya seterusnya yang dihadapi oleh SAWO adalah untuk melibatkan wanita dalam kerja-kerja sukarela secara berterusan kerana kurangnya kesedaran tentang isu-isu hak wanita dan kesamaan gender dalam kebanyakan anggota masyarakat di Sabah. Kekurangan tenaga sukarela ini menyukarkan SAWO untuk melaksanakan program-program untuk wanita secara lebih meluas di seluruh Sabah. Selain itu, penglibatan generasi muda daripada pelbagai lapisan masyarakat kurang menggalakkan dalam kerja-kerja sukarela yang dianjurkan oleh SAWO. Kebanyakan sukarelawan yang terlibat adalah daripada kalangan wanita yang pernah menjadi mangsa keganasan seksual dan keganasan rumah tangga serta wanita muda yang berlatarbelakangkan bidang perundungan.<sup>52</sup> Daripada isu-isu dan cabaran yang dinyatakan ternyata setiap pertubuhan sukarela wanita mempunyai isu dan cabaran tersendiri yang perlu dihadapi sepanjang perjalanan pertubuhan mereka dan tidak kurang pentingnya juga sebagai

<sup>51</sup> Temu bual dengan Puan Mary Chai, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

<sup>52</sup> Temu bual dengan Puan Irene Yee, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

faktor-faktor yang menjadi halangan bagi pertubuhan-pertubuhan ini dalam melaksanakan program-program pembangunan wanita di Sabah.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraian tentang objektif keempat-empat pertubuhan sukarela wanita yang terpilih, dapatlah disimpulkan bahawa keempat-empat buah pertubuhan sukarela wanita itu mempunyai objektif umum yang sama iaitu bagi mencapai matlamat untuk membangunkan kaum wanita di Sabah. Walau bagaimanapun fokus kegiatan pertubuhan-pertubuhan ini dan pendekatan masing-masing terhadap soal pembangunan wanita adalah mengikut matlamat khusus penubuhan pertubuhan masing-masing. Dari segi organisasi dan struktur pertubuhan sukarela berkenaan, dapatlah disimpulkan bahawa pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA telah melalui perkembangan dari segi struktur jawatakuasa asas yang agak longgar kepada struktur yang lebih berkembang dengan adanya penambahan jawatankuasa-jawatankuasa baharu setelah semakin ramai ahli menyertai pertubuhan ini dan program yang dianjurkan semakin bertambah dari semasa ke semasa.

Dari segi keanggotaan, kepemimpinan dan kepakaran juga menunjukkan bahawa golongan wanita yang terlibat dalam menganggotai dan menggerakkan kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini di Sabah datang daripada pelbagai lapisan masyarakat iaitu daripada suri-suri rumah, kakitangan wanita perkhidmatan awam, hinggalah kepada ahli-ahli politik, golongan usahawan dan golongan profesional daripada pelbagai bidang. Meskipun terdapat isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang terpilih namun kebijaksanaan dan kerjasama barisan pemimpin serta ahli pertubuhan sukarela wanita berkenaan sangat penting bagi memastikan kegiatan-kegiatan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perkara ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut pada bab-bab seterusnya yang

akan membincangkan peranan pertubuhan sukarela wanita dalam meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka dalam bidang perundangan serta pembangunan wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

University Of Malaya

## **BAB 4 : PERJUANGAN HAK DAN KEBAJIKAN WANITA**

### **Pengenalan**

Bab keempat ini akan membincangkan peranan pertubuhan sukarela wanita dalam meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka terutamanya daripada aspek perundangan. Peningkatan kesedaran wanita tentang hak mereka ini membantu wanita dalam meningkatkan status mereka di sisi masyarakat. Selain usaha meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka dari segi perundangan, pertubuhan sukarela wanita juga begitu prihatin terhadap soal kebajikan wanita dan masyarakat. Peningkatan kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita membuka ruang yang luas kepada mereka untuk bergerak dan melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan serta bekerjasama dalam memperjuangkan kepentingan mereka secara berpasukan agar suara-suara wanita lebih mudah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan khususnya. Seiring dengan kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita dalam bidang pendidikan dan kerjaya, pertubuhan sukarela wanita juga memperjuangkan agar wanita diberikan peluang menduduki jawatan-jawatan utama dalam sektor awam dan swasta serta diberikan pengiktirafan berdasarkan kelayakan, pencapaian dan sumbangan mereka.

### **Isu-isu dan Masalah Hak serta Kebajikan Wanita**

Semakin meningkatnya kesedaran gender dan bertambahnya bilangan wanita yang berpendidikan, di samping berkembangnya teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan isu serta masalah wanita khususnya yang berkaitan dengan hak wanita dalam perundangan mula diketengahkan oleh pertubuhan sukarela wanita di Sabah. Antara isu yang semakin mendapat perhatian daripada pertubuhan sukarela wanita adalah yang melibatkan hal-hal rumah tangga dan kekeluargaan seperti keganasan terhadap wanita,<sup>1</sup> kes ro gol, kes perceraian, kes penjagaan anak selepas ibu bapa

---

<sup>1</sup> Definisi keganasan ialah suatu pengabaian atau perbuatan seseorang terhadap seseorang yang lain yang mengakibatkan kesan kerosakan atau penderitaan fizikal, seksual atau mental termasuk ancaman seperti tindakan, paksaan atau perlucutan kebebasan

bercerai, pemberian nafkah, masalah kesusahan hidup yang dihadapi oleh wanita yang berstatus ibu tunggal, pembahagian harta pusaka, wanita bekerja dan gangguan seksual terhadap wanita.<sup>2</sup> Kebanyakan wanita yang berhadapan dengan isu keganasan khususnya keganasan rumah tangga menghadapi kesukaran dalam menangani masalah mereka kerana kurangnya sokongan daripada masyarakat di sekeliling mereka sedangkan mereka sangat memerlukan bantuan serta sokongan moral bagi menghadapi keadaan trauma kesan daripada krisis yang berlaku itu.<sup>3</sup>

Tanggapan masyarakat umumnya terhadap isu keganasan rumah tangga yang sering dianggap sebagai isu peribadi, masalah persendirian atau orang perseorangan menyebabkan wanita yang berada dalam krisis berkenaan tidak mendapat pembelaan daripada masyarakat dan media masa.<sup>4</sup> Keadaan ini menjadi lebih sukar lagi jika wanita yang menjadi mangsa itu sendiri kurang kesedaran tentang hak mereka dari segi perundangan. Ditambah lagi dengan pelbagai halangan dari segi kerentak birokrasi untuk membuat pengaduan dan proses mendapatkan perlindungan daripada pihak polis serta badan-badan kerajaan yang lain agak sukar dan memakan masa yang lama menyebabkan wanita yang berhadapan dengan isu keganasan rumah tangga terus menderita secara senyap. Oleh sebab itu, cabaran utama yang dihadapi oleh pertubuhan sukarela wanita seperti PPS, PEWASA dan SAWO dalam memperjuangkan hak wanita dari segi perundangan adalah kejahilan wanita itu sendiri terhadap hak mereka di sisi undang-undang. Justeru, usaha meningkatkan tahap literasi undang-undang dalam kalangan wanita menjadi satu keperluan utama yang mesti dilaksanakan sebelum kesedaran wanita untuk memperjuangkan hak mereka dapat dipupuk dan dipertingkatkan.

---

dengan sewenang-sewenangnya, sama ada berlaku di khalayak ramai ataupun kehidupan persendirian seseorang. Keganasan boleh dibahagikan kepada keganasan domestic atau rumah tangga dan keganasan lain seperti rogol, culik dan sebagainya. Noor Aziah Mohd. Awal, *Wanita Dan Undang-undang*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2006, hlm.99.

<sup>2</sup> 'Helpline Project' dalam Buku Program Sabah Women Action Resource Group (SAWO) 20<sup>th</sup> Anniversary & Fund-raising Dinner, 10 September 2004, hlm .7.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Makmor Tumin, Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm.156.

Meskipun terdapat undang-undang di Malaysia yang berkaitan dengan kes-kes keganasan rumah tangga, namun undang-undang yang sedia ada khususnya sebelum pengubalan Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994 masih belum dapat memberikan perlindungan yang berkesan kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.<sup>5</sup> Malah wanita di Sabah menghadapi masalah kekeliruan dalam memahami sistem perundangan kerana terdapat tiga sistem undang-undang yang berbeza iaitu undang-undang Sivil, undang-undang Islam (Syariah) dan undang-undang Adat yang dikendalikan di bawah bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri.<sup>6</sup> Oleh sebab itu, amalan penyelesaian kes-kes rogol dan keganasan rumah tangga melalui undang-undang adat juga menjadi isu dalam menangani masalah yang dihadapi oleh wanita di Sabah. Hal ini kerana kes keganasan rumah tangga adalah kes jenayah yang sepatutnya dikendalikan oleh Mahkamah Sivil. Namun masih ada kes-kes jenayah ini yang tidak dilaporkan kepada pihak polis dan diselesaikan oleh ketua-ketua kampung menggunakan undang-undang adat<sup>7</sup> yang menjadi amalan tradisi penduduk peribumi di Sabah. Walaupun terdapat peruntukan dalam undang-undang adat berkenaan hukuman terhadap kes-kes yang berkaitan dengan keganasan dan pencabulan terhadap wanita, tetapi dari segi pelaksanaan hukuman atau bayaran denda ‘sogit’ yang dikenakan kepada pesalah jenayah berbeza-beza mengikut adat dan daerah suku-suku peribumi yang terdapat di Sabah.<sup>8</sup>

Bagi wanita yang bekerja pula, mereka juga berhadapan dengan kes-kes gangguan seksual di tempat kerja, tempat kerja yang tidak selamat dan gaji yang tidak setimpal dengan kerja yang dilakukan oleh pekerja wanita khususnya di sektor swasta.

<sup>5</sup> Dari segi perundangan di Malaysia, sebelum pengubalan Akta Keganasan Rumah Tangga (AKRT) 1994, kebanyakan kes berkaitan keganasan rumah tangga bagi orang-orang bukan Islam di Malaysia diletakkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (AMU) 1976, manakala kes-kes keganasan rumah tangga bagi orang Islam pula diletakkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam. Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia Perjuangan Menuntut Hak*, hlm.156.

<sup>6</sup> *Women in Sabah Needs Concerns Aspirations*, Kota Kinabalu: Sabah Women Action Resource Group, 1992, hlm.94-95.

<sup>7</sup> Undang-undang Adat adalah undang-undang tradisi penduduk peribumi Sabah yang dikembangkan dan diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Undang-undang adat memaparkan sistem nilai penduduk peribumi dan sering dirujuk untuk mengukuhkan identiti etnik peribumi di Sabah. Mahkamah Anak Negeri pula berfungsi sebagai institusi yang melaksanakan proses undang-undang dan bertanggungjawab mengurus konflik serta memberi pernyataan pada nilai Undang-undang Adat. Sharifah Zaleha Syed Hassan, ‘Mahkamah Anak Negeri dan Perlanjutan Undang-undang Adat di Sabah: Satu Interpretasi Sosiobudaya’ dalam Ismail Hussein et.al, *Tamadun Melayu Jilid Empat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm.1534-1535.

<sup>8</sup> *Women in Sabah Needs Concerns Aspirations*, hlm.94-97.

Terdapat juga kekangan dari segi peluang kenaikan pangkat dalam kalangan wanita profesional untuk menduduki jawatan utama dalam sektor awam dan swasta disebabkan sikap majikan dan masyarakat sekeliling mereka yang tidak mempunyai kesedaran gender.<sup>9</sup> Wanita sering dilabel sebagai golongan yang lemah dan sukar menyaingi kelebihan serta potensi kaum lelaki dari segi kekuatan fizikal. Wanita juga dianggap kurang produktif dalam pekerjaan kerana sering mengambil cuti seperti cuti bersalin dan cuti kerana menjaga ahli keluarga yang sakit dan sebagainya. Sedangkan hakikatnya, seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan dan latihan dalam bidang kerjaya, semakin ramai wanita memiliki kelayakan akademik yang tinggi, berketrampilan serta berpotensi menggalas tanggung jawab yang besar sebagai ketua jabatan atau membuat keputusan sama ada di sektor awam maupun sektor swasta.

Isu dan cabaran yang dihadapi oleh kaum wanita daripada pelbagai peringkat ini cuba ditangani oleh pertubuhan sukarela wanita menerusi pelbagai program yang dapat meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka di dalam rumah tangga, di tempat kerja dan di sisi undang-undang. Pertubuhan sukarela wanita seperti SAWO mengambil inisiatif untuk mengenal pasti aspek perundangan yang merugikan dan diskriminatif terhadap kaum wanita, membangkitkan dan membincangkan perkara tersebut dengan badan-badan penguatkuasaan undang-undang di Sabah agar hak dan kepentingan wanita terbela dalam bidang perundangan. Kejahilan wanita terhadap hak mereka dalam bidang perundangan cuba ditangani menerusi program literasi undang-undang yang memberi peluang kepada kaum wanita agar celik undang-undang.

### **Program Literasi Undang-undang**

Secara amnya kesemua undang-undang di Malaysia melibatkan wanita secara langsung atau tidak langsung. Tiada satu pun undang-undang yang mengecualikan wanita atau memberi pengecualian separuh. Semua undang-undang terpakai kepada wanita. Secara

<sup>9</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee (Presiden SAWO), pada 20 Disember 2012, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

langsung terdapat undang-undang yang ditujukan khas kepada wanita. Antara undang-undang tersebut ialah:

1. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian 1976) (Akta 164).
2. Akta Perempuan Bersuami 1957 (Akta 450).
3. Ordinan Perceraian 1950.
4. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).
5. Undang-undang Keluarga Islam di tiap-tiap negeri.
6. Kanun Keseksaan (Akta 574) – terutama seksyen yang mana mangsanya ialah wanita seperti rogol, mencabul kehormatan dan sebagainya.
7. Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 263).
8. Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 (Akta 34).
9. Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Menguatkuasakan Nafkah) 1968 (Akta 356).<sup>10</sup>

Daripada undang-undang yang disenaraikan itu menunjukkan bahawa negara Malaysia mempunyai peruntukan undang-undang bagi melindungi wanita. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang sahaja tidak mencukupi dalam melindungi wanita dan menangani isu serta masalah yang dihadapi oleh golongan wanita. Perkara yang paling penting adalah kerjasama daripada semua pihak sama ada pihak kerajaan, agensi-agensi penguatkuasaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan rakyat daripada pelbagai lapisan bagi memastikan peruntukan undang-undang dapat dilaksanakan dan dapat memberi perlindungan kepada wanita untuk hidup dalam suasana yang selesa dan selamat.

Menyedari realiti bahawa wanita berhadapan dengan pelbagai isu yang berkaitan hak dan kebijakan lantaran sering menjadi mangsa ketidakadilan dan keganasan dalam rumah tangga, pertubuhan sukarela wanita berusaha mendedahkan wanita dengan kegiatan yang memfokus kepada literasi undang-undang. Sejak awal tahun 1980-an lagi PEWASA telah memulakan usaha itu melalui penganjuran program yang memberikan pendedahan kepada wanita tentang hak mereka di sisi undang-undang. Melalui kerjasama dengan Biro Bantuan Guaman negeri Sabah, pewasa telah

---

<sup>10</sup> Noor Aziah Mohd. Awal, *Wanita Dan Undang-undang*, hlm.2.

memulakan program ceramah perundangan di daerah Tawau. PEWASA cawangan Tawau telah diberi kepercayaan oleh PEWASA Pusat mengadakan program Ceramah Biro Bantuan Guaman pada 27 September 1981, di Pejabat Kebudayaan Belia dan Sukan Tawau.<sup>11</sup> Ceramah tersebut disampaikan oleh Puan Mary Robert, seorang pengamal undang-undang daripada Jabatan Biro Bantuan Guaman. Isi kandungan ceramah yang disampaikan berfokus kepada perkara nafkah, cerai, jagaan kanak-kanak dan harta sepencarian. Ceramah tersebut berjaya menghimpunkan seramai 60 orang wanita daripada ahli PEWASA dan 40 orang wanita wakil daripada pelbagai pertubuhan yang diundang oleh PEWASA untuk turut sama mendengar ceramah berkenaan.

Program Literasi Undang-undang berikutnya dilaksanakan oleh PEWASA Daerah Sandakan. Dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), PEWASA Daerah Sandakan telah menganjurkan Seminar Wanita dan Undang-undang pada 19-20 Julai 1986. Seramai 100 orang ahli PEWASA yang menghadiri seminar berkenaan mewakili cawangan-cawangan PEWASA yang terdapat di daerah Sandakan. Pengisian seminar tersebut tertumpu kepada usaha memberikan maklumat perundangan dan mendedahkan kaum wanita terhadap Undang-undang Keluarga Islam. Program ceramah dan seminar undang-undang yang dilaksanakan oleh PEWASA di daerah Tawau dan Sandakan itu sangat penting bagi kaum wanita sama ada kepada mereka yang memegang jawatan penting dalam pertubuhan sukarela wanita mahupun kepada wanita yang hanya sebagai ahli biasa atau golongan suri rumah sahaja kerana melalui program berkenaan dapat membekalkan pengetahuan kepada kaum wanita terhadap perkara-perkara dalam undang-undang yang berkaitan dengan wanita dan keluarga.

Pendedahan dan pengetahuan tentang undang-undang khususnya yang berkaitan dengan prosedur penyelesaian kes seperti soal tuntutan nafkah, perceraian dan hak penjagaan anak selepas ibu bapa mereka bercerai memberikan panduan kepada para

<sup>11</sup> PEWASA/TWU/1/5, Laporan Setiausaha bagi tahun 1980/1981, PEWASA Cawangan Tawau bertarikh 1 November 1981, hlm. 3.

pemimpin pertubuhan-pertubuhan wanita dalam membantu menangani permasalahan yang dihadapi oleh wanita di sekeliling mereka. Hal ini disebabkan dalam melaksanakan kegiatan berpersatuan, pemimpin-pemimpin pertubuhan wanita ini berhadapan dengan pelbagai latar belakang wanita termasuklah kaum wanita yang mengalami krisis rumah tangga dan memerlukan bantuan serta sokongan moral daripada mereka. Bagi wanita yang menjadi suri rumah pula, program ceramah dan seminar undang-undang tersebut memberikan peluang kepada mereka untuk menambah pengetahuan dan juga sebagai panduan kepada mereka jika diri sendiri, ahli keluarga, jiran dan rakan-rakan wanita mereka berhadapan dengan masalah rumah tangga. Oleh sebab itu, usaha PEWASA menganjurkan program literasi undang-undang memberikan banyak faedah kepada kaum wanita yang berpeluang menyertai program berkenaan.

Selain program literasi undang-undang yang dianjurkan oleh PEWASA, PPS (B) juga mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri seminar undang-undang dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di lima buah daerah iaitu di daerah Beaufort, Kudat, Kota Kinabalu, Sandakan dan Keningau. PPS(B) telah diberikan kepercayaan oleh Kementerian Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga dalam melaksanakan program-program kementerian berkenaan di Sabah. Sebanyak RM175,760.00 peruntukan daripada kementerian berkenaan telah disalurkan kepada PPS(B) bagi tujuan pengajuran kursus-kursus, ceramah, dialog dan seminar yang berkaitan dengan pembangunan wanita.<sup>12</sup> Seminar Celik Undang-undang Keluarga Islam telah diadakan di Resort Borneo Golf, Bongawan pada 3 Mei 2003. Seminar undang-undang yang sama diadakan di Hotel Marina Court, Kudat pada 31 mei 2003, di daerah Kota Kinabalu pula telah diadakan di Hotel Berjaya Palace pada 7 Jun 2003, di daerah Sandakan telah diadakan di Hotel Sanbay pada 5 Julai 2003 dan di daerah Keningau diadakan di Hotel Perkasa pada 19 Julai 2003.

---

<sup>12</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS (B) Ke-31, 13 Jun, 2003.

Kumpulan yang menjadi sasaran dalam program seminar tersebut ialah kaum wanita di kawasan bandar dan luar bandar, khususnya mereka yang kurang berkemampuan, sekumpulan wanita yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin badan-badan bukan kerajaan yang selalu berhadapan dengan masyarakat wanita dan kaum remaja perempuan.<sup>13</sup> Antara pengisian penting dalam program seminar undang-undang tersebut termasuklah pendedahan kepada para peserta seminar tentang Undang-undang Syariah dan tatacara dan prosedur Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, Undang-undang berkaitan keganasan dan penganiayaan terhadap wanita, termasuklah Akta Keganasan Rumahtangga, rogol, sumbang mahram dan Akta Kanak-kanak, undang-undang yang membabitkan remaja seperti Akta Kanak-kanak dan Akta Dadah Berbahaya.<sup>14</sup>

Program seminar undang-undang tersebut dilaksanakan untuk mencapai dua objektif utama iaitu yang pertama, untuk mendedahkan kaum wanita, khususnya wanita di luar bandar kepada kewajipan dan hak-hak mereka yang sedia diperuntukkan di bawah undang-undang sama ada undang-undang Sivil maupun Syariah. Kedua, untuk membantu mengenalpasti undang-undang, peraturan, tatacara atau prosedur yang mempunyai ciri-ciri diskriminasi terhadap kaum wanita dan/atau boleh menyulitkan proses perundangan dan/atau guaman yang melibatkan kaum wanita dan seterusnya mencadangkan tindakan yang sesuai bagi memindanya supaya ia lebih mesra wanita.<sup>15</sup> Selain itu program tersebut juga diadakan untuk meramaikan bilangan wanita, khususnya wanita di luar bandar yang mempunyai maklumat mengenai hak-hak mereka di bawah undang-undang yang sedia ada. Usaha melatih rangkaian wanita yang bermaklumat asas dalam hal perundangan negara juga menjadi matlamat dalam pelaksanaan program ini. Maklumat asas dalam hal perundangan negara dalam konteks

<sup>13</sup> Laporan Jawatankuasa Penganggaran Program Literasi Undang-undang 2003 dalam Minit Mesyuarat ke-30 Jawatankuasa Pusat PPS(B), 21 Mei 2003, hlm.3.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Brosur Program Literasi Undang-undang Anjuran Perkumpulan Perempuan Sabah (B) dengan Kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Laporan Jawatankuasa Penganggaran Program Literasi Undang-undang 2003, hlm.3.

ini termasuklah tatacara atau prosedur perundangan agar mereka berupaya untuk memberi khidmat asas kepada kaum wanita yang memerlukan bantuan guaman tetapi tidak berkemampuan dari segi kewangan. Di samping itu, menerusi Program Literasi Undang-undang itu juga dapat membantu kaum wanita, daripada semua peringkat umur untuk membuat persediaan, keputusan dan mengambil tindakan yang sesuai dan terbaik melalui pendedahan kepada maklumat berkaitan undang-undang secara am.

Sambutan yang begitu menggalakkan daripada kaum wanita terhadap program seminar undang-undang tersebut khususnya di daerah Kota Kinabalu menyebabkan PPS(B) meneruskan lagi kegiatan tersebut dengan menganjurkan konvensyen Paraguam selama tiga hari pada 1-3 Ogos 2003 di Hotel Berjaya Palace, Kota Kinabalu.<sup>16</sup> Pengisian program dalam konvensyen ini juga adalah berkaitan dengan soal perundangan dan kepentingan celik undang-undang terhadap kaum wanita. Daripada penganjuran beberapa siri seminar undang-undang yang telah dilaksanakan di pelbagai daerah di Sabah dan Konvensyen Paraguam di daerah Kota Kinabalu itu menunjukkan keprihatianan pertubuhan sukarela wanita di Sabah khususnya PEWASA dan PPS(B) terhadap kepentingan celik undang-undang dalam kalangan wanita. Penganjuran program literasi Undang-undang menerusi ceramah dan seminar undang-undang di pelbagai daerah di Sabah seperti Tawau, Sandakan, Kota Kinabalu, Keningau, Papar dan di Beaufort memperlihatkan kesungguhan PPS(B) dan PEWASA dalam membimbing lebih ramai wanita di Sabah celik undang-undang dan bersikap prihatin terhadap isu-isu wanita dalam perundangan. Sabah merupakan sebuah negeri yang agak luas dan jarak antara sebuah daerah dengan daerah lain agak jauh. Jika program literasi ini hanya dilaksanakan di daerah Kota Kinabalu Sahaja, maka kaum wanita di daerah lain akan tercicir daripada mendapat maklumat yang penting berkaitan perundangan. Pelaksanaan program literasi undang-undang yang diadakan di pelbagai daerah itu juga memberikan peluang kepada jawatankuasa pertubuhan sukarela wanita pada peringkat

<sup>16</sup> Laporan Kegiatan PPS(B) 2003,hlm.3.

daerah dan cawangan memainkan peranan penting dalam melaksanakan program pertubuhan mereka di samping menimba pengalaman yang berharga daripada pelaksanaan program berkenaan. Lanjutan daripada pelaksanaan program literasi undang-undang itu membolehkan pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA dan SAWO memperoleh input berguna yang membantu mereka dalam meneliti peruntukan undang-undang yang boleh diketengahkan untuk cadangan penambahbaikan terhadap undang-undang berkaitan wanita menerusi program reformasi undang-undang.

### **Program Reformasi Undang-undang**

Dalam usaha mengadakan reformasi undang-undang, SAWO bertindak sebagai pertubuhan sukarela di Sabah yang agak aktif dalam memperjuangkan isu-isu semasa yang dihadapi kebanyakan golongan wanita seperti keganasan terhadap wanita, perkahwinan wanita tempatan dengan orang asing, pengabaian suami terhadap isteri dan keluarga dan hak isteri setelah berlaku perceraian, hak terhadap penjagaan anak-anak dan pembahagian harta.

SAWO telah menganjurkan seminar, bengkel dan pameran Anti Keganasan Terhadap Wanita di Sabah pada 20-21 September 1986. Bengkel ini merupakan lanjutan daripada bengkel dan pameran Anti Keganasan Terhadap Wanita yang dianjurkan oleh pertubuhan Joint Action Group Against Violence Against Women (JAG) selepas sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac 1985 di Kuala Lumpur. Bengkel selama dua hari itu memfokuskan isu keganasan rumahtangga, perkosaan terhadap wanita, gangguan seksual, paparan negatif tentang wanita dalam media, pelacuran dan diskriminasi undang-undang terhadap wanita.<sup>17</sup> Bengkel anjuran JAG itu berjaya menghimpunkan seramai 2000 orang peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dan mendapat liputan yang luas daripada pihak media tempatan. Sambutan dan maklum balas yang positif daripada pelbagai lapisan masyarakat tidak dijangka oleh

<sup>17</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia, Perjuangan Menuntut Hak*, hlm. 25-26.

enganjur walaupun isu keganasan terhadap wanita dan keganasan rumah tangga buat pertama kali diketengahkan secara besar-besaran di khalayak ramai atau kepada orang awam.<sup>18</sup>

Daripada pengalaman dan kejayaan penganjuran bengkel tersebut, JAG telah mengadakan jerayawara secara berterusan dengan penganjuran beberapa siri bengkel dan kempen yang sama di pelbagai tempat seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Sarawak dan di Sabah. Kehadiran aktivis wanita daripada SAWO dalam bengkel tersebut menyebabkan mereka kemudiannya mengambil inisiatif untuk meneruskan bengkel yang sama di Kota Kinabalu. Bengkel selama dua hari yang dianjurkan oleh SAWO itu membuka penyertaan kepada kaum lelaki dan wanita. Pada masa yang sama SAWO mengambil inisiatif melancarkan “Kempen Anti Keganasan Terhadap Wanita”. Bermula daripada kempen tersebut, SAWO terus memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran awam tentang isu-isu yang melibatkan wanita. Sambutan daripada orang ramai agak memberangsangkan walaupun kegiatan itu baru pertama kali diadakan di Sabah. Resolusi utama daripada seminar tersebut telah dihantar kepada Kementerian Perkhidmatan Sosial dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Antara isi kandungan resolusi daripada bengkel dan kempen keganasan terhadap wanita itu adalah tuntutan SAWO kepada pihak kerajaan agar menyediakan tempat perlindungan kepada wanita yang berada dalam krisis sama ada mangsa kes rogol maupun kes keganasan rumah tangga yang lain seperti mangsa penderaan fizikal. Selain itu SAWO juga menuntut agar didirikan Pusat Sehenti Krisis di hospital-hospital utama di Sabah sebagai tempat pengurusan dan perlindungan yang lebih selesa dan selamat ketika kes-kes wanita tersebut dirujuk kepada pihak hospital untuk pemeriksaan kesihatan yang lebih teliti.<sup>19</sup>

<sup>18</sup> Cecilia Ng, Maznah Mohamad dan Tan Beng Hui, *Feminism and the Women's Movement in Malaysia*, London: Routledge Malaysian Studies Series, 2006, hlm.44.

<sup>19</sup> Buku Program SAWO, 20<sup>th</sup> Anniversary & Fund-raising Dinner, hlm.12.

Bagi memastikan kebijakan wanita yang menjadi mangsa rogol dan kes keganasan rumah tangga yang lain dilindungi dan hak mereka terbela dari aspek perundangan, SAWO menuntut pihak kerajaan dan penguatkuasa undang-undang agar mengetatkan Undang-undang Rogol yang sedia ada untuk memastikan perogol tidak dapat melepaskan diri daripada hukuman terhadap jenayah yang dilakukannya. SAWO juga senada dengan pertubuhan wanita di negara ini khususnya NCWO yang mendesak pihak kerajaan dalam melaksanakan penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga dan Akta Gangguan Seksual untuk memberikan perlindungan kepada wanita dan kanak-kanak. Bagi mengelakkan wanita dan kanak-kanak terus menjadi mangsa keganasan, SAWO menuntut agar semua pihak sama ada pihak kerajaan dan pengamal media lebih sensitif dan prihatin terhadap soal eksplorasi wanita menerusi paparan media massa dan iklan. Selain itu, untuk melindungi keselamatan dan menghormati imej wanita, wanita dan kanak-kanak sepatutnya diberi gambaran yang lebih sihat dan baik dalam media massa dan iklan.<sup>20</sup>

Dari tahun 1986-1988, SAWO membentuk jawatankuasa bersama pertubuhan sukarela wanita yang lain seperti PEWASA, untuk menyelaras program dan memantau keberkesanan kempen Anti Keganasan Terhadap Wanita itu. Jawatankuasa tersebut juga bertindak bagi memastikan resolusi yang diluluskan dalam seminar Anti Keganasan Terhadap Wanita telah diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Sepanjang tempoh dua tahun itu, jawatankuasa berkenaan telah mengadakan pelbagai aktiviti untuk memastikan resolusi yang diluluskan dalam seminar pertama 1986 itu telah diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Aktiviti utama yang dijalankan ialah mengadakan kempen tandatangan untuk Reformasi Undang-undang Rogol dan Enakmen Akta Keganasan Rumah Tangga. Bagi memastikan kempen tersebut mendapat sambutan daripada pihak kerajaan, Ahli Jawatankuasa Tertinggi SAWO telah melakukan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah dan Menteri Perkhidmatan Sosial

<sup>20</sup> Ibid.

untuk memberikan penerangan tentang objektif dan pelaksanaan kempen tersebut. Surat memohon sokongan terhadap kempen ini juga telah dihantar kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sabah agar semua pemimpin di Sabah sama ada pada peringkat negeri maupun peringkat persekutuan dapat memberikan kerjasama dalam menjayakan kempen berkenaan.<sup>21</sup>

Bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan terhadap pesalah jenayah dalam kes rogol dan keganasan rumah tangga, Ahli Jawatankuasa Tertinggi SAWO telah mengadakan kunjungan hormat kepada Hakim Mahkamah Tinggi dan Majistret agar mereka lebih sensitif terhadap hak wanita yang menjadi mangsa dalam mengendalikan kes rogol dan kes keganasan rumah tangga yang lain. Selain itu, SAWO juga mengadakan perbincangan dengan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis dan Jabatan Kesihatan untuk mengukuhkan kerjasama dalam menangani krisis wanita dan bagi menambahbaik perkhidmatan yang sedia ada kepada wanita yang berada dalam krisis.<sup>22</sup> Kerjasama dengan pihak polis sangat penting bagi memastikan penjenayah yang terlibat dibawa ke muka pengadilan. Di samping itu pemantauan secara berterusan juga dilakukan oleh SAWO terhadap kes rogol dan keganasan rumah tangga yang dipaparkan di media massa seperti dalam laporan-laporan akhbar. Bagi memastikan akhbar-akhbar tempatan agar lebih sensitif terhadap pelaporan kes rogol dalam akhbar mereka, SAWO membuat permohonan kepada pengamal media ini agar memastikan laporan yang dihasilkan melindungi hak wanita dan tidak menjelaskan imej wanita yang menjadi mangsa.<sup>23</sup>

SAWO seterusnya menganjurkan pengucapan awam dan pameran untuk meneruskan usaha membina kesedaran awam terhadap isu-isu keganasan dan gangguan seksual terhadap wanita. Program itu juga dilaksanakan bagi memastikan sambutan dan kerjasama daripada orang ramai dalam menjayakan kempen menangani keganasan

<sup>21</sup> Ibid., hlm.13.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee, Presiden SAWO pada 20 Disember 2012, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

terhadap wanita itu. SAWO turut menyediakan sukarelawan dan khidmat sokongan untuk memberikan maklumat dan khidmat kaunseling kepada wanita dan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Bagi mengelakkan kanak-kanak dan golongan remaja perempuan daripada terus menjadi mangsa kes rogol dan gangguan seksual, SAWO telah menganjurkan program ceramah-ceramah keselamatan di sekolah-sekolah bagi memberikan kesedaran kepada kanak-kanak yang mungkin mudah menjadi mangsa keganasan.<sup>24</sup>

Sebagai kesan daripada usaha yang bersungguh-sungguh dijalankan itu, salah satu usaha yang berjaya dilaksanakan oleh SAWO ialah melaksanakan reformasi terhadap Undang-undang Rogol (diluluskan pada 4 Mei 1989). Daripada perbincangan SAWO dengan Kementerian Kerajaan Tempatan, Jabatan Kebajikan, Jabatan Kesihatan, Polis, Hakim Mahkamah Tinggi dan Majistret bagi penambahbaikkan undang-undang dan perkhidmatan yang sedia ada kepada wanita dalam krisis dan atas desakan SAWO yang dikemukakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan, kes-kes rogol tidak lagi boleh dibicarakan oleh Ketua-ketua Kampung menggunakan undang-undang adat. Sebelum ini, terdapat kejadian rogol khususnya di kawasan luar bandar yang tidak dilaporkan kepada pihak polis malah ada kes yang diselesaikan oleh Ketua-ketua Kampung dengan mengenakan *sogit* atau denda mengikut undang-undang adat kepada pesalah kes rogol.<sup>25</sup>

Dalam undang-undang adat yang termaktub dalam Enakmen-Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, memang terdapat bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri untuk membicarakan kes-kes rogol dan sumbang mahram yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan dalam BAHAGIAN III – KESALAHAN SEKSUAL dan BAHAGIAN VI- PERANGAI BURUK MELAMPAU, KELUCAHAN DAN

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Temu bual dengan Puan Siti Jineh bte Jaimun, Pegawai Tadbir Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Unit Khidmat Nasihat dan Bimbingan), di Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Hal Ehwal Wanita, bangunan Wisma Wanita pada 4 Julai 2013. Beliau merupakan pegawai yang mengendalikan khidmat nasihat kepada pelanggan, dan mengendalikan program ceramah kesedaran dan hak-hak wanita dalam bidang perundangan.

KHIANAT. Namun begitu dari segi kaedah perbicaraan dan denda yang dikenakan tidak selaras dengan hukuman dan denda yang ditetapkan untuk kesalahan yang sama jika dibicarakan di Mahkamah Sivil. Tambahan pula denda atau *sogit* yang dikenakan kepada pesalah berbeza-beza mengikut adat sesuatu suku kaum di daerah masing-masing. Bagi kes perbuatan sumbang kadim atau sumbang mahram, pesalah akan dikenakan denda membayar *sogit* tidak melebihi tiga ekor ternakan atau barang-barang yang lain yang senilai dengannya mengikut denda adat, jika pesalah ingkar akan didenda tidak melebihi 5000 ringgit dan hukuman penjara tidak melebihi 24 bulan atau dikenakan hukuman denda dan penjara kedua-duanya sekali. Manakala denda bagi pesalah yang melakukan gangguan seksual atau mempunyai maksud hendak mencabul kehormatan seseorang ialah membayar *sogit* seekor ternakan atau barang-barang lain yang senilai dengannya mengikut denda adat dan jika ingkar akan didenda tidak melebihi 500 ringgit atau hukuman penjara tidak melebihi sebulan atau hukuman denda dan penjara kedua-duanya sekali.<sup>26</sup>

Memang tidak dapat dinafikan bahawa ada kes rogol yang diadukan kepada ketua-ketua kampung dan kes tersbut diselesaikan oleh ketua-ketua kampung berkenaan kerana keluarga mangsa lebih mudah membuat aduan kepada ketua kampung berbanding melaporkannya kepada pihak polis. Perkara ini berlaku kerana faktor kejahilan terhadap undang-undang dan prosedur untuk membuat laporan kepada pihak polis agak menyulitkan pengadu apatah lagi jika bukti yang ada tidak mencukupi. Ada dalam kalangan keluarga mangsa rogol berasa diaibkan jika kes rogol berkenaan dilaporkan kepada pihak polis dan prosedur penyiasatan yang rapi oleh pihak polis serta pemeriksaan terhadap mangsa di hospital dianggap menyusahkan mangsa. Jika fakta kes berkenaan tidak dapat dibuktikan, penjenayah akan terlepas begitu sahaja daripada sabitan kesnya, justeru mengikut tanggapan keluarga mangsa tersebut adalah lebih baik

<sup>26</sup> Kaedah-kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-undang Adat Anak Negeri), *Enakmen-Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah*, Kota Kinabalu: Jabatan Cetakan Kerajaan Negeri Sabah, 1992, hlm.154-165.

jika penjenayah itu dihukum denda menerusi undang-undang adat.<sup>27</sup> Selepas reformasi Undang-undang Rogol dilaksanakan dan selepas SAWO mengadakan Seminar serta kursus untuk Ketua-ketua Kampung dengan kerjasama daripada Kementerian Kerajaan Tempatan, Ketua-ketua Kampung tidak lagi dibenarkan mengendalikan kes-kes rogol yang diadukan kepada mereka. Ketua Kampung mestilah menyerahkan kes berkenaan kepada pihak polis untuk siasatan dan tindakan seterusnya oleh pihak mahkamah.<sup>28</sup>

SAWO dan PEWASA juga terlibat secara aktif bersama 42 buah pertubuhan-wanita di Malaysia di bawah NCWO dalam penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga.<sup>29</sup> Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 1996. Di bawah akta ini, tempat perlindungan untuk wanita dalam krisis disediakan dan digazetkan oleh Kementerian Perkhidmatan Sosial. Setelah Akta tersebut diluluskan, menjadi satu tanggung jawab kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita untuk memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan akta tersebut dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan keganasan terhadap wanita. SAWO mengambil pendekatan untuk memberi kesedaran dan bimbingan yang berterusan kepada kaum wanita agar mereka celik undang-undang dan memperjuangkan hak mereka mengikut peruntukan yang telah disediakan dalam perundangan. Hal ini disebabkan akta yang ada tidak akan bermakna kepada wanita jika wanita tidak mempunyai kesedaran tentang hak mereka di sisi undang-undang. Oleh sebab itu bimbingan berterusan kepada kaum wanita melalui pelbagai program diusahakan oleh pertubuhan sukarela wanita ini bagi memastikan wanita mendapat manfaat daripada perubahan terbaru undang-undang dan seterusnya mereka boleh memberikan kerjasama yang positif dalam perkembangan undang-undang pada masa hadapan.

<sup>27</sup> Temu bual dengan Puan Siti Jineh bte Jaimun, Pegawai Tadbir Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Unit Khidmat Nasihat dan Bimbingan), di Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Hal Ehwal Wanita, bangunan Wisma Wanita pada 4 Julai 2013.

<sup>28</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee ,Presiden SAWO pada 20 Disember 2012.

<sup>29</sup> *Sabah Times*, 11 November 1986.

## **Program Perkhidmatan Harian dan Bimbingan Kaunseling**

Bagi menangani krisis wanita secara berterusan, SAWO telah mengadakan program perkhidmatan harian berupa projek *helpline* dari tahun 1989 hingga 1997 sebagai maklum balas kepada aduan dan pertanyaan menerusi talian telefon berkenaan isu dan masalah yang dihadapi oleh kaum wanita.<sup>30</sup> Antara masalah tersebut adalah seperti keganasan rumah tangga, kes rogol, kes cerai, suami tidak memberikan nafkah kepada isteri dan keluarga, kes penjagaan anak selepas ibu bapa bercerai dan usaha mendapatkan maklumat perundangan serta bimbingan kaunseling. Perkhidmatan itu dijalankan setiap hari termasuk pada hari Ahad dari jam 9.00 pagi hingga jam 9.00 malam. Program *helpline* itu dikendalikan oleh kakitangan yang bertugas sepenuh masa di pejabat SAWO pada waktu siang dan pada waktu malam pula dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa SAWO dan para sukarelawan yang tidak dapat bertugas pada waktu siang kerana terikat dengan kerjaya masing-masing.

Program *helpline* itu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kaum wanita yang menghadapi pelbagai masalah dari pelbagai daerah seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang, Papar, Kudat dan Tambunan. Latar belakang para pengadu juga terdiri daripada pelbagai etnik dan agama.<sup>31</sup> Sejak program itu dilaksanakan, dianggarkan lebih kurang lima kes yang diadukan pada setiap hari dan dianggarkan lebih kurang 200-250 kes yang diterima oleh SAWO dalam tempoh setahun. Semua aduan itu direkodkan dan dibawa ke dalam mesyuarat pengurusan kes yang diadakan pada setiap hari Jumaat. Dalam mesyuarat tersebut, setiap masalah yang diadukan oleh para wanita yang bermasalah itu dikenal pasti dan diputuskan tindakan selanjutnya yang akan dilakukan oleh Ahli Jawatankuasa SAWO. Keputusan pengurusan kes berkenaan diputuskan oleh ahli jawatankuasa yang bertugas sebagai pengamal undang-undang atau peguam yang mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan. Misalnya jika kes

<sup>30</sup> Buku Program SAWO, 20<sup>th</sup> Anniversary & Fund-raising Dinner, hlm.7.

<sup>31</sup> Temu bual dengan Puan Anne Lasimbang pada 3 Disember 2015 di Penampang. Puan Anne ialah salah seorang AJK ketika SAWO ditubuhkan dan beliau terlibat sebagai sukarelawan yang mengendalikan program helpline.

yang diadukan berkaitan tuntutan nafkah atau kes perceraian antara pasangan yang beragama Islam, Ahli Jawatankuasa SAWO akan membawa kes ini ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan Mahkamah Syariah untuk tindakan selanjutnya.<sup>32</sup>

Antara perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh SAWO bagi membantu golongan wanita dalam krisis adalah dengan mengadakan pertemuan dengan mangsa sebulan sekali dan membantu mereka menerusi kaunseling bersemuka. Ahli Jawatankuasa SAWO juga memberikan bimbingan kepada mangsa dari segi undang-undang yang berkaitan, bantuan untuk membuat laporan kepada pihak polis dan bantuan kewangan jangka pendek bagi keluarga yang menghadapi krisis itu.<sup>33</sup> Selain itu bagi anak-anak mangsa keganasan rumah tangga pula telah diadakan program agar anak-anak tidak berterusan berada dalam trauma selepas menyaksikan sendiri perlakuan keganasan rumah tangga terhadap ibu atau ahli keluarga mereka yang lain. Program *play therapy* kanak-kanak dilaksanakan untuk mengembalikan ketenangan jiwa anak, mendidik mereka dengan rasa kasih sayang dan sebagai program jangka panjang bagi memastikan kanak-kanak tersebut tidak akan mencontohi atau mengulangi perlakuan keganasan fizikal yang pernah mereka lihat itu kepada anak-anak mereka atau ahli-ahli keluarga yang lain pada masa hadapan.<sup>34</sup> Cara pengendalian dan bantuan SAWO dalam menguruskan kes-kes keganasan seksual dan keganasan rumah tangga begitu profesional. Perkara ini diakui oleh Puan Agnes Fong, seorang ahli SAWO yang bekerja sebagai jururawat di sebuah klinik Swasta di daerah Sipitang. Sebagai jururawat di klinik swasta di kawasan pedalaman, beliau sering berhadapan dengan pesakit yang menderita kerana keganasan seksual dan keganasan rumah tangga yang memerlukan bantuan dari segi pengendalian kes tersebut selain bantuan perubatan. Perkara inilah yang mendorong beliau menghubungi pejabat SAWO untuk meminta bantuan dari segi

<sup>32</sup> Temu bual dengan Puan Anne Lasimbang , mantan AJK SAWO pada 3 Disember 2015 di Penampang.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Ibid.

cara-cara pengendalian kes berkenaan. Beliau terus mengikuti latihan bimbingan dan kaunseling yang dianjurkan oleh SAWO. Latihan dan bimbingan yang diberikan memberikan kemahiran kepada beliau untuk membantu mangsa-mangsa wanita mencari jalan penyelesaian terhadap kes mereka.<sup>35</sup>

Pada peringkat awal pengurusan kes-kes yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga dan kes rogol, Ahli Jawatankuasa SAWO berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menyukarkan mereka untuk melaksanakan tindakan segera dalam menangani kes-kes berkenaan. Antara cabaran yang dihadapi adalah seperti kurangnya kepekaan gender dalam kalangan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan aduan kes. Sebagai contohnya, apabila kes-kes rogol dan keganasan rumah tangga diadukan ke Jabatan Polis, tiada kakitangan wanita yang menguruskan aduan berkenaan. Daripada pengalaman seorang mangsa keganasan rumah tangga yang ditemu bual iaitu Puan Mary Chai, beliau melalui pengalaman pahit ketika membuat aduan kes kepada polis lelaki yang menganggap kes suami memukul isteri itu sebagai perkara biasa dalam rumah tangga. Tanggapan itu menyebabkan kes beliau tidak diambil tindakan walaupun setelah banyak kali membuat laporan polis. Keadaan inilah yang menyebabkan beliau mengadu kepada SAWO dan mendapatkan nasihat dari segi perundangan dalam menyelesaikan masalahnya. Bagi Puan Mary Chai, SAWO memang berperanan penting dalam memastikan kes-kes keganasan seksual dan keganasan rumah tangga mendapat tindakan dari segi perundangan.<sup>36</sup> Dengan adanya perbincangan SAWO bersama-sama dengan ketua-ketua jabatan yang berkaitan dan usaha berterusan daripada Ahli Jawatankuasa SAWO yang meminta agar kes-kes yang berkaitan dengan wanita dikendalikan oleh kakitangan wanita menyebabkan prosedur pengurusan kes semakin bertambah baik. Jabatan Polis mula menyediakan polis wanita untuk melayani

<sup>35</sup> Temu bual dengan Puan Agnes Fong, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

<sup>36</sup> Temu bual dengan Puan Mary Chai, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

aduan mangsa wanita malah polis wanita yang terlibat telah diberikan latihan untuk menguruskan kes-kes keganasan rumah tangga.<sup>37</sup>

### **Perlindungan Hak dan Kebajikan Wanita**

Bagi memastikan hak dan kebajikan wanita terus dilindungi seiring dengan pelaksanaan beberapa siri program literasi undang-undang dan reformasi undang-undang yang telah dilaksanakan oleh SAWO, PEWASA dan PPS(B), program Seminar Kaunselor Sukarela Bagi Mangsa Serangan dan Kekejaman Seksual juga telah diadakan pada 16-18 Januari 1987 di Taman Kinabalu Kundasang, Ranau.<sup>38</sup> Seminar berkenaan adalah anjuran NCWO dan pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA, SAWO dan Persatuan Jururawat Sabah telah diberikan kepercayaan oleh NCWO sebagai pelaksana seminar yang pertama kali diadakan di Sabah itu. Seminar selama dua hari itu diadakan untuk memberi latihan kepada kaunselor-kaunselor sukarela pada peringkat daerah agar mereka dibekalkan dengan ilmu yang lebih luas dan latihan yang sesuai dengan tugas mereka sebagai kaunselor sukarela. Sebanyak lapan resolusi telah dihasilkan daripada seminar tersebut dan daripada kesemua resolusi itu, empat resolusi yang dikemukakan itu merupakan kesinambungan daripada resolusi dalam seminar dan bengkel Anti Keganasan Terhadap Wanita yang telah dianjurkan oleh SAWO pada 20-21 September 1986.

Antara resolusi tersebut adalah tentang penubuhan Pusat Sehenti sebagai tempat perlindungan kepada wanita dalam krisis bagi memberikan bantuan pemeriksaan dan perubatan serta memberikan bimbingan kepada mangsa dari segi rohani, emosi dan undang-undang agar mangsa pulih daripada trauma kekejaman seksual. Tuntutan terhadap Jabatan Kesihatan Sabah agar menubuhkan Pusat Sehenti di semua hospital utama di Sabah bagi menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kes rogol juga

<sup>37</sup> Temu bual dengan Puan Anne Lasimbang , mantan AJK SAWO pada 3 Disember 2015 di Penampang.

<sup>38</sup> Laporan Kegiatan PEWASA dalam Buku Cenderamata Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang Keenam, 27-28 Jun 1987, di Kota Kinabalu, hlm.30.

diteruskan dalam seminar tersebut. Selain itu, dikemukakan juga tuntutan kepada pihak penguatkuasa undang-undang di Sabah agar memberikan keutamaan dari segi tindakan segera kepada kes-kes keganasan terhadap wanita kerana kelewatan atau penangguhan penyiasatan, pendengaran perbicaraan akan menyebabkan kehilangan bukti dan fakta mudah dilupakan. Penguatkuasaan undang-undang juga mesti disertakan dengan usaha-usaha yang berterusan oleh pihak kerajaan dan komuniti masyarakat dengan mengadakan pendidikan moral dan kempen anti rogol pada peringkat sekolah, daerah negeri dan kebangsaan bagi mengubah pemikiran masyarakat yang salah faham terhadap masalah dan jenayah rogol. Persamaan empat resolusi yang dikemukakan dalam Seminar Anti Keganasan Terhadap Wanita (1986) dengan Seminar Kaunselor Sukarela Bagi Mangsa Serangan dan Kekejaman Seksual (1987) itu membuktikan tuntutan yang berterusan dan konsisten daripada pertubuhan sukarela wanita kepada pihak kerajaan agar mengambil berat tentang soal hak dan kebijakan wanita.

Selain mengulangi dan mengukuhkan resolusi Seminar Anti Keganasan Terhadap Wanita (1886), Seminar Kaunselor Sukarela Bagi Mangsa Serangan dan Kekejaman Seksual (1987) juga telah mengemukakan empat resolusi yang baharu iaitu menuntut agar pemeriksaan perubatan ke atas mangsa kekejaman seksual mesti dilakukan oleh pegawai perubatan yang berkelayakan bagi mengelakkan daripada mengaibkan mangsa. Resolusi seterusnya ialah membenarkan mangsa rogol menggugurkan kandungan kerana jika kandungan itu diteruskan akan membawa masalah psikologi kepada mangsa dan kesan yang tidak baik kepada anaknya. Pertubuhan-pertubuhan wanita di Sabah dengan kerjasama kementerian yang berkaitan juga dituntut untuk membantu menyediakan perlindungan kepada mangsa wanita dan anaknya dengan menyediakan bimbingan kaunseling untuk jangka panjang. Manakala resolusi yang terakhir adalah tuntutan kepada pihak kerajaan agar Bahagian Hal Ehwal

Wanita di Jabatan Perdana Menteri harus mempunyai sekretariat di Sabah untuk memantau dan mengimplementasikan program pembangunan wanita di Sabah.

Daripada lapan resolusi yang dikemukakan dalam seminar tersebut membuktikan bahawa pertubuhan sukarela wanita di Sabah sangat prihatin terhadap soal kebijakan wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa kekejaman seksual. Pemantauan yang berterusan daripada SAWO dan jawatankuasanya, menyebabkan kerajaan mengambil tindakan terhadap resolusi yang dikemukakan itu. Resolusi pertama dan kedua telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan apabila Rumah Perlindungan Princess Anne di Likas, Kota Kinabalu telah dijadikan rumah perlindungan kepada wanita dalam krisis. Selain itu, Pusat Sehenti di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu telah diwujudkan pada tahun 1998 bagi memberikan bantuan pemeriksaan, bimbingan rohani kepada mangsa untuk pulih daripada trauma serta bimbingan Undang-undang. Sukarelawan SAWO ditugaskan untuk berkhidmat di Pusat Sehenti ini. Pusat Sehenti di Hospital Queen Elizabeth itu merupakan Pusat Sehenti Kedua yang ditubuhkan selepas Pusat Sehenti di Hospital Kuala Lumpur pada tahun 1996.<sup>39</sup>

Resolusi yang kelapan itu kemudiannya telah mendapat perhatian daripada kerajaan negeri Sabah apabila Majlis Penasihat Hal-Ehwal Wanita Sabah (MPWS) dilancarkan pada 26 Ogos 1988. Majlis tersebut mempunyai 12 orang ahli wanita yang dilantik oleh Ketua Menteri bagi tempoh satu tahun. Ahli wanita yang dilantik untuk menduduki MPWS itu pula ialah daripada kalangan tokoh-tokoh wanita yang mempunyai kedudukan penting dalam perkhidmatan awam, sektor swasta dan majoritinya dari kalangan pemimpin dan ahli pertubuhan sukarela wanita. Antara pemimpin pertubuhan sukarela wanita yang menjadi ahli MPWS ialah Datuk Adeline

---

<sup>39</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee ,Presiden SAWO pada 12 Disember 2012.

Leong,<sup>40</sup> Datuk Noni Said, Datuk Nancy Ho dan Puan Winnie Yee. MPWS ditubuhkan berdasarkan keputusan kabinet negeri dan Unit Hal Ehwal Wanita Sabah (UHWS) di bawah Jabatan Ketua Menteri bertindak sebagai urus setia kepada MPWS.

Antara objektif penubuhan MPWS adalah:

1. Menggalak, memudah dan meningkatkan peluang-peluang penyertaan wanita dalam pembangunan sosioekonomi Sabah.
2. Melaksanakan dasar-dasar dan program yang memberi faedah kepada wanita Sabah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
3. Bertindak sebagai penyelaras, badan penasihat dan perunding kepada kerajaan negeri dan pertubuhan-pertubuhan wanita bukan kerajaan.

MPWS memainkan peranan sebagai penasihat kepada kerajaan negeri Sabah tentang cara yang terbaik bagi melayan kehendak kaum wanita di Sabah. Majlis itu juga boleh mencadangkan kepada kepada kerajaan negeri tentang bagaimana caranya kaum wanita boleh menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi negeri Sabah. MPWS juga bertindak untuk menyelaras pertubuhan-pertubuhan wanita di Sabah supaya sumber-sumber persatuan tersebut dapat digunasama dan dapat mengutarakan isu-isu wanita sebulat suara. Pertubuhan-pertubuhan wanita juga boleh mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal wanita kepada agensi-agensi kerajaan yang sesuai untuk mengambil tindakan ke atas isu-isu tersebut.<sup>41</sup> Pada tahun 2001 UHWS diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna. PEWASA juga menerusi perwakilan cawangan Bandaraya membuat usul supaya kajian semula dibuat terhadap kedudukan Unit Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah agar unit ini

<sup>40</sup> Datuk Adeline Leong ialah Pengurus Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita (MPWS) yang pertama (1988). Beliau merupakan wanita pertama di Malaysia yang mengetuai Majlis Kerajaan Tempatan, dilantik sebagai Presiden Majlis Perbandaran Kota Kinabalu (1998-2000) dan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (2000). Beliau berpengalaman menjawat pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam seperti Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah (1973-1998), Lembaga Pengarah Sabah Institute of Development Studies (1989). Dalam kegiatan berpersatuan, beliau merupakan wanita pertama yang menjadi Presiden Jaycees Malaysia (1983), Ahli Lembaga Senat Jaycees International Asia Pasifik (1990-1992), Presiden Toastmasters Club Kota Kinabalu (1995). Beliau juga pernah menerima Anugerah Spirit of Hakka Women daripada Persatuan Hakka Malaysia (1995). Untuk maklumat lebih lanjut tentang tokoh wanita ini sila rujuk juga, *Biografi Tokoh Wanita Malaysia*, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 2004, hlm.243-244.

<sup>41</sup> Brosur MPWS, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah, Tingkat 3, Wisma Wanita, Jalan Tuaran, Kota Kinabalu.

dinaiktaraf kepada jabatan.<sup>42</sup> Tuntutan ini menjadi kenyataan apabila kerajaan negeri Sabah telah menaik taraf UHWS kepada Jabatan Hal Ehwal Wanita pada tahun 2003.

Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Dwi Tahunan PEWASA yang ke-10 pula, terdapat pembentangan usul daripada PEWASA cawangan Bandaraya berkenaan status Penduduk Tetap (PR) kepada rakyat asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan.<sup>43</sup> Usul yang dikemukakan itu mencadangkan agar pemberian status PR kepada rakyat asing adalah suatu perkara yang perlu ditangani dengan langkah-langkah yang amat berhati-hati kerana kelonggaran kepada suami-suami daripada rakyat asing untuk mendapatkan status PR amat dikhawatirkan akan membawa kesan jangka panjang yang merugikan rakyat tempatan terutamanya kepada kaum wanita yang terbabit. Oleh sebab itu PEWASA menggesa pihak kerajaan meneliti semula syarat-syarat yang ditetapkan agar keistimewaan mendapatkan status PR tidak begitu mudah dieksplotasi oleh rakyat asing. Syarat-syarat tambahan yang membolehkan pemberian status PR ditarik balik dengan serta merta harus diwujudkan. Cadangan PEWASA adalah agar pihak kerajaan menarik balik pemberian status PR dengan menggantikannya dengan pemberian keistimewaan khas yang tidak melebihi keistimewaan status PR, contohnya membenarkan suami-suami daripada rakyat asing bekerja di negeri ini dan pendapatan mereka diikhaskan untuk menyara isteri dan anak-anak di sini.<sup>44</sup> Usul ini disokong sebulat suara oleh semua perwakilan yang hadir ke mesyuarat agung tersebut dan seterusnya telah dikemukakan kepada pihak Majlis Penasihat Wanita Sabah yang bertindak menyuarakannya kepada pihak kerajaan.

Daripada usul yang dikemukakan dalam menyuarat agung itu, jelas menunjukkan betapa kepemimpinan dan anggota PEWASA begitu prihatin terhadap nasib kaum wanita tempatan dan keluarga mereka yang berkahwin dengan warga asing. Tambahan pula terdapat kes-kes warga asing yang berkahwin dengan wanita tempatan

<sup>42</sup> Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Dwi Tahunan yang Ke-10, PEWASA yang bertarikh 26 Januari 2002 di Hotel Airport View, Kepayan Kota Kinabalu.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Ibid.

semata-mata untuk mendapatkan kemudahan tertentu seperti tinggal lebih lama di negeri ini, mudah mendapatkan kerakyatan, kemudahan mendapatkan pekerjaan dan sumber pendapatan. Namun pada masa yang sama warga asing tersebut hanya mempergunakan wanita tempatan untuk kepentingan mereka sebaliknya berlaku pengabaian terhadap wanita tempatan yang menjadi isteri mereka itu.

### **Pengiktirafan Pencapaian dan Sumbangan Wanita**

Pembangunan dalam pendidikan dan sosioekonomi di Sabah telah membawa perubahan khususnya dalam peningkatan status dan pencapaian kaum wanita. Semakin ramai kaum wanita Sabah yang berpeluang mendapat pendidikan sehingga ke peringkat yang tinggi. Walau bagaimanapun bilangan wanita yang menduduki jawatan-jawatan yang utama dalam pentadbiran awam peringkat negeri Sabah tidak menunjukkan perkembangan yang membanggakan khususnya pada tahun 1970-an hingga 1980-an. Oleh sebab itu, PEWASA sejak di bawah kepemimpinan presiden pertamanya iaitu Puan Jovinia Solibun lagi pada awal tahun 1980-an telah mengemukakan tuntutan kepada kerajaan Negeri Sabah supaya memberikan peluang kepada kaum wanita yang berkelayakan untuk menjawat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan misalnya sebagai Pegawai Daerah dan Ketua-ketua Jabatan.

Meskipun tuntutan pemimpin-pemimpin pertubuhan sukarela itu tidak ditunaikan terus oleh kerajaan pada masa tuntutan awal dibuat, tetapi perjuangan mereka untuk melihat kaum wanita terlibat sebagai pembuat keputusan dalam pentadbiran kerajaan diambil pertimbangan kemudiannya apabila pihak kerajaan melantik Chin Kui Bee, seorang wanita pertama di Sabah sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial pada tahun 1987. Pegawai Daerah wanita yang pertama pula dilantik pada 21 Februari 1990. Cik Katherine Chai, Penolong Pegawai Daerah di Penampang telah dilantik sebagai Pegawai Daerah di Kota Marudu.

Pelantikan tersebut diumumkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Simon Sipaun selepas Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Daerah yang diadakan di Motel Sabah Forest Industries (SFI), Sipitang.<sup>45</sup>

Sejak tahun 1996, bilangan wanita yang menjadi ketua jabatan perkhidmatan awam di Sabah ialah seramai 10 orang dan pihak kerajaan telah menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang wanita yang dilantik sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat berkaitan kerajaan. Dalam pentadbiran peringkat daerah pula ditetapkan bahawa sekurang-kurangnya tiga orang daripada Ahli Majlis Tempatan di setiap daerah ialah wanita dan sekurang-kurangnya tiga orang daripada ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) adalah wanita.<sup>46</sup> Pelantikan wanita sebagai ketua jabatan dan ahli jawatankuasa pentadbiran sama ada pada peringkat kerajaan tempatan dan kerajaan negeri itu memperlihatkan satu perubahan dari segi peluang dan pengiktirafan yang dinikmati oleh kaum wanita di Sabah sejak selepas merdeka.

Semasa zaman awal pentadbiran SBBUB di Sabah ada direkodkan tentang seorang wanita yang pernah dilantik sebagai seorang Penghulu Dusun yang bergelar Menteri Babu Limpai di kampung Terawi dalam daerah Penampang. Beliau ialah penasihat kepada Sultan Brunei. Dalam *The North Borneo Herald*, beliau digambarkan sebagai seorang pemimpin wanita yang bijak, kaya dan berpengaruh.<sup>47</sup> Selepas beliau, tidak ditemui lagi nama-nama wanita yang menjawat jawatan penting dalam pentadbiran tempatan semasa pentadbiran SBBUB. Dalam rekod senarai ketua-ketua tempatan yang dilantik sebagai Ketua Anak Negeri pada zaman SBBUB dari tahun 1915 sehingga 1941, tidak ada seorang pun nama wanita yang diberi peluang untuk menduduki jawatan berkenaan.<sup>48</sup> Perkara ini membuktikan bahawa pada era pentadbiran kolonial, kaum wanita tempatan tidak dilibatkan dalam bidang pentadbiran tempatan.

<sup>45</sup> *Sabah Times*, 22 Februari 1990.

<sup>46</sup> *Daily Express*, 15 Oktober 2000.

<sup>47</sup> *The North Borneo Herald*, 1 Oktober 1880.

<sup>48</sup> D.S Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941 The Dynamics of Indigenous Society*, Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri, 2011 (Third Edition), hlm.310-314.

Hanya selepas tahun 1980-an, tuntutan daripada kaum wanita khususnya daripada pertubuhan sukarela wanita terhadap pihak kerajaan negeri Sabah telah membuka peluang kepada kaum wanita menjawat jawatan penting sebagai Pegawai Daerah dan jawatan-jawatan penting yang lain. Selepas itu lebih ramai lagi pegawai wanita yang diberikan peluang menjawat jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan Negeri Sabah seperti Datuk Noni Said sebagai Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan sukan, Datuk Maznah Ghani<sup>49</sup> sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (2006), Datuk Adeline Leong dilantik sebagai Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah, Presiden Majlis Perbandaran Kota Kinabalu (1996) dan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (1997), Datuk Normah Gagoh sebagai Pengarah Pendidikan Sabah dan Datuk Siti Aishah Mohd. Asri Pengarah Jabatan Buruh Sabah.

Kesedaran kerajaan untuk mengiktiraf pencapaian dan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan sosioekonomi di Sabah juga dimanifestasikan menerusi pengurniaan anugerah Tokoh Wanita dan Wanita Cemerlang peringkat Negeri Sabah pada setiap tahun sempena sambutan Perayaan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah. Antara bekas pemimpin pertubuhan sukarela wanita yang telah dianugerahi Tokoh Wanita ialah Datuk Dayang Mahani Tun Pangiran Ahmad Raffae (1999), Datuk Nancy Ho (2001), Datuk Ariah Tengku Ahmad (2002), Toh Puan Hajah Rahimah Stephens (2003), Datuk Adeline Leong (2006) dan Datuk Noni Said (2007). Antara bekas pemimpin pertubuhan sukarela wanita yang menerima anugerah Wanita Cemerlang pula ialah Datuk Adeline Leong (1995), Hajah Dayang Salmah Salam (1996), Datin Hasnah Abdul Rahman (1997), Puan Rosnah Hj. Mohd. Juni (2000) dan Dr.Suzain Datuk Hj. Suhaimi (2003).<sup>50</sup>

<sup>49</sup> Datuk Maznah Ghani memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir di Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah pada tahun 1979 dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah di unit berkenaan pada tahun 1991. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, beliau menjawat jawatan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Infrastruktur pada tahun 1998. Beliau menyandang jawatan JUSA pada tahun 2006. Wawancara Khas Dato Maznah Ghani, Tokoh Kejayaan Wanita dalam Perkhidmatan Awam, *Utusan Borneo*, 21 Mac 2011.

<sup>50</sup> Fail 39, Tokoh/Anugerah Cemerlang/Ibu Mithali, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

Daripada pertubuhan sukarela wanita juga telah melahirkan tokoh-tokoh wanita yang menyerlah dalam bidang politik di negeri Sabah sehingga ke peringkat politik kebangsaan. Dari tahun 1963 sehingga ke tahun 1975, tiada seorang pun wanita yang dilantik menjadi menteri dan pembantu menteri dalam Kabinet negeri Sabah. Perlantikan menteri, pembantu menteri dan setiausaha politik wanita di Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Perpaduan Negara (kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Perkhidmatan Masyarakat) hanya bermula semasa zaman pemerintahan parti Berjaya di Sabah pada tahun 1976. Perlantikan tersebut menunjukkan bermulanya pengiktirafan kerajaan negeri Sabah terhadap kepemimpinan politik wanita. Toh Puan Hajah Rahimah Stephens telah dilantik sebagai Menteri Kebajikan Sosial dan Perpaduan Negara, Puan Kolnah Ghani sebagai Pembantu Menteri dan Cik Leong Pau Chu sebagai Setiausaha Politik Kementerian berkenaan.<sup>51</sup> Tokoh-tokoh wanita yang menceburi bidang politik di Sabah selepas itu kebanyakannya datang daripada mereka yang pernah menjadi pemimpin atau ahli jawatankuasa tertinggi pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA. Misalnya Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Dun daripada PPS manakala daripada bekas barisan kepemimpinan PEWASA ialah Datuk Dayang Mahani Tun Pengiran Hj Ahmad Rafee, Datuk Jainab Hj. Ahmad Ayid,<sup>52</sup> Datuk Armani Mahiruddin, Datuk Norjan Khan Bahadar, Datuk Surinam Hj. Sadikun,<sup>53</sup> Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin,<sup>54</sup> dan Datuk Hamisah Samat.<sup>55</sup> Hasil daripada latihan kepemimpinan yang telah diikuti menerusi program-program yang dianjurkan oleh pertubuhan sukarela wanita dan agensi-agensi lain yang berkaitan di samping pengalaman bergiat dalam pertubuhan sukarela wanita

<sup>51</sup> *Sabah Annual Report 1976*, Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Sabah, 1976, hlm.76-77.

<sup>52</sup> Datuk Jainab Hj. Ahmad Ayid ialah Ahli Dewan Undangan Karambunai dan dilantik sebagai Menteri Pembangunan Masyarakat & Hal Ehwal Pengguna dalam kabinet negeri Sabah.

<sup>53</sup> Datuk Surinam Hj Sadikun ialah Ketua Wanita UMNO Lumadan. Beliau pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan dan memegang jawatan Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna dalam kabinet negeri Sabah pada tahun 1994.

<sup>54</sup> Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin ialah Ahli Parlimen Papar dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

<sup>55</sup> Datuk Hamisah Samat ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu Tawau dan sebagai Ketua Wanita UMNO Kalabakan. Beliau dilantik sebagai Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat dalam kabinet negeri Sabah.

menyebabkan kepemimpinan tokoh-tokoh ini menyerlah dalam kalangan masyarakat dan seterusnya membuka peluang kepada mereka bergiat dalam bidang politik.

## Kesimpulan

Daripada kegiatan dan perjuangan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita yang telah dibincangkan dalam bab ini, dapatlah disimpulkan bahawa sejak akhir tahun 1960-an sehingga tahun 2003, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah seperti PPS/PPS(B), PEWASA, dan SAWO telah memainkan peranan masing-masing dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita tentang hak mereka di sisi undang-undang. Semangat kesukarelawan dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh barisan pemimpin pertubuhan sukarela wanita menyebabkan mereka berupaya mengetengahkan pelbagai isu yang berkaitan dengan hak dan kepentingan wanita kepada pihak kerajaan. Melalui program-program yang dianjurkan oleh pertubuhan sukarela wanita itu khususnya program literasi undang-undang dan program reformasi undang-undang membantu wanita khususnya wanita di kawasan luar bandar dan wanita yang berhadapan dengan krisis rumah tangga celik undang-undang serta mendapat manfaat daripada perubahan peruntukan undang-undang yang melindungi hak serta kebijakan wanita.

Bagi wanita yang berhadapan dengan krisis keganasan seksual dan fizikal, mereka mendapat bimbingan tentang cara penyelesaian masalah mereka menerusi perundangan. Wanita yang menghadapi krisis rumah tangga dan keganasan rumah tangga yang celik undang-undang akan mempunyai keberanian bertindak serta membuat keputusan bagi memudahkan pihak penguatkuasa undang-undang mengenakan hukuman yang setimpal kepada pesalah jenayah keganasan terhadap wanita. Selain itu, program bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan oleh pertubuhan sukarela wanita serta sokongan moral daripada pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli pertubuhan sukarela

wanita berkenaan dapat membantu mangsa keganasan seksual dan fizikal cepat pulih daripada keadaan trauma yang mereka alami.

Pertubuhan sukarela wanita juga bertindak sebagai kumpulan pendesak dan pemantau kepada pihak kerajaan agar mempunyai kepekaan gender dan sentiasa memberikan sokongan kepada usaha mereka untuk memperjuangkan isu-isu wanita demi kepentingan wanita secara umum. Salah satu aspek yang menunjukkan perubahan dan kemajuan yang dicapai oleh wanita adalah dari segi pengiktirafan pihak kerajaan kepada wanita berkerjaya yang dilantik memegang jawatan utama dalam sektor awam berdasarkan kelayakan, potensi dan sumbangan mereka bukannya semata-mata kerana mereka dilantik bagi memenuhi kuota penjawat wanita sahaja. Perjuangan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita untuk meningkatkan status wanita dan melindungi kebijakan wanita secara berterusan berupaya meningkatkan status dan pencapaian wanita di Sabah selaras dengan agenda kerajaan dalam pembangunan wanita dan negara.

## **BAB 5 : PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN PELUANG EKONOMI WANITA**

### **Pengenalan**

Bab kelima ini membincangkan peranan pertubuhan sukarela wanita dalam membangunkan ekonomi kaum wanita di Sabah. Fokus utama kegiatan pertubuhan sukarela wanita pada awal kemunculan pertubuhan berkenaan khususnya pada akhir tahun 1960-an adalah untuk memberikan kesedaran kepada kaum wanita menimba ilmu dan kemahiran agar dapat meningkatkan taraf ekonomi wanita dan pendapatan keluarga mereka. Pada era 1970-an dan 1980-an pertubuhan sukarela wanita meneruskan kegiatan membangunkan ekonomi wanita melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dalam melaksanakan program-program pembangunan ekonomi untuk wanita misalnya menerusi pelaksanaan Kursus Ekonomi Rumah Tangga. Perkembangan semasa menyaksikan kewujudan pertubuhan sukarela wanita pada era 1990-an yang memfokus kepada bidang perniagaan dan profesional. Menerusi kegiatan-kegiatan yang lebih terancang, pertubuhan sukarela wanita berperanan membangkitkan kesedaran kaum wanita untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan sebagai pendorong kepada perkembangan bidang keusahawanan wanita di Sabah.

### **Isu-isu dan Cabaran Dalam Pembangunan Ekonomi Wanita**

Di kebanyakan negara membangun, penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi bermula dengan aktiviti sara diri di sektor pertanian. Fenomena ini juga berlaku di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya. Bagi wanita yang mendiami kawasan luar bandar, penglibatan mereka lebih tertumpu dalam aktiviti pertanian. Aktiviti pertanian diusahakan bagi tujuan sara diri dan juga komersil. Di samping menjalankan peranan tradisi sebagai isteri dan surirumah, wanita di Sabah juga sejak zaman tradisional lagi telah menjadi tenaga buruh yang penting tetapi dalam keadaan yang tidak formal, iaitu sebagai pekerja yang tidak bergaji di ladang dan di sawah. Mereka bekerja membantu

bapa atau pun suami mereka dalam menambahkan pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun kebanyakan mereka tidak memiliki kemahiran yang membolehkan mereka menjana pendapatan sendiri sebaliknya hanya meneruskan kemahiran dalam pekerjaan tradisi mereka. Peranan mereka menjadi semakin penting sekiranya wanita menjadi ketua keluarga iaitu setelah kematian suami atau bercerai dengan suami. Pembabitan wanita dalam perniagaan secara kecil-kecilan juga boleh dilihat sejak mereka kecil lagi iaitu sebagai pembantu kepada ibu dan ahli keluarga yang bermiaga di tamu-tamu mingguan. Kebanyakan peniaga tamu mingguan di daerah-daerah di negeri Sabah merupakan golongan wanita.<sup>1</sup>

Kaum wanita yang bekerja sebenarnya memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara, tetapi tidak semua sumbangan tersebut dicatat dalam akaun pendapatan negara kerana kerja-kerja yang dibuat oleh wanita tanpa upah tidak dikira sebagai satu bentuk sumbangan jika dilihat daripada perspektif ekonomi. Pekerjaan atau sumbangan wanita sebagai suri rumah sama ada di kawasan bandar maupun di luar bandar tidak direkodkan dalam statistik rasmi pekerjaan.<sup>2</sup> Dengan perkataan lain, penglibaan wanita dalam aktiviti-aktiviti yang lebih bersifat tidak formal telah mewujudkan sikap *undercounting*, *under-rating* dan *under recording* apabila menilai peranan mereka dalam proses pembangunan negara.<sup>3</sup> Salah satu aktiviti tidak formal yang banyak diceburi oleh wanita ialah bermiaga. Walaupun ramai wanita yang menceburi bidang perniagaan, namun jumlahnya masih kecil. Jumlah yang kecil ini menyebabkan sukar untuk mendapatkan data lengkap yang terkumpul. Keadaan ini berlaku ekoran jurang yang wujud dalam penyelidikan wanita dan pekerjaan. Satu hakikat yang harus diterima ialah majoriti wanita negara ini yang terlibat dalam

<sup>1</sup> Kasim Hj. Mansur, Lim Fui Yee Beatrice dan Marysia Engkok, ‘Wanita Bumiputera Sektor Tidak Formal Berskala Kecil: Satu Tinjauan di Pekan Tamparuli, Tuaran, Sabah’ dalam Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1, Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, 2006, hlm.174.

<sup>2</sup> Women in Sabah: Needs, Concerns, Aspiration, Kota Kinabalu: Sabah Women Action Resource Group, 1992,hlm.15-16.

<sup>3</sup> Nor Aini Hj. Idris, ‘Wanita dalam Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)’, dalam Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (Pnyt) Wanita dan Pekerjaan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, hlm.114.

perniagaan tertumpu dalam perniagaan yang bersaiz sederhana dan kecil.<sup>4</sup> Fenomena ini juga dihadapi oleh kaum wanita Sabah yang menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan.

Berdasarkan statistik daripada Majlis Perbandaran Kota Kinabalu pada tahun 1997, terdapat 56.6 peratus wanita di Kota Kinabalu yang bermiaga di gerai-gerai dan pasar, 55.2 peratus di gerai-gerai pasar malam dan 60.2 peratus sebagai penjaja kecil. Dalam bidang keusahawanan, sebanyak 69 peratus wanita yang memiliki perniagaan sendiri manakala 10.3 peratus adalah sebagai rakan kongsi.<sup>5</sup> Meskipun data yang ada tidak memberikan gambaran yang tepat tentang jumlah sebenar wanita yang terlibat sebagai peniaga, namun, daripada data tersebut sedikit sebanyak menggambarkan kecenderungan wanita Sabah khususnya di daerah Kota Kinabalu untuk menceburi bidang perniagaan. Kebanyakan peniaga wanita mempunyai cita-cita untuk memperkembangkan perniagaan mereka namun masalah yang sering dihadapi oleh peniaga wanita ialah tahap kenal huruf yang rendah, kekurangan modal dan kepakaran, kekurangan kredit, kekurangan infrastruktur dan halangan lokasi serta kedudukan wanita di kawasan luar bandar.<sup>6</sup> Kebanyakan masalah yang dihadapi oleh peniaga wanita ialah mereka tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Perkara itu menyebabkan mereka tidak yakin untuk terlibat dalam sebarang urusan yang melibatkan aktiviti formal dan menjadikekangan untuk mendapatkan bantuan kewangan.<sup>7</sup>

Bagi sebahagian wanita yang mendiami kawasan bandar pula, penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi boleh dilihat dalam bidang perjawatan daripada peringkat pekerjaan atau profesion yang terendah hingga ke peringkat profesional. Seiring dengan perkembangan ekonomi semasa, corak pekerjaan wanita juga turut

<sup>4</sup> Ibid, hlm.115.

<sup>5</sup> Nancy Ho, 'Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah', kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar 'Women and Entrepreneur' anjuran Institute For Development Studies (IDS), pada 20-21 April 1998 di Shangri-La Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu, hlm.9.

<sup>6</sup> Kasim Hj. Mansur, Lim Fui Yee Beatrice dan Marysia Engkok, 'Wanita Bumiputera Sektor Tidak Formal Berskala Kecil: Satu Tinjauan di Pekan Tamparuli, Tuaran, Sabah', hlm.175; Michael Emban, 'Bumiputera Sabah dan Cabaran Pembangunan yang Dihadapi Masa Kini' dalam Hasan Matnor (Editor), *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, Kertas Kadangkala Bil.8, Bangi: Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm. 62-63.

<sup>7</sup> Ibid.

berubah. Tahap pencapaian pendidikan dan pertambahan jumlah penyertaan wanita dalam bidang ekonomi adalah dua aspek penting yang boleh digunakan untuk mengukur status sosial wanita. Bidang pendidikan telah banyak mengubah kehidupan wanita. Selain persediaan untuk melengkapkan mereka dengan tugas sebagai suri rumah tangga dan bakal pendidik bagi anak-anak, bidang pendidikan pada peringkat tinggi juga memberikan peluang kepada wanita menceburkan diri dalam pelbagai profesi.<sup>8</sup> Dengan memiliki pekerjaan bererti wanita lebih menilai harga diri dan mampu menentukan corak hidup mereka sendiri serta dapat meningkatkan status mereka di sisi masyarakat.<sup>9</sup> Perindustrian dan urbanisasi telah membawa peralihan wanita daripada penumpuan dalam sektor ekonomi luar bandar kepada penglibatan yang aktif dalam sektor industri bandar dan sektor perkhidmatan. Satu implikasi daripada penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan adalah perubahan pada status atau kedudukan mereka. Setelah kaum wanita menjadi tenaga kerja yang sah maka sumbangan mereka dalam bidang ekonomi menjadi lebih nyata.

Di Sabah, bilangan wanita Sabah yang bekerja dalam sektor pertanian mencatatkan jumlah yang tertinggi, diikuti oleh jumlah wanita yang bekerja dalam bidang perkhidmatan. Perkara ini menunjukkan bahawa kaum wanita merupakan sebahagian daripada sumber penting yang boleh digembangkan bagi mencapai agenda pembangunan negara. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh telah dijadikan sebagai salah satu petunjuk atau kayu ukur tingkat pembangunan sesebuah negara. Penyertaan wanita sebagai buruh, penglibatan mereka dalam pengeluaran makanan dan sumbangan yang diberi kepada pendapatan keluarga merupakan indikator yang menggambarkan sumbangan yang dimainkan oleh wanita.<sup>10</sup> Bilangan wanita Sabah yang bekerja dan jenis-jenis pekerjaan yang mereka ceburi pada awal tahun 1990-an dapat dilihat berdasarkan contoh dalam jadual 5.1 seperti berikut.

<sup>8</sup> Raja Rohana Raja Mamat, *Peranan dan Status wanita Melayu di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm.36.

<sup>9</sup> Ibid., hlm.36-37.

<sup>10</sup> Nor Aini Haji Idris, *Wanita dan Pembangunan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm.21.

**Jadual 5.1:** Bilangan Penduduk Wanita di Sabah yang Bekerja pada tahun 1991

Bilangan	Jenis Pekerjaan	Jumlah
1.	Pekerja Profesional, teknikal dan yang berkaitan	16,803
2.	Pekerja Pentadbiran dan Pengurusan	1053
3.	Pekerja Perkeranian dan yang berkaitan	22,613
4.	Pekerja Jualan	16,875
5.	Pekerja Perkhidmatan	25,836
6.	Pekerja Pertanian, Ternakan dan Perhutanan, Nelayan dan Pemburu	61,104
7.	Pekerjaan Pengeluaran dan yang berkaitan, Operator alat pengangkutan dan Buruh	10,517
8.	Aktiviti yang tidak diterangkan	7
9.	Aktiviti yang tidak diketahui	1750
	Jumlah Keseluruhan Wanita Bekerja:	156,558

Sumber: Banci Penduduk Perumahan Malaysia 1991, Laporan Penduduk Negeri Sabah, Jabatan Perangkaan Malaysia 1995.

Berdasarkan jadual 5.1, jelas menunjukkan bilangan wanita yang bekerja dalam bidang pertanian adalah paling tinggi iaitu seramai 61,104 orang berbanding jenis pekerjaan yang lain. Sejumlah 90 peratus wanita yang terlibat dalam kegiatan pertanian itu berada di kawasan luar bandar. Pada tahun 1990, kadar kemiskinan di Sabah adalah 34.3 peratus berbanding 15 peratus kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia. Lebih daripada 91 peratus keluarga yang menghadapi masalah kemiskinan di Sabah pula berada di kawasan luar bandar.<sup>11</sup> Majoriti kaum wanita yang bergiat dalam bidang pertanian di luar bandar menghadapi masalah kemiskinan dan kebanyakan mereka masih mengamalkan kegiatan ekonomi sara diri. Oleh itu, untuk membangunkan ekonomi wanita khususnya di kawasan luar bandar memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan keadaan sosioekonomi dan budaya persekitaran mereka.

Malaysia ialah negara contoh yang mempunyai dasar yang khusus berkaitan dengan wanita iaitu ‘Dasar Wanita Negara’. Dasar ini ialah dasar yang berbentuk

<sup>11</sup> Michael Emban, ‘Bumiputera Sabah dan Cabaran Pembangunan yang Dihadapi Masa Kini’, hlm. 60.

komprehensif terutamanya dalam usaha mengintegrasikan wanita dalam proses pembangunan ekonomi. Bagi memastikan wanita dapat diintegrasikan sepenuhnya dalam proses pembangunan ekonomi, rancangan pembangunan lima tahun turut memberikan fokus kepada penglibatan wanita. Bermula dengan Rancangan Malaysia Keenam (RMK-6), tahun 1991-1996, kerajaan berusaha untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi. Usaha tersebut diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) tahun 1996-2000. Walau bagaimanapun usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi dan mewujudkan kesamaan gender itu bergantung kepada kejayaan pada peringkat pelaksanaan. Justeru, inisiatif daripada pihak kerajaan mesti seiring dengan kerjasama daripada pihak-pihak lain sama ada daripada sektor swasta mahupun daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kerjasama daripada pertubuhan sukarela wanita sangat penting dalam membantu merealisasikan kejayaan program-program pembangunan kerajaan itu.

### **Program Peningkatan Kemahiran dan Ekonomi Wanita**

Sejak akhir tahun 1950-an sehingga awal 1960-an, kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa wanita persatuan sosiobudaya yang wujud pada masa itu telah menunjukkan bahawa kesedaran dalam kalangan kaum wanita di Sabah untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita mula menyerlah dan berkembang. Fokus kegiatan mereka pada masa itu adalah untuk meningkatkan kemahiran wanita yang membolehkan mereka membantu dalam meningkatkan pendapatan keluarga. Jawatankuasa Wanita AGABA (1958-1962) misalnya, menyediakan ruang untuk kaum wanita mengikuti kelas-kelas masakan dan jahitan.<sup>12</sup> Puan Zainon Suhaimi selaku Pengerusi Jawatankuasa Wanita AGABA telah mengadakan kelas-kelas jahitan dan

<sup>12</sup> Siti Aidah binti Hj. Lukin @ Lokin, ‘Pertumbuhan Kesedaran Berpersatuan Wanita di Sabah 1968-1988’ dalam *JURNAL PURBA*, Bilangan 35-2016, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 2016, hlm.259.

masakan di rumah beliau sendiri. Pada peringkat permulaan, kelas-kelas berkenaan dibuka kepada isteri-isteri kakitangan perkhidmatan awam di bandar Kota Kinabalu sahaja, tetapi disebabkan sambutan yang menggalakkan daripada kaum wanita, penyertaan juga meluas hingga ke daerah Putatan dan Tuaran. Seramai 25 orang wanita yang mengikuti kelas masakan dan 32 orang dalam kelas jahitan. Kelas tersebut diadakan dua kali seminggu iaitu pada hari Isnin dan hari Rabu. Kaum wanita yang tidak berpeluang hadir ke kelas berkenaan juga diberikan perhatian melalui usaha Puan Zainon mengendalikan program Belajar Memasak di radio.<sup>13</sup>

Kelas masakan dan jahitan tersebut memberi peluang kepada kaum wanita menambahkan kemahiran memasak dan menjahit yang kemudiannya mendorong kepada usaha mereka menambahkan pendapatan keluarga dengan membuka gerai-gerai menjual kuih-muih dan makanan serta mengambil upah menjahit baju. Mereka yang menyertai kelas berkenaan juga digalakkan untuk menyertai pertandingan jahitan, sulaman dan masakan yang diadakan semasa Pesta Kebudayaan yang dianjurkan oleh AGABA. Selain dapat memperagakan hasil kerja tangan dan mendapat hadiah jika memenangi pertandingan tersebut, mereka juga akan menambah pendapatan menerusi jualan hasil kerja tangan selepas pertandingan dijalankan. Tidak dapat dinafikan bahawa daripada kegiatan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Wanita AGABA ini telah membuka ruang kepada kaum wanita untuk sering bertemu dan bertukar-tukar fikiran, menambahkan kemahiran yang ada dalam urusan rumahtangga, menimba pengalaman dalam persatuan serta membuka ruang kepada mereka untuk mengikuti perkembangan semasa. Walau bagaimanapun, kegiatan Jawatankuasa Wanita AGABA ini hanya dapat disertai oleh kaum wanita yang tinggal di kawasan bandar Kota Kinabalu dan sekitarnya dari Putatan hingga ke daerah Tuaran. Kebanyakan wanita yang tinggal di kawasan luar bandar masih belum dapat didedahkan dengan program-program seperti itu.

---

<sup>13</sup>*North Borneo News & Sabah Times*, 3 Februari 1962.

Selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963, kerajaan Sabah merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk mengurangkan kemiskinan dan sekali gus untuk meningkatkan taraf kaum wanita. Matlamat untuk membangunkan ekonomi wanita dan meningkatkan pendapatan keluarga cuba dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita menerusi kegiatan meningkatkan kemahiran wanita melalui kursus-kursus urusan rumah tangga dan latihan-latihan kemahiran wanita yang dianjurkan dari semasa ke semasa. Setelah Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS) ditubuhkan pada tahun 1968, PPS menganjurkan kelas-kelas masakan dan jahitan untuk lepasan sekolah terutama bagi anak-anak gadis dan kaum wanita atau suri rumah yang datang dari luar bandar. Kegiatan itu dapat diteruskan kerana Puan Zainon Suhaimi dan AJK Wanita AGABA yang lain juga seperti Puan Hasnah Edinin dan Puan Dayang Salmah Salam ialah tokoh-tokoh penting yang menjadi pemimpin PPS. Pada tahun 1974, lebih kurang 50 orang pelajar dari sekitar Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli dan Putatan menghadiri kelas-kelas berkenaan yang diadakan di bangunan PPS, Sembulan. PPS juga telah menyediakan 22 mesin jahit untuk kegunaan mereka.<sup>14</sup> Melalui kelas-kelas kemahiran dalam urusan rumahtangga seperti kelas masakan dan jahitan tersebut, ternyata kaum wanita yang terlibat telah mendapat faedah daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh PPS itu.

Selain mendedahkan kaum wanita dengan kemahiran menjahit dan memasak, PPS juga memberikan peluang kepada pelajar-pelajar kelas kemahiran ekonomi rumah tangga itu untuk belajar sambil bekerja kerana PPS telah mengambil inisiatif untuk menjalankan projek menjahit pakaian seragam sekolah. Pakaian seragam sekolah itu kemudiannya dijual di sekolah-sekolah seluruh negeri Sabah. Pelajar yang menjadi tukang jahit pakaian seragam sekolah berkenaan menerima bayaran upah menjahit dan

---

<sup>14</sup> Laporan Kegiatan PPS dalam Minit Mesyuarat Agung PPS bertarikh 12 September 1974, hlm.3.

sekali gus memperoleh pendapatan daripada hasil jualan pakaian seragam tersebut.<sup>15</sup>

Toh Puan Hajah Rahma melibatkan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah untuk memasarkan hasil jahitan peserta-peserta kursus yang berupa pakaian seragam sekolah kepada sekolah-sekolah di seluruh Sabah.<sup>16</sup> Selain itu, beliau juga meminta bantuan daripada Menteri-menteri Kabinet negeri Sabah untuk membantu memasarkan pakaian seragam sekolah itu di kawasan masing-masing. Usaha tersebut agak berbaloi apabila ada dalam kalangan ahli politik seperti Tan Sri Mohd. Said Keruak dan Datuk Sakaran Dandai yang mengambil inisiatif membeli pakaian seragam itu dan kemudiannya telah mendermakan kepada pelajar-pelajar sekolah yang kurang berkemampuan di kawasan mereka. Hasilnya, PPS berjaya membuat kutipan harga jualan pakaian seragam itu sebanyak \$3,200.00. Dari 1 Ogos 1975-31 Disember 1977, kira-kira Projek Jahitan PPS menunjukkan hasil pendapatan jualan pakaian seragam sekolah itu berjumlah \$4,500.00, suatu nilai pendapatan yang agak tinggi pada masa itu.<sup>17</sup> Dengan sumber pendapatan tersebut, PPS mempunyai dana yang dapat digunakan untuk meneruskan kelas-kelas kemahiran rumah tangga dan melaksanakan pelbagai kegiatan lain untuk kepentingan ahli-ahlinya dan kaum wanita umumnya.

Sebagai Ketua Kaum Ibu parti USNO, Toh Puan Hajah Rahma juga menggunakan cawangan-cawangan Kaum Ibu parti USNO sebagai saluran untuk memaklumkan kegiatan-kegiatan PPS dan meminta kerjasama daripada ketua-ketua cawangan Kaum Ibu USNO berkenaan mencari anak-anak gadis dan suri-suri rumah di kawasan mereka untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran anjuran PPS itu.<sup>18</sup> Kerjasama yang diberikan oleh cawangan-cawangan Kaum Ibu USNO telah memudahkan PPS menarik penyertaan daripada kaum wanita di sekitar daerah Kota Kinabalu dan Tuaran dalam program anjuran PPS itu. Penyertaan kaum wanita dalam

<sup>15</sup> Siti Aidah bte Lokin, ‘Wanita dan Kegiatan Berpersatuan di Sabah: Satu Tinjauan Terhadap Peranan dan Sumbangan Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS)’ dalam *Jurnal MALAYSIA dari segi SEJARAH*, Bil.41-2013, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013, hlm.79.

<sup>16</sup> PPS 10/73, Surat YDP PPS kepada Encik Omar Mohd.Hashim, Pengarah Pelajaran Sabah, bertarikh 26 Februari 1975.

<sup>17</sup> Laporan Bendahari PPS 1975, Pejabat PPS Sembulan, Kota Kinabalu.

<sup>18</sup> Temu bual dengan Puan Norliah Abdul Jalil, Setiausaha PPS pada 14 Februari 2012, di Pejabat PPS, Bangunan PPS, Sembulan, Kota Kinabalu.

kelas-kelas kemahiran ini dijalankan secara bergilir-gilir. Selepas tamat sesuatu sesi pembelajaran, kumpulan wanita yang lain pula akan menggantikan tempat mereka.<sup>19</sup>

Kumpulan wanita yang telah menamatkan kursus pula akan memainkan peranan menyebarkan maklumat kepada wanita lain sama ada untuk hadir ke kursus kemahiran anjuran PPS berkenaan atau pun mereka pula yang akan meneruskan usaha membimbing kaum wanita di kampung mereka secara sukarela. Melalui cara itu kegiatan yang dianjurkan oleh PPS dapat digerakkan dan mendapat sambutan yang semakin meluas daripada kaum wanita di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran.

Kejayaan PPS menganjurkan kelas-kelas kemahiran wanita itu disebabkan ketokohan kepemimpinan PPS terutamanya Toh Puan Hajah Rahma sebagai Yang Dipertua/Presiden PPS. Beliau memanfaatkan dengan baik pengaruh beliau sebagai isteri kepada Ketua Menteri Sabah dan sebagai Ketua Kaum Ibu USNO. Beliau berjaya mendapatkan sokongan dan bantuan daripada pihak kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam melaksanakan program yang dirancang oleh PPS. Ketika PPS menganjurkan kelas-kelas jahitan, Yayasan Sabah telah membantu PPS membiayai pembelian kain dan alat-alat jahitan untuk kegunaan kelas-kelas tersebut.<sup>20</sup> Bantuan itu memudahkan PPS melaksanakan kelas-kelas berkenaan dengan lebih lancar kerana apabila soal pembiayaan telah dibantu oleh pihak Yayasan Sabah, PPS boleh menumpukan kepada perkara lain khususnya yang berkaitan dengan pengendalian kelas dan penyertaan kaum wanita dalam kelas tersebut.

Kegiatan yang telah dianjurkan oleh PPS itu sangat bertepatan dengan usaha pihak kerajaan untuk membangunkan ekonomi kaum wanita khususnya. Oleh sebab itu dalam tempoh 1970-an sehingga 1980-an, kerajaan melibatkan pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan kemudiannya PEWASA dalam membantu melaksanakan

<sup>19</sup> Ibid. Menurut Puan Norliah Hj. Jalil, satu sesi kursus kemahiran diadakan dalam tempoh lebih kurang tiga bulan iaitu akan ditamatkan apabila peserta-peserta kursus telah didedahkan dengan semua asas kemahiran yang ditekankan dalam kursus berkenaan dan mampu menghasilkan sendiri jahitan atau sulaman seperti yang diarahkan oleh tenaga pengajar mereka

<sup>20</sup> Surat daripada Syarikat Rahmat kepada Setiausaha PPS yang memaklumkan pemulangan bayaran deposit pembelian kain dan alat-alat jahitan berjumlah \$1,000.00 kerana bayaran \$3,653.45 (harga keseluruhan barang-barang tersebut) telah dibayar oleh Yayasan Sabah kepada Syarikat Rahmat. (surat tidak dinyatakan tarikh hanya dicatatkan pada bulan Disember 1975).

program pembangunan ekonomi untuk wanita di Sabah. Sepanjang Rancangan Malaysia Ketiga, kerajaan negeri Sabah di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Perpaduan Negara mengadakan lebih banyak Kursus Ekonomi Rumah Tangga (Kursus ERT) bagi meningkatkan taraf hidup rakyat serta mengurangkan kemiskinan dalam kalangan rakyat Sabah.<sup>21</sup> Tujuan utama kursus tersebut diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan asas kepada kaum wanita dalam urusan pengendalian sesebuah rumah tangga yang bahagia.<sup>22</sup> Kursus ERT itu juga menjadi projek kerajaan dalam usaha pembangunan minda penduduk luar bandar khususnya suri-suri rumah yang diselenggarakan oleh Bahagian Ekonomi Rumah Tangga, Jabatan Pertanian Sabah. Kursus tersebut berlangsung selama enam minggu dan antara pengisiannya adalah program ceramah-ceramah pembangunan ekonomi dan sosial, latihan praktikal (jahitan, kraftangan dan sulaman, serta masakan), penjagaan kebersihan keluarga, pendidikan kesihatan untuk bayi dan keluarga, amalan perancang keluarga, pengurusan rumah tangga secara teratur, bercucuk tanam cara moden dan efektif serta amalan berjimat cermat dalam pengurusan ekonomi keluarga.<sup>23</sup>

Pada masa pemerintahan awal kerajaan Berjaya di Sabah yang bermula pada tahun 1976, kursus ERT itu diberikan tumpuan yang penting sebagai usaha untuk membangunkan kaum wanita di luar bandar. Kursus tersebut diperluaskan pada peringkat kampung-kampung khususnya di kawasan luar bandar. Buat permulaan, kursus jahitan anjuran pihak kerajaan di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar telah dijalankan selama empat bulan di Pusat Pembangunan Masyarakat Kota Kinabalu.<sup>24</sup> Sehingga bulan Julai 1978, kementerian tersebut telah berjaya melatih seramai 200 orang wanita termasuk 85 orang wanita dari luar bandar dalam bidang jahitan. Kursus jahitan itu membolehkan wanita yang telah

<sup>21</sup> *Daily Express*, 2 Mac 1978.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> *Daily Express*, 22 Julai 1978.

memperoleh kemahiran memulakan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan di kampung-kampung mereka dan memperoleh pendapatan daripada upah jahitan pakaian.

Selain itu, Badan Penyelaras dan Kebajikan Wanita Parti Berjaya juga menganjurkan Kelas Kerajinan Tangan di Pusat Pembangunan Masyarakat Kota Kinabalu. Badan Penyelaras dan Kebajikan Wanita Berjaya ini dipengerusikan oleh YB Puan Kolnah Ghani.<sup>25</sup> Kelas tersebut diadakan seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat dari jam 1.00 tengah hari hingga 5.00 petang. Kemahiran menggubah bunga, menjahit sulaman baju dan menyulam renda daripada benang diajar dalam kelas berkenaan. Tenaga pengajarnya ialah kakitangan wanita daripada Bahagian Urusan Rumah Tangga Jabatan Pertanian Sabah. Penyertaan dalam kursus tersebut dibuka kepada semua wanita yang berada di bandar Kota Kinabalu.<sup>26</sup> Pada peringkat awal kursus-kursus kemahiran itu diadakan di daerah Kota Kinabalu kerana bandar Kota Kinabalu ialah ibu negeri Sabah yang memiliki kelebihan dari segi kemudahan asas berbanding kawasan luar bandar.

Usaha memperluaskan kursus-kursus kemahiran itu ke kawasan luar bandar memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah daripada pertubuhan sukarela wanita yang ada pada masa itu. Hal ini disebabkan kebanyakan wanita di luar bandar adalah buta huruf dan kurang kesedaran untuk melibatkan diri dalam program-program pembangunan ekonomi wanita. Justeru, penglibatan pertubuhan sukarela wanita sepanjang tempoh 1980-an hingga 1990-an dalam membantu kerajaan khususnya Jabatan Pertanian melaksanakan Kursus ERT ini sangat penting. PEWASA khususnya pada peringkat cawangan telah bertindak selaku badan yang mengelolakan kursus berkenaan bukan setakat untuk kepentingan ahli-ahli mereka sahaja, tetapi juga terbuka kepada orang ramai terutamanya kepada kaum wanita di kampung-kampung di mana cawangan PEWASA itu ditubuhkan.

<sup>25</sup> Y.B. Puan Kolnah Ghani ialah Pembantu Menteri Perkhidmatan Masyarakat Sabah pada masa pemerintahan kerajaan Berjaya. Beliau juga merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai Pembantu Menteri dalam Kabinet Negeri Sabah.

<sup>26</sup> Daily Express, 17 April 1978.

PEWASA Bahagian Sandakan dan Bahagian Tawau terlibat secara aktif dalam pelaksanaan kursus ERT berkenaan. Pada tahun 1980, PEWASA Cawangan Berhala Darat, Sandakan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sandakan, mengendalikan Kursus ERT kepada suri rumah di kampung Berhala Darat.<sup>27</sup> PEWASA Cawangan Tawau juga menganjurkan Kursus ERT itu pada 2 September hingga 30 Disember 1980. Kursus tersebut dihadiri oleh seramai 30 orang ahli PEWASA. Pelatih kursus datang daripada Jabatan Pertanian Tawau, tetapi pembiayaan sepanjang kursus itu dibiayai sepenuhnya oleh PEWASA cawangan Tawau. Malah tempat pengendalian kursus-kursus kemahiran itu telah diadakan di rumah-rumah Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA Cawangan Tawau secara bergilir-gilir.<sup>28</sup> Kesediaan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA menjadikan rumah mereka sebagai tempat mengendalikan kursus-kursus ini membuktikan komitmen mereka dalam usaha menjayakan program meningkatkan kemahiran wanita yang menjadi salah satu aset penting bagi wanita untuk diintegrasikan dalam proses pembangunan sosioekonomi.

Kursus ERT tersebut diteruskan pada tahun 1990-an iaitu dari semasa ke semasa mengikut bidang kemahiran yang diperlukan oleh kaum wanita di cawangan masing-masing. Pada tahun 1991, PEWASA Cawangan Sungai Kayu Sandakan mengadakan kursus masakan dan kraftangan manakala PEWASA Cawangan Rancangan Sungai Manila Sandakan pula mengadakan kursus jahitan pada tahun 1992.<sup>29</sup> Kebanyakan Cawangan PEWASA di bahagian Sandakan terlibat dalam program ERT itu dan mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan Pertanian Sandakan. Misalnya pelaksanaan kursus ERT di Cawangan Kampung Muhibah dan Cawangan Karamunting pada tahun 1993 dan Cawangan Sekong pada tahun 1995.<sup>30</sup> Inisiatif cawangan-cawangan PEWASA yang terlibat dalam mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pertanian untuk melaksanakan kursus berkenaan di cawangan masing-masing

<sup>27</sup> *Sabah Times*, 27 Mei 1980.

<sup>28</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Tawau 1980/81.

<sup>29</sup> Laporan Penyelaras PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995.

<sup>30</sup> *Ibid.*

membuktikan usaha pemimpin PEWASA pada peringkat cawangan dan keprihatinan mereka terhadap usaha meningkatkan kemahiran kaum wanita di kawasan masing-masing.

Bagi cawangan yang tidak dapat mengendalikan kursus yang sama di cawangan mereka pula disebabkan kekurangan tenaga pelatih daripada Jabatan Pertanian, mereka menghantar wakil mengikuti kursus berkenaan di mana-mana cawangan terdekat yang mengendalikan kursus berkenaan. Daripada penyertaan kaum wanita dalam kursus-kursus kemahiran tersebut, membuktikan bahawa kaum wanita di luar bandar sebenarnya menyambut baik program-program pembangunan wanita jika maklumat yang tepat sampai kepada mereka menerusi saluran yang betul. Di sinilah pentingnya peranan pertubuhan sukarela wanita sebagai pencetus kesedaran dan pendorong kepada kaum wanita khususnya di luar bandar agar tidak terus terpinggir daripada arus kemajuan semasa. Usaha pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA menyalurkan maklumat yang tepat dan mengadakan program-program membimbing wanita untuk meningkatkan kemahiran mereka membuka ruang kepada kaum wanita yang terlibat meningkatkan kemahiran, kualiti diri dan status mereka.

Sejak tahun 1980-an, pencapaian wanita Sabah dalam bidang profesional dan keusahawanan juga berkembang sebagai kesan daripada kemajuan yang dicapai oleh wanita dalam bidang pendidikan dan sosioekonomi. Penglibatan golongan wanita profesional ini dalam persatuan seperti PEWASA menjadikan persatuan berkenaan semakin giat dalam usaha membangunkan wanita dalam bidang ekonomi dan kerjaya.<sup>31</sup> Pada tahun 1991, 65.7 peratus kaum wanita di Sabah mendiami kawasan luar bandar. Mereka masih terlibat dalam kerja-kerja pengeluaran hasil pertanian, penternak, nelayan, berburu dan menghasilkan kraftangan.<sup>32</sup> Menyedari keadaan itu, pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA dan Perkumpulan Perempuan Sabah Baru (PPS(B))

<sup>31</sup> Temu bual dengan Puan Hanizah Abdullah di Pejabat PEWASA, Lot.24-2R, Plaza Beverly Hills, Jalan Bundusan Penampang, Kota Kinabalu pada 12 Februari 2012.

<sup>32</sup> Nancy Ho, ‘Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah’, hlm.8.

memberi tumpuan kepada usaha membangunkan ekonomi wanita di luar bandar menerusi program yang sesuai dengan latar belakang kegiatan ekonomi mereka agar berlaku peningkatan pendapatan dalam kalangan wanita meskipun mereka terus menjalankan kegiatan ekonomi yang sama misalnya perniagaan secara kecil-kecilan. Pada tahun 1991, PEWASA telah mengadakan projek Industri Kampung bagi memproses makanan dan penghasilan kraftangan di daerah Papar atas biayaan sebanyak RM25,000 oleh Associated Country Women of the World (ACWW).<sup>33</sup>

Projek Industri Kampung anjuran PEWASA itu bertujuan untuk melatih kaum wanita khususnya suri rumah meningkatkan kemahiran mereka dalam pemprosesan makanan yang bahan-bahan asasnya mudah didapati di kawasan mereka. Projek ACWW Papar terbahagi kepada dua iaitu pemprosesan makanan, kraftangan dan jahitan serta latihan kepemimpinan. Melalui projek tersebut, kaum wanita yang terlibat dilatih dari segi pemprosesan makanan yang berkualiti, penetapan harga, urusan akaun perniagaan, kaedah pembungkusan yang selamat dan menarik serta kaedah pemasaran yang berkesan.<sup>34</sup> Seramai 20 orang wanita telah dipilih untuk menyertai projek Industri Kampung itu. Antara produk makanan yang dihasilkan ialah kerepek ubi, kerepek pisang, pecal dan rempeyek. Dalam bidang kraftangan pula ialah usaha menghasilkan topi daripada pandan, anyaman tikar mengkuang, jahitan manik dan labuci untuk selendang dan sulaman motif untuk bingkai gambar dan sebagainya. Projek Industri Kampung itu dipantau oleh PEWASA cawangan Papar dan kaum wanita yang terlibat sentiasa dibimbing dan diberikan dorongan. Kesan daripada projek itu, wanita yang dilibatkan mampu berdikari, mempunyai sumber pendapatan sendiri dan terus aktif menghasilkan produk makanan tersebut serta memasarkannya di pelbagai tempat khususnya di tamu-tamu mingguan dalam daerah Papar.<sup>35</sup>

<sup>33</sup> Report on ACWW Sponsored Project, By Bibi Florina Abdullah.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ibid.

Projek Industri Kampung yang telah dilaksanakan itu juga mendorong PEWASA cawangan Papar terus aktif dalam penganjuran kegiatan meningkatkan kemahiran wanita dalam pelbagai jenis masakan dan kraftangan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti demonstrasi membuat kek pada 6 Mac 1993, demonstrasi menggubah bunga pada 10 Mac 1993, Pasar Ria pada 6 Jun 1993<sup>36</sup> dan demonstrasi membuat kek batik pada 19 Disember 1993.<sup>37</sup> Kegiatan-kegiatan yang telah dianjurkan oleh PEWASA Cawangan Papar itu dapat membantu ahli-ahli PEWASA dan kaum wanita di daerah Papar melibatkan diri dalam program yang boleh menjana pendapatan mereka meskipun bermula sebagai peniaga hasil makanan secara kecil-kecilan.

Selain PEWASA Cawangan Papar, cawangan-cawangan PEWASA di daerah lain juga melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kemahiran wanita di samping membantu mereka meningkatkan pendapatan keluarga. Antaranya ialah PEWASA Cawangan Taman Merpati, Sandakan dan PEWASA Cawangan Kunak. PEWASA Cawangan Taman Merpati telah memanfaatkan sumber bekalan ikan yang mudah didapati di kawasan mereka dengan mengadakan Kursus Pemprosesan Makanan berdasarkan ikan seperti bebola ikan, kek ikan dan keropok lekor.<sup>38</sup> Penganjuran kursus berkenaan telah memberi peluang kepada kaum wanita mendapat kemahiran untuk mempelbagaikan produk perniagaan mereka. PEWASA Cawangan Kunak pula memfokuskan kepada penghasilan bahan-bahan kraftangan daripada bahan buangan dan bahan kitar semula. Pada bulan Julai 2002, PEWASA cawangan Kunak telah dipilih oleh NCWO sebagai Pusat Info Wanita yang berperanan dalam memajukan kegiatan kraftangan daripada bahan buangan dan bahan kitar semula serta kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan. Bagi menjayakan matlamat tersebut gerai kraftangan dan makanan

<sup>36</sup> Pasar Ria tersebut telah diadakan di Dewan Datuk Salleh Sulong, Papar. Selain untuk melibatkan wanita dalam kegiatan perniagaan, kegiatan ini juga merupakan kegiatan amal PEWASA Cawangan Papar kerana sebanyak 10% daripada hasil pendapatan Pasar Ria ini disumbangkan kepada tabung Badan Kebajikan Anak-anak Yatim daerah Papar. Oleh sebab itu kegiatan Pasar Ria itu mendapat kerjasama dan sambutan yang menggalakkan daripada pemimpin dan masyarakat di daerah Papar.

<sup>37</sup> Laporan Aktiviti PEWASA Cawangan Papar 1991-1995, hlm.1-3.

<sup>38</sup> Laporan Aktiviti PEWASA 2001-2002, hlm.5.

turut dibina sebagai pusat kegiatan ekonomi wanita PEWASA Cawangan Kunak.<sup>39</sup>

Selain PEWASA Cawangan Kunak, PEWASA Pusat juga turut membantu menghulurkan sumbangan sebanyak RM6,000.00 bagi pembinaan kedai jahit dan kraftangan yang diusahakan oleh PEWASA Cawangan Sungai Manila, Sandakan.<sup>40</sup>

Dengan adanya bangunan sebagai pusat kegiatan wanita pada peringkat cawangan, telah memberi kemudahan kepada kaum wanita dalam pengajuran pelbagai kegiatan di cawangan berkenaan.

PPS(B) juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan usaha-usaha membimbang wanita meningkatkan kemahiran diri dan peningkatan ekonomi wanita. Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh PPS(B) adalah Kursus Masak-memasak yang diadakan di tiga tempat iaitu bermula di Kota Kinabalu pada 9 April 2003, diikuti oleh daerah Beaufort pada 30 April 2003 dan diteruskan di daerah Bongawan pada 6 September 2003. Kursus merekabentuk dan membuat bunga telur pula telah diadakan di Kota Kinabalu pada 3 Mei 2003, 16 Mei 2003 di daerah Bongawan dan di daerah Beaufort pula pada 12 Julai 2003.<sup>41</sup> Daerah Beaufort dan Bongawan dipilih sebagai tempat mengadakan program tersebut sebagai satu usaha PPS(B) untuk mengasah bakat dan kemahiran wanita di luar bandar bagi menghasilkan produk makanan dan kraftangan serta gubahan yang boleh dipasarkan. Kursus merekabentuk bunga telur itu juga diadakan selari dengan perkembangan bidang perniagaan semasa yang memperlihatkan permintaan bagi barang cenderamata untuk tetamu seperti bunga telur dan cenderamata yang kecil seperti gubahan bunga, sapu tangan, kotak hadiah kecil, bingkai gambar dan sebagainya semasa majlis perkahwinan dan majlis keraian yang semakin meningkat. Selain itu, menerusi pelaksanaan program itu juga, usaha mendekati anggota PPS(B) pada peringkat cawangan dapat dilaksanakan di samping membimbang suri

<sup>39</sup> Ibid..

<sup>40</sup> Ibid.

<sup>41</sup> Laporan Kegiatan PPS(B) 2003, hlm.5.

rumah serta anak-anak gadis lepasan sekolah menengah untuk memperoleh kemahiran yang boleh membantu mereka menghasilkan pendapatan sendiri.<sup>42</sup>

Selain mengadakan kursus-kursus kemahiran, pertubuhan sukarela wanita Sabah juga menganjurkan program-program lawatan sambil belajar bagi mendedahkan ahli-ahli kepada perkembangan kegiatan ekonomi kaum wanita di negeri-negeri lain. Pada 3 hingga 11 November 1991, PEWASA mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke Kuala Lumpur. Lawatan ini ditumpukan ke kawasan-kawasan yang memberikan pendedahan kepada ahli-ahli PEWASA tentang bidang perniagaan seperti di Karyaneka, MARDI, Projek Usahamaju Luar bandar, Kampung Contoh di Kuala Selangor, Perusahaan Batik dan Bunga serta melawat Pasar Seni. Seramai 100 orang ahli PEWASA turut sama dalam lawatan tersebut. Mereka terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA Pusat dan ahli-ahli PEWASA pada peringkat cawangan.<sup>43</sup> Program lawatan tersebut boleh meluaskan pandangan dan menambah pengalaman ahli-ahli PEWASA tentang pencapaian kegiatan ekonomi khususnya wanita di negeri-negeri lain. Program lawatan sambil belajar juga dianjurkan oleh cawangan PEWASA, misalnya PEWASA Cawangan Papar yang menganjurkan lawatan sambil belajar ke Pejabat MARA dan MARDI Kota Kinabalu pada 2 November 1996. Program lawatan itu diadakan untuk mendapatkan maklumat tentang peranan kedua-dua agensi kerajaan berkenaan dalam pembangunan ekonomi di samping mencari ruang serta peluang yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita daripada saluran kedua-dua agensi itu dalam memperkembangkan lagi kegiatan perniagaan mereka.<sup>44</sup>

Daripada program-program yang telah dianjurkan oleh PPS dan PEWASA, ternyata kedua-dua pertubuhan sukarela wanita itu telah menyediakan tapak untuk kaum wanita keluar daripada kepompong tradisi sebagai suri rumah yang kurang berkemahiran kepada suri rumah yang terbimbang dengan pelbagai kemahiran. Ilmu dan

<sup>42</sup> Ibid..

<sup>43</sup> Laporan Aktiviti Biro-biro PEWASA Pusat 1991-1995. Antara cawangan PEWASA yang menghantar peserta dalam lawatan ini adalah PEWASA Cawangan Kota Kinabalu, Cawangan Taman Merpati Sandakan, Cawangan Tawau dan Cawangan Papar.

<sup>44</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Papar 1991-1995, hlm.6.

kemahiran yang ada itu dapat meningkatkan status mereka. Daripada hanya sebagai pekerja di ladang-ladang, membantu ibu bapa dan suami, mereka memperoleh kemahiran untuk menghasilkan pendapatan sendiri daripada hasil kemahiran menjahit, menyulam, mengubah jahitan dan menghasilkan produk makanan yang boleh dipasarkan.

Kerajaan telah menggubal Dasar Wanita bersama-sama dengan Pelan Tindakan. Salah satu tindakan yang dikenal pasti ialah memperkuat jentera nasional untuk mengintegrasikan wanita dalam pembangunan, meningkatkan kesedaran awam terhadap isu yang berkaitan dengan wanita dan menggerakkan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan program sosioekonomi, menggalakkan tindakan positif untuk kemajuan wanita dalam pelbagai bidang serta menggalakkan wanita dalam pembangunan keluarga.<sup>45</sup> Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), tahun 2001-2005, kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan peranan, kedudukan dan taraf wanita bagi memastikan penyertaan mereka sebagai rakan kongsi bersama-sama dalam pembangunan negara.<sup>46</sup> Dalam konteks negeri Sabah, ternyata pertubuhan sukarela wanita telah berperanan dalam memberikan kesedaran kepada kaum wanita untuk tidak terpinggir daripada proses pembangunan negeri dan negara. Usaha menggalakkan kaum wanita menceburi bidang keusahawanan mula menyerlah seiring dengan pembangunan ekonomi semasa.

### **Program Keusahawanan Wanita**

Usahawan dan peniaga ialah dua individu yang berbeza. Peniaga ialah mereka yang wujud dalam dunia perniagaan tanpa peningkatan dari setahun ke setahun walaupun mereka mampu bertahan, manakala usahawan ialah peniaga yang pada satu peringkat memikirkan bagaimana untuk mempelbagaikan dan mengembangkan perniagaan yang

<sup>45</sup> Nor Aini Haji Idris, *Wanita dan Pembangunan Ekonomi*, hlm.25-26.

<sup>46</sup> Ibid., hlm.26.

ada.<sup>47</sup> Oleh sebab itu, perlu ada langkah awal dan peningkatan usaha untuk menambahkan lagi golongan usahawan wanita. Persoalannya ialah bagaimana pertubuhan sukarela wanita memainkan peranan? Bagi meningkatkan bilangan usahawan wanita, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita telah berusaha mengadakan pelbagai kegiatan. Selain mengadakan program secara terus kepada kaum wanita, pertubuhan sukarela wanita juga telah menganjurkan pelbagai seminar, forum, bengkel dan dialog yang berkaitan dengan bidang keusahawanan dan peluang-peluang yang diceburi oleh usahawan wanita.

Penganjuran kursus-kursus, bengkel, ceramah yang berkaitan dengan bidang perniagaan oleh PPS dan PEWASA memberi peluang kepada wanita yang hanya bermula sebagai peniaga kecil-kecil berkembang sebagai usahawan. Salah seorang ahli PEWASA yang boleh dijadikan contoh ialah Puan Hajah Mariah Hj. Takin, ahli PEWASA cawangan Likas sejak tahun 1981. Beliau mengakui bahawa PEWASA telah memberi peluang kepada beliau mengembangkan perniagaan makanan beliau yang bermula dengan pembukaan kafe-kafe kecil, kantin, restoran dan kemudiannya terlibat dalam khidmat katering makanan untuk majlis-majlis yang besar. Menurut beliau, penglibatan dalam PEWASA membuka ruang kepada beliau mempunyai ramai kenalan dan jaringan perniagaan yang lebih luas.<sup>48</sup> Beliau juga memperkembangkan perniagaan set pinggan mangkuk menerusi cawangan-cawangan PEWASA di daerah lain seperti di Sandakan dan Tawau. Kaedah ini membantu ahli-ahli PEWASA di cawangan berkenaan menjana pendapatan melalui bidang perniagaan. Perkongsian pengalaman beliau dalam bidang perniagaan menerusi kursus-kursus pembuatan kek dan kuih muih yang dianjurkan oleh PEWASA cawangan Likas menyebabkan kebanyakan peserta kursus berkenaan menceburi bidang perniagaan makanan. Penglibatan Puan Hajah

<sup>47</sup> Nor Aini Hj. Idris, ‘Wanita dalam Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)’, dalam Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (Pnyt) *Wanita dan Pekerjaan*, hlm.118.

<sup>48</sup> Temu bual dengan Puan Hajah Mariah Hj. Takin, Ahli PEWASA Cawangan Likas, 13 Ogos 2017, di Kampung Likas, Kota Kinabalu. Puan Hajah Mariah ialah usahawan wanita yang berjaya dalam bidang perniagaan makanan sejak 20 tahun yang lalu sehingga kini di daerah Kota Kinabalu. Beliau ialah pemilik ‘Mariah Kafetarier’ yang mendapat tender sebagai pembekal makanan di pejabat-pejabat, sekolah dan institusi pengajian tinggi di daerah Kota Kinabalu.

Mariah dalam pertubuhan sukarela wanita dan dalam bidang perniagaan ini menarik minat anak beliau sendiri iaitu Puan Norlina Ibrahim untuk terlibat dalam kerja-kerja kebajikan masyarakat serta meneruskan kerjaya dalam bidang perniagaan makanan setelah melihat kejayaan yang dilalui oleh ibunya itu.<sup>49</sup> Puan Norlina turut bergiat dalam perniagaan makanan sebagai pembekal makanan di kantin sekolah, jabatan kerajaan dan mengusahakan projek pembuatan makanan dim sum bersama ahli keluarganya untuk dipasarkan di daerah Kota Kinabalu.

Kewujudan persatuan perniagaan khusus untuk wanita di Sabah seperti SWEPA membuktikan wanita telah menunjukkan penglibatan yang serius di dalam perniagaan. Organisasi ini berfungsi sebagai pembimbing dan menjalankan aktiviti untuk menarik lebih ramai lagi wanita menceburi bidang keusahawanan. SWEPA memainkan peranan menyediakan peluang-peluang latihan bagi menangani masalah usahawan wanita yang kurang dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan tentang perniagaan. Program latihan yang dijalankan meliputi bidang teknologi maklumat, peluang pelaburan dalam hartanah dan perkongsian saham dan modal, peluang perniagaan dalam industri pelancongan, pengurusan masa, pengurusan manusia, pengurusan kewangan, perniagaan antarabangsa dan pendekatan untuk berjaya dalam bidang perniagaan.<sup>50</sup> Secara umumnya SWEPA bertindak melatih peniaga-peniaga kecil dengan latihan khusus secara formal mengenai asas perniagaan termasuk aspek-aspek pengurusan, penyata kira-kira dan asas perakaunan.<sup>51</sup>

Kebanyakan peniaga wanita mempunyai cita-cita untuk memperkembangkan perniagaan mereka namun mereka berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kurang ilmu dan latihan kepakaran, kekurangan modal dan kemudahan kredit, halangan lokasi dan infrastruktur khususnya bagi yang berada di luar bandar. Justeru, golongan peniaga wanita khususnya yang berada di luar bandar telah dibimbang dengan memberikan

<sup>49</sup> Temu bual dengan Puan Norlina Ibrahim, Ahli PEWASA Cawangan Likas, 13 Ogos 2017, di Kampung Likas, Kota Kinabalu.

<sup>50</sup> Nancy Ho, 'Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah', hlm.11-12.

<sup>51</sup> SWEPA Activities Report dalam Minutes of the Annual General Meeting on 30<sup>th</sup> March 1996, Fail Setiausaha SWEPA

latihan yang boleh membantu mereka dalam pengurusan terhadap perniagaan mereka yang sedia ada. Melalui sesi ceramah, bengkel serta seminar, para peserta dapat didedahkan dengan ilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan dan mereka dapat dibimbing untuk merangka perancangan masa depan perniagaan mereka dengan lebih baik.

Usahawan lahir dalam masyarakat, oleh itu masyarakat bertanggungjawab terhadap kelahiran dan perkembangan mereka. Atas kesedaran ini pertubuhan sukarela wanita menganjurkan pelbagai kegiatan bagi mendorong lebih ramai usahawan wanita di Sabah dapat dilahirkan. Pada peringkat cawangan PEWASA, sudah ada usaha-usaha untuk mencapai matlamat tersebut. Pada 24 September 1994, PEWASA cawangan Papar telah menganjurkan Seminar Kesedaran Pembangunan di balai raya Kampung Sepat Papar. Para penceramah jemputan terdiri daripada pegawai Permodalan Nasional Berhad, Jabatan Pertanian dan Projek Usahamaju (PU), Koperasi Pembangunan Desa (KPD). Bagi membimbing kaum wanita yang mula menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan, PEWASA Cawangan Papar juga telah mengadakan kursus yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan iaitu Kursus Pengurusan Kira-kira Asas Pada 19 Oktober 1995 sehingga 21 Oktober 1995 di pejabat Majlis Daerah Papar.<sup>52</sup> Seminar Keusahawanan pula telah dianjurkan oleh PEWASA pusat pada 20-21 Oktober 1995 di Kota Kinabalu. Setiap cawangan PEWASA telah menghantar empat orang ahli sebagai wakil cawangan masing-masing menghadiri seminar berkenaan. Pada 26 Oktober 1997, PPS(B) pula telah menganjurkan Sesi Dialog “Peluang Meningkatkan Ekonomi Wanita” di Kota Kinabalu. Tokoh penting yang dijemput dalam dialog ini ialah Dato’ Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa.<sup>53</sup>

Melalui sesi ceramah dan seminar yang dianjurkan oleh pertubuhan sukarela wanita berkenaan, kaum wanita yang terlibat dalam bidang perniagaan didedahkan

<sup>52</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Papar 1991-1995, hlm.5

<sup>53</sup> Laporan Kegiatan PPS(B) 1997, hlm.3.

dengan peluang-peluang untuk memajukan perniagaan mereka. Menerusi kerjasama pertubuhan sukarela wanita dengan agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Projek Usahamaju (PU) dan Yayasan Usaha Maju (YUM) dalam ceramah dan seminar yang dianjurkan itu, kaum wanita yang terlibat dalam perniagaan secara kecil-kecilan dibimbing tentang cara mendapatkan modal untuk meneruskan dan mengembangkan perniagaan mereka. YUM merupakan sebuah institusi kerajaan negeri Sabah yang berperanan penting dalam membangunkan ekonomi wanita di Sabah.

Kerajaan negeri Sabah menyedari kadar kemiskinan yang tinggi di Sabah berbanding negeri-negeri lain dalam persekutuan Malaysia. Kadar kemiskinan di Sabah meningkat daripada 33.1 peratus pada 1984 kepada 35.3 peratus pada tahun 1987.<sup>54</sup> Menyedari keadaan ini menyebabkan kerajaan negeri Sabah komited terhadap usaha mengurangkan kadar kemiskinan menerusi pelbagai program pembangunan. Kejayaan kesemua program pembangunan yang dilaksanakan bergantung kepada sejauhmana efektifnya program berkenaan dan bagaimana pengurusan terhadap pelaksanaan sesuatu program tersebut. Sejarah penubuhan YUM bermula apabila kerajaan negeri Sabah mewujudkan Projek Usahamaju (PU) pada bulan Jun 1988 yang dikendalikan oleh Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah bagi membantu mengurangkan kadar kemiskinan penduduk di luar bandar.<sup>55</sup>

PU mencontohi Grameen Bank dengan pengubahsuaihan berdasarkan keadaan penduduk tempatan di Sabah dari segi keadaan kemiskinan, peluang ekonomi, infrastruktur dan struktur sosiopolitik di Sabah. PU bukannya sebuah bank atau mempunyai pertalian dengan mana-mana bank, ia projek yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Sabah di bawah agensi kerajaan negeri iaitu KPD. PU tidak

<sup>54</sup> Richard S. Gunting & Freddy Rantau, 'Projek Usahamaju - From Action Research to Institutionalization :Problem in Prospects', Regional Workshop on The Grameen Bank Approach to Poverty Alleviation: Experiences and Prospects in Asia. 25-28 August 1991, Perkasa Hotel Kundasang, Jointly organised by Institute For Development Studies Sabah (IDS) and Asian And Pacific Development Centre (Kuala Lumpur), hlm.1

<sup>55</sup> Ibid., hlm.2.

mengenakan faedah kepada peminjam tetapi hanya mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak tujuh peratus daripada setiap pinjaman yang diambil oleh peminjam.<sup>56</sup> PU kemudiannya diperluaskan ke seluruh negeri Sabah dan dinaiktaraf menjadi YUM pada 30 Jun 1995. Pada bulan Jun 2006 pula, YUM telah diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Kewangan Sabah. Strategi utama YUM dalam mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah adalah melalui perkhidmatan kredit mikro yang memberikan pinjaman secara kecil-kecilan kepada keluarga termiskin bagi membolehkan mereka mengusahakan kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan dan mentransformasikan kumpulan sasaran termiskin di Sabah kepada satu kumpulan masyarakat yang berdikari.<sup>57</sup>

Kumpulan sasaran YUM ialah penduduk miskin di luar bandar terutamanya para wanita yang terdiri daripada surirumah, ibu-ibu tunggal, peniaga kecil-kecilan, petani, nelayan dan usahawan kecil yang memerlukan modal bagi mengusahakan kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh menjana pendapatan. Para peminjam akan melalui pemilihan dan temuduga oleh Kakitangan YUM sebelum permohonan mereka diluluskan.<sup>58</sup> Sehingga bulan Julai 1991, seramai 2,376 orang menjadi ahli PU dan seramai 2,281 orang adalah peminjam wanita. Daripada jumlah tersebut 47.9 peratus ahli berpendapatan RM46 sebulan, 47.6 peratus antara RM47 hingga RM106 sebulan dan hanya 4.5 peratus berpendapatan RM106 keatas sebulan.<sup>59</sup> Penglibatan kaum wanita dalam program PU dengan penyertaan yang tinggi sebanyak 99.29 peratus telah membuka satu dimensi baharu mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan sendiri kepada sekelompok tenaga buruh wanita yang selama ini terpinggir dan tidak

<sup>56</sup> Ibid, hlm.2-3.

<sup>57</sup> Freddy Rantau, ‘Strategi-strategi Ke Arah Memantapkan Prestasi Yayasan Usaha Maju’, dalam Isu-isu dan Strategi-strategi Dalam Pembangunan Yayasan Usaha Maju, Prosiding Persidangan Yayasan Usaha Maju yang diadakan di Keningau Sabah pada 2-5 Disember 1996, hlm.31.

<sup>58</sup> Temu bual dengan Puan April Susan Roland, Pegawai Yayasan Usaha Maju pada 14 Mac 2015 di Pejabat Yayasan Usaha Maju, Wisma Pertanian, Kota Kinabalu.

<sup>59</sup> Richard S. Gunting & Freddy Rantau, ‘Projek Usahamaju - From Action Research to Institutionalization :Problem in Prospects’, Regional Workshop on The Grameen Bank Approach to Poverty Alleviation: Experiences and Prospects in Asia. 25-28 August 1991, Perkasa Hotel Kundasang, Jointly organised by Institute For Development Studies Sabah (IDS) and Asian And Pacific Development Centre (Kuala Lumpur), hlm.4-5.

produktif.<sup>60</sup> Dalam tempoh enam tahun (1990-1995), seramai 8,223 orang telah menyertai PU/YUM melibatkan 715 buah kampung di seluruh Sabah. Kawasan pedalaman mencatatkan bilangan peminjam modal tertinggi iaitu 54.2 peratus, kawasan barat selatan 44.7 peratus, kawasan timur 25.3 peratus, kawasan utara 21.8 peratus dan kawasan selatan Sabah sebanyak 12.6 peratus. Manakala purata penyertaan tahunan adalah seramai 1,372 orang setahun.<sup>61</sup>

Program pinjaman kecil-kecilan yang dilaksanakan oleh PU/YUM kepada para peminjamnya memberi kesan yang baik ke atas peningkatan pendapatan perkapita peminjam, peningkatan dan perubahan pola perbelanjaan isi rumah, penghimpunan kekayaan dan kesan sosial terhadap institusi keluarga peminjam. Dari tahun 1991 hingga 1993, didapati bahawa pendapatan bulanan golongan termiskin meningkat daripada RM184 kepada RM669, pendapatan golongan miskin meningkat daripada RM527 kepada RM1280 dan pendapatan golongan kurang miskin daripada RM925 kepada RM1424.<sup>62</sup> Peningkatan pendapatan para peminjam itu menunjukkan bahawa pemberian modal kepada peminjam boleh menjana pendapatan kepada golongan masyarakat yang menerima bantuan modal berkenaan. Sehingga 31 Disember 1997, YUM telah mengeluarkan 29 juta ringgit sebagai modal kepada 98 peratus wanita di luar bandar. Bantuan pinjaman modal yang diberikan oleh kerajaan menerusi YUM ini berjaya meningkatkan bilangan wanita luar bandar yang terlibat dalam perniagaan.<sup>63</sup>

Program-program dialog dan latihan keusahawanan juga sering dianjurkan oleh SWEPA bagi menghimpunkan golongan usahawan untuk bertukar-tukar idea dan mewujudkan rangkaian kerjasama yang lebih erat dalam bidang perniagaan sama ada pada peringkat tempatan juga pada peringkat global. Sejak mesyuarat pembukaan SWEPA pada 13 Ogos 1994, beberapa siri latihan dan ceramah ketika majlis makan

<sup>60</sup> Roseli Sindong, ‘Prestasi Yayasan Usaha Maju dari 1990-1995: Satu Penilaian’ dalam Isu-isu dan Strategi-strategi Dalam Pembangunan Yayasan Usaha Maju, Prosiding Persidangan Yayasan Usaha Maju yang diadakan di Keningau Sabah pada 2-5 Disember 1996, hlm.21.

<sup>61</sup> Ibid.,hlm.5.

<sup>62</sup> Ibid.,hlm.19.

<sup>63</sup> Nancy Ho, ‘Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah’, hlm.8.

tengah hari telah diadakan oleh SWEPA. Beberapa ceramah yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan perniagaan dan pengurusan manusia telah dianjurkan oleh SWEPA. Misalnya Program *People Management* telah diadakan pada 24 September 1994. Dalam program berkenaan, kertas kerja yang bertajuk “*People Management in the Corporate Sector*” telah dibentangkan oleh Puan Margaret Fung, Ketua Pengurus Sabah Energy Corporation dan ceramah bertajuk “*People Management in NGO*” pula disampaikan oleh Puan Zahra Ismail (Presiden PEWASA). Program tersebut dihadiri oleh 70 orang peserta yang terdiri daripada ahli dan bukan ahli SWEPA. Kejayaan penganjuran dan sambutan terhadap program *People Management* itu menyebabkan SWEPA mengadakan program lanjutan pada 12 November 1994.

Program ceramah tentang pengurusan perniagaan diteruskan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kemahiran golongan usahawan wanita. Ceramah bertajuk *How To Make You First Million & Fengshui*, disampaikan oleh Lillian Teo pada 4 Mei 1996 di Kimanis Ballroom Hyatt, Kota Kinabalu dan pada 5 Mei 1996 di Hotel Renaissance, Sandakan. Program ceramah itu disertai oleh seramai 83 orang peserta di Kota Kinabalu (30 ahli, 53 orang bukan ahli) manakala bayaran yuran pula ditetapkan kepada ahli SWEPA RM80 dan yuran bagi bukan ahli SWEPA pula RM150. Ceramah bertajuk: *Management and Marketing Seminar on Management Style For Success* oleh Annette O'schea Roche, Presiden Women In Successful Enterprise (W.I.S.E) pada 12 Jun 1996, di Grand Ballroom Shangri-La, Tanjung Aru Kota Kinabalu dan pada 13 Jun di Hotel Renaissance Sandakan. Di Kota Kinabalu, penyertaan seramai 40 orang, ahli seramai 17 orang, bukan ahli seramai 23 orang. Seminar itu mendedahkan kepada peserta tentang bagaimana mereka boleh menguruskan pekerja dan organisasi serta bagaimana mendapatkan rakan kongsi yang sesuai dengan perniagaan mereka. Pada 16 Mac 1995 pula, di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu, En. Venga Kalachulu, daripada Times System International menyampaikan

ceramah tentang usaha mencapai matlamat untuk memotivasi dan menggerakkan manusia ke arah kepemimpinan yang berkesan, berkualiti dan bijak dalam pengurusan masa. Seminar tersebut telah dihadiri oleh seramai 73 orang peserta daripada ahli SWEPA dan peserta luar.

Selain itu SWEPA juga menganjurkan ‘Training on the Art of Speech Making’, pada 9 Disember 1995, diikuti oleh seramai 23 orang peserta di Hotel Kampung Air Inn, Kota Kinabalu. Latihan itu merangkumi kriteria memulakan dan menutup ucapan dengan berkesan, bagaimana untuk menghasilkan atau merangka struktur ucapan yang lengkap dan padat serta bagaimana menangani/menghasilkan ucapan secara spontan. Latihan “Entrepreneurship Today” dikendalikan oleh Encik K.C.See, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Quest, di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu, pada 27 Januari 1996 dan di Sandakan pada 28 Januari 1996. Di Kota Kinabalu, latihan itu dihadiri oleh seramai 27 orang peserta termasuk ahli dan bukan ahli SWEPA. Di Sandakan pula seramai 40 orang ahli SWEPA dan peserta luar. Latihan tersebut merangkumi beberapa tajuk ceramah tentang usaha membangun dan melahirkan usahawan yang sejati, di mana dan bagaimana hendak mencari peluang perniagaan, bagaimana hendak mengenalpasti peluang perniagaan itu sebagai peluang perniagaan yang terhangat dan bagaimana hendak mempelbagaikan perniagaan tetapi pada masa yang sama dapat menjimatkan masa, menghadapi risiko dengan optimis, memasarkan hasil perniagaan dan menemui lombong emas dalam perniagaan.

Di samping mengadakan program ceramah dan latihan, SWEPA juga sering mengadakan majlis makan tengah hari di samping mendengar ucapan/ceramah yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif (CEO) pemilik perbadanan/ korporat seperti Yayasan Sabah, SEDCO dan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).<sup>64</sup> Dialog dengan Ketua Menteri Sabah juga diadakan dalam majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh SWEPA pada 2 November 1996. Ketika itu Ketua Menteri Sabah ialah YAB Datuk

<sup>64</sup> Ibid., hlm.12.

Mohd.Salleh bin Tun Said Keruak. Dalam majlis tersebut ahli-ahli SWEPA berpeluang mendapat maklumat tentang pelan pembangunan negeri Sabah daripada Ketua Menteri Sabah sendiri sebagai ketua bidang eksekutif negeri Sabah. Ketua Menteri juga memberikan tempat kepada SWEPA yang diwakili oleh Presidennya Puan Nancy Ho untuk menganggotai Majlis Perniagaan Sabah. Surat perlantikan untuk Puan Nancy Ho diterima ketika acara majlis makan tengah hari pada 27 Mac 1996.<sup>65</sup>

Ekspo kesihatan dan kecantikan telah diadakan oleh SWEPA pada 14 hingga 20 Oktober 1995. Ekspo tersebut dilancarkan oleh Y.B Datuk Wences Anggang, Pembantu Menteri Pembangunan Industri Negeri Sabah. Majlis Penutupannya pula disempurnakan oleh Y.B Datuk Dayang Mahani bin Tun Pangiran Hj. Ahmad Raffae, selaku Pembantu Menteri Pembangunan Industri Negeri Sabah. Sebanyak 12 gerai yang mempamerkan pelbagai produk oleh Usahawan Wanita. Ekspo ini dapat mengetengahkan penyertaan usahawan wanita dalam bidang industri kesihatan dan kecantikan. Selain itu, dengan adanya ekspo dan pameran berkenaan, SWEPA berhasrat untuk menarik lebih ramai golongan wanita muda dan terpelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan menjadi pengurus sendiri kepada perniagaan mereka. Perkara yang paling mendesak bagi SWEPA ialah untuk melatih dan meneruskan pembangunan kemahiran keusahawanan dalam kalangan wanita serta menyediakan peluang jaringan kerja.

Perniagaan moden sangat bergantung kepada jaringan kerja dan membentuk sistem sokongan daripada jaringan kerja itu. SWEPA membuka jalan untuk jaringan kerja menerusi komunikasi, berita terkini dan direktori anggota. Pada masa yang sama, SWEPA menandatangani memorandum untuk jaringan kerja dengan National Women Entrepreneurs Association Malaysia (NAWEM) dan Miri Women Entrepreneurs and Professionals Association (MEPA). SWEPA juga menjadi ahli the Federation of Women Entrepreneurs Malaysia. Pada bulan Julai 1997 SWEPA melancarkan lamanweb pertubuhan tersebut sebagai usaha memperkuatkkan jaringan kerja pada peringkat

<sup>65</sup> Report of the President to the SWEPA Second AGM on 30/3/1996.

global. Selain itu, SWEPA juga telah menganjurkan Goodwill Trade mission mengetuai delegasi ke Manila 1995, Vancouver 1996 dan Jakarta 1997 untuk mengukuhkan jaringan kerja di peringkat global. Business matching (pertemuan perniagaan /ahli perniagaan) program juga dianjurkan oleh negara yg menjadi tuan rumah.<sup>66</sup> Dari semasa ke semasa SWEPA terus menggalakkan ahlinya melaksanakan aktiviti untuk komuniti mengikut keperluan mereka. Hal ini kerana usaha melaksanakan tanggungjawab sosial dengan melakukan kerja-kerja sosial serta sikap mengambil berat terhadap keperluan komuniti itu juga merupakan sifat dalam kebanyakan usahawan wanita dalam membangunkan kemahiran manusia.

### **Kesimpulan**

Usaha-usaha dan kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA sejak tahun 1970-an lagi ternyata telah meningkatkan kesedaran kaum wanita terutamanya golongan suri rumah di kawasan luar bandar untuk meningkatkan kemahiran mereka menerusi penglibatan dalam pelbagai kursus dan latihan dalam kemahiran ekonomi rumah tangga. Dengan kemahiran yang dimiliki oleh kaum wanita sama ada dalam bidang jahitan, masakan dan gubahan pelbagai bentuk kraftangan memberikan peluang kepada kaum wanita khususnya surirumah dan wanita yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan menghasilkan pendapatan secara tetap untuk menjana pekerjaan sendiri. Melalui usaha tersebut peranan wanita dalam mewujudkan kesejahteraan sesebuah keluarga dapat ditingkatkan di samping membangunkan wanita dalam bidang ekonomi. Peluang-peluang dan sokongan yang diberikan oleh kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat dalam program pembangunan masyarakat di luar bandar dimanfaatkan oleh kedua-dua pertubuhan sukarela wanita itu bagi membantu wanita untuk keluar daripada kemelut kemiskinan serta dapat membantu meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Menerusi cawangan yang ada di seluruh Sabah khususnya

<sup>66</sup> Nancy Ho, 'Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah', hlm.13.

di kawasan luar bandar, PEWASA telah berjaya mendekati wanita yang menjadi golongan sasaran.

Kemunculan SWEPA sebagai pertubuhan sukarela wanita yang lebih memfokus kepada usaha menggalakkan wanita menceburi bidang perniagaan dan bidang profesional pula banyak membawa faedah kepada kaum wanita di Sabah. Antara faedah yang diperoleh oleh kaum wanita yang menyertai SWEPA atau program-program anjuran SWEPA adalah seperti mendapat latihan, pendedahan kepada industri, mengembangkan jaringan perniagaan, mendapat khidmat nasihat, menyertai lawatan perdagangan, mendapatkan bantuan kewangan daripada agensi yang berkaitan seperti Yayasan Usaha Maju dan mendapatkan maklumat perniagaan terutamanya dari segi peluang pasaran. Dengan adanya jaringan kerja yang lebih luas menjadi pemangkin kepada kejayaan SWEPA dalam pengajuran pelbagai kegiatan yang dirancang khususnya untuk memperkembangkan bidang keusahawanan kepada kaum wanita di Sabah.

## **BAB 6 : KESEDARAN DAN KEMAJUAN PENDIDIKAN WANITA**

### **Pengenalan**

Bab keenam ini akan membincangkan penglibatan pertubuhan sukarela wanita dalam program pendidikan wanita di Sabah. Pertubuhan sukarela wanita memainkan peranan membantu usaha pihak kerajaan membangunkan pendidikan khususnya dalam kalangan kaum wanita menerusi pelbagai program yang disesuaikan dengan keperluan dan tuntutan semasa. Pada akhir 1960-an hingga awal 1980-an, pertubuhan sukarela wanita memfokus kepada program pendidikan pada peringkat asas khususnya usaha untuk menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita dewasa yang tercicir daripada mengikuti pendidikan secara formal dan peningkatan ilmu pengetahuan wanita dalam pengurusan rumah tangga serta pembangunan keluarga. Dari pertengahan tahun 1980-an sehingga 2003 pula kegiatan pertubuhan wanita semakin diperluaskan selaras dengan keperluan pendidikan semasa yang lebih memfokus kepada peningkatan ilmu wanita dalam pendidikan ketrampilan diri, literasi undang-undang, kepenggunaan, kaunseling keluarga dan celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

### **Isu-isu dan Cabaran Pendidikan Wanita di Sabah**

Pendidikan merupakan asas utama dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Tingkat pendidikan yang dicapai oleh penduduk sesebuah masyarakat seringkali dijadikan indeks penting untuk mengukur tahap pembangunan masyarakat tersebut. Penduduk yang memiliki pendidikan khususnya pendidikan tinggi biasanya menjadi aset penting dalam masyarakat. Sebaliknya penduduk yang buta huruf dan rendah taraf pendidikannya pula menjadi liabiliti kepada masyarakat.<sup>1</sup> Dalam pembangunan sesebuah negara, institusi pendidikan dilihat serentak sebagai produk atau hasil dan saluran untuk aktiviti lain. Lantaran itu pendidikan dikaitkan dengan emansipasi dan

---

<sup>1</sup> Hairi Abdullah, ‘Struktur Pendidikan: Masalah dan Prospek dalam Pembangunan Tenaga Manusia’ dalam Hairi Abdullah et.al (Penyunting), *Integrasi Sabah*, Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm.47.

kebebasan individu terutamanya golongan wanita. Lagi banyak peluang pendidikan disediakan, maka lagi banyak peluang untuk mereka melibatkan diri dalam proses pembangunan.<sup>2</sup>

Wanita mempunyai hak untuk mendapat pendidikan seperti juga kaum lelaki. Namun sejarah membuktikan di kebanyakan negara membangun, sebelum kemerdekaan dicapai, peluang pendidikan agak lambat dinikmati oleh golongan wanita berbanding lelaki akibat pelbagai faktor seperti masalah infrastruktur dan sikap masyarakat yang belum menyedari kepentingan pendidikan untuk wanita. Di Sabah, masalah buta huruf dalam kalangan kaum wanitanya merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses pembangunan. Malah salah satu cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela pada era 1950-an sehingga awal tahun 1960-an dalam melibatkan lebih ramai wanita menyertai persatuan adalah kurangnya penglibatan daripada golongan wanita yang buta huruf kerana kebanyakan mereka berasa rendah diri dan sukar untuk bergaul dengan golongan wanita yang berpendidikan.<sup>3</sup> Pada tahun 1960, 43.6 peratus wanita di Sabah adalah buta huruf dan 90 peratus penduduk yang buta huruf itu tinggal di kawasan luar bandar.<sup>4</sup>

Meskipun sekolah-sekolah rendah dan menengah semakin banyak ditubuhkan oleh pihak kerajaan selepas kemerdekaan dicapai, namun usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan masih menghadapi cabaran yang besar khususnya di kawasan luar bandar. Masalah kekurangan kemudahan asas sering menyukarkan usaha-usaha pembangunan pendidikan ditambah dengan masalah kekurangan tenaga guru sertakekangan dari segi nilai dan norma hidup tradisional masyarakat di luar bandar. Seringkali terjadi anak-anak tidak hadir ke sekolah apabila mereka terlibat membantu ibu bapa mereka melakukan sesuatu pekerjaan seperti

<sup>2</sup> Robiah Sidin, Pembangunan Pendidikan dan Wanita: Cabaran Perancangan, Syarahan Perdana UKM 1999/2000, UKM Bangi 2000, hlm. 9-10.

<sup>3</sup> Temu bual dengan Puan Dayang Salmah Salam, mantan AJK Wanita AGABA dan Wartawan Wanita (1960-an -1970-an) pada 14 Ogos 2007, di Kota Kinabalu. Temu bual tersebut dibuat ketika penulis membuat kajian awal berkaitan dengan Pertubuhan Wanita yang awal di Sabah.

<sup>4</sup> Banci Penduduk Negeri Sabah, 1960. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Sabah.

menjaga adik-adik yang masih kecil, menanam padi, menangkap ikan dan mencari hasil hutan untuk membiayai kehidupan keluarga mereka.<sup>5</sup> Kemerosotan kehadiran ke sekolah ini telah menjaskankan prestasi pendidikan anak-anak berkenaan sekali gus menyukarkan mereka untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan. Ibu bapa yang buta huruf juga agak lambat mempunyai kesedaran tentang kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anak mereka.

Usaha untuk menangani masalah buta huruf khususnya dalam kalangan wanita dewasa yang bergelar ibu atau suri rumah memerlukan pelbagai pendekatan bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan khususnya kepada kaum wanita. Sebelum membincangkan peranan pertubuhan sukarela wanita dalam bidang pendidikan wanita di Sabah, perlu diteliti terlebih dahulu latar belakang pendidikan anak-anak perempuan di Sabah sejak zaman pra kolonial, zaman kolonial dan zaman selepas Sabah mencapai kemerdekaan agar kefahaman terhadap isu dan cabaran wanita Sabah dalam bidang pendidikan serta perkaitannya dengan perkembangan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita lebih mudah untuk dijelaskan.

### **Pendidikan Anak-anak Perempuan di Sabah Pada Zaman Pra Kolonial**

Sebelum Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) menjalankan pentadbiran di Sabah, masyarakat peribuminya telah mempunyai sistem pendidikan tidak formal iaitu sistem yang berasaskan pendidikan tradisional. Sistem pendidikan tradisional itu wujud semata-mata untuk memastikan setiap ahli masyarakat mewarisi nilai dan norma keluarga serta kelompok masyarakatnya. Ahli-ahli masyarakat belajar secara tradisional daripada keluarga dan tokoh-tokoh tempatan di kampung masing-masing. Ilmu

---

<sup>5</sup> Hairi Abdullah, ‘Struktur Pendidikan: Masalah dan Prospek dalam Pembangunan Tenaga Manusia’ dalam Hairi Abdullah et.al (Penyunting), *Integrasi Sabah*, hlm.62.

pengetahuan yang diperoleh akan dimanifestasikan dalam pelbagai upacara dan adat resam yang diamalkan seperti adat perkahwinan, adat menuai padi dan adat kematian.<sup>6</sup>

Bagi masyarakat peribumi bukan Islam, pendidikan tradisional mereka lebih menumpukan kepada amalan kepercayaan, pantang larang dan adat tradisi mereka. Misalnya, bagi anak-anak perempuan masyarakat Kadazandusun yang berusia dalam lingkungan umur 10 hingga 12 tahun, mereka dididik untuk menjadi *Bobolian*. *Bobolian* atau *Bobohizan* ialah seorang yang memiliki kepakaran tentang adat dan pantang larang masyarakat Kadazandusun.<sup>7</sup> Proses menjadi *Bobolian* merupakan pendidikan tradisional dalam bidang keagamaan yang dijalankan kepada anak-anak masyarakat Kadazandusun. Bagi masyarakat Kadazandusun, *Bobolian* juga berperanan sebagai pakar dalam ilmu tentang roh dan kuasa ghaib, bomoh yang boleh mengubati pesakit dan sebagai ketua dalam suatu upacara keagamaan. Oleh sebab itu *Bobolian* sangat dihormati dalam kalangan masyarakat mereka. Kebanyakan *Bobolian* ialah kaum wanita, meskipun terdapat juga kaum lelaki tetapi bilangannya tidak ramai. Kaum wanita didapati lebih tekun dan sabar dalam mematuhi peraturan-peraturan sepanjang proses pembelajaran untuk menjadi *Bobolian*. Oleh sebab itu, kesinambungan *Bobolian* diteruskan oleh anak-anak gadis yang dididik untuk menjadi *Bobolian*.<sup>8</sup>

Pendidikan untuk menjadi *Bobolian* melalui beberapa peringkat dan proses pengajaran. Bermula dengan pendedahan kepada tatacara perjalanan upacara pengubatan tradisional, diikuti pula dengan menyertai sekurang-kurangnya tujuh upacara tersebut dan menghadiri sekurang-kurangnya tujuh kali perjumpaan khas yang diadakan setiap kali upacara dijalankan. Proses tersebut berlangsung selama tujuh bulan hingga setahun sebagai percubaan sebelum mereka diterima sebagai pelajar. Hanya mereka yang benar-benar berminat, berkelakuan baik, berbudi pekerti, bersifat tenang

<sup>6</sup> Hairi Abdullah, ‘Struktur Pendidikan: Masalah dan Prospek dalam Pembangunan Tenaga Manusia’ dalam Hairi Abdullah et.al (Penyunting), *Integrasi Sabah*, hlm. 51; Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 1881-1981*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm.20-22.

<sup>7</sup> Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 97.

<sup>8</sup> Ibid.,hlm.94-95

dan penyabar sahaja yang dibenarkan meneruskan pelajarannya. Mereka yang terpilih menjadi *Bobolian* hendaklah membayar *sogit* sebagai pengeras atau yuran penyertaan tanda terima kasih kepada ketua *Bobolian* kerana telah mengajarkan ilmu *Bobolian* itu.<sup>9</sup> Sistem pendidikan tradisional masyarakat peribumi bukan Islam yang berasaskan kepada pendidikan tentang amalan, kepercayaan dan adat itu terus diamalkan sebagai satu cara untuk memastikan anak-anak masyarakat Kadazandusun menjadi manusia yang berbudi pekerti luhur, hormat-menghormati sesama manusia dan sentiasa menjaga imej diri serta maruah keluarga mereka. Sehingga kedatangan penjajah sistem pendidikan tradisional itu tidak dicampuri oleh pentadbir SBBU kerana pihak SBBU membiarkan penduduk peribumi bukan Islam meneruskan cara hidup dan amalan kepercayaan Animisme mereka.

Bagi masyarakat peribumi Islam pula, selain mendapat pendidikan secara tradisional, terdapat juga sistem pendidikan yang agak teratur seperti sistem pendidikan yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu-Muslim di negeri-negeri Tanah Melayu, Brunei dan Sarawak, iaitu mereka mempunyai sistem pendidikan yang berasaskan pelajaran agama dan al Quran. Orang Islam menggunakan sistem guru bagi mengajar hukum-hakam agama kepada anak-anak muridnya di suatu tempat seperti di madrasah, surau, masjid dan di rumah guru itu sendiri. Kurikulum pendidikan pada waktu itu cuma ditumpukan kepada tiga perkara iaitu membaca al-Quran, menulis jawi dan mempelajari hukum-hakam agama.<sup>10</sup> Anak-anak perempuan juga berpeluang mengikuti kelas-kelas pengajian agama dan al-Quran di kampung masing-masing kerana keperluan untuk mendapatkan ilmu agama Islam merupakan kewajiban kepada semua umat Islam tanpa mengira jantina. Walau bagaimanapun, kelas-kelas untuk anak-anak perempuan diasingkan daripada anak-anak lelaki.

<sup>9</sup> Ibid., hlm.94-98.

<sup>10</sup> George, K.M, 'Historical Development of Education', dalam Anuwar Sullivan & Cecilia Leong (Editor), *Commemorative History of Sabah 1881-1981*, Kota Kinabalu: Sabah State Government, 1981, hlm.467-468.

Guru-guru yang mengajar di kelas-kelas pengajian agama Islam itu tidak menetapkan bayaran terhadap khidmatnya malah kebanyakannya membimbang pelajarnya secara sukarela, namun biasanya pelajar yang menerima didikan itu memberikan sedikit saguhati kepada guru berkenaan. Ada juga pelajar yang membalias budi baik guru yang mengajar mereka dengan cara membantu melakukan kerja-kerja rumah di rumah guru berkenaan seperti menolong mengangkat air, mencari kayu api dan membersihkan halaman rumah. Sistem pendidikan ini terus diamalkan dalam kalangan masyarakat peribumi Islam khususnya yang tinggal di kawasan pesisiran pantai yang mudah didatangi oleh para pendakwah Islam.<sup>11</sup> Sistem pendidikan itu juga menjadi medium penting bagi menentukan ajaran Islam terus berkembang dalam kalangan masyarakat peribumi Islam ini. Sistem pendidikan tradisional yang diamalkan sama ada oleh masyarakat peribumi Islam mahu pun masyarakat peribumi bukan Islam itu tidak mengalami banyak perubahan dan terus berkembang walaupun setelah Sabah berada pada zaman kolonial di bawah pemerintahan SBBU.

### **Pendidikan Anak-anak Perempuan Pada Zaman Kolonial**

Atas kesedaran tentang kewujudan sistem pendidikan berasaskan agama dan al- Quran dalam kalangan masyarakat peribumi Islam, maka pentadbir awal SBBU iaitu Gabenor W.H.Treacher meneruskan sistem pendidikan yang ada dengan menukuhkan Sekolah Agama Islam di Sandakan pada akhir tahun 1881. Beliau telah melantik seorang imam berketuruan Arab, iaitu Sheikh Abdul Dalunan sebagai guru yang mengajar agama Islam dan bahasa Melayu kepada anak-anak peribumi di sekolah berkenaan.<sup>12</sup> Namun usaha Treacher itu tidak berjaya dan sekolah tersebut gagal menarik perhatian penduduk tempatan. Antara puncanya adalah kerana kecurigaan penduduk peribumi Islam

<sup>11</sup> Sistem pendidikan ini berkembang di Sabah selaras dengan perkembangan agama Islam di Kepulauan Borneo yang telah bermula sejak kurun ke-13 lagi. Sabah menerima pengaruh Islam menerusi peranan yang dimainkan oleh para pendakwah Islam dari Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan juga kegiatan para pendakwah yang datang dari pelbagai tempat seperti dari Tanah Melayu, Indonesia dan Asia Barat. Hairi Abdullah, ‘Struktur Pendidikan: Masalah dan Prospek dalam Pembangunan Tenaga Manusia’, dalam Hairi Abdullah et.al (Penyunting), *Integrasi Sabah*, hlm. 51

<sup>12</sup> Tregoning, K.G, *A History of Modern Sabah (North Borneo) 1881-1963*, Singapore: University of Malaya Press, 1965, hlm.173.

terhadap niat gabenor yang beragama Kristian itu dalam melaksanakan pendidikan Islam untuk masyarakat peribumi Islam.<sup>13</sup> Tambahan pula, perubahan daripada pengajian agama dan al-Quran secara tradisi kepada sistem sekolah agama Islam yang lebih formal merupakan perkara baharu bagi penduduk peribumi dan memerlukan jangka masa yang lebih panjang untuk mereka menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Apatah lagi penubuhan sekolah agama Islam yang diasaskan oleh Gabenor W.H.Treacher itu tidak dirancang dengan sebaik mungkin, serba-serbi kekurangan dari segi kemudahan asas dan bahan-bahan pembelajaran iaitu hanya sekadar menyediakan sekolah dan guru untuk meneruskan pendidikan agama Islam bagi penduduk peribumi Islam di Sandakan.<sup>14</sup>

Kerajaan SBBUB memulakan sistem persekolahan secara formal di Sabah selaras dengan peruntukan pendidikan bagi penduduk peribumi Sabah yang terkandung dalam piagam syarikat berkenaan. Ketetapan dalam piagam tersebut adalah SBBUB harus memberikan tumpuan utama untuk menyediakan kemudahan pendidikan bagi masyarakat peribumi manakala bagi penduduk bukan peribumi yang lain, tumpuan tentang hal-hal pendidikan mereka adalah perkara kedua bagi SBBUB. Dasar pendidikan untuk masyarakat peribumi Sabah adalah untuk mencapai dua objektif, iaitu yang pertama adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan dalam kalangan pelajar tentang kemahiran asas membaca, menulis dan mengira di samping memberikan latihan teknikal untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang pekerjaan utama mereka. Objektif yang kedua pula ialah untuk menyediakan pelajaran bagi anak-anak Ketua Kampung dan Ketua-ketua Anak Negeri bagi mendedahkan mereka kepada tugas-tugas pentadbiran.<sup>15</sup>

<sup>13</sup> Mohd. Nor bin Long, *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.16-17.

<sup>14</sup> Tregoning, K.G, *A History of Modern Sabah (North Borneo) 1881-1963*, hlm.173; Muhibin Yusin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, hlm.7.

<sup>15</sup> File No.66, *Educational Policy of the State General (Pink File)*, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu, hlm.2.

Minat kerajaan SBBUB terhadap pelajaran anak-anak peribumi pada masa itu sekadar memberikan pendidikan asas sahaja, sama seperti yang berlaku di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu penjajah hanya memberi peluang kepada anak-anak peribumi agar lebih pandai sedikit daripada ibu bapa mereka. Hal ini dijelaskan oleh Gabenor D.J. Jardine ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Penasihat Ketua-ketua Anak Negeri (MPKAN) pada tahun 1938. D.J. Jardine menegaskan bahawa sekolah vernakular Melayu bukannya diwujudkan untuk melatih kerani-kerani kerajaan kerana bilangan jawatan tersebut agak kecil tetapi tujuan pendidikan vernakular Melayu adalah untuk melahirkan petani yang celik huruf dan boleh menjadi warganegara yang baik.<sup>16</sup> Oleh sebab itu, sebelum Perang Dunia Kedua, pemerintah SBBUB hanya menyediakan pendidikan yang minimum kepada penduduk peribumi. Pendidikan yang diterapkan adalah sekadar untuk pelajar-pelajar boleh membaca, menulis dan mengira yang mudah pada peringkat rendah.

Pendidikan untuk masyarakat bukan peribumi pula tidak mendapat tumpuan daripada kerajaan SBBUB menyebabkan sekolah-sekolah Cina dan Sekolah-sekolah Mubaligh Kristian atau sekolah mission berkembang atas inisiatif oleh badan-badan persendirian seperti mualigh Kristian dan masyarakat Cina. Sekolah Mission mula bertapak serentak dengan kedatangan mualigh Kristian ke Sabah pada tahun 1882. Mualigh-mualigh Kristian telah membawa bersama-sama mereka tiga cara penyebaran agama Kristian yang utama iaitu menerusi gereja, hospital dan sekolah.<sup>17</sup> Di antara ketiga-tiga cara itu, penyebaran melalui pendidikan adalah yang paling berkesan. Justeru, proses penginjilan adalah selari dengan proses pendidikan dan

<sup>16</sup> Minutes of the Meeting of the Native Chiefs Advisory Council, Jun 1938, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu, hlm.8. Dalam beberapa mesyuarat MPKAN sebelum ini, ketua-ketua Anak Negeri seperti O.K.K Yahaya, dan O.K.K Mohd. Yassin begitu lantang mempersoalkan dasar pendidikan kerajaan SBBU yang tidak mengadakan pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah vernakular Melayu. Manakala O.K.K Pengiran Serudin pula mencadangkan kepada kerajaan SBBU agar melantik pelajar-pelajar lelaki yang tamat sekolah vernakular Melayu sebagai kerani-kerani di jabatan-jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun cadangan dan tuntutan Ketua-ketua Anak Negeri ini tidak mendapat perhatian daripada kerajaan SBBU kerana bertentangan dengan dasar dan tujuan kerajaan SBBU mengadakan sekolah vernakular Melayu.

<sup>17</sup> Sabihah Osman, ‘Dari Sekolah ke Menara Gading: Sejarah Pendidikan di Sabah’, dalam Kenang-kenangan Sepuluh Tahun Universiti Malaysia Sabah, diedit dengan Pendahuluan oleh Ahmat, Adam, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm.52.

mubaligh Kristian memainkan peranan penting dalam pendidikan sekolah-sekolah *mission* di Sabah.<sup>18</sup> Pada tahun 1881, Father Bryon (Mazhab Roman Katholik) telah membuka Sekolah St. Mary di Sandakan dan pada tahun 1888, Father Elton (Mazhab Anglikan) telah membuka pula sekolah St. Michael, di Sandakan. Selepas itu sekolah-sekolah mubaligh Kristian terus berkembang di seluruh Sabah khususnya di kawasan bandar seperti di Jesselton, Penampang, Papar, Tuaran, dan Kudat.<sup>19</sup>

Pada peringkat awal, sekolah-sekolah *mission* dikendalikan oleh mubaligh-mubaligh dan guru-guru beragama Kristian yang didatangkan dari London, Hong Kong dan China. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Sebelum Perang Dunia Kedua, pendidikan pada peringkat sekolah menengah hanya terdapat di sekolah-sekolah *mission*. Tetapi sekolah-sekolah *mission* hanya terdapat di kawasan bandar. Oleh sebab itu, tidak menghairankan jika kebanyakan pelajar yang memenuhi sekolah-sekolah menengah *mission* di Sabah terdiri daripada pelajar-pelajar Cina yang sememangnya ramai tinggal di kawasan bandar. Kesannya anak-anak masyarakat Cina lebih awal mendapat pendidikan formal sama ada pada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah berbanding anak-anak penduduk peribumi yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar.<sup>20</sup>

Sistem persekolahan secara formal bagi masyarakat peribumi di Sabah bermula apabila Sekolah Latihan Bagi Anak-anak Ketua Anak Negeri ditubuhkan di Jesselton pada tahun 1915. Sekolah itu bertujuan untuk melatih anak-anak ketua tempatan supaya mereka boleh mengikut jejak langkah bapa mereka sebagai Ketua Kampung dan seterusnya menjadi Ketua Anak Negeri (KAN). Selain itu, sekolah tersebut juga dibina untuk tujuan memberi pendedahan kepada anak-anak ketua tempatan tentang tugas-tugas pentadbiran. Anak-anak ketua tempatan dari seluruh pelusuk negeri Sabah dipilih

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 1881-1981*, hlm.80.

<sup>20</sup> Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosiekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm.88.

mengikuti pendidikan di sekolah tersebut.<sup>21</sup> Walau bagaimanapun tiada pelajar perempuan yang dihantar ke sekolah berkenaan memandangkan kedudukannya jauh di bandar Jesselton dan belum ada anak perempuan peribumi yang telah atau bakal dilantik sebagai ketua tempatan. Justeru, pendidikan untuk anak-anak perempuan belum menjadi satu keperluan pada masa itu. Sehingga tahun 1931, kadar peratusan buta huruf bagi kaum wanita peribumi di Sabah adalah 99.77 peratus.<sup>22</sup>

Anak-anak perempuan peribumi mula hadir ke sekolah setelah kerajaan SBBUB membuka sekolah-sekolah vernakular Melayu di Sabah. Walau bagaimanapun, berdasarkan laporan Residen Pantai Barat pada tahun 1936, sangat sedikit pelajar perempuan yang hadir ke Sekolah vernakular Melayu iaitu seorang pelajar perempuan di Tambunan, seorang lagi di Papar dan empat orang di Jesselton iaitu seorang pelajar berumur 14 tahun, dua orang berumur sembilan tahun dan seorang lagi berumur lapan tahun. Namun begitu, pelajar yang berumur 14 tahun itu dikenalpasti akan meninggalkan sekolah dalam minggu berkenaan. Pada 11 September 1937, hanya terdapat pelajar perempuan yang hadir ke sekolah vernakular Melayu di Sandakan dan Tawau.<sup>23</sup> Bilangan anak-anak perempuan peribumi yang hadir ke sekolah-sekolah vernakular Melayu sebelum Perang Dunia Kedua sangat kecil dan tidak memberangsangkan.

Antara faktor yang dikenal pasti sebagai penyebab anak-anak perempuan peribumi tercincir daripada mendapat pendidikan formal adalah kerana kurangnya kesedaran masyarakat pada masa itu tentang kepentingan pendidikan dalam kalangan anak-anak perempuan. Ditambah lagi dengan kurangnya perhatian daripada pihak

<sup>21</sup> Sekolah ini tidak Berjaya mencapai hasrat pihak SBBU untuk melahirkan golongan pelapis ketua-ketua tempatan kerana selepas tamat latihan di sekolah tersebut, anak-anak ketua tempatan berkenaan lebih tertarik untuk bekerja dalam sektor lain di bandar disebabkan tawaran gaji yang lebih lumayan berbanding gaji sebagai Ketua Kampung. Sekolah ini akhirnya dianggap tidak menguntungkan oleh SBBU dan terpaksa ditutup pada tahun 1930. Walau bagaimanapun sekolah ini berjaya dari segi menghasilkan anak-anak ketua tempatan yang berpelajaran dan dipandang tinggi dalam kelompok masyarakat mereka kerana keupayaan mereka menjawat sesuatu jawatan di sektor kerajaan atau swasta. Kejayaan mereka ini juga menjadi pendorong kepada segerintir anak-anak tempatan yang lain untuk mendapatkan pendidikan secara formal di sekolah-sekolah. Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 181-1981*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm.91.

<sup>22</sup> C.O 874/1307, Female Education of Native Girls 1936-1941 (Mikrofilem), Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

<sup>23</sup> Ibid.

kerajaan sendiri dalam menarik perhatian anak-anak perempuan untuk hadir ke sekolah. Kekurangan guru-guru perempuan juga menjadi halangan kerana kebanyakan ibu bapa masih bimbang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah lantaran percampuran antara pelajar perempuan dengan guru lelaki dan dengan pelajar lelaki tidak sesuai dengan nilai masyarakat pada masa itu. Sehingga bulan September tahun 1950, hanya ada lapan orang guru perempuan di sekolah vernakular Melayu berbanding 143 orang guru lelaki. Manakala di kawasan pedalaman pula tidak ada seorang pun guru perempuan yang bertugas di sana berbanding 66 orang guru lelaki.<sup>24</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua, pemerintah Kolonial British mengambil alih pemerintahan Borneo Utara daripada SBBUB pada 15 Julai 1946. Peralihan kuasa itu telah membolehkan pemerintah kolonial British merancang satu pelan pembangunan pendidikan yang lebih teratur. Dasar pendidikan yang dilaksanakan adalah untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang yang telah digariskan. Matlamat jangka panjang dasar pendidikan kerajaan adalah untuk menghapuskan masalah buta huruf dan kejahilan agar tahap pengetahuan pelajaran, kesihatan dan pertanian meningkat dalam kalangan pelajar yang akhirnya mereka akan kembali kepada masyarakat untuk menyebarkan ilmu pengetahuan secara menyeluruh. Rancangan itu juga memastikan pelajaran sekolah rendah selama enam tahun dapat disediakan kepada semua kanak-kanak. Matlamat jangka pendek kerajaan pula adalah untuk menyediakan pelajaran pada peringkat rendah secara percuma bagi murid-murid sekolah kerajaan selama enam tahun dan pada peringkat menengah selama enam tahun. Selain itu, kerajaan juga menggalakkan lebih ramai kanak-kanak perempuan hadir ke sekolah berbanding jumlah mereka yang bersekolah sebelum Perang Dunia Kedua.<sup>25</sup> Perkembangan itu dapat dilihat berdasarkan jadual 6.1 dan 6.2 pada halaman berikutnya.

<sup>24</sup> Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosiekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, hlm.139.

<sup>25</sup> Ibid., hlm.137-138.

**Jadual 6.1:** Sekolah Rendah Kerajaan yang Dibuka Sehingga Bulan September 1950 (jumlah sekolah, pelajar dan guru)

Tempat	Bilangan Sekolah	Bilangan Pelajar		Bilangan Guru	
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Pantai Barat	45 buah	1,392	231	59	5
Pantai Timur	21 buah	413	92	18	3
Labuan dan Pedalaman	37 buah	1,582	194	66	-
<b>Jumlah</b>	<b>104 buah</b>	<b>2,987</b>	<b>517</b>	<b>143</b>	<b>8</b>

Sumber: R.E.Perry, *Colony of North Borneo Education Department Annual Report for the year 1950, 31st December 1950.*

**Jadual 6.2:** Perbandingan Jumlah Jenis Sekolah, Pelajar dan Guru Sehingga Bulan Disember 1950.

Jenis Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar (Lelaki)	Jumlah Pelajar (Perempuan)	Jumlah Guru (Lelaki)	Jumlah Guru (Perempuan)
Sekolah Kerajaan	104 buah	2,987	517	143	8
Sekolah Mubaligh	59 buah	4,731	2,288	187	78
Sekolah Cina	77 buah	5,763	2,728	137	92

Sumber: R.E.Perry, *Colony of North Borneo Education Department Annual Report for the year 1950, 31st December 1950.*

Daripada jadual 6.2 memperlihatkan perkembangan yang begitu baik dalam penubuhan sekolah-sekolah vernakular kerajaan pada tahun 1950 jika dibandingkan bilangannya dengan sekolah-sekolah mubaligh dan sekolah Cina. Walau bagaimanapun

dari segi bilangan pelajar yang hadir ke sekolah vernakular kerajaan dan bilangan guru-guru yang berkhidmat di sekolah tersebut adalah lebih kecil berbanding sekolah-sekolah Mubaligh dan sekolah Cina. Kebanyakan sekolah Mubaligh dan sekolah Cina terletak di kawasan bandar menyebabkan lebih ramai kanak-kanak Cina di kawasan bandar yang berpeluang mengikuti pendidikan di sekolah-sekolah berkenaan. Sebaliknya bagi anak-anak peribumi yang tinggal di kampung-kampung yang jauh daripada sekolah-sekolah vernakular kerajaan, mereka tidak dapat hadir ke sekolah berkenaan dan sebagai kesannya mereka tercicir daripada mengikuti sistem persekolahan secara formal.

Penglibatan masyarakat juga seiring dengan usaha dan hasrat kerajaan dalam membangunkan pendidikan masyarakat. Persatuan-persatuan masyarakat Cina misalnya mengambil inisiatif memberikan peluang kepada golongan dewasa yang tercicir daripada mendapat pendidikan pada peringkat sekolah secara formal dengan menubuhkan kelas-kelas dewasa. Misalnya Persatuan Cina Borneo Utara, Persatuan Cina Sandakan, Persatuan Hokkien Kudat dan Persatuan Hakka Sandakan mengadakan kelas-kelas dewasa atau dikenali sebagai kelas buta huruf. Pengajaran disampaikan menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Kelas-kelas masakan, jahitan dan simpan kira juga dijalankan dalam kelas-kelas dewasa itu.<sup>26</sup>

Sepanjang tahun 1950-an dan sehingga Malaysia dibentuk pada 16 September 1963, anak-anak perempuan peribumi masih ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan secara formal menerusi institusi persekolahan. Keciciran mereka dalam bidang pendidikan itu mendapat perhatian daripada kaum wanita khususnya mereka yang terlibat dalam persatuan-persatuan sosiobudaya sejak akhir tahun 1950-an sehingga awal tahun 1960-an. Sebelum kewujudan pertubuhan sukarela yang memfokuskan kepada pertubuhan wanita, sudah ada golongan wanita yang melibatkan diri dengan persatuan-persatuan sosiobudaya seperti Angkatan Gaya Baru (AGABA)

---

<sup>26</sup> *Colony of North Borneo Annual Report, 1962*, hlm.97.

yang mempunyai kesedaran tentang pentingnya usaha memberikan pelajaran kepada kaum wanita yang buta huruf. Atas inisiatif K. Bali dan Dayang Salmah Salam, jawatan kuasa Wanita AGABA telah mengadakan kelas-kelas pada hujung minggu bagi mengajar mereka yang buta huruf dan tidak berpeluang untuk mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan.<sup>27</sup> Sebagai seorang penulis dan wartawan wanita, Dayang Salmah Salam sering menulis rencana ringkas dalam Sudut Bahasa Melayu akhbar *North Borneo News & Sabah Times* bagi menyeru golongan wanita yang buta huruf agar tidak berasa malu dan mengambil peluang untuk mengikuti kelas dewasa yang dianjurkan oleh AGABA.<sup>28</sup>

Dalam tempoh 1959-1960, kelas dewasa yang dianjurkan oleh AGABA telah berjaya menarik perhatian anak-anak gadis berusia dalam lingkungan 15 hingga 17 tahun hadir ke kelas tersebut. Kelas diadakan setiap hari pada waktu petang selama satu jam dan lebih kurang 20 orang pelajar dalam sebuah kelas. Para pelajar diajar atas membaca, menulis dan mengira. Pelajaran mereka dianggap tamat selepas mereka boleh menguasai kemahiran atas iaitu membaca dan menulis dengan baik. Selepas itu, mereka digalakkan untuk terus membaca bahan-bahan bacaan yang ada agar dapat menambah ilmu pengetahuan mereka. Inilah sumbangan besar AGABA dalam usaha menambah bilangan masyarakat yang celik huruf di Sabah dalam tempoh 1959 hingga 1962.

Pada tahun 1962, kelas-kelas dewasa AGABA terpaksa ditutup kerana dijalankan secara sukarela dan tanpa permit. Sehingga tahun 1963, tidak ada badan khas yang mengendalikan pendidikan dewasa, walau pun pada masa itu ada tuntutan daripada penduduk Sabah agar pendidikan diberikan kepada golongan dewasa. Masalah kekurangan guru dikenalpasti sebagai punca yang menyukarkan pelaksanaan kelas-kelas pendidikan untuk orang dewasa.<sup>29</sup> Keperihatinan AGABA mengadakan kelas dewasa

<sup>27</sup> Siti Aidah Hj.Lokin, ‘Angkatan Gaya Baru (AGABA) 1957-192: Satu Tinjauan Terhadap Penglibatan dan Sumbangan Wanita dalam Kegiatan Persatuan Sosiolbudaya di Sabah’, Prosiding *National Seminar on Science Technology & Social Science*, dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara, Pahang pada 30-31 Mei 2006, hlm.612.

<sup>28</sup> Temu bual dengan Puan Dayang Salmah Salam pada 14 Ogos 2007, di Kota Kinabalu.

<sup>29</sup> *The Annual Summary Report of the Department of Education 1963*, Jesselton Government Printer, Sabah Malaysia, 1964, hlm.15.

itu mendapat sokongan daripada kerajaan apabila kerajaan selepas merdeka kemudiannya menubuhkan kelas dewasa pada tahun 1964. Apabila kelas-kelas dewasa yang dikendalikan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pendidikan Sabah diadakan pada tahun 1964, Guru kelas dewasa AGABA iaitu Dayang Salmah Salam telah dilantik sebagai guru kelas dewasa kerajaan di kampung Sembulan, Kota Kinabalu dengan bayaran elau sebanyak \$15.00 sejam.<sup>30</sup> Pelantikan sebagai guru kelas dewasa kepada bekas guru kelas-kelas buta huruf yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa Wanita AGABA sebelum itu membuktikan pengiktirafan kerajaan kepada wanita yang telah merintis usaha menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita dewasa di Sabah.

### **Usaha Menangani Masalah Buta Huruf Dalam Kalangan Wanita Dewasa**

Di Sabah, masalah buta huruf dalam kalangan kaum wanitanya merupakan faktor yang menjadi penghalang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses pembangunan. Kedudukan literasi kaum wanita di Sabah dari tahun 1960 sehingga tahun 1980 ditunjukkan dalam jadual 6.3 pada halaman berikutnya.

---

<sup>30</sup>Siti Aidah Hj.Lokin, ‘Angkatan Gaya Baru (AGABA) 1957-192: Satu Tinjauan Terhadap Penglibatan dan Sumbangan Wanita dalam Kegiatan Persatuan Sosiobudaya di Sabah’, hlm.612.

**Jadual 6.3 :** Kedudukan Kenal Huruf dan Buta Huruf dalam Kalangan Penduduk Sabah 1960-1980

Tahun	Jumlah Penduduk	Kenal Huruf		Buta Huruf	
		Lelaki (%)	Perempuan (%)	Lelaki (%)	Perempuan (%)
1960	454,421	11.0	4.2	41.1	43.6
1970	651,304	25.0	15.7	26.7	32.4
1980	955,712	28.9	20.9	23.5	26.8

Sumber: Banci Penduduk Negeri Sabah 1960,1970 dan 1980, Jabatan Perangkaan Sabah.

Berdasarkan jadual 6.3, ternyata kadar buta huruf dalam kalangan kaum wanita di Sabah agak tinggi khususnya bagi tahun 1960. Malah 90 peratus penduduk yang buta huruf itu tinggal di kawasan luar bandar. Dalam konteks negeri Sabah pada zaman awal selepas kemerdekaan, usaha menangani masalah buta huruf dalam kalangan penduduk dewasa menjadi keperluan utama. Penglibatan semua pihak termasuk komuniti setempat dan pertubuhan-pertubuhan sukarela sangat penting dalam usaha membantu kerajaan menyedarkan masyarakat khususnya penduduk di luar bandar tentang kepentingan bidang pendidikan dalam kehidupan mereka. Kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita juga amat berkait rapat dengan pencapaian ilmu pengetahuan mereka. Konsep ilmu pengetahuan pula mempunyai pengertian yang begitu luas. Pada tahap yang paling asas, ilmu pengetahuan itu diperoleh menerusi sistem persekolahan secara formal. Selain itu ilmu pengetahuan juga boleh diperoleh melalui cara tidak formal dan tidak terhad kepada umur tertentu sahaja.

Bagi kaum wanita dewasa yang tercicir daripada memperoleh ilmu pengetahuan secara formal di sekolah-sekolah, peluang untuk mereka menimba ilmu pengetahuan secara tidak formal masih terbuka luas walaupun usia mereka semakin meningkat.

Perkumpulan Perempuan Sabah (PPS) dalam era 1970-an menunjukkan keprihatinan terhadap masalah buta huruf khususnya dalam kalangan wanita dewasa ini. Presiden PPS, Toh Puan Hajah Rahma Mustapha sangat prihatin terhadap masalah buta huruf dalam kalangan wanita dewasa ini kerana beliau menyedari bahawa untuk melibatkan lebih ramai wanita dewasa yang buta huruf menyertai PPS atau persatuan-persatuan lain, mereka harus diberikan kesedaran tentang kepentingan celik huruf terlebih dahulu.<sup>31</sup>

Selain itu, untuk meningkatkan bilangan anak-anak yang mendapat pendidikan di sekolah secara formal, usaha mesti bermula dengan pemupukan kesedaran ibu bapa terutamanya golongan ibu tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka.<sup>32</sup> Hal ini kerana hubungan seorang ibu dengan anaknya adalah lebih dekat berbanding dengan ahli keluarga yang lain. Justeru, ibu yang celik huruf dan berpendidikan biasanya akan mudah didedahkan dengan kesedaran mengutamakan pendidikan anak-anak mereka. Lazimnya, ibu yang celik huruf juga akan mudah didorong untuk menambah ilmu pengetahuan menerusi pelbagai bahan bacaan dalam mendidik anak-anak mereka. Beliau mengarahkan Ahli Jawatankuasa PPS agar memanfaatkan ruang yang ada di bahagian bawah bangunan PPS untuk kegunaan Taman Didikan Kanak-kanak dan kelas-kelas untuk kaum wanita meliputi kelas pendidikan (kelas dewasa), kelas-kelas memasak dan menjahit.<sup>33</sup>

Bagi merealisasikan hasrat presiden PPS itu, AJK PPS telah mengendalikan kelas-kelas dewasa untuk mengajar kaum wanita yang buta huruf di bangunan PPS berkenaan. Anak-anak gadis, suri rumah dan kaum ibu yang buta huruf itu diajar dalam sebuah kelas yang terdiri daripada 20 hingga 30 orang pelajar. Mereka diajar kemahiran asas menulis dan membaca. Kelas-kelas dewasa ini dianjurkan sekali gus dengan kelas-kelas kemahiran ekonomi rumah tangga. Para pelajar wanita yang menghadiri kelas-

<sup>31</sup> Kata-kata aluan Toh Puan Hajah Rahma dalam Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PPS, 11 April 1974.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> PPS/10/73: Edaran Kepada AJK Tertinggi PPS, daripada Toh Puan Hjh. Rahma, 11 April 1974.

kelas anjuran PPS itu akan secara bergilir-gilir mengikuti kelas pendidikan dan kelas kemahiran ekonomi rumah tangga. Kelas-kelas dewasa itu mendapat sambutan daripada kaum wanita di sekitar bandar Kota Kinabalu terutamanya penduduk di kawasan Tanjung Aru, Sembulan, Putatan dan Tuaran. Melalui penganjuran kelas-kelas pendidikan dan kelas kemahiran ekonomi rumah tangga anjuran PPS itu, kaum wanita yang menghadirinya mendapat banyak faedah iaitu di samping celik huruf, mereka juga berpeluang mendapat pelbagai kemahiran seperti kemahiran menjahit, memasak dan sebagainya.

Selain menjalankan kegiatan mendidik kaum wanita dewasa menerusi kelas-kelas dewasa, usaha secara berterusan juga dilaksanakan oleh PPS menerusi pertemuan dan perbincangan dengan kaum wanita dalam majlis-majlis yang dianjurkan dari semasa ke semasa bagi menyedarkan kaum wanita khususnya kaum ibu agar memberikan keutamaan kepada pendidikan anak-anak mereka.<sup>34</sup> Daripada majlis-majlis perjumpaan secara tidak formal itu kaum wanita juga dapat bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman yang boleh dijadikan panduan dalam pengurusan diri dan keluarga mereka. Di sinilah juga dapat dilihat peranan PPS sebagai penyalur maklumat yang berguna kepada kaum wanita yang melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan. Mereka beroleh ilmu pengetahuan secara informal dan pengalaman bergaul dalam masyarakat di luar lingkungan keluarga mereka.

Kemunculan PEWASA pada tahun 1978 mengembangkan lagi usaha menangani masalah buta huruf dalam kalangan kaum wanita dewasa di Sabah. PEWASA memperluaskan lagi kegiatan kelas-kelas dewasa itu hingga ke kawasan luar bandar menerusi peranan yang dimainkan oleh cawangan-cawangannya di seluruh pelusuk negeri Sabah. Cawangan-cawangan PEWASA mengendalikan kelas-kelas dewasa itu dengan melibatkan ahli-ahli PEWASA dan kaum wanita di sekitar kampung yang

<sup>34</sup> Temu bual dengan Puan Norliah Abdul Jalil, Setiausaha PPS pada 14 Februari 2012, di Pejabat PPS, Bangunan PPS, Sembulan, Kota Kinabalu.

berhampiran dengan pusat kegiatan mereka iaitu di balai-balai raya kampung atau di rumah ahli jawatankuasa cawangan PEWASA. Bagi mendapatkan guru-guru yang berkelayakan mengajar di kelas-kelas dewasa itu, PEWASA menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan iaitu Kemajuan Masyarakat atau KEMAS yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mencapai matlamat meningkatkan pendidikan wanita dan kemahiran wanita dalam pengurusan rumah tangga serta keluarga.

Dari tahun 1980-an sehingga 1990-an, cawangan-cawangan PEWASA telah melaksanakan program kelas-kelas dewasa itu mengikut keperluan wanita di cawangan, kampung dan daerah masing-masing. Antara PEWASA bahagian atau daerah yang terlibat mengendalikan kelas-kelas dewasa itu ialah PEWASA Sandakan, Papar, Tuaran, Sipitang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Di Sandakan, cawangan Berhala Darat, cawangan Taman Merpati dan cawangan Elopura telah menjalin kerjasama dengan KEMAS daerah Sandakan bagi melaksanakan program kelas dewasa itu. Sebagai contohnya, pelaksanaan Kelas Dewasa anjuran PEWASA Taman Merpati, Sandakan dikendalikan oleh Puan Rohana, salah seorang guru KEMAS di daerah Sandakan. Kelas Dewasa berkenaan dilancarkan pada 11 Januari 1987 dan diadakan dua kali seminggu di rumah kediaman Puan Sarina Pakihi, Setiausaha PEWASA cawangan Taman Merpati.<sup>35</sup> Selain cawangan Taman Merpati, kelas dewasa juga dilancarkan di cawangan Berhala Darat, Sandakan pada 1 Mac 1987, cawangan Elopura pada 19 April 1987. Hasil kejayaan kelas-kelas dewasa PEWASA tersebut dinikmati sendiri contohnya oleh Pengerusi PEWASA cawangan Sungai Kayu, Sandakan iaitu Puan Hajah Ambun Said. Beliau ialah contoh wanita buta huruf yang menyertai PEWASA dan kemudiannya celik huruf selepas mengikuti kelas dewasa anjuran PEWASA itu. Kejayaan beliau berterusan sehingga beliau juga berjaya dalam bidang

---

<sup>35</sup> Majalah PEWASA Cawangan Taman Merpati, Batu 7 dan Sandakan , 1988, hlm.22.

perniagaan, bermula dengan perniagaan secara kecil-kecilan sehingga ke pembukaan kedai runcit di Sandakan.<sup>36</sup>

Pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA ternyata telah memainkan peranan membantu kerajaan dalam menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita dan menyemai kesedaran dalam kalangan wanita khususnya untuk mengutamakan pendidikan anak-anak mereka. Kelas-kelas dewasa yang diadakan di luar bandar bagi menangani masalah buta huruf dalam kalangan wanita itu telah merintis perubahan baharu ke arah reformasi pendidikan untuk wanita. Di samping itu, daripada program kelas-kelas pendidikan untuk wanita dewasa yang dianjurkan oleh PPS dan PEWASA itu juga ternyata telah berjaya mengembangkan aspek pembelajaran sepanjang hayat bagi memajukan sesuatu masyarakat dan membangunkan golongan wanita. Pendidikan tidak formal yang dialami wanita dalam kehidupan mereka memberikan banyak pengalaman yang berguna membentuk sahsiah, memberikan kesedaran, mencelikkan pemikiran dalam menjadikan mereka lebih mudah menerima perubahan dan memperkasakan diri mereka.

Banyak pengalaman yang berguna diperoleh wanita melalui pendidikan tidak formal, iaitu pendidikan yang tidak terikat dan dirancang secara sistematik bagi mencapai matlamat atau objektif yang ditentukan. Proses sosialisasi keluarga, pergaulan dengan orang lain, pemerhatian dan perkongsian pengalaman, belajar daripada orang yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran mengenai sesuatu yang penting dan sebagainya dapat membentuk rol dan peranan wanita.<sup>37</sup> Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada masa kini menggunakan strategi memajukan wanita dengan memupuk minat ke arah pembelajaran sepanjang hayat dengan menyediakan pelbagai program dan rancangan yang bersifat pembelajaran yang boleh

<sup>36</sup> Temu bual dengan Puan Hanizah Abdullah, Pengurus PEWASA pada 23 Februari 2012, di Pejabat PEWASA Pusat, Beverly Hill, Kota Kinabalu.

<sup>37</sup> WANITA MALAYSIA Membela Maruah, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2010, hlm.64.

memajukan wanita dalam bidang keusahawanan, industri kecil, perkhidmatan dan kerja sosial, kegiatan sukarelawan, kemahiran keibubapaan dan sebagainya.

### **Pendidikan Pengurusan Rumah Tangga dan Pembangunan Keluarga**

Peranan wanita tidak dapat dipisahkan daripada dunia kekeluargaan. Bahkan, kejayaan sesebuah keluarga dan seterusnya negara, mempunyai perkaitan yang erat dengan sumbangan yang diberikan oleh wanita yang mengendalikan keluarga itu. Sumbangan wanita dalam proses pembangunan keluarga bermaksud bagaimana wanita memainkan peranan dalam proses membentuk, memupuk dan menghasilkan keluarga yang sempurna, sihat, selesa, aman dan damai yang ahli-ahlinya menjadi anggota masyarakat yang berguna dan bertanggung jawab.<sup>38</sup> Bagi memastikan wanita dapat melaksanakan peranan dan tanggung jawabnya dalam pembangunan keluarga dengan lebih berkesan, harus ada usaha dan persekitaran bagi melahirkan masyarakat wanita yang boleh memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai isteri, ibu dan pembina rumah tangga.

Sejak tahun 1970-an lagi, Pertubuhan sukarela wanita di Sabah telah pun melaksanakan kegiatan yang menjurus kepada peningkatan peranan wanita dalam pembangunan keluarga khususnya dengan memberikan peluang kepada kaum wanita yang buta huruf untuk mendapat pendidikan asas sebagai syarat utama yang membolehkan mereka menimba ilmu pengetahuan yang lebih luas sifatnya itu. PPS dan PEWASA telah menggerakkan kegiatan seperti kelas-kelas pendidikan atau kelas dewasa bagi membantu kaum wanita yang tercicir daripada mendapat pendidikan asas secara formal di sekolah-sekolah kerajaan. Ilmu pengetahuan asas yang menekankan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira itu sangat penting bagi membolehkan mereka menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dengan baik dan berkesan. Wanita berilmu lazimnya akan membuat pertimbangan sebelum mengambil sesuatu tindakan,

---

<sup>38</sup> Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn.Bhd.1990, hlm.51-52.

akan sentiasa menilai keadaan diri dan keluarganya dan berusaha untuk membaiki yang kurang baik, tidak akan berpuashati dengan keadaan yang statik tetapi akan sentiasa berusaha untuk mencapai taraf yang lebih tinggi. Peningkatan ilmu adalah punca peningkatan peranan wanita dalam pembangunan keluarga. Semakin giat seseorang itu memperlengkapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, makin berkesan peranannya sebagai isteri dan ibu.<sup>39</sup> Wanita yang mempunyai ilmu, dalam erti yang luas, iaitu mempunyai pendidikan dan pengetahuan asas yang cukup serta ajaran-ajaran tertentu dalam soal pengendalian rumah tangga lazimnya akan mempunyai pandangan hidup yang lebih luas dan pemikiran yang rasional. Elemen-elemen tersebut sangat berguna bagi wanita ketika perlu membuat keputusan-keputusan penting tentang hal-hal yang berkaitan dengan kesejahteraan keluarga dan masa depan mereka. Penganjuran kegiatan-kegiatan yang menekankan pengajaran dan pembelajaran dalam soal pengendalian rumah tangga oleh PPS dan PEWASA juga dapat membentuk masyarakat wanita yang mempunyai dan menggunakan peluang-peluang untuk sentiasa memperbaiki diri mereka dengan kemahiran dan pengetahuan supaya wanita bukan sahaja berkesan dan berjaya di dalam suasana keluarganya tetapi juga berperanan dalam lingkungan masyarakat yang lebih luas sifatnya.

PPS dan PEWASA membuka ruang yang luas bagi kaum wanita mempelajari pelbagai kemahiran seperti kemahiran memasak, menjahit, menenun, mengukir, menganyam, menyulam, mengubah dan sebagainya seperti yang telah dibincangkan dalam bab lima kajian ini. Hakikatnya, kemahiran tersebut tidak datang begitu sahaja tanpa perlu dipelajari dan dilatih. Maka usaha PPS dan PEWASA menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kelas-kelas dan kursus untuk kaum wanita memperoleh kemahiran itu merupakan satu sumbangan yang penting kepada kaum wanita. Dengan memiliki pelbagai kemahiran, biasanya seseorang wanita itu akan lebih berkeyakinan

---

<sup>39</sup> Ibid., hlm. 55.

diri dan lebih mudah bergaul dengan orang lain. Di samping itu, wanita juga dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dengan mengajarkan kemahiran itu kepada wanita-wanita lain kemudiannya. PEWASA menerusi cawangan-cawangannya seperti di daerah Sandakan, Tawau, Papar dan lain-lain lagi telah pun berusaha giat melaksanakan program-program peningkatan kemahiran tersebut dan menjadi kegiatan persatuan mereka secara berterusan.

Penglibatan wanita dalam kegiatan berpersatuan juga sebenarnya mengembangkan ilmu secara tidak formal kepada wanita melalui pergaulan yang luas dengan pemimpin dan ahli-ahli persatuan. Beberapa cabang ilmu yang penting bagi wanita-wanita secara amnya adalah ilmu pengetahuan tentang kesihatan diri dan keluarga untuk menjamin kesejahteraan fizikal, yakni agar diri wanita itu dan keluarganya tidak dihinggapi penyakit-penyakit yang mengganggu keselesaan hidup. Ilmu tentang pemakanan, asuhan dan didikan kanak-kanak serta ilmu ekonomi rumah tangga juga dapat didedahkan kepada wanita. Kesemua ilmu pengetahuan yang terangkum di dalam pengurusan rumah tangga telah cuba diterapkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita menerusi ceramah-ceramah kesihatan dan majlis-majlis perjumpaan dengan kaum wanita dari semasa ke semasa.

Pendidikan pengguna juga telah didedahkan kepada wanita dalam konteks peranan mereka sebagai pembeli, sama ada pembeli barang-barang keperluan harian ataupun barang-barang lain untuk keperluan keluarga. SAWO telah mengadakan Bengkel/Pameran Kepenggunaan (Wanita Sebagai Pengguna) pada 6 Disember 1987 di Kota Kinabalu. Penceramah daripada Persatuan Pengguna Sabah dan Persatuan Pengamal Undang-undang Sabah telah diberi peluang untuk menjayakan bengkel yang dihadiri oleh lebih daripada 80 orang peserta wanita di sekitar Kota Kinabalu.<sup>40</sup> Bengkel tersebut diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada anggota masyarakat

<sup>40</sup> Workshop and exhibition on Women As Consumer, dalam Buku Program Sabah Women Action Resource Group (SAWO) 20<sup>th</sup> Anniversary & Fund-raising Dinner, 10 September 2004, hlm .7.

khususnya wanita untuk berbincang dan belajar sesama sendiri tentang isu-isu kepenggunaan dan merangka tindakan yang harus diambil untuk memperbaiki kualiti hidup masyarakat.

Bengkel terbut juga dilaksanakan atas kesedaran para pemimpin SAWO tentang kedudukan wanita sebagai golongan terbesar dalam kalangan pengguna. Wanita yang biasanya membeli barang keperluan harian untuk diri dan keluarga. Namun ada ketikanya kualiti sebahagian daripada barang dan perkhidmatan yang mereka terima adalah kurang memuaskan misalnya barang makanan dalam tin yang dibeli kemek dan berkarat, penggunaan bahan kimia yang diharamkan dalam ubat-ubatan dan bahan-bahan kosmetik di samping pengeksplotasian wanita dalam iklan-iklan di media-media massa.<sup>41</sup> Sebagai kelompok pengguna yang besar, wanita sebenarnya mempunyai potensi untuk mempengaruhi pasaran. Namun kurangnya ilmu dan kesedaran kepenggunaan menyebabkan wanita kurang bersuara dan tidak bersikap tegas dalam menegakkan hak mereka sebagai pengguna. Justeru, sangat penting untuk mendedahkan wanita dengan ilmu kepenggunaan kerana sekiranya mereka mengetahui hak mereka sebagai pengguna dan mempunyai saluran yang betul untuk menggunakan hak tersebut maka mereka boleh memperbaiki kehidupan mereka dan anggota masyarakat yang lain.

Selain itu, seseorang wanita itu seharusnya dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat, yang meliputi bidang-bidang ilmu yang dipelajari di bangku sekolah serta ilmu-ilmu lain yang hanya dapat diterima secara tidak formal melalui nasihat dan teladan. PPS dan PEWASA sangat mementingkan usaha menambah ilmu pengetahuan dalam kalangan anggotanya dan kaum wanita umumnya. Bagi anggota persatuan yang beragama Islam, kelas-kelas mengaji al- Quran dan Fardhu Ain mingguan diadakan pada peringkat pusat dan di peringkat cawangan pula diuruskan

---

<sup>41</sup> AP/SAWO 5,11/88, Workshop/Exhibition Women As Consumer 6<sup>th</sup> December 1987, Arkib Negeri Sabah.

oleh cawangan masing-masing. PEWASA Cawangan Bandar Tawau melalui Biro Agamanya telah melaksanakan kelas bimbingan agama untuk ahli-ahli PEWASA cawangan tersebut yang beragama Islam pada tahun 1991. Kelas berkenaan diadakan sekali seminggu di rumah pengurus Biro Agama PEWASA Cawangan Bandar Tawau iaitu Puan Safinah Talib.<sup>42</sup>

Biro Agama PEWASA Cawangan Papar juga telah menganjurkan kegiatan keagamaan bagi menambah ilmu agama dalam kalangan ahlinya yang beragama Islam. Kursus Kaedah Membaca al-Quran pada 15 Ogos 1993 di Masjid Pekan Papar. Kursus itu bertujuan untuk mendedahkan peserta tentang cara membaca al-Quran dengan betul. Selain itu Kursus Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah juga dilaksanakan pada 29 Januari 1995. Pada 25 Disember 1995, Majlis Khatam al-Quran beramai-ramai diadakan di Masjid Pekan Papar.<sup>43</sup> Selain itu, PEWASA Cawangan Kunak turut melaksanakan kelas-kelas agama yang berfokus kepada kelas Fardhu Ain dan kelas mengaji al-Quran. Kelas agama tersebut diadakan dua kali dalam seminggu di Taski Kunak Jaya dan dikendalikan oleh Ustazah Zainab Isa, guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di daerah Kunak.<sup>44</sup> Program-program keagamaan yang dianjurkan oleh PEWASA itu juga amat berperanan dalam memberi peluang kepada wanita meningkatkan ilmu dan kualiti peribadi mereka. Hal ini kerana, semakin giat seseorang wanita itu memperlengkapan dirinya dengan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat, maka makin berkesan juga peranan wanita berkenaan sebagai isteri dan ibu dalam membangunkan keluarga masing-masing.

### **Penganjuran Majlis-majlis Ilmu dan Bimbingan Kerjaya**

Pertubuhan sukarela wanita juga tidak ketinggalan dalam usaha menyemai kesedaran kepada kaum wanita untuk terus menimba ilmu menerusi penganjuran majlis-majlis ilmu yang pengisiannya memberikan tumpuan kepada ceramah-ceramah kerjaya dan

<sup>42</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Bandar Tawau, 1991.

<sup>43</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Papar, 1993-1995.

<sup>44</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Kunak, 1994.

ceramah tentang peningkatan kualiti wanita dalam pelbagai bidang seperti kepemimpinan dan keterampilan diri. PEWASA Pusat misalnya menganjurkan Kursus Berpidato di Kota Kinabalu pada 29 September 1986.<sup>45</sup> Tujuan kursus itu diadakan adalah untuk memberi latihan kepada kaum wanita agar berani menyampaikan idea melalui kaedah yang betul dan berkesan serta petah menyampaikan ucapan. Kemahiran berpidato itu sangat perlu dalam konteks melatih dan menyediakan para pemimpin wanita yang berwibawa. Oleh sebab itu tidaklah menghairankan apabila ramai daripada kalangan tokoh-tokoh pemimpin politik dan perkhidmatan awam datang daripada ahli dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA seperti yang telah diterangkan di dalam bab keempat kajian ini. Pada peringkat cawangan PEWASA juga diadakan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan persatuan dan latihan-latihan kepimpinan sering diadakan bagi membantu Ahli Jawatankuasa PEWASA pada peringkat cawangan untuk menguruskan persatuan mereka dengan berkesan.

PPS(B) juga mengambil berat soal peningkatan ilmu pengetahuan wanita dalam pengurusan dan keterampilan diri wanita khususnya bagi wanita yang berkerjaya dan pemimpin-pemimpin wanita yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat umum. PPS(B) telah menganjurkan Seminar Keterampilan Wanita pada 28-30 Mac 2003 di Hotel Berjaya Palace, Kota Kinabalu. Seminar tersebut diadakan untuk mencapai objektif berikut:

1. Memberi rangsangan kepada wanita khususnya barisan pimpinan supaya berdaya saing dan berubah kepada minda yang positif.
2. Memberi pendedahan kepada wanita khususnya pemimpin wanita akan perkembangan persekitaran diri dan dunia luar.
3. Memberi bimbingan kepada wanita khususnya barisan pimpinan wanita supaya menjadi pembentuk generasi yang berilmu, beriman dan berakhlak.

Antara pengisian dalam program seminar tersebut adalah ceramah tentang Etika Sosial, yang disampaikan oleh Puan Hajah Faridah Datuk Haji Abdul Hamid Merican daripada

---

<sup>45</sup> Laporan Kegiatan PEWASA 1986.

Institut Pembangunan dan Penyelidikan Sabah. Ceramah bertajuk Penampilan Wanita Profesional dalam Perspektif Islam pula disampaikan oleh Prof.Madya Hajah Sabitha Merican dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Manakala ceramah tentang Pengucapan Awam (Teknik yang Betul) disampaikan oleh Puan Shonitah Terang daripada Biro Tata Negara Sabah, Jabatan Perdana Menteri. Para peserta yang mengikuti seminar tersebut hanya membayar yuran pendaftaran sebanyak RM20 bagi ahli PPS dan RM30 kepada bukan ahli PPS. Penginapan dan makan minum adalah percuma kerana dibiayai oleh PPS.<sup>46</sup>

SWEPA juga tidak ketinggalan dalam usaha membantu wanita-wanita profesional meningkatkan ilmu pengetahuan tentang keterampilan diri dan imej yang sesuai dengan kerjaya mereka. Pada 12 November 1994 SWEPA telah menganjurkan Program *People Management*, di Hotel Shangri- La, Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Pengisian utama program *People Management* itu ialah memfokuskan pembentukan imej golongan profesional. Puan Doris Lim, sebagai seorang pakar perunding imej telah diberikan peluang untuk mengendalikan program tersebut. Program pembentukan imej golongan profesional itu berjaya mengundang penyertaan seramai 80 orang peserta daripada wanita profesional dan golongan usahawan. Mereka didedahkan dengan ilmu pengetahuan tentang bagaimana membentuk imej yang sesuai dengan penampilan golongan profesional. Para peserta diberi pendedahan tentang tentang cara berpakaian yang dapat melambangkan imej wanita profesional, kesesuaian warna pakaian dengan warna kulit dan pelbagai aspek berkenaan kekemasan diri. Mereka juga diberikan panduan tentang tips mengenakan perhiasan perhiasan yang betul serta sesuai mengikut sesuatu acara atau majlis yang dihadiri.<sup>47</sup>

Beberapa siri latihan dan ceramah mengenai imej dan etika sosial sering dianjurkan oleh SWEPA sama ada yang dikendalikan oleh perunding imej daripada

<sup>46</sup> Laporan Program Seminar Ketrampilan Wanita, Perkumpulan Perempuan Sabah, 2003.

<sup>47</sup> Minutes of SWEPA Annual General Meeting, 30 Mac 1996, Hotel Hyatt, Kota Kinabalu.

kalangan ahli atau Ahli Jawatankuasa SWEPA mahupun perunding imej dari luar yang diundang khas oleh SWEPA. Peningkatan ilmu pengetahuan tentang imej dan keterampilan diri itu amat perlu untuk menjadikan kaum wanita lebih berkeyakinan dan meningkatkan martabat mereka terutamanya ketika perlu menjalankan tugas yang menghendaki mereka memahami sesuatu protokol atau etika sosial yang ditetapkan dalam sesuatu majlis rasmi.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA Pusat pula mendapat manfaat daripada keanggotaan pertubuhan ini yang berada di bawah naungan NCWO dan Associated Country Women of the World (ACWW). ACWW menganjurkan persidangan peringkat dunia setiap tiga tahun sekali. Persidangan ke-5 ACWW kawasan Asia Selatan telah diadakan pada 1-6 Jun 1997 bandar Cheju, Korea. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil pertubuhan wanita dari Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand dan Filipina. Seramai 13 orang Ahli Jawatankuasa PEWASA Pusat telah menghadiri persidangan tersebut. Melalui persidangan itu, wanita PEWASA berpeluang bertemu dengan pemimpin pertubuhan wanita dari pelbagai latar belakang dan negara.

Sepanjang persidangan tersebut, para peserta berpeluang berbincang berkenaan agenda-agenda pembangunan wanita tentang pembentukan keluarga bahagia, peranan agama dalam institusi keluarga, masalah penyalahgunaan dadah, isu-isu keselamatan dan alam sekitar. Selain itu, ketika berada di Cheju, rombongan PEWASA berpeluang melawat beberapa tempat yang dikendalikan oleh Social Welfare Association Korea (SWAK) atau Pertubuhan Sosial dan Kebajikan Korea, Shelter House Cheju iaitu rumah perlindungan wanita khususnya isteri-isteri yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, Sekolah Tadika Sundo-Day Care Centre iaitu sekolah penjagaan kanak-kanak berumur 2-6 tahun yang dikendalikan oleh SWAK, Hallim Hand Wearing School,

Pejabat Pusat SWAK dan Taman Bonsai Cheju.<sup>48</sup> Lawatan tersebut membantu menambahkan ilmu dan pengalaman kepada para peserta. Idea-idea baharu yang diperoleh daripada persidangan dan perkongsian ilmu serta pengalaman daripada rakan-rakan peserta yang lain dari pelbagai negara boleh diaplikasikan pelaksanaannya di negeri sendiri.

### **Penyediaan Kemudahan-kemudahan Pendidikan**

Pertubuhan sukarela wanita di Sabah turut memberikan bantuan kepada mana-mana institusi pendidikan yang memerlukan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini. Dari tahun 1977 sehingga tahun 1991, PPS menyediakan kemudahan asrama bagi menempatkan pelajar perempuan yang mengikuti pengajian di Institut Teknologi MARA dengan kerjasama Yayasan Sabah (YS-ITM). Bangunan tersebut digunakan secara percuma oleh YS-ITM sehingga 2 Oktober 1991. Dalam tempoh lebih kurang 14 tahun, PPS menerusi bangunannya telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam membantu perkembangan pendidikan di Sabah khususnya kepada YS-ITM walaupun dalam tempoh itu PPS telah digantung pendaftarannya oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah.<sup>49</sup> Usaha membantu mana-mana institusi pendidikan ini terus dilaksanakan dari semasa ke semasa misalnya PPS(B) telah memberikan kerjasama kepada Sekolah Menengah Sains Sabah dalam melaksanakan Kursus Jatidiri anjuran sekolah berkenaan. PPS(B) memberikan sumbangan sebanyak RM1000 bagi membiayai sebahagian daripada kos saguhati kepada fasilitator kursus berkenaan yang keseluruhannya berjumlah RM2,400.<sup>50</sup>

---

<sup>48</sup> Utusan Borneo, 28 Julai 1997.

<sup>49</sup> Urusan pentadbiran bangunan PPS telah diserahkan kepada Pemegang Amanah Raya pada tahun 1977, apabila PPS digantung pendaftarannya pada tahun 1977 kerana tidak bergiat aktif (tidak mengemukakan laporan minit mesyuarat agung, laporan kewangan dan laporan kegiatannya kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah). Dalam tempoh penggantungan pendaftaran PPS itu, kegiatan PPS di bangunan berkenaan telah terhenti, oleh sebab itu bangunan tersebut dimanfaatkan sebagai asrama pelajar perempuan YS-ITM.

<sup>50</sup> Minit Mesyuarat Jawatankuasa PPS(B) yang bertarikh 21 Mei 2003.

Pada peringkat cawangan PEWASA pula, adanya usaha daripada PEWASA Cawangan Kunak yang mengadakan kelas-kelas tambahan kepada anak-anak ahli PEWASA cawangan yang bakal menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah pada tahun 1994. Kelas tambahan tersebut adalah percuma dan diadakan di rumah pengerusi PEWASA Cawangan Kunak, Puan Zawiyah bte Mat Isa pada setiap hari bermula dari jam 6.00 petang hingga 10.00 malam.<sup>51</sup> Seramai 14 orang anak-anak ahli PEWASA yang menghadiri kelas tambahan tersebut yang diadakan selama tiga bulan sebelum pelajar-pelajar tersebut menduduki peperiksaan PMR. Mata pelajaran yang diajar dalam kelas tambahan tersebut ialah Sains dan Matematik. Apabila keputusan peperiksaan PMR diumumkan pada penghujung tahun 1994, daripada 14 orang pelajar yang mengikuti kelas tambahan tersebut, hanya seorang sahaja pelajar yang gagal, manakala pelajar yang lain telah lulus dalam kedua-dua subjek tersebut. Walaupun bilangan pelajar yang terlibat dalam program kelas-kelas tambahan oleh PEWASA Cawangan Kunak itu agak kecil, namun dari segi sumbangan PEWASA Cawangan Kunak terhadap kemajuan pendidikan anak-anak ahli PEWASA cawangan tersebut tidak boleh diremehkan apatah lagi dengan adanya kesedaran untuk membantu pelajar-pelajar menguasai subjek-subjek yang sukar seperti Matematik dan Sains.

Dari segi pendidikan yang selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pertubuhan sukarela wanita di Sabah seperti PEWASA dengan kerjasama NCWO tidak ketinggalan menyahut seruan kerajaan dalam membangunkan bidang ini. Selaras dengan kepentingan ICT untuk membantu pembangunan negara, maka beberapa langkah yang diterajui oleh beberapa institusi berkaitan ICT telah dibentuk di Malaysia khususnya menerusi penubuhan Agenda Teknologi Maklumat (IT) Negara pada tahun 1996 sebagai kerangka dasar pembangunan ICT negara yang lebih terancang dengan menggabungkan sumber manusia, infrastruktur dan aplikasi. Mulai

---

<sup>51</sup> Laporan PEWASA Cawangan Kunak, 1994.

tahun tersebut kerajaan telah melancarkan Agenda Teras Strategik kerajaan seperti pelancaran e-ekonomi, e-perkhidmatan awam, e-komuniti, e-pembelajaran dan e-kedaulatan.<sup>52</sup> Walaupun terdapat banyak usaha kerajaan dalam melengkapkan sektor ICT untuk pembangunan negara, namun masih wujud jurang digital yang agak luas antara bandar dan luar bandar. Dalam memastikan perkembangan ICT di luar bandar bergerak seiring dengan kemajuan negara maka beberapa projek pembangunan telah dijalankan daripada inisiatif pihak kerajaan, pihak korporat dan pihak NGO.<sup>53</sup>

Sebagai sebuah NGO wanita Malaysia yang berpengaruh, NCWO menyahut seruan kerajaan dalam membantu membangunkan ICT ini khususnya kepada kaum wanita melalui NGO wanita di seluruh negara yang bernaung di bawah NCWO. Pada 1 Julai 2002, NCWO telah memilih empat buah daerah di Sabah untuk menjalankan Projek Celik Komputer kepada wanita di kawasan luar bandar. Daerah yang terlibat ialah Tuaran, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau. Sebagai ahli NCWO yang aktif di Sabah, PEWASA telah dilantik sebagai pelaksana projek tersebut. PEWASA berperanan dalam menyediakan kemudahan kepada kaum wanita untuk memperolehi kemahiran dalam bidang teknologi maklumat menerusi ‘Projek Celik Komputer’ itu kepada kaum wanita di kawasan luar bandar.<sup>54</sup> Melalui projek tersebut, kaum wanita di luar bandar yang tidak memiliki komputer dan tiada akses kepada teknologi maklumat yang semakin berkembang pesat telah mempunyai peluang untuk celik teknologi maklumat dan komunikasi. Cawangan-cawangan PEWASA yang terpilih di daerah-daerah terlibat dalam program itu diberikan kemudahan komputer di pejabat atau pusat kegiatan cawangan berkenaan. Kelas-kelas asas pembelajaran komputer untuk ahli-ahli cawangan dan wanita di kawasan sekitarnya diadakan di pusat kegiatan cawangan

<sup>52</sup> Fatimah Hassan, ‘Memperkasa Wanita Miskin Luar Bandar Menerusi Pembangunan Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)’ dalam Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani, *Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: Penerbitan UTHM, 2012, hlm.204.

<sup>53</sup> Ibid.,

<sup>54</sup> Laporan Kegiatan PEWASA, 2002.

berkenaan. Perkembangan itu membantu kaum wanita yang terlibat dalam Projek Celik Komputer itu untuk memperoleh maklumat terkini dengan lebih mudah dan pantas.

## **Kesimpulan**

Hakikat bahawa pendidikan merupakan asas utama dalam pembangunan wanita memang tidak dapat dinafikan kerana pencapaian dalam bidang pendidikan sering dijadikan kayu ukur bagi menilai tahap pembangunan wanita. Oleh sebab itu, untuk membangunkan wanita dalam pelbagai bidang, perkara pertama yang mesti diberikan perhatian ialah memastikan kaum wanita celik huruf dan mempunyai kesedaran untuk terus menimba ilmu pengetahuan sama ada secara formal maupun tidak formal. Usaha-usaha yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seperti PPS, PEWASA, SAWO dan SWEPA dalam memajukan pendidikan tidak formal untuk kaum wanita di Sabah seharusnya dihargai dan diberikan sanjungan. Hal ini kerana pertubuhan-pertubuhan ini telah menggunakan pendekatan yang pelbagai dalam pengisian program-program yang dianjurkan bagi memastikan kaum wanita dapat dibimbing untuk kenal huruf, celik teknologi maklumat dan komunikasi serta mempunyai ilmu, imej dan keterampilan yang sesuai dengan kerjaya mereka daripada golongan profesional sehinggalah kepada golongan suri rumah.

Bagi wanita dewasa yang tercicir daripada mendapat pendidikan formal menerusi sistem persekolahan, nasib mereka telah dibela oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seperti PPS dan PEWASA. Penganjuran kelas-kelas dewasa, kelas-kelas kemahiran urusan rumah tangga dan majlis-majlis ilmu yang lain oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita itu telah mengembangkan konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi kaum wanita. Melalui program-program pendidikan anjuran pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita itu juga telah membantu mempercepatkan rancangan-rancangan pembangunan wanita sampai kepada kumpulan sasaran.

Konsep pembelajaran sepanjang hayat juga mendorong wanita profesional dan berkerjaya untuk terus berusaha memajukan diri mereka dengan menghadiri kursus-kursus jangka pendek, seminar, bengkel serta pelbagai jenis pembelajaran yang boleh mempertingkatkan tahap profesionalisme mereka. Dalam hal ini pertubuhan sukarela wanita telah bertindak sebagai penggerak dan pelaksana program-program pendidikan yang memberikan manfaat kepada kaum wanita di Sabah. Oleh sebab proses pendidikan adalah satu proses yang berterusan sepanjang hayat dan ilmu pengetahuan boleh diperoleh di mana-mana sahaja tanpa mengenal usia atau perbezaan jantina, maka semua wanita tanpa mengira kedudukan atau kerjaya mereka terus diberikan kesedaran agar mengutamakan pendidikan kerana di bahu mereka tergalas tanggung jawab mendidik anak-anak dan generasi harapan negara pada masa hadapan.

## BAB 7 : PELESTARIAN KESIHATAN WANITA

### Pengenalan

Bab ini akan menumpukan perbincangan terhadap peranan pertubuhan sukarela wanita dalam pelestarian kesihatan wanita. Fokus utama kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dalam bidang kesihatan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran wanita tentang amalan penjagaan kesihatan dan usaha-usaha pencegahan terhadap penyebaran penyakit berjangkit serta penyakit kronik. Bagi menjayakan matlamat itu, pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Sabah, agensi-agensi kerajaan yang lain dan badan-badan swasta ketika menganjurkan pelbagai program kesihatan yang dirancang dan dilaksanakan untuk kaum wanita. Antara kegiatan yang dianjurkan adalah seperti bengkel-bengkel, kursus, seminar dan ceramah kesihatan. Dalam kegiatan yang dijalankan itu, pertubuhan-pertubuhan sukarela memainkan peranan penting sebagai jawatankuasa pengelola yang bertanggung jawab membuat perancangan awal sebelum program dilaksanakan, mengadakan jaringan kerja dengan Jabatan kesihatan dan mana-mana agensi kerajaan atau swasta yang terlibat, memastikan setiap program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### Isu dan Cabaran Kesihatan Wanita dan Keluarga di Sabah

Definisi kesihatan adalah luas dan merangkumi keadaan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial yang sempurna baik dalam keadaan berpenyakit atau tidak berpenyakit.<sup>1</sup> Justeru, kesihatan mempunyai hubungan yang erat dengan jaringan sosial, kebudayaan dan pencapaian ekonomi sesebuah masyarakat. Sebagai contoh, pengambilan makanan yang tidak mencukupi menyebabkan kurangnya kemampuan seseorang itu untuk melakukan sebarang pekerjaan. Selain itu, makanan yang tidak

<sup>1</sup> Mohd. Nasir Hashim, ‘Strategi Pembangunan untuk Melahirkan Penduduk yang Sihat’ dalam Hairi Abdullah, et.al., *Integrasi Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989, hlm.74.

seimbang juga boleh mengakibatkan kurang pemakanan dan salah pemakanan yang kesannya juga boleh mengurangkan kecekapan dalam melakukan sesuatu pekerjaan.<sup>2</sup>

Secara umumnya penduduk di Sabah berhadapan dengan isu dan cabaran dalam bidang kesihatan seperti status kesihatan yang rendah, kekurangan kakitangan kesihatan dan masalah penyakit berjangkit. Pada tahun 1980, jangka hayat penduduk bumiputera Sabah adalah 62.7 tahun berbanding 67.9 tahun jangka hayat bagi penduduk bumiputera di Semenanjung Malaysia. Negeri Sabah juga mencatatkan peratusan tertinggi dalam kes penyakit batuk kering, penyakit taun, demam campak dan malaria.<sup>3</sup> Pada umumnya, penduduk di kawasan luar bandar di Sabah adalah golongan yang sering terdedah kepada penyakit berjangkit seperti batuk kering, malaria dan taun kerana kekurangan kemudahan asas dan kurang kesedaran tentang kesihatan. Oleh sebab itu, cabaran yang dihadapi di Sabah adalah untuk meningkatkan taraf atau kualiti kesihatan penduduk supaya taraf kesihatan mereka setanding dengan taraf kesihatan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1977, sejumlah 45,000 kes malaria dikesan dengan 40 kematian di seluruh Sabah. Antara puncanya ialah keengganan tuan rumah membenarkan petugas Jabatan Kesihatan membuat semburan DDT, mutu makanan dan pemakanan di luar bandar yang rendah serta saluran pembuangan najis yang tidak teratur.<sup>4</sup>

Kekurangan pusat kesihatan dan kakitangan kesihatan juga merupakan cabaran besar dalam bidang kesihatan di Sabah. Pada tahun 1962, hanya ada 36 orang doktor perubatan dan dua orang doktor pergigian yang bertugas di Sabah. Dari tahun 1963 sehingga tahun 1964 hanya ada dua orang ahli farmasi yang bekerja sendiri di Sabah. Pada tahun 1963, nisbah bilangan doktor perubatan dengan bilangan penduduk adalah

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Michael Emban, ‘Bumiputera Sabah dan Cabaran Pembangunan yang Dihadapi Masa Kini’, dalam Hassan Mat Nor (Editor), *Warga Peribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, Kertas Kadangkala Bil.8, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hlm.57-58.

<sup>4</sup> ‘Kesihatan di Luar Bandar: Satu Panduan’ , Jabatan Perubatan Sabah, kertas kerja yang dibentangkan dalam Laporan Seminar Ketua-ketua Daerah dan Ketua-ketua Anak Negeri Sabah, anjuran bersama Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Sabah dengan Pusat Pembangunan Masyarakat Negeri Sabah, 31 Julai-2 Ogos 1978, di Pusat Pembangunan Masyarakat, Kota Kinabalu, Sabah, hlm.8.

1:13,100. Manakala jumlah kakitangan di Jabatan Kesihatan Sabah pada tahun 1963 hanya seramai 893 orang.<sup>5</sup> Pada tahun 1970-an, setiap 2000 orang penduduk mempunyai sebuah pusat kecil kesihatan yang dikendalikan oleh seorang atau dua orang jururawat kesihatan di luar bandar.<sup>6</sup> Walau bagaimanpun kebanyakan pegawai kesihatan daerah yang bertugas di hospital juga terpaksa melaksanakan tugas di pusat-pusat kesihatan di daerah berkenaan.

Meskipun bilangan kakitangan kesihatan bertambah setiap tahun, namun dari segi nisbah bilangan mereka dengan bilangan penduduk di bawah kawalan mereka masih tidak mencukupi. Misalnya, pada tahun 1988, jumlah kakitangan Jabatan Kesihatan Sabah ialah 6,330 orang dan nisbah bilangan doktor dengan bilangan penduduk adalah 1:4,308 orang. Bilangan ini masih tidak mencukupi untuk melaksanakan sepenuhnya tugas-tugas dalam bidang kesihatan khususnya yang melibatkan kempen-kempen kesedaran kesihatan kepada penduduk Sabah di setiap daerah terutamanya di kawasan luar bandar. Justeru penglibatan penduduk secara aktif dalam pelestarian kesihatan sangat perlu bagi memenuhi keperluan kesihatan mereka. Kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat dengan pegawai-pegawai kesihatan adalah penting bagi memastikan program-program pelestarian kesihatan sampai kepada anggota masyarakat khususnya yang menjadi golongan sasaran utama.

Isu dan cabaran kesihatan yang dihadapi oleh kaum wanita di Sabah secara khusus pula adalah seperti tahap pengetahuan yang rendah terhadap kesihatan terutamanya kesihatan reproduktif, tidak wujud sikap keterbukaan, kurang pengetahuan tentang bahaya penyakit seperti kanser, penglibatan wanita dalam penyalahgunaan dadah dan pusat rujukan atau pakar rujuk dalam bidang kesihatan yang sukar didapati.<sup>7</sup>

Selain soal kesihatan wanita itu sendiri, sebagai isteri dan ibu, wanita juga berhadapan

<sup>5</sup> Michiel K.C.Chan & Goh Peng Peng, ‘Development in Health Services in Sabah 1963-1988’ dalam Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (Editor) *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, Kota Kinabalu: Institut Development Studies (IDS), 1989, hlm.235.

<sup>6</sup> ‘Kesihatan di Luar Bandar: Satu Panduan’, Jabatan Perubatan Sabah, hlm.5

<sup>7</sup> Laporan Awal Kajian Status dan Tren Pembangunan Wanita di Sabah, Mei 2004, Institut Kajian Pembangunan Sabah, hlm.40.

dengan isu dan cabaran yang berkaitan dengan kesihatan anak-anak mereka. Bagi golongan kanak-kanak, kebanyakan kematian (*mortality*) dan kesengsaraan (*morbidity*) di Sabah disebabkan oleh penyakit-penyakit yang boleh dicegah atau boleh dijauhi dengan cara memberikan imunisasi. Antara penyakit tersebut ialah penyakit cirit-birit, demam paru-paru (pneumonia) dan penyakit kekurangan zat makanan. Semasa kanak-kanak berumur di bawah dua tahun, penyakit-penyakit yang mudah menyerang mereka ialah seperti penyakit batuk kering, penyakit kerongkong, penyakit batuk kokol, penyakit kancing dagu (tetanus), penyakit lumpuh dan demam campak. Pada tahun 1985, 15.3 peratus kematian kanak-kanak di bawah umur satu hingga lima tahun adalah disebabkan oleh demam paru-paru. Ramai kanak-kanak di luar bandar yang mati disebabkan demam paru-paru yang bermula daripada demam campak. Selain itu, 13.5 peratus kematian kanak-kanak di antara umur satu hingga lima tahun pula disebabkan oleh penyakit cirit-birit.<sup>8</sup>

Penyakit-penyakit tersebut sebenarnya mempunyai vaksin dan program imunisasi telah pun dijalankan secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Perubatan yang boleh didapati di Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak di seluruh negara. Walau bagaimanapun, kebanyakan kes penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak di Sabah berlaku kerana kanak-kanak berkenaan tidak mendapat perlindungan melalui imunisasi. Keadaan ini wujud kerana kurangnya pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat tentang betapa pentingnya pelalian atau imunisasi untuk mencegah penyakit-penyakit tersebut. Selain itu, taraf sosioekonomi yang rendah dan amalan pemakanan tidak seimbang, perumahan yang tidak sempurna dan sentiasa lembap, keadaan rumah yang sesak dan ahli keluarga yang ramai menyebabkan jangkitan mudah berlaku, persekitaran

<sup>8</sup> Dr. Rahimah Mohd. Said, ‘Penyakit-penyakit yang Biasa Dialami Oleh Kanak-kanak, Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah’, (Kertas Kerja III), Seminar Wanita dan Kesihatan, Anjuran Seksyen Hal Ehwal Wanita, Jawatankuasa Kebajikan Siswa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah, 11 Januari 1987.

yang kotor dan berhabuk serta penjagaan anak yang tidak memuaskan merupakan antara faktor penyebab merebaknya penyakit-penyakit berjangkit tersebut.

Berdasarkan isu-isu dan cabaran dalam bidang kesihatan terutamanya yang berkaitan dengan golongan wanita itu, maka menjadi satu keperluan yang mendesak untuk mendedahkan kaum wanita tentang amalan penjagaan kesihatan yang baik untuk kepentingan diri sendiri dan keluarga mereka. Isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan ibu dan kanak-kanak, remaja dan wanita secara umumnya diberi perhatian yang serius oleh pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA, PPS dan SAWO. Pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini telah menjalankan kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Sabah dan pertubuhan-pertubuhan yang lain dalam merancang serta melaksanakan program-program peningkatan kesihatan dalam kalangan wanita dan masyarakat.

### **Program Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Wanita**

Kesedaran wanita tentang penjagaan kesihatan yang baik untuk diri dan keluarga mereka sangat penting dalam kehidupan harian mereka. Wanita yang sihat, cergas dan ceria boleh melahirkan anak-anak yang sihat dan cerdas berbanding wanita yang menghadapi masalah kesihatan dan penyakit kronik. Ibu bapa yang sihat juga pastinya akan dapat melaksanakan tanggung jawab mereka dengan lebih berkesan. Sebaliknya taraf kesihatan yang rendah boleh menjelaskan pertumbuhan dan perkembangan wanita sama ada dari segi fizikal, mental, sosial, kecerdasan akal fikiran dan sebagainya. Oleh yang demikian, kesedaran tentang penjagaan kesihatan wanita itu dipupuk menerusi pendedahan kepada wanita tentang cara-cara dan amalan penjagaan kesihatan melalui pelbagai pendekatan dan kaedah. Wanita mesti dibimbing untuk meningkatkan pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan dan selalu melakukan pemeriksaan kesihatan bagi meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Kebahagiaan dan penampilan wanita amat bergantung kepada penjagaan kesihatan dan amalan hidup yang sihat.

PEWASA sama ada peringkat pusat mahupun cawangan telah menganjurkan program bagi memberi kesedaran kepada kaum wanita khususnya dan masyarakat amnya tentang penjagaan kesihatan yang baik. Antara program yang dilaksanakan ialah seperti mengadakan kursus, seminar, ceramah dan bengkel kesihatan untuk wanita dengan tujuan memberikan kesedaran kepada kaum wanita dari peringkat remaja hingga kepada wanita dewasa tentang pentingnya penjagaan kesihatan daripada peringkat awal lagi. Antara program pelestarian kesihatan yang dianjurkan oleh PEWASA Pusat adalah seperti Ceramah Umum Osteoporosis yang disampaikan oleh Dr.Jagjeet Singh pada 12 September 1991. Ceramah ini diadakan secara kerjasama antara PEWASA Pusat dengan Farmasi Sandoz di Ballroom Melati, Hotel Shangri La, Tanjung Aru, Kota Kinabalu.<sup>9</sup> Ceramah tersebut telah dihadiri oleh 300 orang wanita daripada kalangan ahli PEWASA dan wanita yang tinggal di sekitar bandar Kota Kinabalu.

Sambutan yang menggalakkan daripada kaum wanita terhadap program Ceramah Umum Osteoporosis itu menyebabkan PEWASA Pusat dan Farmasi Sandoz mengadakan pula Forum Umum Post Menopausal Osteoporosis pada 24 Julai 1993 di Hotel Hyatt, Kota Kinabalu. Forum tersebut dikendalikan oleh Dr. Parameswaren, pakar Ortopedik dari Pusat Perubatan Sabah.<sup>10</sup> Kedua-dua program ceramah dan forum tentang Osteoporosis itu ditaja oleh Farmasi Sandoz dan PEWASA Pusat berperanan sebagai jawatankuasa pengajur yang menguruskan persediaan dan perjalanan majlis. Kejayaan pengajuran program ceramah dan forum tentang Osteoporosis itu telah mendorong PEWASA Pusat meneruskan usaha menganjurkan seminar dan bengkel kesihatan untuk wanita. Antara seminar yang telah dianjurkan adalah Seminar

<sup>9</sup> Laporan Aktiviti Biro-biro PEWASA Pusat 1991-1995, hlm.2.

<sup>10</sup> Ibid., hlm.5.

Mengenai Putus Haid pada 27 Oktober 1996, Bengkel/Seminar mengenai Pemakanan pada 23-24 November 1996, anjuran bersama Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS), Seminar on Healthy Mothers pada 21 Julai 1996 dan Seminar ‘Menopause/Andropause: Satu Perubahan Alam Kehidupan Individu’ pada 23 November 1996.

Kejayaan penganjuran program ceramah, forum, seminar dan bengkel kesihatan yang dianjurkan oleh PEWASA itu adalah disebabkan oleh kerja keras jawatankuasa PEWASA Pusat dalam memastikan program yang dianjurkan mendapat sambutan daripada kaum wanita yang menjadi kumpulan sasaran. Sambutan dan penglibatan kaum wanita dalam setiap program yang dianjurkan oleh PEWASA adalah agak menggalakkan. Kehadiran para peserta sama ada daripada kalangan ahli PEWASA sendiri ataupun orang perseorangan sentiasa mencapai sasaran yang ditetapkan oleh PEWASA sebagai pihak penganjur. Biasanya jika sesuatu program itu dianjurkan oleh PEWASA Pusat, sasaran kehadiran peserta ialah seramai 100 hingga 300 orang. Penetapan bilangan peserta juga bergantung kepada kesesuaian lokasi program berkenaan. Jika program seminar kesihatan itu diadakan di dewan-dewan masyarakat dan dewan hotel yang besar, sasaran penyertaan dalam lingkungan 200 hingga 300 orang peserta biasanya dapat dicapai.<sup>11</sup>

Kaum wanita di Sabah menyambut baik dan memberikan sokongan kepada program-program yang dianjurkan oleh PEWASA kerana PEWASA merupakan satu-satunya pertubuhan sukarela wanita pada masa itu yang membuka keahlian dan penyertaan dalam mana-mana program yang dianjurkan kepada segenap lapisan wanita. Tiada yuran penyertaan dan makan minum peserta yang disediakan secara percuma juga menjadi tarikan kepada penyertaan ramai wanita. Di samping itu jaringan kerja yang luas antara PEWASA dengan Jabatan Kesihatan, MPWS dan badan swasta seperti

---

<sup>11</sup> Temu bual dengan Puan Hanizah Abdullah, Presiden PEWASA pada 12 Februari 2012 di Pejabat PEWASA, Lot.24-2R, Plaza Beverly Hills, Jalan Bundusan Penampang, Kota Kinabalu.

Farmasi Sandoz juga menyumbang kepada kejayaan program pelestarian kesihatan yang dianjurkan.

Pada tahun 2000-2001, PEWASA telah menganjurkan kursus khas kepada 60 orang wanita dari kawasan luar bandar. Daripada jumlah itu, seramai 20 orang wanita yang diberikan kursus penjagaan kanak-kanak yang baru berjalan, 10 orang wanita mengikuti kursus tentang kawalan kemalangan dalam rumah, dan penjagaan wargatua. Manakala 30 orang wanita yang lain diberikan kursus tentang pemeriksaan sendiri payudara dan kanser serviks, kursus perancangan keluarga, kursus penjagaan atas kebersihan dan kekemasan rumah (housekeeping).<sup>12</sup> Para peserta yang telah menghadiri kursus ini dengan jayanya diberikan tanggung jawab pula untuk mendedahkan ilmu yang diperoleh daripada kursus berkenaan kepada kaum wanita di daerah atau pun di kampung mereka melalui penganjuran kursus kesihatan yang digerakkan oleh cawangan-cawangan PEWASA khususnya di kawasan luar bandar. Penganjuran program pelestarian kesihatan wanita dan usaha meningkatkan taraf kesihatan wanita di kawasan luar bandar itu amat penting dalam membantu meningkatkan kesedaran wanita dalam penjagaan kesihatan diri dan keluarga mereka, menjadikan wanita lebih berkerampilan, dapat meningkatkan kecerdasan, bebas daripada penyakit dan mencapai kesejahteraan hidup.

Pada peringkat cawangan juga, PEWASA cawangan Papar ialah contoh cawangan PEWASA yang giat mengadakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan wanita serta keluarga. Beberapa siri seminar, ceramah dan bengkel kesihatan telah diadakan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Daerah Papar. Antara seminar yang telah dianjurkan ialah Seminar ke Arah Kesihatan Wanita yang diadakan pada 30 Januari 1994 di Dewan Chung Hwa, Papar. Seminar tersebut telah dihadiri oleh 50 orang ahli PEWASA. Tujuan penganjuran seminar kesihatan wanita itu adalah untuk memberi kesedaran kepada kaum wanita tentang pentingnya penjagaan

<sup>12</sup> Reports to ACWW by Bibi Florina Abdullah, 21 Februari 2001.

kesihatan daripada peringkat awal lagi. Penceramah jemputan dalam seminar tersebut ialah Dr. Suzain Datuk Hj.Suhaimi dan Dr. Rahman dari Kota Kinabalu.

Kursus Bidan Kampung anjuran bersama PEWASA dengan Jabatan Kesihatan Papar pula telah diadakan pada 22 Ogos 1996. Kursus tersebut telah mendedahkan para bidan kampung dengan kaedah perbidanan dan rawatan moden bagi menambah pengetahuan dalam kerjaya mereka agar kepakaran mereka terus diyakini oleh masyarakat. Meskipun jururawat masyarakat sudah ditempatkan di klinik-klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak di kebanyakan kampung di semua daerah di Sabah, namun khidmat bidan kampung masih diperlukan oleh kebanyakan wanita yang tinggal jauh dari klinik-klinik kesihatan tersebut. Pada saat-saat kecemasan atau ketika jururawat masyarakat tidak dapat dihubungi atau mempunyai halangan kerana tugasan lain di klinik kesihatan yang tidak dapat dielakkan, tugas menyambut kelahiran bayi selalunya dibantu oleh bidan kampung. Pada bulan Disember 1996, PEWASA Cawangan Papar seterusnya telah mengadakan Seminar Kesihatan Remaja di Bongawan, Papar.<sup>13</sup> Menerusi ceramah tersebut, golongan wanita remaja didedahkan dengan asas-asas penjagaan kesihatan di samping kesedaran agar tidak terlibat dalam gejala tidak sihat seperti merokok, penyalahgunaan dadah dan amalan seks bebas.

Selain PEWASA Cawangan Papar, cawangan-cawangan PEWASA yang lain juga turut menganjurkan pelbagai program untuk menyemai kesedaran tentang penjagaan kesihatan dalam kalangan wanita. PEWASA Cawangan Berhala Darat Sandakan mengadakan Ceramah Kesihatan kepada kaum ibu di Kampung Berhala Darat dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Sandakan.<sup>14</sup> Pada bulan Oktober 1992, PEWASA cawangan Bandar Tawau telah diberikan kepercayaan sebagai pengajur pertandingan kesihatan pergigian dalam Pesta Kanak-kanak sempena sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia anjuran Gabungan Rukun Tetangga dan Persatuan-persatuan Sukarela

<sup>13</sup> Laporan Aktiviti PEWASA Cawangan Papar 1995.

<sup>14</sup> Daily Express, 27 Mei 1980.

Perbandaran Tawau. Dalam melaksanakan program tersebut, PEWASA Cawangan Tawau telah dibantu oleh Bahagian Pergigian, Jabatan Kesihatan Tawau.<sup>15</sup> PEWASA bahagian Sandakan pula menganjurkan ceramah kesihatan di Auditorium Jabatan Hutan Sandakan pada 7 September 1991. Ceramah kesihatan disampaikan oleh Dr. Suzain Datuk Hj. Suhaimi iaitu seorang doktor perubatan yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEWASA pusat. Program ceramah tersebut telah dihadiri oleh pengurus dan ahli jawatankuasa penyelaras PEWASA bahagian Sandakan dan ahli-ahli PEWASA Cawangan Kampung Batu Putih, Sandakan.<sup>16</sup>

Dari tahun 1990-an sehingga 2003, Program-program ceramah kesihatan untuk wanita terus dianjurkan dari semasa ke semasa oleh PEWASA pada peringkat pusat dan cawangan. Antara cawangan yang terlibat dalam pelaksanaan program tersebut pada tahun 1997 ialah PEWASA Cawangan Tawau, PEWASA Cawangan Lahad Datu dan PEWASA Cawangan Tuaran.<sup>17</sup> Selain penganjuran seminar kesihatan, terdapat juga usaha daripada cawangan PEWASA mengadakan program pemeriksaan percuma kepada kaum wanita di cawangan masing-masing. Pada 1 Mei 2002, Pewasa cawangan Tuaran mengadakan pemeriksaan kesihatan dan kursus pertolongan cemas kepada penduduk kampung Mogowou Topokon, Tuaran.<sup>18</sup> Dengan kerjasama daripada kakitangan Jabatan Kesihatan Daerah Tuaran, program pemeriksaan kesihatan dan kursus pertolongan cemas itu dapat diadakan secara serentak dalam masa sehari. Kursus pertolongan cemas itu sangat penting dalam memberikan pendidikan tentang asas-asas pertolongan cemas kepada kaum wanita. Program pemeriksaan kesihatan secara percuma pula dapat membantu wanita yang tidak berkesempatan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala di hospital atau di klinik-klinik kesihatan di daerah mereka. Di samping pemeriksaan kesihatan, kaum wanita juga telah diberikan bimbingan dan nasihat oleh kakitangan jabatan kesihatan yang bertugas dalam program

<sup>15</sup> Laporan Badan Penyelaras PEWASA Tawau 1993.

<sup>16</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Kampung Batu Putih, Sandakan, 1991.

<sup>17</sup> Laporan Kegiatan PEWASA, 1997.

<sup>18</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Tuaran, 2002

tersebut tentang keperluan mereka untuk menjalani pemeriksaan kesihatan berkala seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan.<sup>19</sup>

Selain PEWASA, SAWO juga melaksanakan kempen-kempen kesedaran kesihatan kepada kaum wanita pada tahun 1980-an sehingga 1990-an yang diadakan serentak dengan program ‘Helpline’ dan bimbingan kaunseling kepada kaum wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Hal ini kerana wanita yang berada dalam kirisis rumah tangga sering mengabaikan soal kesihatan diri dan ahli keluarga mereka kerana berhadapan dengan tekanan kesan daripada masalah rumah tangga dan masalah keganasan terhadap wanita yang mereka hadapi. Masalah kesihatan akan menjadikan wanita berkenaan menghadapi masalah yang berganda. Program bimbingan kesihatan dilaksanakan kepada kumpulan wanita seramai 50 hingga 100 orang di bilik latihan yang terdapat di Pejabat SAWO mengikut keperluan wanita yang menjadi klien SAWO dari semasa ke semasa.<sup>20</sup>

Indikator yang biasa digunakan bagi mengukur status kesihatan ialah kadar kematian bayi (infant mortality rate), kadar kematian kanak-kanak (toddler mortality rate) dan (maternal mortality rate) dan (crude birth rate). Penurunan kadar kematian bayi merupakan satu indikator yang penting tentang kesihatan umum dalam masyarakat. Kesan daripada pembangunan dalam bidang kesihatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan dan sokongan daripada masyarakat termasuklah program-program pelestarian kesihatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini ternyata membawa hasil apabila kadar kematian bayi di Sabah berjaya dikurangkan. Pada tahun 1960 kadar kematian bayi di Sabah ialah 63.2 peratus. Kadar ini menurun pada tahun 1970 menjadi 32.7 peratus dan terus menurun pada tahun 1980 ke angka 22.8 peratus, manakala pada tahun 1987 kepada 20.8 peratus.<sup>21</sup> Maklumat lebih lanjut

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Temu bual dengan dengan Puan Anne Lasimbang (Mantan AJK SAWO) pada 3 Disember 2015 di Penampang.

<sup>21</sup> Michiel K.C.Chan, Goh Peng Peng, ‘Development in Health Services in Sabah 1963-1988’ dalam Jeffrey G. Kitingan & Maximus J. Ongkili (Editor), *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, hlm.238.

berkaitan dengan data kesihatan di Sabah boleh dilihat berdasarkan jadual 7.1 seperti berikut.

**Jadual 7.1 :** Kadar Kelahiran Hidup, Kelahiran Mati dan Kematian Kanak-kanak dan Ibu Bersalin di Sabah 1982-1989

Tahun	Jumlah Penduduk	Kelahiran Hidup	Kelahiran Mati	Kematian Kanak-kanak (1-4 tahun)	Kematian Ibu Bersalin
1982	1,113,790	46,829	215	349	8
1983	1,156,685	47,018	215	435	8
1984	1,200,883	50,275	211	432	10
1985	1,247,620	51,754	222	363	10
1986	1,293,916	51,410	179	398	5
1987	1,345,608	54,130	145	403	7
1988	1,396,608	56,203	195	321	10
1989	1,443,439	52,220	202	330	13

Sumber: Perangkaan Penting Sabah 1989, Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, 1989.

Daripada jadual 7.1 menunjukkan terdapat penurunan dari segi bilangan kadar kelahiran mati bayi dan ibu bersalin dari tahun 1982 sehingga 1989. Begitu juga dari segi kadar kematian kanak-kanak yang berumur satu hingga empat tahun. Meskipun dari segi bilangan angka berlaku peningkatan misalnya dalam kadar kematian ibu bersalin pada tahun 1989, namun jika dibandingkan dengan jumlah penduduk pada tahun berkenaan dengan tahun-tahun sebelumnya menunjukkan berlakunya penuruan terhadap kadar kematian ibu bersalin pada tahun tersebut. Selain penurunan kadar kematian bayi, jangka hayat penduduk di Sabah juga meningkat iaitu daripada 62.7 tahun jangka hayat penduduk bumiputera Sabah pada tahun 1980 kepada 70.6 tahun jangka hayat bagi lelaki dan 75.5 tahun jangka hayat bagi wanita di Sabah pada tahun 2003.<sup>22</sup>

<sup>22</sup> Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2002, Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah, 2002.

Selain melaksanakan program ceramah, bengkel, kursus dan seminar tentang kesihatan, PEWASA juga menggalakkan pelaksanaan program penjagaan kebersihan rumah, persekitaran rumah, perkampungan dan kawasan bandar. Program-program itu dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran wanita khususnya dan masyarakat terhadap penjagaan kebersihan alam sekitar. Pada 3 dan 10 Disember 1983, PEWASA Cawangan Tawau mengadakan gotong royong kempen kebersihan bandar.<sup>23</sup> Pada tahun 1991, PEWASA Cawangan Sungai Kayu, Sandakan pula menganjurkan kerja-kerja kebajikan yang melibatkan kaum wanita bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran TABIKA KEMAS, membina pagar di kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam di Kampung Sungai Kayu, membersihkan kawasan kampung dengan kerjasama warga kem tentera dan masyarakat kampung.<sup>24</sup> PEWASA cawangan Kota Kinabalu telah dilibatkan oleh Kementerian Pelancongan dan Pembangunan Alam Sekitar dalam program “Environmental Walk” pada 24 Ogos 1991. PEWASA cawangan Kota Kinabalu terus dilibatkan dalam program yang sama pada 20 Jun 1992.<sup>25</sup> Dalam program tersebut, PEWASA ditugaskan untuk memantau kebersihan rumah-rumah kedai dan lorong-lorong di kawasan Kolombong, Inanam, Kota Kinabalu. Program tersebut amat penting dalam usaha mengurangkan masalah menularnya penyakit berjangkit seperti demam denggi yang disebabkan oleh keadaan persekitaran yang kotor dan menggalakkan pertumbuhan serangga pembawa penyakit seperti nyamuk aedes. Penglibatan PEWASA Cawangan Kota Kinabalu dalam program penjagaan alam sekitar pada tahun 1991 dan 1992 menyebabkan cawangan PEWASA tersebut terus dilibatkan dalam program gotong royong sempena sambutan Hari Alam Sekitar di Kota Kinabalu pada 18 April 1993.<sup>26</sup>

PEWASA cawangan Batu Putih Sandakan pula telah mengadakan pertandingan Kebersihan Rumah/Rumah terbersih. Pertandingan tersebut diadili oleh Pegawai dari

<sup>23</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Tawau 1983/84.

<sup>24</sup> Laporan Kegiatan dan Kejayaan Penyelaras PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995.

<sup>25</sup> Laporan Aktiviti PEWASA Bahagian Pantai Barat 1 bagi tahun 1992-1994.

<sup>26</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Kota Kinabalu 1993.

Jabatan Kesihatan Sandakan pada 6 November 1993. Pertandingan kebersihan rumah itu diadakan sempena sambutan ulang tahun PEWASA cawangan Batu Putih.<sup>27</sup> Pelaksanaan pertandingan kebersihan rumah itu merupakan usaha PEWASA Cawangan Batu Putih dalam memberikan kesedaran kepada penduduk setempat tentang kepentingan kebersihan kawasan dalam dan luar rumah bagi memastikan sesebuah keluarga tinggal dalam suasana yang bersih, selesa dan terhindar daripada masalah penyakit yang disebabkan oleh kurangnya amalan penjagaan kebersihan rumah serta kawasan sekeliling rumah. Dengan menganjurkan pertandingan kebersihan rumah juga dapat menggalakkan para suri rumah dan ahli keluarga mereka untuk lebih bersemangat dalam menjayakan program pertandingan tersebut.

Penglibatan PEWASA sama ada pada peringkat pusat dan cawangan-cawangannya dalam program penjagaan kebersihan dan penjagaan alam sekitar itu menunjukkan keperihatinan PEWASA dalam menjayakan program-program anjuran kerajaan dari semasa ke semasa. Ahli-ahli PEWASA yang terlibat dalam program gotong royong membersihkan kawasan kampung, taman perumahan, bandar, sekolah, tanah perkuburan dan kawasan-kawasan lain yang menjadi tumpuan masyarakat telah dapat berbakti kepada masyarakat setempat serta berinteraksi dengan mereka. Penglibatan yang aktif itu juga menyebabkan PEWASA dapat meluaskan jaringan kerja dengan mana-mana agensi kerajaan dan badan-badan swasta dan komuniti setempat di negeri Sabah. Jaringan kerja yang luas itu sangat penting bagi PEWASA ketika pertumbuhan sukarela wanita itu memerlukan pelbagai bantuan dan sokongan daripada mana-mana pihak dalam melaksanakan program anjuran PEWASA itu.

### **Pendidikan dan Kesedaran Tentang Penyakit Berjangkit dan Penyakit Kronik**

Seiring dengan perubahan dan pembangunan semasa sebagai kesan daripada pembangunan ekonomi dan urbanisasi, kaum wanita mudah terdedah dengan pelbagai

<sup>27</sup> Laporan Kegiatan dan Kejayaan Penyelaras PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995.

tekanan hidup yang mempengaruhi perkembangan diri dan boleh menjelaskan tahap kesihatan mereka. Wanita juga menghadapi tekanan mental seperti mengalami kebimbangan, beban kerja, tugas-tugas yang mencabar dan keperluan meningkatkan daya saing adalah antara sebab wanita hari ini berhadapan dengan tekanan yang tinggi. Wanita yang bekerja dan berkahwin menghadapi beban tugas yang berganda dan biasanya menghadapi lebih banyak tekanan berbanding wanita yang menjadi suri rumah sepenuh masa. Tekanan yang dihadapi oleh wanita berkahwin dan bekerja itu boleh menjelaskan tahap kesihatan dan kesejahteraan wanita. Jika tekanan terus menerus berlaku, boleh menyebabkan wanita menghadapi penyakit darah tinggi, emosi yang tidak stabil, panas baran, kurang ketenangan dalam kehidupan, tidak bahagia dan tidak tenteram. Tekanan menyebabkan risiko yang tinggi yang dihadapi oleh wanita dari segi kurangnya kesejahteraan dalam kehidupan mereka.

Tabiat buruk yang diamalkan oleh sesetengah wanita seperti merokok, meminum minuman keras, menaghid dadah, seks rambang adalah punca yang menyebabkan meningkatnya masalah kesihatan dalam kalangan wanita. Wanita moden yang mengamalkan gaya hidup yang tidak sihat mudah terdedah kepada ancaman penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, HIV/AIDS dan sebagainya. Selain itu amalan tidak sihat ini juga menjerumuskan wanita ke dalam gejala sosial, keruntuhan akhlak dan menjelaskan taraf kesihatan mereka. Keruntuhan nilai-nilai murni menjelaskan moral wanita. Meningkatnya tekanan, kecelaruan, konflik dan krisis dalam kehidupan wanita memberi kesan buruk kepada kesejahteraan hidup mereka. Kebijaksanaan dan kemahiran wanita dalam mengurus tekanan boleh mengurangkan masalah kesihatan dan bahaya kepada ancaman penyakit yang mungkin dihadapi.

PEWASA telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Sabah dalam merancang dan melaksanakan program-program kesihatan khusus untuk kaum wanita dan masyarakat umumnya. Pada 20-21 Julai 1991, NCWO telah menganjurkan bengkel

mengenai ‘Kesedaran AIDS untuk Wanita’ di Kuala Lumpur. Sebagai ahli NCWO, PEWASA turut terlibat dalam menjayakan bengkel tersebut. Penglibatan dalam bengkel berkenaan mendorong PEWASA untuk memulakan siri mesyuarat Anti AIDS peringkat negeri Sabah pada 5 November 1991. PEWASA kemudiannya mengadakan Pameran Pencegahan AIDS di Centre Point Kota Kinabalu, sebagai kesinambungan daripada bengkel yang telah dilaksanakan oleh NCWO.<sup>28</sup> Di samping pameran tentang pencegahan penyakit AIDS, PEWASA turut mengadakan Forum Kesedaran AIDS bagi memberikan kesedaran kepada wanita tentang bahaya penyakit AIDS. Perbelanjaan dalam pengajuran forum tersebut telah dibiayai oleh NCWO. PEWASA seterusnya mengambil inisiatif memperluaskan lagi acara pameran dan forum tersebut dengan mengadakan upacara rasmi pelancaran Kempen Kesedaran dan Pencegahan AIDS pada 18 Januari 1992. Wakil PEWASA cawangan Kota Kinabalu juga diberikan peluang untuk menghadiri persidangan tentang AIDS bagi Wanita ASEAN anjuran NCWO dan ACCW pada 13 hingga 17 April 1993 di Hotel Park Royal, Kuala Lumpur.<sup>29</sup>

Kempen Kesedaran Tentang Penyakit berjangkit dan penyakit kronik juga dianjurkan oleh PEWASA Pusat dan cawangan-cawangan PEWASA secara berterusan. PEWASA Pusat menganjurkan Ceramah Kesihatan Penyakit Keputihan dan Penyakit Kelamin di Dewan Mini Teater Wisma Lembaga Letrik Sabah (LLS) pada 6 Ogos 1994.<sup>30</sup> Selain itu, Kempen Kesedaran Tentang Penyakit Barah dilaksanakan oleh cawangan PEWASA di daerah Papar, Kota Kinabalu dan Sandakan. Di daerah Papar, Ceramah Penjagaan Payudara telah diadakan pada 16 September 1995 sempena mesyuarat ahli PEWASA cawangan Papar di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Papar. Selain itu, Ceramah Penjagaan Kanser Pangkal Rahim pula diadakan pada 9 Disember

<sup>28</sup> Laporan Kegiatan PEWASA 1991.

<sup>29</sup> Laporan Aktiviti Biro-biro PEWASA Pusat 1991-1995, hlm.4.

<sup>30</sup> Ibid.

1995. Kedua-dua ceramah ini disampaikan oleh Staff Nurse Nurul Ashikin Hj. Ismail, dari Hospital Daerah Papar.<sup>31</sup>

Di daerah Kota Kinabalu pula, Kempen Kesedaran Barah Payudara diadakan pada 13 Mac 2002 di Klinik Kesihatan Likas, Kota Kinabalu, dengan kerjasama Persatuan Jururawat Sabah. Kempen yang sama juga diadakan di Sandakan pada 3 Ogos 2002.<sup>32</sup> Dalam setiap program kesihatan yang dianjurkan pada peringkat cawangan misalnya PEWASA cawangan Papar, cawangan ini berjaya mengumpulkan lebih daripada 70 orang ahli PEWASA dan melibatkan juga tidak kurang daripada 50 orang wanita lain yang bukan ahli PEWASA. Dalam program seminar, bengkel dan kursus yang dianjurkan, PEWASA bertindak sebagai pelaksana yang menyediakan tempat, menguruskan penyertaan peserta, menyediakan peruntukan perbelanjaan bagi membiayai program berkenaan, manakala tenaga penceramah disediakan oleh Jabatan Kesihatan Papar. Perkara ini membuktikan bahawa wujudnya kerjasama yang baik antara pertubuhan sukarela wanita dengan Jabatan Kesihatan. Kepemimpinan PEWASA walaupun hanya pada peringkat cawangan telah membantu mempercepatkan program-program pembangunan kesihatan sampai kepada kumpulan sasaran khususnya kaum wanita di luar bandar.

Penganjuran kempen-kempen kesedaran kesihatan yang dianjurkan oleh PEWASA juga telah membantu Jabatan Kesihatan Sabah dalam memperluaskan program berkenaan kepada wanita dan masyarakat yang tinggal jauh dari Jabatan Kesihatan Daerah. Dalam hal ini, PEWASA telah membantu meringankan tugas kakitangan Jabatan Kesihatan yang berhadapan dengan kekangan kesibukan tugas dan pelbagai kekangan logistik yang lain. Bilangan doktor perubatan di Sabah masih tidak mencukupi jika dibandingkan dengan jumlah penduduk yang ada. Nisbah seorang doktor dengan bilangan penduduk adalah seperti berikut: 1:13,100 (1963), 1:8,947

<sup>31</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Papar 1995.

<sup>32</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Tahun 2002.

(1975), 1:6,075 (1980) dan 1:4,308 (1988).<sup>33</sup> Oleh sebab itu peranan yang dimainkan oleh PEWASA telah membantu Jabatan Kesihatan dan pihak kerajaan umumnya dalam melaksanakan sebahagian daripada program pembangunan kesihatan untuk wanita dan masyarakat di Sabah.

### **Kutipan Derma untuk Tabung Pelbagai Jenis Penyakit dan Kanak-kanak Cacat**

Di Sabah, usaha membantu pesakit-pesakit yang menghadapi pelbagai jenis penyakit sering dibuat melaui kutipan tabung pelbagai jenis penyakit berkenaan yang dilancarkan oleh pelbagai pertubuhan kebajikan dan sosial yang dinamakan mengikut nama sesuatu penyakit seperti Persatuan Pesakit Thallasemia, Persatuan Pesakit Buah Pinggang dan sebagainya. Pada tahun 1987, seramai 150 orang pesakit jantung telah berjaya menjalani pembedahan jantung menerusi biaya daripada Tabung Pesakit Jantung yang memperoleh derma daripada orang ramai secara persendirian dan melalui pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Walaupun pertubuhan sukarela wanita tidak secara terus memberikan sumbangan kewangan kepada Jabatan Kesihatan, namun mereka telah menyalurkan bantuan melalui pertubuhan khas bagi sesuatu penyakit seperti Tabung Derma Pesakit Jantung, Tabung Derma Pesakit Thalassemia dan lain-lain lagi. Antara kegiatan yang dijalankan oleh PEWASA ialah dengan mengadakan kutipan derma untuk Tabung Pesakit Thalassemia di beberapa daerah di Sabah seperti di Kota Kinabalu, Sandakan dan Keningau.

Pada 16 Ogos 1992, PEWASA Pusat telah mengadakan Program Pasar Ria di Pusat Beli-belah Centrepoint, Kota Kinabalu bagi tujuan mengutip derma untuk Tabung Thalassemia Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Dalam program Pasar Ria itu PEWASA berjaya memperoleh pendapatan sebanyak RM15,848.20.<sup>34</sup> Kutipan derma ini juga dilaksanakan pada peringkat cawangan. Misalnya PEWASA Cawangan Taman

<sup>33</sup> Michael K.C. Chan & Goh Peng Peng, ‘Development in Health Services in Sabah 1963-1988’, dalam Jeffrey Kitingan & Maximus J. Ongkili (Editor) *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, Kota Kinabalu: Institute For Development Studies Sabah (IDS), 1989, hlm.235.

<sup>34</sup> Laporan Kewangan PEWASA Bagi Tempoh Tahun Kewangan 1 Januari 1991 hingga 31 Disember 1994.

Merpati, Sandakan menderma sebanyak RM238.35 kepada Pertubuhan Thalassemia Sandakan pada tahun 1993. Program kutipan derma tersebut dijalankan secara berterusan mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2003, PEWASA cawangan Keningau meneruskan usaha kutipan derma untuk Tabung Thalassemia itu melalui penganjuran program Makan Malam Amal PEWASA Cawangan Keningau di Dewan Masyarakat Keningau. Dalam majlis itu, PEWASA cawangan Keningau berjaya mengutip sebanyak RM1,000.00. Jawatankuasa PEWASA Pusat yang diwakili oleh Timbalan Presidennya iaitu Puan Hanizah Abdullah telah menyampaikan kutipan derma itu kepada Persatuan Pencegahan Penyakit Thalassemia Keningau.<sup>35</sup>

Selain kutipan derma untuk tabung sesuatu penyakit, pertubuhan sukarela wanita juga tidak ketinggalan dalam kegiatan mengutip derma untuk tabung-tabung kebajikan bagi anak-anak yatim dan anak-anak cacat. Penganjuran majlis makan malam yang diadakan oleh cawangan-cawangan PEWASA khususnya di kawasan bandar biasanya menjadi saluran bagi pertubuhan sukarela wanita itu untuk mengutip derma untuk membantu mengisi tabung kebajikan mana-mana pertubuhan kesihatan dan kebajikan yang memerlukan bantuan dari semasa ke semasa. Misalnya PEWASA Cawangan Bandar Tawau telah menganjurkan Majlis Makan Malam dan Pertunjukan Pakaian Tradisi di Hotel Emas Tawau pada 3 Mac 1984 bagi mengutip derma untuk tabung PEWASA dan derma kanak-kanak cacat. Sebanyak RM2,000.00 daripada kutipan derma dalam majlis tersebut telah diserahkan untuk derma kanak-kanak cacat.<sup>36</sup> PEWASA Cawangan Bandar Sandakan pula telah menderma wang sebanyak RM200.00 kepada Tabung Kebajikan Kanak-kanak Cacat pada 24 Januari 1992. Penglibatan PEWASA dalam program kutipan derma untuk tabung-tabung kebajikan itu menunjukkan keprihatinan pertubuhan sukarela tersebut dalam membantu menjayakan program pertubuhan-pertubuhan sosial yang menjurus kepada kebajikan golongan

<sup>35</sup> New Sabah Times, 6 Mei 2003.

<sup>36</sup> Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Tawau 1983/84.

tertentu dan masyarakat secara umum. Penglibatan pertubuhan sukarela wanita dengan kerja-kerja kebajikan dalam pelbagai bidang itu merupakan salah satu kegiatan umum pertubuhan sukarela wanita yang dilaksanakan secara berterusan. Pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah begitu sinonim dengan kerja-kerja kebajikan masyarakat. Oleh sebab itu pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seperti PPS, PEWASA dan SAWO sentiasa dilibatkan oleh pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan kebajikan dalam program-program yang berkaitan dengan kebajikan wanita serta masyarakat secara umum.

### **Penyediaan Kemudahan Kesihatan di Hospital**

Selain kemudahan-kemudahan asas yang telah disediakan oleh pihak hospital kepada para pesakit dan ahli keluarga yang menjaga pesakit, pertubuhan sukarela wanita juga telah terlibat dalam usaha menambahbaik kemudahan yang sedia ada di hospital dengan penyediaan kemudahan yang mesra pelanggan hospital. SAWO telah memulakan usaha tersebut pada tahun 1988 dengan menuntut kepada pihak pengurusan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu agar menyediakan ruangan di bangunan hospital berkenaan satu tempat pemeriksaan bagi kaum wanita dan anak-anak gadis yang menjadi mangsa kes-kes rogol dan kes-kes keganasan terhadap wanita.<sup>37</sup> Tuntutan SAWO itu selari dengan resolusi yang ditetapkan dalam program Seminar Kaunselor Sukarela Bagi Mangsa Serangan dan Kekejaman Seksual anjuran NCWO bersama pertubuhan sukarela wanita di Sabah seperti PEWASA dan SAWO yang telah diadakan pada 16-18 Januari 1987 di Taman Kinabalu Kundasang, Ranau.

Salah satu tuntutan dalam resolusi tersebut adalah tuntutan agar pihak kerajaan menyediakan pusat sehenti bagi menangani krisis wanita di hospital-hospital kerajaan.<sup>38</sup> SAWO juga meminta agar kakitangan hospital lebih prihatin dalam menjalankan

<sup>37</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee, Presiden SAWO pada 20 Disember 2012, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

<sup>38</sup> Laporan Kegiatan PEWASA dalam Buku Cenderamata Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang Keenam, 27-28 Jun 1987, di Kota Kinabalu, hlm.30.

pemeriksaan kesihatan terhadap golongan wanita berkenaan. Pemeriksaan terhadap wanita yang menjadi mangsa kes-kes rogol dan kes-kes keganasan rumah tangga sewajarnya diasingkan dengan pemeriksaan pesakit biasa bagi mengelakkan mangsa berasa diaibkan. Selain itu, kes-kes mereka juga mesti dikendalikan oleh kakitangan hospital yang dedikasi agar bantuan segera dapat diberikan kepada golongan wanita berkenaan. Usaha SAWO itu telah menyebabkan pihak hospital bersedia memberikan bilik rehat kakitangan perubatan sebagai tempat pemeriksaan yang berasingan bagi mangsa-mangsa kes rogol dan keganasan rumah tangga itu. Sukarelawan SAWO juga telah ditempatkan di bilik berkenaan bagi membantu memudahkan pengurusan rawatan wanita yang menjadi mangsa kes-kes keganasan terhadap wanita itu. Melalui usaha itu, pemeriksaan terhadap wanita yang berada dalam krisis itu dapat segera dilaksanakan dan bukti-bukti pemeriksaan dapat dikeluarkan dengan lebih cepat serta teliti bagi kemudahan prosedur pengurusan kes keganasan terhadap wanita itu diajukan kepada pihak polis dan mahkamah.<sup>39</sup>

Kejayaan penglibatan pertubuhan sukarela wanita yang meluas dalam kerja-kerja kebajikan masyarakat terus menjadi pendorong kepada PEWASA Pusat melaksanakan Projek Wad Kanak-kanak di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Projek tersebut bertujuan untuk menyediakan bilik rekreasi di wad kanak-kanak di hospital tersebut. Sebuah bilik di tingkat 4 hospital telah dijadikan sebagai bilik rekreasi itu. Bilik tersebut dilengkapi dengan alat-alat permainan dan buku-buku bacaan kanak-kanak yang boleh dimanfaatkan oleh kanak-kanak yang dirawat di wad berkenaan. Bilik rekreasi berkenaan sangat perlu bagi mewujudkan suasana yang menggembirakan kanak-kanak agar mereka tidak berasa bosan atau tertekan walaupun berada di hospital dalam jangka masa yang panjang. Selain itu, dengan adanya bahan-bahan bacaan di bilik rekreasi tersebut dapat menggalakkan kanak-kanak mengisi masa dengan

---

<sup>39</sup> Temu bual dengan Puan Winnie Yee, Presiden SAWO pada 20 Disember 2012, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

membaca buku walaupun mereka tidak dapat hadir ke sekolah kerana masalah kesihatan yang mereka hadapi. Secara tidak langsung minat membaca dalam kalangan kanak-kanak juga dapat dipupuk melalui kegiatan tersebut. Bagi ibu bapa dan penjaga kanak-kanak berkenaan pula, kewujudan bilik rekreasi tersebut dapat mengurangkan tekanan yang mereka hadapi ketika menjaga anak-anak mereka di hospital. Hal ini kerana, tumpuan anak-anak boleh dialihkan seketika daripada beban kesihatan yang mereka alami kepada kegiatan yang lebih menyeronokkan seperti membaca buku-buku fiksyen.

Bagi menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak, Pengerusi Program Wad Kanak-kanak itu iaitu Puan Dayang Ainon Pangiran Bagul (Naib Presiden PEWASA) bersama-sama ahli jawatankuasa yang lain telah membuat kunjungan hormat kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah pada 29 September 1992. Kunjungan tersebut bertujuan untuk mendapatkan sumbangan derma buku-buku kanak-kanak daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menjayakan program tersebut. Usaha tersebut mendapat kerjasama daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku-buku yang dihadiahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah dihantar ke wad kanak-kanak hospital Queen Elizabeth pada 5 Disember 1992.<sup>40</sup> Menerusi program penyediaan bilik rekreasi di hospital yang dikendalikan oleh PEWASA pusat itu membuktikan bahawa PEWASA sentiasa mengambil berat soal-soal kebijakan kanak-kanak yang mendapat rawatan di hospital dan bagi memudahkan urusan penjaga mereka yang biasanya ialah kaum wanita sama ada sebagai ibu dan kakak kepada pesakit kanak-kanak tersebut. Selain itu, PEWASA juga telah membantu pihak hospital dalam melaksanakan kegiatan sosial kepada para pesakit khususnya kanak-kanak melalui penyediaan kemudahan bilik rekreasi di hospital tersebut.

---

<sup>40</sup> Laporan Aktiviti Biro-biro PEWASA Pusat 1991-1995, Pejabat PEWASA Pusat, Lot.24-2R, Tingkat 2, Plaza Beverly Hill, Penampang, Kota Kinabalu.

## **Kesimpulan**

Daripada kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita khususnya PEWASA yang begitu aktif dalam menganjurkan program-program kesihatan untuk wanita, dapatlah disimpulkan bahawa pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita telah memainkan peranan tersendiri dalam usaha pelestarian kesihatan wanita di Sabah. Kegiatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita dalam bidang kesihatan itu menjadi pelengkap kepada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Kesihatan Sabah dalam memastikan kejayaan program-program pelestarian kesihatan yang dijalankan di Sabah. Banyak isu tentang kesihatan yang dihadapi oleh wanita memerlukan maklumat dan pendidikan kesihatan yang diperluaskan dalam kalangan masyarakat.

Program-program kesihatan seperti ceramah, seminar, forum, kursus dan bengkel kesihatan yang telah dianjurkan oleh pertubuhan sukarela wanita adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada kaum wanita khususnya wanita di luar bandar tentang kepentingan menjaga dan meningkatkan taraf kesihatan mereka. Kaum wanita juga telah dibimbing untuk mengamalkan cara hidup sihat yang boleh menghindarkan wanita daripada masalah kesihatan dan ancaman penyakit, bebas daripada penyalahgunaan dadah dan gejala-gejala buruk seperti merokok, seks bebas dan mengambil minuman keras.

Usaha bagi membanteras penyakit berjangkit dan penyakit-penyakit kronik juga melibatkan isu-isu seperti gaya hidup, sikap, amalan dan pendidikan kesihatan yang bermula dari rumah, sekolah dan dalam masyarakat. Justeru, bagi menangani masalah penyakit berjangkit, pertubuhan sukarela wanita telah menggerakkan program-program penjagaan kebersihan seperti gotong royong membersihkan persekitaran rumah, kampung dan bandar untuk menyemai kesedaran kepada kaum wanita agar hidup dalam persekitaran yang bersih dan selesa. Selain itu pertubuhan sukarela wanita juga sedia

memberikan kerjasama dalam membantu mana-mana pihak yang menganjurkan kutipan derma untuk tabung kesihatan dan kebajikan masyarakat. Penglibatan dalam kerja-kerja kebajikan itu juga membantu Jabatan Kesihatan dalam menangani masalah rawatan pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit kronik dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf kesihatan wanita dan penduduk di Sabah umumnya.

## BAB 8 : KESIMPULAN

Kesedaran berpersatuan dalam kalangan kaum wanita di Sabah telah muncul dan bercambah sejak tahun 1950-an lagi menerusi penglibatan segelintir kaum wanita di kawasan bandar Jesselton (Kota Kinabalu) dalam kegiatan badan-badan beruniform sama ada pada peringkat sekolah mahu pun pada peringkat daerah. Kemunculan persatuan-persatuan sosiobudaya di Sabah pada tahun 1950an seperti AGABA telah menyediakan ruang dan peluang bagi kaum wanita turut bergerak aktif dalam jawatan kuasa wanita persatuan berkenaan. Kemunculan dan perkembangan kesedaran berpersatuan itu merupakan satu kesan penting yang dapat dilihat hasil daripada perkembangan serta kemajuan dalam bidang pendidikan yang dinikmati oleh kaum wanita selepas Perang Dunia Kedua. Selain itu, pengaruh gerakan emansipasi wanita pada peringkat antarabangsa telah meninggalkan kesan besar terhadap perubahan kehidupan wanita secara umum. Pengaruh gerakan emansipasi wanita itu juga berkembang di negara kita. Kegiatan berpersatuan akhirnya berkembang pada peringkat kebangsaan, negeri dan daerah khususnya selepas Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963.

Berdasarkan kegiatan-kegiatan yang telah dilaksanakan oleh empat pertubuhan sukarela wanita yang dipilih dalam kajian ini iaitu PPS, PEWASA, SAWO dan SWEPA, terbukti bahawa peranan keempat-empat pertubuhan sukarela wanita ini dalam pembangunan wanita di Sabah memang tidak dapat dinafikan. Peranan awal mereka adalah dari segi mencetuskan kesedaran wanita untuk memajukan diri sendiri dan keluar daripada kepompong tradisi yang menyukarkan mereka melibatkan diri dalam proses pembangunan negeri dan negara.

Pertubuhan sukarela wanita yang awal iaitu PPS telah mempelopori usaha menyedarkan wanita dewasa yang buta huruf tentang kepentingan pendidikan kepada diri wanita itu sendiri dan anak-anak mereka. Matlamat untuk membantu menangani

masalah buta huruf dalam kalangan wanita dewasa menjadi pendorong kepada PPS untuk menggerakkan kelas-kelas dewasa di daerah Kota Kinabalu pada akhir tahun 1970-an. Usaha tersebut digerakkan serentak dengan program meningkatkan kemahiran wanita dalam urusan rumah tangga bagi menarik minat kaum wanita untuk melibatkan diri dalam kegiatan berpersatuan. Kemunculan PEWASA pada akhir tahun 1970-an menggiatkan lagi usaha yang dirintis oleh PPS dalam meningkatkan kesedaran wanita khususnya dalam bidang pendidikan. PEWASA telah membuka ruang yang luas kepada wanita dewasa di luar bandar untuk mendapatkan ilmu secara tidak formal meskipun mereka telah tercicir daripada mengikuti pendidikan secara formal menerusi institusi sekolah. Kejayaan keluar daripada keadaan buta huruf dalam kalangan wanita di luar bandar ini dilihat sangat sangat penting bagi PEWASA untuk mendorong wanita melibatkan diri dalam program-program pembangunan wanita sama ada yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan untuk wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan sukarela wanita diperluaskan dari semasa ke semasa mengikut perubahan dan kemajuan semasa yang dicapai oleh wanita. Ilmu tentang ekonomi rumah tangga, perniagaan dan keusahawanan, kesihatan, ketrampilan diri dan celik undang-undang didedahkan kepada wanita menerusi pengajuran ceramah, seminar, forum, kursus dan bengkel dalam bidang yang berkaitan oleh keempat-empat pertubuhan sukarela yang difokuskan dalam kajian ini. SAWO misalnya memfokus kepada usaha meningkatkan kesedaran wanita tentang hak mereka dalam pelbagai ruang kehidupan. Mereka berada di barisan hadapan untuk membela nasib kaum wanita yang tertindas dalam pelbagai bentuk dan keadaan. Bagi kaum wanita yang bernasib malang seperti mangsa kes keganasan rumahtangga, bimbingan dan kaunseling kepada kaum keluarga mangsa khususnya anak-anak mereka dilaksanakan agar anak-anak mangsa dapat meneruskan kehidupan yang lebih baik

meskipun melalui pengalaman atau terkesan dengan krisis yang telah berlaku. Bimbingan terhadap kanak-kanak terbabit juga merupakan satu usaha bagi memastikan kes-kes keganasan rumah tangga tidak akan berulang lagi pada masa akan datang. Isu-isu dan masalah-masalah yang berkaitan dengan ketidakadilan, pengabaian, penganiayaan, penindasan dan amalan diskriminasi terhadap kaum wanita mula mendapat pembelaan yang lebih baik.

Pertubuhan sukarela wanita telah berperanan sebagai pendamping kerajaan dalam pelaksanaan program-program pembangunan wanita dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan di Sabah. Kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita itu menjadi pelengkap kepada segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang lain dalam proses pembangunan wanita di Sabah. Dalam bidang ekonomi, SWEPA telah memfokuskan usaha untuk membimbing wanita membentuk imej yang sesuai dengan kerjaya mereka, membimbing golongan peniaga kecil wanita meningkatkan pencapaian diri, merebut peluang yang ada untuk memajukan perniagaan mereka daripada sebagai peniaga-peniaga kecil sehingga mampu membentuk kumpulan usahawan wanita. Kerjasama antara pertubuhan sukarela wanita dengan agensi-agensi kerajaan sangat penting terutamanya bagi membantu golongan usahawan wanita mendapatkan modal, latihan dan galakan dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, pertubuhan sukarela wanita juga bertindak sebagai pemantau kepada pelaksanaan program-program pembangunan wanita yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan memfokus kepada aspek-aspek pembangunan wanita yang kurang diberikan perhatian oleh pihak kerajaan atau perkara-perkara penting yang berkaitan dengan hak dan kebijakan wanita yang pihak kerajaan telah terlepas pandang. SAWO merupakan pertubuhan sukarela wanita di Sabah yang agak lantang dalam

memperjuangkan kepentingan wanita terutamanya tentang hak wanita dari segi perundangan.

Pelaksanaan bengkel dan Kempen Anti Keganasan Terhadap Wanita oleh SAWO menjadi titik tolak terhadap perjuangan mereka untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan wanita dan kesedaran awam terhadap isu-isu keganasan terhadap wanita. SAWO telah berjaya menyedarkan pihak kerajaan dan badan-badan penguatkuasaan undang-undang di Sabah agar menambahbaik prosedur dalam menangani isu-isu keganasan fizikal dan seksual terhadap wanita. Reformasi undang-undang yang telah dilaksanakan terhadap hukuman bagi jenayah rogol dan penglibatan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita di Sabah dalam meneliti serta menambahbaik peruntukan-peruntukan dalam Akta Keganasan Rumah Tangga membuktikan komitmen pertubuhan sukarela wanita dalam memastikan hak dan kepentingan wanita mendapat perlindungan yang lebih baik dalam bidang perundangan. Pembentukan jawatankuasa pemantau oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menangani isu-isu wanita juga membuktikan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini begitu komited untuk memastikan kerajaan bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan usaha-usaha pembangunan wanita di Sabah.

Kejayaan pertubuhan sukarela wanita di Sabah dalam melaksanakan pelbagai aktiviti yang dirancang bergantung kepada keupayaan pertubuhan-pertubuhan berkenaan menjalin jaringan kerja yang baik dengan badan-badan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan lain yang mempunyai matlamat yang sama. Jaringan kerja tersebut dibentuk pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Menerusi jaringan kerja yang lebih luas, pertubuhan sukarela seperti PPS, PEWASA, SAWO dan SWEPA telah mendapat manfaat dari segi peluasan peranan dan kegiatan, perkongsian pengalaman dan sokongan dalam mengetengahkan sesuatu isu yang hendak diperjuangkan. Jaringan kerja tersebut wujud dalam dua bentuk iaitu jaringan kerja

secara berterusan dan jaringan kerja yang diadakan mengikut keperluan semasa. Jaringan kerja secara berterusan itu melibatkan kerjasama dengan jabatan-jabatan tertentu yang berkaitan dengan program pembangunan wanita misalnya Unit Hal Ehwal Wanita, Majlis Penasihat Wanita, Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Manakala jaringan kerja yang diadakan mengikut keperluan semasa pula lebih tertumpu kepada kerjasama pelbagai pihak dalam kegiatan yang dianjurkan pada masa tertentu dari semasa ke semasa.

Pertubuhan sukarela wanita di Sabah sejak 1970-an lagi ternyata mempunyai jaringan kerja yang agak luas dan mendapat kerjasama yang baik sama ada daripada pihak kerajaan mahu pun sektor swasta, masyarakat dan orang persendirian. Dari tahun 1976 hingga 1988 atau sebelum terbentuknya Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS), PEWASA merupakan pertubuhan sukarela wanita yang diberikan kepercayaan oleh pihak kerajaan dalam menguruskan hal ehwal wanita dan melaksanakan program-program pembangunan wanita termasuklah sebagai pelaksana sambutan Hari Wanita pada setiap tahun di Sabah. Kepercayaan yang diberikan oleh pihak kerajaan terhadap keupayaan PEWASA dan pertubuhan sukarela wanita yang lain dalam melaksanakan program yang berkaitan dengan pembangunan wanita itu membuktikan pengiktirafan kerajaan terhadap pertubuhan sukarela wanita dan kewibawaan para pemimpin pertubuhan tersebut. Pada satu pihak yang lain, barisan pemimpin pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita ini berjaya memanfaatkan kerjasama dan sokongan daripada pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam melaksanakan program pertubuhan mereka. Perkara ini juga sangat berkait rapat dengan ketokohan, kepemimpinan, kesungguhan Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan dalam membuat perancangan yang rapi sebelum melaksanakan sesuatu program.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan pertubuhan sukarela wanita dalam menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan hak wanita adalah pemanfaatan saluran yang betul, menerusi pendekatan bekerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan dan pihak penguatkuasa undang-undang. Kelebihan sumber organisasi pertubuhan yang dimiliki iaitu dari segi kepemimpinan, kepakaran, pengalaman, keanggotaan, kewangan, jaringan kerja dan dedikasi serta semangat kesukarelaan yang tinggi dalam kalangan pemimpin dan anggota pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Kelebihan dari segi kepakaran ini menyebabkan pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan memerlukan peranan atau sumbangan daripada pertubuhan sukarela wanita ini dalam membantu menangani isu-isu wanita di Sabah.

Keperluan kerajaan terhadap sumbangan dan peranan pertubuhan sukarela wanita semakin jelas apabila ramai pemimpin pertubuhan sukarela wanita ini yang mempunyai kepakaran yang tinggi dan pengalaman yang luas dilantik mengisi jawatan dalam agensi kerajaan misalnya sebagai Penggerusi Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS). Datuk Adeline Leong yang pernah menjadi Presiden SWEPA dan AJK Tertinggi PEWASA dilantik sebagai Penggerusi MPWS yang pertama pada tahun 1988, diikuti oleh Datuk Noni Said mantan AJK Tertinggi PEWASA sebagai Penggerusi MPWS pada tahun 2003. Pengalaman mereka terlibat dalam pertubuhan sukarela wanita sebelum ini dapat membantu MPWS dalam menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan pertubuhan sukarela wanita di Sabah.

Dedikasi dan semangat kesukarelaan yang tinggi dalam kalangan pemimpin dan ahli-ahli keempat-empat pertubuhan sukarela wanita itu sangat jelas jika dilihat dari segi kegigihan mereka yang aktif dan tidak putus-putus dalam menyuarakan pelbagai isu serta masalah wanita dalam tempoh masa yang panjang. Ramai pemimpin pertubuhan sukarela wanita ini bukan sahaja aktif dalam menggerakkan kegiatan

persatuan tetapi juga aktif sebagai ahli parti-parti politik pemerintah yang memudahkan mereka dalam menjalin kerjasama dengan sayap wanita parti-parti politik seperti wanita USNO, wanita Berjaya, wanita PBS dan wanita UMNO. Saluran-saluran informal seperti pertalian peribadi kepemimpinan dengan pihak pemerintah juga membolehkan isu-isu yang dibangkitkan dapat dibincangkan dengan lebih terbuka dengan membuat dasar berkenaan wanita. Kerjasama pertubuhan sukarela wanita dengan pelbagai pihak seperti agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dalam melaksanakan kegiatan seperti bengkel, seminar, bahkan penglibatan wakil-wakil pihak kerajaan secara langsung dan tidak langsung memudahkan pelaksanaan dan kejayaan kegiatan-kegiatan yang dianjurkan untuk pembangunan wanita.

Tanpa menafikan peranan pihak kerajaan dan badan-badan lain yang memfokus kepada usaha pembangunan wanita, ternyata peranan pertubuhan sukarela wanita juga sangat penting dalam menjayakan program pembangunan wanita di Sabah. Sebelum adanya Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita Sabah dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah, pertubuhan sukarela wanita telah pun memainkan peranan dalam menangani isu-isu yang dihadapi oleh kaum wanita di Sabah. Pertubuhan sukarela wanita mempunyai ruang tersendiri dalam melaksanakan peranan tersebut berdasarkan objektif pertubuhan dan kumpulan wanita yang menjadi sasaran utama dalam pelaksanaan program-program pembangunan yang dirancang serta dilaksanakan untuk wanita. Oleh sebab pertubuhan sukarela wanita memberi tumpuan kepada isu-isu wanita yang kurang mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, maka usaha mereka memperjuangkan hak-hak dan kepentingan wanita di samping menjadi pemantau kepada tindakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu-isu wanita sangat penting dalam proses pembangunan wanita di Sabah.

Kelantangan pertubuhan sukarela wanita seperti PEWASA dan SAWO dalam mengetengahkan isu-isu wanita membuka kesedaran pelbagai pihak terutamanya pihak

kerajaan tentang perlunya isu-isu wanita ditangani dengan sebaik mungkin. Oleh sebab itu, kerajaan negeri Sabah sentiasa memberikan sokongan yang positif terhadap pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kaum wanita melalui pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Salah satu kesan penting daripada tuntutan dan perjuangan pertubuhan sukarela wanita ialah tentang meningkatnya kesedaran dan kepekaan gender dalam kalangan pembuat dasar-dasar penting kerajaan. Sejak tahun 1990-an, ketokohan dan kelayakan wanita di Sabah mula diberikan pengiktirafan apabila wanita mula dilibatkan sebagai pembuat dasar kerajaan melalui pelantikan mereka ke dalam jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri Sabah dan kerajaan persekutuan di Sabah. Bilangan wanita yang berpeluang mengisi jawatan-jawatan utama dalam sektor awam semakin bertambah dari semasa ke semasa. Perkara ini merupakan satu perubahan penting dan hasil kejayaan bagi tuntutan yang telah disuarakan oleh kaum wanita melalui saluran pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita sejak tahun 1970-an lagi.

Kajian ini mendapati bahawa kemampuan pertubuhan sukarela wanita yang terpilih melaksanakan peranannya telah menjadikan wanita di Sabah menyedari kedudukan mereka dari segi hak mereka dalam bidang perundangan, ekonomi dan sosial. Kesedaran ini menyebabkan ramai wanita termasuk wanita dari kawasan luar bandar bangkit untuk memperbaiki taraf ekonomi dan status mereka. Tanpa usaha pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan, wanita Sabah sukar untuk sampai ke tahap kini kerana halangan dari segi masalah infrastruktur dan halangan-halangan lain seperti keciciran dalam bidang pendidikan. Pertubuhan sukarela wanita membantu melaksanakan program-program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan di Sabah. Peranan pertubuhan sukarela wanita ini pula diberikan pengiktirafan oleh pihak kerajaan dan pihak kerajaan menyediakan bantuan dari segi kewangan serta keperluan-keperluan lain bagi menjayakan program-program pembangunan wanita yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita berkenaan. Memandangkan

kepentingan kajian tentang wanita dalam melengkapkan lagi aspek kajian sejarah di negeri Sabah, kajian tentang peranan pertubuhan sukarela wanita ini perlu diteruskan dan diperluaskan lagi dalam kajian-kajian akan datang. Hal ini disebabkan peranan pertubuhan sukarela wanita ini juga akan terus berkembang seiring dengan perubahan dan pembangunan dari semasa ke semasa.

## **RUJUKAN**

### **Sumber Primer**

#### **A. Fail/ Rekod/Laporan Yang Tidak Diterbitkan.**

Annual Report of Majlis Penasihat Wanita Sabah and Unit Hal Ehwal Wanita Sabah, January 1994 - December 1994.

ANS/PS/PPPMCS/T/2/1, *North Borneo Girls Guides Association Annual Report 1955-1956.*

C.O 874/1307, Female Education of Native Girls 1936-1941 (Mikrofilem), Arkib Negeri Sabah

Fail A/P SAWO 5, 12/88, Workshop/Exhibition “Campaign Against Violence on Women” 20-21 September 1986.

Fail A/P SAWO 7, 13/88, Sabah Women Action Resource Group.

Fail No.1.WI/68/6, Senarai Jawatankuasa Penaja PPS, Pejabat PPS, Sembulan, Kota Kinabalu.

Fail No.66, Educational Policy of the State General (Pink File), Arkib Negeri Sabah.

Fail PEWASA/TWU/1/5, Laporan Setiausaha Cawangan Tawau bagi tahun 1980/81.

Fail PPS/76/77, Senarai Ahli Jawatankuasa PPS 1976/77.

Fail PPS/10/73, Edaran Kepada AJK Tertinggi PPS, daripada Toh Puan Hajah Rahma Mustapha (Yang Dipertua PPS), 11 April 1974.

Fail Setiausaha PEWASA, Pejabat PEWASA Pusat, Lot 24-2R, Tingkat 2, Plaza Beverly Hills, Jalan Bundusan, Penampang, Kota Kinabalu.

Fail 39, Tokoh/Anugerah Cemerlang/Ibu Mithali, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah.

Laporan Aktiviti Biro-biro PEWASA Pusat 1991-1995.

Laporan Aktiviti PEWASA Bahagian Pantai Barat Satu 1992-1994.

Laporan Aktiviti PEWASA Cawangan Papar 1993-1996.

Laporan Bendahari PPS 1975.

Laporan Jawatankuasa Penganjur Program Literasi Undang-undang 2003, Perkumpulan Perempuan Sabah, 2003.

Laporan Kegiatan PEWASA 1997

Laporan Kegiatan PEWASA 2001.

Laporan Kegiatan PEWASA 2002.

Laporan Kegiatan PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995.

Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Kunak, 1994.

Laporan Kegiatan PEWASA Cawangan Kampung Batu Putih, Sandakan

Laporan Kegiatan PPS(B) 2003.

Laporan Kegiatan-kegiatan dan Kejayaan PEWASA Bahagian Sandakan 1991-1995 oleh Puan Nora Awang, Penyelaras PEWASA Bahagian Sandakan.

Laporan Kewangan PEWASA Bagi Tempoh Tahun Kewangan 1 Januari 1991-31 Disember 1994.

Laporan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) 2001-2002.

Laporan Penyelaras PEWASA Daerah Sandakan 1985.

Laporan Penyelaras PEWASA Daerah Tawau 1993.

Laporan PEWASA Cawangan Taman Merpati, Sandakan 1986.

Laporan PEWASA Cawangan Taman Merpati, Sandakan 1987/88.

Laporan PEWASA Bahagian Pantai Barat 2 1991-1994.

Laporan Program Seminar Ketrampilan Wanita, Perkumpulan Perempuan Sabah, 2003

Laporan Tahunan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah, 1995.

Laporan Tahunan PEWASA Sempena Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang ke-5 pada 6-7 April 1985.

Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.9/1986 (CMD-505/140/5).

Perlembagaan Perkumpulan Perempuan Sabah.

Perlembagaan Perkumpulan Perempuan Sabah (Baru).

Perlembagaan dan Peraturan PEWASA

Perlembagaan SAWO.

Perlembagaan SWEPA.

Report on ACCW Sponsored Project, by Bibi Florina Abdullah, PEWASA Pusat.

Report of the President to the SWEPA Second AGM on 30/3/1996.

## **B. Rekod/Laporan Yang Diterbitkan**

Banci Penduduk Negeri Sabah 1960, Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Sabah, 1960.

Banci Penduduk Negeri Sabah 1970, Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Sabah, 1970.

Banci Penduduk Negeri Sabah 1980, Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Sabah, 1980.

Banci Penduduk Perumahan Malaysia 1991, Laporan Penduduk Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1995.

Buku Cenderamata Mesyuarat Agung Perwakilan PEWASA yang Keenam, 27-28 Jun 1987, di Kota Kinabalu,

Buku Tahunan Perangkaan Sabah 1996, Jabatan Perangkaan Sabah, Kota Kinabalu.

Colony of North Borneo Annual Report 1962, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Colony of North Borneo Education Department Annual Report for the Year 1950, by Perry.R.E Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Laporan Awal Kajian Status dan Tren Pembangunan Wanita di Sabah, Mei 2004, Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS).

Majalah PEWASA Cawangan Taman Merpati, Batu 7, Sandakan, 1988.

Perangkaan Penting Sabah 1989, Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sabah, Kota Kinabalu, 1989.

Rancangan Tindakan 1981-1985 (NACIWID 001/83), Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), Kuala Lumpur: Urusetia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri, 1983,

Sabah Annual Report, 1976, Kota Kinabalu: Jabatan Penerangan Sabah, 1976.

The Annual Summary Report of the Department of Education 1963, Jesselton Government Printing, Sabah Malaysia, 1964.

### C. Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat Agung PPS, 12 September 1974.

Minit Mesyuarat AJK Tertinggi PPS, 12 September 1974.

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Dwi Tahunan yang ke-10, PEWASA, 26 Januari 2002.

Minit Mesyuarat Bulanan Pertama PEWASA Cawangan Tawau, 22 November 1981.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi PEWASA yang Keenam, 6 Julai 1996.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat PEWASA Mengenai Lawatan ACWW Ke Kota Kinabalu, 17 September 1996.

Minit Mesyuarat ke-30 Jawatankuasa Pusat PPS(B), 21 Mei 2003.

Minit Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Ceramah Perayaan Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah, 21 Jun 1995.

Minutes of the Meeting of the Native Chiefs Advisory Council, Jun 1938, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Minutes of SWEPA Annual General Meeting, 30 Mac 1996, Hotel Hyatt, Kota Kinabalu.

#### **D. Surat-surat Persendirian**

Baharudin Ismail (Pengetua YS-ITM) kepada Y.A.B Tun Mustapha bin Datu Harun, 2 Oktober 1991.

Fong, Look Sui (Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Sabah) kepada Puan Norliah Abdul Jalil (Setiausaha PPS), 13 November 1981.

Hasnah Abdul Rahman (Setiausaha PPS) kepada Datin Rukayah Sakaran, 4 Julai 1975.

Hasnah Abdul Rahman (Setiausaha PPS) kepada Datin Rohani Read (Timbalan Yang Dipertua Kaum Ibu USNO), 14 Jun 1975.

Hasnah Abdul Rahman (Setiausaha PPS) kepada Datin Hajah Norizah Salleh (Kementerian Kerajaan Tempatan), 14 Jun 1975.

Hasnah Abdul Rahman (Setiausaha PPS) kepada Pengetua Maktab Perguruan Kent, Tuaran, 4 Julai 1975.

Jainisah Nurajim (Pengarah UHWS) kepada Presiden PEWASA, 28 Jun 1995.

Kamsiah Wahab (Setiausaha WI) Kepada Puan Zainon Suhaimi (AJK Penaja) PPS, 27 Mac 1967.

Rahma Mustapha (Yang Dipertua PPS) kepada Encik Omar Mohd.Hashim (Pengarah Pelajaran Sabah), 26 Februari 1975.

Syarikat Rahmat, Kota Kinabalu kepada Setiausaha PPS (surat tersebut tidak dinyatakan tarikh tetapi dicatatkan pada bulan Disember 1975).

Syed Kechik bin Syed Muhammad (Pengarah Yayasan Sabah) kepada Pengurus PPS, 27 November 1974.

#### **Sumber Sekunder**

##### **A. Buku**

Afshan Jafar, *Women NGO's in Pakistan*, United State of America: Palgrave MacMillan, 2011.

Antrobus, Peggy, *The Global Women's Movement Origins, Issues and Strategies*, London & New York: Zed Books, 2004.

Baszley Bee b. Basrah Bee, Sabihah Osman & Nordin Sakke, *Asas Kajian Persempadanan Negeri Sabah*, Siri Penerbitan Penyelidikan Sains Sosial No.6, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009.

Baterah Alias & Che Zarrina Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.

*Biografi Tokoh Wanita Malaysia*, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 2004.

Chan, K.C, Michael & Goh Peng Peng, 'Development in Health Services in Sabah 1963-1988', dalam Jeffrey Kitingan & Maximus J. Ongkili (Editor) *Sabah 25 Years Later 1963-1988*, Kota Kinabalu: Institute For Development Studies Sabah (IDS), 1989.

Cheah Boon Kheng, 'Di Belakang Tabir: Tinjauan Sejarah Tentang Peranan Wanita Melayu Dalam Politik Istana', dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok EE (penyelenggara) *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Dayu Sansalu, *Kadazandusun di Sabah Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Dayu Sansalu, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Sabah 1881-1981*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.

Dina Afrianty , *Women in Sharia Law in Northern Indonesia Local Women's NGO's and the Reform of Islamic Law in Aceh*, London & New York: Routhledge, 2015.

Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan pada Zaman Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2009.

Ho, Nancy,'Role of SWEPA in Women Entrepreneurship Development in Sabah' dalam Kertas Kerja Seminar *Women and Entrepreneur Development*, yang dianjurkan oleh Institute For Development Studies Sabah (IDS) pada 20-21 April 1998, di Resort Shangri-La Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

Jamilah Ariffin, 'Sejarah Pembangunan Malaysia dan Perubahan Wanita Dari Sudut Ekonomi dan Pendidikan', dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (Pnyt), *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.

Jamilah Ariffin, Tinjauan dan Rumusan dalam Jamilah Ariffin (Penyelaras), *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia Satu Kesinambungan*, Petaling Jaya: MPH Publishing Group Sdn.Bhd, 2010

Junainah Sulehan & Nor Azizan Idris, Masyarakat Peubahan dan Pembangunan (Bab 1) dalam Junainah Sulehan et. al (Penyunting), *Masyarakat Perubahan dan Pembangunan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005,

K. Bali, *Dari Tendong Ke Borneo*, Memoir Karyawan Tamu DBP Cawangan Sabah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, *The Progress of Malaysian Women since Independence 1957-2000*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, 2003.

Kilby, Patrick, *NGO's In India: The Challenges of Women's Empowerment and Accountability*, London & New York, 2010.

Lee Yong Leng, *Sabah, Satu Kajian Geografi Petempatan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Linda Rae Bennett and Lenore Mandeson, 'Introduction: gender inequality and technologies of violence' in Lenore Mandeson and Linda Bennett (Editor), *Violence Against Women in Asian Societies*, New York: Routhledge, 2003.

Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.

Mat Zin Mat Kib, 'Penyertaan dan Peranan Wanita dalam Pentadbiran Pembangunan di Sabah' dalam Azlizan Mat Enh dan Rohani Abdul Ghani (Editor) *Wanita dan Masyarakat*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2012.

Michael Emban, 'Bumiputera Sabah dan Cabaran Pembangunan Yang dihadapi Masa Kini', dalam Hassan Mat Nor (Editor), *Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan*, Kertas Kadangkala Bil.8, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.

Mohd. Nasir Hashim, 'Strategi Pembangunan untuk Melahirkan Penduduk yang Sihat', dalam Hairi Abdullah, et.al., *Integrasi Sabah*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

Mohd. Nor Long, *Perkembangan Pelajaran di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Mohd. Sarim Hj. Mustajab, 'Kegiatan Persuratan dan Persatuan Sosiobudaya di Sabah', dalam Mohd. Sarim Mustajab (Editor), *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2004.

Momsen, Janet Henshall, *Women and Development in the Third World*, London and New York: Routledge, 1991.

NCWO, *Dasar Wanita Negara: Rancangan Tindakan*, Kuala Lumpur: Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), 1991.

Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*, Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors Sdn. Bhd.1990.

Nik Safiah Karim, 'Women in Voluntary Association in Malaysia', dalam Jamilah Ariffin (Editor), *Readings on Women and Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Population Studies Unit, 1994.

Nik Safiah Karim & Makmor Tumin, Pertubuhan Bukan Kerajaan: Pembangunan dan Implikasi Bagi Pembangunan, dalam Jamilah Ariffin (Penyelaras), *Himpunan Makalah Wanita dan Pembangunan di Malaysia Satu Kesinambungan*, Petaling Jaya: MPH Publishing Group Sdn.Bhd, 2010

Noraini Abdullah, ‘Women’s Participation in the Political Development Process in Malaysia’, dalam Jamilah Ariffin (Editor), *Readings on Women and Development in Malaysia*, Kuala Lumpur: Population Studies Unit, 1994.

Noor Aziah Mohd. Awal, *Wanita Dan Undang-undang*, Petaling Jaya: International Law Book Services, 2006.

Nor Aini Haji Idris, *Wanita dan Pembangunan Ekonomi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.

Nor Aini Haji. Idris, ‘Wanita dalam Pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)’, dalam Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (Pnyt) *Wanita dan Pekerjaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

Ongkili, James.P, *Modernization in East Malaysia 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1972.

Pranab Panday, *Women’s Empowerment in South Asia: NGO Intervention And Agency Building in Bangladesh*, New York :Routhledge, 2016.

Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (Pnyt), *Wanita dan Pekerjaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

Ramzah Dambul, et.al., *Sabah Priority Issues Setting The Course For Change*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2010.

Rashidah Abdullah and Yut-Lin Wong, ‘Access to abortion services in Malaysia: A right-based approach’, in Andrea Whittaker (Editor), *Abortion in Asia*, New York: Berghahn Books, 2010.

Robiah Sidin, Pembangunan Pendidikan dan Wanita: Cabaran Perancangan, Syarahan Perdana UKM 1999/2000, Bangi: UKM, 2000.

Rosnah Ismail (Editor), *Wanita dan Pembangunan di Sabah Fasa II*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003

*Senarai Pertubuhan Badan-badan NGO Berdaftar Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, 1997.

Saidatul Nornis Hj. Mahali, ‘Wanita Peribumi Sabah: Satu Profil Sejarah dan Masa Depan’ dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (Pnyt), *Pemartabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.

Sharifah Zaleha Syed Hassan, ‘Mahkamah Anak Negeri dan Perlanjutan Undang-undang Adat di Sabah: Satu Interpretasi Sosiobudaya’ dalam Abdullah Hussein, et.al., *Tamadun Melayu Jilid Empat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Singh, D.S.Ranjit, *The Making of Sabah*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2000.

Singh, D.S Ranjit, *The Making of Sabah 1865-1941 The Dynamics of Indigenous Society*, (Third Edition), Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri, 2011.

Singh, D.S, Ranjit, ‘Evolusi Masyarakat Peribumi di Sabah 1865-1941: Dimensi Politik-Pentadbiran’, dalam Zulkannain Abdul Rahman, et.al., *Destar Pendeta*, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Kuala Lumpur:Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012.

Siti Aidah Hj.Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2007.

Tan Liok Ee, ‘Wanita dan Penulisan Sejarah: Batasan dan Potensi Perspektif Gender’, dalam Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee (Pynt), *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Tregonning, K.G, *A History of Modern Sabah*, Singapore: Universiti Malaya Press, 1965.

*Wanita Malaysia Membela Maruah*, Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2010.

*Women in Sabah: Needs, Concerns, Aspiration*, Kota Kinabalu: Sabah Women Action Resource Group, 1992.

Zainab Awang Ngah, *Studies on Women in Malaysia 1990-2004 An Overview and Bibliography*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.

## B. Makalah

Abdul Samad Hadi,’The Forgotten Contribution: Women and Rural Development in Sabah’ in a special issue of *Sojourn*, 1986, Volume 1.No.2, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Ahmat Adam, ‘The Genesis of Socio-Political Consciousness in Sabah’ dalam Piyanart Bunag et.al (eds) *Europe-Southeast Asia in the Comtemporary World: Mutual Images and Reflections 1940s-1960s*, Asia Europe Studies Series, Nomos Verlagsgessel-Schraft Baden-baden, volume 6, 2000.

Gunting, Richard S. & Rantau, Freddy, ‘Projek Usahamaju - From Action Research to Institutionalization :Problem in Prospects’, Kertas Kerja Regional Workshop on The Grameen Bank Approach to Poverty Alleviation: Experiences and Prospects in Asia. 25-28 August 1991, Perkasa Hotel Kundasang, Jointly organised by Institute For Development Studies Sabah (IDS) and Asian And Pacific Development Centre (Kuala Lumpur).

Jamilah Ariffin, ‘The New Knowledge Economy: Transforming Business and Leadership’, Prosiding ASEAN Women Leaders Convention, Organised by the Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) and ASEAN Business Forum (ABF), Singapore Marriott Hotel, 4-5 Jun 2001

Juhirin b. Kantis, ‘Trend Pembangunan Ekonomi Sabah dan Keadaan Ekonomi Masyarakat Bumiputera (1963-1970)’, Jurnal *JEBAT* 16, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

Kasim Hj. Mansur, Lim Fui Yee Beatrice dan Marysia Engkok, ‘Wanita Bumiputera Sektor Tidak Formal Berskala Kecil: Satu Tinjauan di Pekan Tamparuli, Tuaran, Sabah’ dalam Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1, Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak, 2006

Malike Bin Brahim, ‘Wanita Dalam Agenda Negara: Perspektif Dasar Awam di Malaysia’ Kertas Kerja Seminar Pembangunan Wanita anjuran Pusat Islam Universiti Utara Malaysia, di Pusat Konvensyen Universiti Utara Malaysia, 2 Julai 2001

Mariah Hj. Mahmud, ‘Jentera Dan Mekanisme Untuk Kemajuan Wanita’, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Khas Wanita 2000, anjuran bersama NACIWID dan HAWA, 17-18 Ogos 2000, di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Rantau, Freddy, ‘Strategi-strategi Ke Arah Memantapkan Prestasi Yayasan Usaha Maju’, dalam Isu-isu dan Strategi-strategi Dalam Pembangunan Yayasan Usaha Maju, Prosiding Persidangan Yayasan Usaha Maju yang diadakan di Keningau Sabah pada 2-5 Disember 1996.

Roseli Sindong, ‘Prestasi Yayasan Usaha Maju dari 1990-1995: Satu Penilaian’ dalam Isu-isu dan Strategi-strategi Dalam Pembangunan Yayasan Usaha Maju, Prosiding Persidangan Yayasan Usaha Maju yang diadakan di Keningau Sabah pada 2-5 Disember 1996.

Santiago, Irene, ‘Empowering Women-Leadership in Action’, Prosiding ASEAN Women Leaders Convention, Organised by the Asian Strategy & Leadership Institute (ASLI) and ASEAN Business Forum (ABF), Singapore Marriott Hotel, 4-5 Jun 2001.

Siti Aidah Hj Lukin, ‘Angkatan Gaya Baru (AGABA) 1957-1962: Satu Tinjauan Terhadap Penglibatan dan Sumbangan Wanita Dalam Kegiatan Persatuan Sosiobudaya di Sabah’, Prosiding National Seminar on Science Technology & Social Science, Kuantan, UiTM, Pahang, 2006.

Siti Aidah Hj. Lukin, ‘Perkumpulan Perempuan Sabah (1968-1976): Pelopor Kegiatan Persatuan Wanita di Sabah’, Buletin MPWS Jilid 19, Kota Kinabalu, Majlis Penasihat Hal Ehwal Wanita Sabah, 2007.

Siti Zaharah Sulaiman, ‘Perkembangan Perhubungan Wanita dan Sumbangannya Terhadap Penglibatan Wanita’, Prosiding Seminar Wanita Malaysia Masa Kini, 13-14 Mac 1979, Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **C. Surat Khabar**

*Borneo Mail* 29 April 1993  
*Daily Express*, 23 November 1963  
*Daily Express*, 2 Mac 1978  
*Daily Express* 17 April 1978  
*Daily Express*, 22 Julai 1978  
*Daily Express*, 27 Mei 1980  
*Daily Express*, 15 September 1985  
*Daily Express*, 7 Disember 1987  
*Daily Express*, 15 Oktober 2000  
*Daily Express*, 8 April 2002  
*Daily Express*, 5 April 2003  
*Kinabalu Sabah Times*, 12 November 1979  
*New Sabah Times*, 6 Mei 2003  
*North Borneo News & Sabah Times*, 25 Februari 1957  
*North Borneo News & Sabah Times*, 3 Februari 1962  
*Sabah Times*, 25 September 1963  
*Sabah Times*, 2 Oktober 1963  
*Sabah Times*, 27 Mei 1980  
*Sabah Times*, 30 September 1986  
*Sabah Times*, 11 November 1986  
*Sabah Times*, 22 Februari 1990  
*Sabah Times*, 28 April 1993  
*The North Borneo Herald*, 1 Oktober 1880  
*Utusan Borneo*, 28 Julai 1997.

### **D. Tesis, Disertasi dan Latihan Ilmiah**

Hamdan bin Aziz, ‘Parti Politik USNO & BERJAYA di Sabah, 1961-1996’, tesis Sarjana, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2005.

Mahani Musa, ‘Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940’, tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003.

Makmor Tumin, ‘NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia: Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)’, Tesis Ph.D, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Norliza Muhammad Baudi, ‘Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA): Sejarah dan Perkembangannya 1983-2001’, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001.

Normala Othman, ‘Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia Dengan Tumpuan Kepada Aktiviti Pusat Khidmat Wanita dan Pertiwi’, Latihan Ilmiah, Program Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Rohani Nordin, ‘Penyertaan Politik Wanita: Kajian Mengenai Sumbangan Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dalam Pembangunan’, Laporan Penyelidikan, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999.

Sukarziah Sulaiman, ‘Analisis Pertubuhan-pertubuhan Wanita di Malaysia (1976-1980): Satu Kajian ke atas 56 buah Pertubuhan Wanita Malaysia’, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982/83.

## **E. Temu bual**

Temu bual dengan Puan Anne Lasimbang, AJK SAWO pada 3 Disember 2015 di Penampang.

Temu bual dengan Puan April Susan Roland, Pegawai Yayasan Usaha Maju pada 14 Mac 2015 di Pejabat Yayasan Usaha Maju, Wisma Pertanian, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Jovinia Solibun, Mantan Presiden pertama PEWASA, pada 27 Februari 2012 di Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Hanaa Wong Abdullah, Presiden SWEPA pada 4 Julai 2013 di Pejabat SWEPA, Wisma Wanita Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Hanizah Abdullah, Presiden keempat PEWASA pada 23 Februari 2012 di Pejabat PEWASA, Beverly Hill, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Norliah Haji Jalil, Setiausaha PPS pada 14 Februari 2012 di Pejabat PPS, Sembulan, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Winnie Yee, Presiden SAWO pada 20 Disember 2012 di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Datin Malim Wahid, Bendahari PEWASA pada 23 Februari 2012 di Pejabat PEWASA, Beverly Hill, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Datin Zainon Suhaimi, Mantan Bendahari PPS dan Mantan AJK Wanita AGABA pada 16 Ogos 2007, di Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Dayang Salmah Salam, mantan AJK Wanita AGABA pada 14 Ogos 2007 di Sembulan, Kota Kinabalu

Temu bual dengan Puan Siti Jineh Jaimun, Pegawai Tadbir Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Unit Khidmat Nasihat dan Bimbingan) pada 4 Julai 2013, di Pusat Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Hal Ehwal Wanita, Wisma Wanita, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Noorbayah Hj. Musa, Ahli PEWASA Cawangan Sipitang, 6 Ogos 2017, di pekan Beaufort.

Temu bual dengan Puan Hajah Jamilah Hj. Olim, Ahli PEWASA Cawangan Beaufort, 5 Ogos 2017, di Kampung Lajau, Beaufort.

Temu bual dengan Puan Juriffah Saflie, Ahli PEWASA Cawangan Beaufort, 5 Ogos 2017, di pekan Beaufort.

Temu bual dengan Puan Agnes Fong, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Mary Chai, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Irene Yee, Ahli SAWO, 12 Ogos 2017, di Pejabat SAWO, Damai Point, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Hajah Mariah Hj. Takin, Ahli PEWASA Cawangan Likas, 13 Ogos 2017, di Kampung Likas, Kota Kinabalu.

Temu bual dengan Puan Norlina Ibrahim, Ahli PEWASA Cawangan Likas, 13 Ogos 2017, di Kampung Likas, Kota Kinabalu.